


LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT 2013

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



KANDUNGAN

CONTENT

PERUTUSAN FOREWORD

- 3-6 Menteri Pertahanan
Minister of Defence
- 7-10 Ketua Setiausaha
Secretary General
- 11-14 Panglima Angkatan Tentera
Chief of Armed Forces

MAKLUMAT KORPORAT CORPORATE INFORMATION

- 16-17 Carta Organisasi
Organization Chart
- 18 Maklumat Korporat
Corporate Information
- 19-24 Piagam Pelanggan
Client Charter

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA SECRETARY GENERAL SECTOR

- 25-32 Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Am
Internal Audit And Investigation Division
- 33-36 Bahagian Undang-Undang
Legal Division
- 37-42 Jabatan Ketua Hakim Peguam
Judge Advocate General's Department
- 43-50 Unit Komunikasi Korporat
Corporate Communications Unit
- 51-56 Urusetia Majlis Angkatan Tentera
Secretariat Armed Forces Council
- 57-64 Cawangan MinDef Sabah
MinDef Sabah Branch
- 65-70 Cawangan MinDef Sarawak
MinDef Sarawak Branch

SEKTOR PEMBANGUNAN DEVELOPMENT SECTOR

- 71-78 Bahagian Pembangunan
Development Division
- 79-82 Bahagian Perolehan
Procurement Division
- 83-94 Penguasa Katalog ATM
Malaysia Armed Forces Cataloging Authority (MAFCA)

SEKTOR DASAR POLICY SECTOR

- 95-110 Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
Policy And Strategic Planning Division
- 111-122 Bahagian Industri Pertahanan
Defence Industry Division
- 123-130 Depot Simpanan Pertahanan
Defence Reseved Depot

SEKTOR PENGURUSAN **MANAGEMENT SECTOR**

- 131-144 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource Management Division
- 145-156 Bahagian Pengurusan Maklumat
Information Management Division
- 157-168 Bahagian Akaun
Accounts Division
- 169-184 Bahagian Kewangan
Finance Division
- 185-194 Bahagian Pentadbiran
Administration Division

AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN **AGENCY UNDER MINISTRY**

- 195-214 Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan
Science & Technology Research Institute For Defence (STRIDE)
- 215-234 Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
National Service Training Department
- 235-248 Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
Malaysian Armed Forces Veterans Affairs Department
- 249-258 Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
Ex-Servicemen Affairs Corporation
- 259-268 Institut Pertahanan Dan Keselamatan Malaysia
Malaysian Institute of Defence And Security (MIDAS)

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA **MALAYSIA ARMED FORCES**

- 269-294 Markas Angkatan Tentera Malaysia
Malaysian Armed Forces Headquarter
- 295-310 Markas Tentera Darat
Malaysian Army
- 311-330 Markas Tentera Laut
Royal Malaysian Navy
- 331-348 Markas Tentera Udara
Royal Malaysian Air Forces
- 349-358 Markas Angkatan Bersama
Joint Task Army


KELAB DAN PERSATUAN BERDAFTAR **REGISTERED & ASSOCIATE CLUB**

- 359-366 Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
PUSPANITA
- 367-374 Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)
Ministry Of Defence Civil Servants' Club

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA**

PERUTUSAN
FOREWORD

Menteri Pertahanan
Minister of Defence



PERUTUSAN FOREWORD



YB. DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

Menteri Pertahanan Malaysia / *Minister of Defence*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Segala puji-pujian bagi Allah SWT dan dengan keiznannya, Kementerian Pertahanan berjaya mengharungi tahun 2013 dengan penuh kecemerlangan sejajar dengan visi kementerian sebagai sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia berteraskan Dasar Pertahanan Negara. Syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertahanan di atas segala usaha yang telah dicurahkan dalam menerbitkan Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan tahun 2013 bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang tugas dan pencapaian Kementerian Pertahanan sepanjang tahun.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera and Salam 1Malaysia.*

All praise is due to Allah, for the infinite mercy of Him, Ministry of Defence has successfully ended the year 2013 with excellence in line with the vision of this ministry as a competence worldwide standard defence organization based on National Defence Policy. Congratulations to Ministry of Defence personnel for all their efforts in publishing this 2013 Annual Report to give a clear vision about our duty and achievements throughout this year.





Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Kementerian Pertahanan antaranya melalui Penganjuran siri Karnival Kedaulatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Negara (4KN), Pelancaran Perakaunan Akruan, Program Karnival 1Mindef dan Hari Media Kementerian Pertahanan bersama Tentera Laut Diraja Malaysia. Dalam masa yang sama, Jabatan Hal Ehwal Veteran telah menganjurkan beberapa program bagi mengenang jasa veteran yang banyak berbakti kepada negara. Sesungguhnya tanpa mereka Malaysia tidak akan dapat mengecapi kemewahan dan kedamaian yang dirasai dan dikongsi oleh semua rakyat jelata.

Program pembangunan modal insan serta analisa strategik dan pertahanan yang dibuat melalui aktiviti-aktiviti ilmiah anjuran Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) seperti MiDAS talk siri 5 dan 6 yang menjemput tokoh-tokoh seperti Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat semasa kunjungan beliau ke Malaysia memberi cambahan idea kepada saya dan juga warga Kementerian Pertahanan.

A lot of initiative have been done by Ministry of Defence such as hosting the Sovereignty, Safety and Welfare State Carnival (4KN), launch of Accruals Account, 1Mindef Carnival and Ministry's Media Day with Royal Malaysian Navy. At the same time, Malaysian Armed Forces Veterans Departments has organized few programs to appreciate the veterans who have been serving the nation. Indeed, without them Malaysia will not be able to enjoy the luxury and peace that we had felt and shared as Malaysian.

Human capital development programs and defence strategic analysis has been done through scholar activities hosted by Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) such as MiDAS Talk Series 5th and 6th which attended by United States Defence Secretary in his visits to Malaysia has given some ideas to me and members of this Ministry.

Selain itu, bagi menjaga kepentingan strategik dan hubungan dua hala yang baik dengan negara-negara jiran, saya telah menghadiri Asean Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat dan 2nd ADMM-Plus Meeting di Brunei yang mana saya berpeluang bertemu dengan rakan sejawat bagi bertukar pendapat dan pandangan dalam isu-isu keselamatan semasa. Pendekatan yang sama turut diperluaskan melalui lawatan kerja ke China bagi mengeratkan hubungan dua hala dan mempertingkatkan kerjasama pertahanan dengan negara-negara berkenaan.

Melangkah ke tahun 2014, saya berazam untuk mengimbangi tumpuan kepada isi-isu keselamatan tradisional seperti tuntutan bertindih persempadanan maritim dan ruang udara dengan isu-isu keselamatan bukan tradisional seperti ancaman pengganas dan lanun, ancaman rentas sempadan dan keselamatan siber. Semoga dengan sokongan padu daripada warga Kementerian serta doa dan restu dari kepimpinan rakyat, tahun 2014 akan memberi kejayaan yang berlipat ganda dan negara kekal aman dan sejahtera di bawah perlindungan Allah SWT.

Selamat Maju Jaya,



YB. DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

Menteri Pertahanan Malaysia / *Minister of Defence*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

Furthermore, to keep the strategic interest and good bilateral relation with our neighbors, I have attended ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) Retreat and 2nd ADMM-Plus Meeting in Brunei which I get the opportunities to meet my colleagues and exchanging ideas and views on current security issues.

Starting year 2014, I am determined to stabilize my focus on traditional safety issues such as maritime and airspace delimitation of overlapping claims, and non - traditional issues such as pirates and terrorist threats, cross border threats and cyber security issues. I hope with all the support from ministry members and blessing from leaders, year 2014 will gain more achievements and our country will remain peace and prosper under the protection of Allah SWT.

Thank You and Good Luck.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA**

**PERUTUSAN
FOREWORD**

**Ketua Setiausaha
*Secretary General***

PERUTUSAN FOREWORD



Y.Bhg. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD

Ketua Setiausaha / *Secretary General*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terlebih dahulu, ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga kerja Kementerian Pertahanan yang telah bertungkus lumus menyiapkan Laporan Tahunan 2013 Kementerian Pertahanan. Penerbitan ini banyak membantu umum untuk mengetahui lebih lanjut tentang program-program, aktiviti serta pencapaian yang diperolehi oleh Kementerian Pertahanan sepanjang tahun 2013. Semoga dengan penerbitan Laporan Tahunan 2013 ini kita dapat mengekalkan segala kejayaan yang telah diperolehi dan menambahbaik segala kekurangan sepanjang tahun 2013.

Adalah menjadi matlamat Kementerian untuk memastikan warga Kementerian Pertahanan sentiasa menjadi warga yang berdisiplin tinggi dan berdaya saing sama ada untuk pencapaian diri mahupun organisasi. Maka, dengan matlamat tersebut, Kementerian telah menggandakan usaha dengan mengadakan pelbagai pembaharuan melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang mampu menambahbaik keperluan warga kementerian sejajar dengan hasrat dan matlamat kerajaan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

First and foremost, I would like to thank all Ministry of Defence (MinDef) employees who have been working hard to publish MinDef Annual Reports for year 2013. This report helps people to acknowledge about programs, activities and achievements that we gained in year 2013. I hope with the publication of this Annual Report, it will remain our achievements and improved any deficiency in the year 2013.

It has become goal of the Ministry to ensure that the MinDef has always been a highly disciplined and competitive staff either individually or through organization. So, through those goals, we have doubled the effort by hosting new programs and activities that could improve necessity of our staffs in line with government's intention and objectives.

Bagi mencetuskan serta menggilap bakat dan nilai kreatif di kalangan warga kerja Kementerian Pertahanan, pelbagai program inovasi serta kempen telah dilaksanakan oleh kementerian seperti Minggu ICT yang telah membawa pelbagai maklumat serta menyerlahkan bakat dan pengetahuan warga MinDef mengenai keperluan ICT. Selain itu, juga diadakan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan 2013 serta Majlis Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan pada tahun 2013 bagi menghargai anggota serta pekerja yang telah menyumbang kepada kemajuan dan inovasi dalam Kementerian Pertahanan.

Selain mengadakan program-program berbentuk inovasi, Kementerian turut menekankan kepentingan ruang kerja yang teratur dan selesa serta berkesan dengan menganjurkan program-program berkaitan pemantapan amalan 5S seperti Bengkel Pemantapan Amalan 5S. Selain itu, Kementerian berbangga kerana telah menjadi salah satu organisasi contoh dalam amalan 5S dan hal ini dibuktikan dengan lawatan yang dijalankan oleh organisasi luar seperti Universiti Teknologi Malaysia ke kementerian Pertahanan. Selain itu Lembaga Lebuhraya Malaysia juga turut menjalankan lawatan ke ZETRO pada 23 Mei 2013 yang lepas. Bagi memantapkan lagi amalan 5S, kempen secara menyeluruh di kalangan penjawat awam Kementerian Pertahanan diadakan melalui Majlis Perasmian Gotong-Royong Perdana 5S dan Pelancaran logo Go Green MinDef. Diharapkan kempen seperti ini mampu membawa kepada persekitaran yang lebih kondusif kepada ruang kerja warga Kementerian Pertahanan itu sendiri.

Program yang turut mendapat sambutan warga kerja awam Kementerian pertahanan antara lainnya ialah program bersempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan. Sambutan ini bertujuan untuk mendaulatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu dalam masa yang sama menyahut seruan kerajaan yang mengangkat kedaulatan Bahasa Melayu itu sendiri. Malah sambutan ini telah diterima baik oleh umum dan diharap dapat memperkasakan penguasaan Bahasa Melayu oleh warga kerja awam di Kementerian Pertahanan.

In order to create and polish our personnel creativities and talent, a lot of innovation programs and campaign has been hosted by Ministry of Defence such as 'Information and Communiation Technology (ICT) Week' which brings out both information and talentsand also the knowledge to our staffs about the need of ICT. Furthermore, we also hosting Ministry of Defence Innovation Day for Year 2013 and Ministry of Defence Innovation Award to appreciate personnel and staff who have contributed to the advancement and innovation in the MinDef.

Besides hosting the innovation programs, we also stressed on the importance of an organized work space, comfortable and efficient by organizing programs related to strengthening 5S practices such as 5S Enhancement Workshop. In addition, the Ministry is proud to have been one of the example, as an organization that practiced 5S and this can be proved by the visit conducted by an outside organization such as Universiti Teknologi Malaysia to Ministry of Defence. Other than that, Malaysian Highway Authority also has run a visit to ZETRO on May 23rd 2013. For further reinforcement of 5S practices, a comprehensive campaign among civil servants of MinDef by conducting Cleanliness Campaign and launching of MinDef Go Green logo. By conducting this campaign, it helps to create more conducive environment in work area of the MinDef itself.

Among the program that manage to catch the attention of MinDef employees are Month of National Language. The aims is to uphold and preserve the Malay language. In fact, the response has been received well by the MinDef staff and it is expected to strengthen Malay language by the employees in the Ministry of Defence.

Selain itu, bagi memantapkan hubungan antara Malaysia dan negara luar, kita telah menerima serta mengalu-alukan kedatangan lawatan oleh Ketua Setiausaha dan Pemimpin Kementerian Pertahanan oleh negara luar seperti lawatan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Rusia, His Excellency Mr. Mikhail Petukhov dan delegasi dari Kementerian Pertahanan Perancis, Lt General Stephane. Diharapkan hubungan antara negara ini akan terus terjalin melalui persefahaman yang telah dibina dan seterusnya mengukuhkan hubungan demokrasi antara Malaysia dan negara luar.

Akhir kata daripada saya, diharapkan segala usaha yang telah dijalankan oleh kementerian sepanjang tahun 2013 mampu memberikan kesan positif dalam membangunkan prasarana serta membawa kemajuan kepada negara secara amnya dan kepada Kementerian Pertahanan secara khususnya. Ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada warga kerja yang telah berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2013 dan diharap segala pencapaian yang telah dikecapi pada tahun 2013 menjadi inspirasi kepada kejayaan tahun-tahun seterusnya. Semoga Kementerian Pertahanan menjadi lebih cemerlang bagi tahun 2014.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



Y.Bhg. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD

Ketua Setiausaha / *Secretary General*
Kementerian Pertahanan Malaysia / *Ministry of Defence Malaysia*

No to mention, to strengthen the relations between Malaysia and other countries, we have accepted and welcome the visit by the Secretary General of MinDef and leaders of foreign countries, such as the visit by the Secretary General of the Ministry of Defence of Russia, His Excellency Mr. Mikhail Petukhov and the delegation from the French Ministry of Defence, Lt General Stephane. Hopefully, the relationship between the country will continue being uphold and the understanding that has been built will further strengthen the democracy ties between Malaysia and countries abroad.

Last but not least, I hope that all the work done by MinDef during the year 2013 will have positive impact in the development of infrastructure and will bring development to Malaysia and also MinDef. I would also like to congratulate the employees who have been publishing the Annual Report for the MinDef in 2013 and hopefully all the milestones achieved in 2013, will inspire the success of the subsequent years. Hopefully, MinDef will be giving excellent service for the coming year 2014.

Thank You, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA**

PERUTUSAN
FOREWORD

Panglima Angkatan Tentera Malaysia
Chief of Armed Forces

PERUTUSAN FOREWORD



JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

Panglima Angkatan Tentera / *Chief of Armed Forces*
Angkatan Tentera Malaysia / *Malaysia Armed Forces*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Bersama-samalah kita melafazkan syukur dan puji ke hadrat Allah Subhanahu Wataala serta salawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad S.A.W. Dengan berkat keizinan dan limpahan rahmat Ilahi jua, maka dapat kita mengecapi nikmat keamanan sepanjang tahun 2013. Sesungguhnya, nikmat keamanan yang kita kecapai, adalah keberhasilan sebuah Angkatan Tentera yang komited untuk sentiasa bersepadu dalam menghadapi sebarang cabaran dan ancaman terhadap kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara. Keupayaan Angkatan Tentera Malaysia yang konsisten dalam menangani pelbagai cabaran dengan berkesan telah benar-benar menambahkan keyakinan rakyat, pentadbir negara, serta rakan global terhadap keupayaan angkatan kita.

Perubahan landskap geo-strategik serantau dan juga global tidak sepi daripada cabaran yang harus ditangani dengan tahap ketentuan yang tinggi. Apa yang pasti ialah, tugas menjaga kedaulatan dan keselamatan negara akan tetap menjadi fokus utama pembangunan ATM. Dalam mencapai hasrat tersebut, ATM akan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang akan timbul.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.*

Together, let us express thanks and praise to Allah Almighty and the richest and blessings be upon our Prophet Muhammad Alaihiwassalam. With the permission and blessing of Divine Mercy whatsoever, then we can enjoy the fruit of peace throughout the year 2013. Indeed, the grace of peace and security, is the success of the Armed Forces who are committed to always come together in the face of challenges and threats to the sovereignty, security and prosperity of the country. MAF capabilities consistent in addressing the various challenges effectively has really increased the confidence of the people, the administrators of the country, as well as global partners in the ability of our forces.

The changing landscape of regional geo-strategic and global is not without challenges that must be addressed with a high degree of certainty. What is certain is that the task of maintaining the sovereignty and national security will remain a key focus of the development of MAF. To achieve the aim, the MAF will always be ready to face any eventuality that may arise.

Pencerobohan militan di Sabah pada bulan Februari 2013 yang lalu oleh pengganas-pengganas dari luar negara telah mencabar dan mengancam kedaulatan tanah air kita yang tercinta ini. Pendekatan perundingan oleh kerajaan untuk mengelakkan pertumpahan darah telah dipersia-siakan musuh. Kesabaran kita terus dicabar dengan pembunuhan anggota-anggota pasukan keselamatan kita. Justeru itu, sebagai responnya, dalam masa yang singkat ATM telah bertindak dengan penuh ketentuan dan dengan pengaturgerakan ketumbukan kuasa tempur yang belum pernah dilihat sebelum ini. Ini adalah hasil daripada pengekalapan tahap kesiagaan angkatan yang tinggi, kawalan dan pemerintahan yang efisien serta dengan semangat juang anggota ATM yang begitu jitu.

Penglibatan ATM dalam operasi ketenteraan selain daripada peperangan atau Military Operations Other Than War (MOOTW), khususnya dalam menentukan keselamatan kemanusiaan seperti Humanitarian Assistance And Disaster Relief, Operasi Membantu Keamanan (Peace Support Operations) serta Pembangunan Negara Bangsa bukan sahaja memerlukan perkakasan yang canggih tetapi sifat nilai kemanusiaan yang tinggi bagi menentukan kejayaannya. Oleh itu, setiap anggota ATM perlu mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan dan sikap (skill, knowledge and attitude) seiring dengan transformasi organisasi ini menjadi sebuah Angkatan Spektrum Penuh atau Full Spectrum Force bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

Pemodenan ATM akan terus dilaksanakan biarpun berdepan dengan beberapa kekangan. Pelaksanaan Rancangan Pembangunan Strategik ATM akan diteruskan dengan mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan. Jelasnya, pendekatan inovatif serta penyesuaian (adaptive) berupaya memaksimum dan mengoptimumkan peruntukan yang ada tanpa menghalang proses pemodenan.

Aggression militants in Sabah in February 2013 and by the terrorists from abroad have challenged and threatened the sovereignty of our beloved homeland is. The consultative approach by the government to avoid bloodshed has disperses to waste the enemy. Patience we continue to be challenged by killing members of the security forces. Therefore, as a response, in no time MAF has acted with full certainty and with move combat-hardened force that has never been seen before. This is a result of maintaining a high level of preparedness forces, command and control efficiency and morale of military personnel are very accurate.

ATM involvement in military operations other than war or Military Operations Other Than War (MOOTW), particularly in defining human security such as Humanitarian Assistance and Disaster Relief Operations Helps Peace (Peace Support Operations) and the United National Development requires not only sophisticated hardware but the nature high human values to determine its success. Therefore, every MAF need to enhance the skills, knowledge and attitude (skills, knowledge and attitude) in line with the organization's transformation into a Full Spectrum Force or Full Spectrum Force to meet the challenges of the future.

MAF modernization will continue to be implemented despite facing several constraints. Implementation of the Strategic Development Plan MAF will continue to take into account the government's financial capacity. Clearly, innovative approaches and adaptation (adaptive) able to maximize and optimize the existing provisions without hindering the process of modernization.

Walaupun ATM komited dalam menjayakan agenda pembangunan negara, namun fungsi utama ATM tidak akan sesekali diabaikan. Hakikatnya, ATM telah dapat menjalinkan kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, dan seterusnya memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat. Ini adalah selaras dengan Strategi Pertahanan Negara melalui konsep Pertahanan Menyeluruh ataupun HANRUH yang jelas menzahirkan bahawa pertahanan negara bukan semata-mata tanggungjawab ATM, tetapi adalah amanah dan tanggungjawab bagi setiap rakyat malaysia.

Sesungguhnya saya akan sentiasa menentukan ATM agar berupaya menempa kejayaan yang berterusan serta kekal relevan ke arah memartabatkan integriti pertahanan tanah air tercinta. Keupayaan bertindak sebagai Angkatan Spektrum Penuh akan meningkatkan lagi keupayaan cegah rintang. Namun begitu, saya akan sentiasa menentukan ATM tidak sekali-kali akan lalai dan terlalu asyik dengan kegemilangan lampau. Kita akan terus membangunkan keupayaan, memperkasakan imej dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap ATM. Tanpa sokongan penuh rakyat, kita tidak akan mampu melaksanakan amanah negara dengan jitu dan optimum.

Akhir kata, semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati segala usaha murni ATM dan mengurniakan kita dengan kecemerlangan, perlindungan dan kekuatan yang berterusan, Insya Allah.

“SENTIASA BERSEPADU”
“ALWAYS INTEGRATED”



JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

Panglima Angkatan Tentera / *Chief of Armed Forces*
Angkatan Tentera Malaysia / *Malaysia Armed Forces*

While MAF are committed to the success of the national development agenda, but the main function of MAF will never be ignored. In fact, the MAF has been able to work closely with government agencies to another, and next to the well-being of the people. This is in accordance with the National Defense Strategy through the concept of total defense or disclose HANRUH clear that national defense is not solely the responsibility of the MAF, but the trust and responsibility of every Malaysian.

Indeed, I will always determine the MAF to be able to forge continued success and relevance towards upholding the integrity of our beloved homeland defense. The ability to act as a Full Spectrum Force will enhance its counter-resistance. But I will always determine the MAF never will default and too preoccupied with past glories. We will continue to build capacity, enhance the image and increase public confidence in the MAF. Without the full support of the people, we will not be able to execute the trust accurately and optimally.

Finally, may Allah Subhanahu Wataala bless all noble MAF and grant us the recognition, protection and continued strength Insya Allah.


KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

MAKLUMAT KORPORAT
CORPORATE INFORMATION

Carta Organisasi
Organisation Chart


Maklumat Korporat
Corporate Information

Piagam Pelanggan
Client Charter



CARTA ORGANISASI ORGANISATION CHART

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA



TIMBALAN MENTERI
 DEPUTY DEFENCE MINISTER
Y.B. DATUK ABDUL RAHIM BAKRI

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
 LEGAL DIVISION
PN. ASLIZA BINTI ALI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 CORPORATE COMMUNICATION UNIT
TUAN HAJI JOHARI BIN MOHD

UNIT INTEGRITI
 INTEGRITY UNIT
DATO' HAJI JALIL BIN JAAFAR

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA
 CHIEF OF ARMED FORCES
**JENERAL TAN SRI DATO' SRI
 ZULKIFELI BIN MOHD ZIN**

INSTITUT PERTAHANAN DAN
 KESELAMATAN MALAYSIA
 MALYSIAN INSTITUTE AND DEFENCE
 SECURITY (MIDAS)
LT JEN DATO' PAHLAWAN DR. WILLIAM R.

INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN
 TEKNOLOGI (STRIDE)
 SCIENCE AND TECHNOLOGY RESEARCH
 INSTITUTE FOR DEFENCE (STRIDE)
DR. ROSLAN BIN ABDUL AZIZ

JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA
 NATIONAL SERVICE TRAINING DEPARTMENT
DATO' MOHD MED ASRI BIN YUSOF

JABATAN HAL EHWAL VETERAN
 MALYSIAN ARMED FORCES
 VETERANS AFFAIR DEPARTMENT
**MEJ JEN DATO' WIRA
 HAJI MOHD NOOR BIN HAJI DAUD**

JABATAN KETUA HAKIM PEGUAM
 DEPARTMENT OF THE CHIEF
 JUSTICE LAWYERS
EN. AMIR BIN NASRUDDIN

CAWANGAN MINDEF SABAH
 MINDEF SABAH BRANCH
EN. NOR AKMAL BIN ABDUL MANAP

CAWANGAN MINDEF SARAWAK
 MINDEF SARAWAK BRANCH
TUAN HAJI ZAKARIA BIN MUSTAPHA

PANGLIMA TENTERA DARAT
 CHIEF OF ARMY
**YM JEN DATUK RAJA MOHAMED AFFANDI
 BIN RAJA MOHAMED NOOR**

PANGLIMA TENTERA LAUT
 CHIEF OF NAVY
**LAKSAMANA TAN SRI
 ABDUL AZIZ BIN HAJI JAAFAR**

PANGLIMA TENTERA UDARA
 CHIEF OF AIR FORCE
JENERAL DATO' SRI ROSLAN BIN SAAD

KETUA STAF MARKAS ANGKATAN BERSAMA
 JOINT FORCE COMMANDER
**LT JEN DATO' ABU BAKAR
 BIN MOHD SAID TUDM**

KETUA PENGARAH PERISIKAN PERTAHANAN
 DIRECTOR GENERAL OF DEFENCE INTELLIGENCE
**LT JEN DATO' ABDUL HADI
 BIN HAJI HUSSIN**

KETUA STAF MARKAS ATM
 CHIEF OF STAFF OF THE ARMED
 FORCES HEAD QUARTERS
**LAKSAMANA MADYA DATO' NASARUDDIN
 BIN OTHMAN**

MAKLUMAT KORPORAT CORPORATE INFORMATION

KEMENTERIAN PERTAHANAN SEPINTAS LALU

Kementerian Pertahanan telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957 dan memulakan operasi rasminya di sebuah bangunan yang terletak di Brockman Road (sekarang Jalan Dato' Onn), Kuala Lumpur. Bangunan ini turut menempatkan pejabat Menteri Pertahanan yang pertama iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussien yang berkhidmat dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970.

Bangunan Kementerian Pertahanan yang pertama telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos bernilai RM122,000.00 dan telah dirasmikan oleh Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein pada 18 Mac 1960. Bangunan yang dibina di Jalan Padang Tembak ini juga menempatkan pejabat.

Kementerian Pertahanan diterajui oleh Menteri Pertahanan dan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri. Organisasi Kementerian Pertahanan pula mengandungi dua perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha manakala Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera.

Visi

Menjadi sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia berteraskan Dasar Pertahanan Negara.

Misi

Memastikan Pengurusan Pertahanan Negara sentiasa cemerlang dan kompetitif.

Objektif

Mengurus pertahanan negara secara cekap dan berkesan.

MINISTRY OF DEFENCE AT A GLANCE

Ministry of Defence was established on 31 August 1957 and officially began operations in a building located in Brockman Road (now Jalan Dato' Onn), Kuala Lumpur. This building also housed the office of the first Defence Minister, the late Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, who served from 31 August 1957 to 22 September 1970.

The first building of the Ministry of Defence was constructed by the Federal Government at a cost of RM122,000.00 and was officially opened by Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein on 18 March 1960. The building constructed in Jalan Padang Tembak also housed the Chiefs and Officers of the Malaysian Armed Forces of the three services.

The Ministry of Defence is led by the Minister of Defence and assisted by a Deputy Minister. The organization of the Ministry of Defence consists of two main services. First, is the Public Service which is headed by the Secretary General and the Malaysian Armed Forces (MAF) is headed by Chief of the Armed Forces.

Vision

To become a credible organisation based on world-class National Defence Policy.

Mission

To ensure an excellent and competitive National Defence Management.

Objective

Manage national defence efficiently and effectively.

PIAGAM PELANGGAN *CLIENT CHARTER*

MENGURUSKAN PERTAHANAN NEGARA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN SUPAYA KEPENTINGAN STRATEGIK, KEDAULATAN DAN KEUTUHAN NEGARA SENTIASA TERJAMIN

TO EFFICIENTLY AND EFFECTIVELY MANAGE THE NATION'S DEFENCE IN ENSURING THAT THE COUNTRY'S STRATEGIC INTEREST, SOVEREIGNTY AND INTEGRITY ARE ALWAYS UPHELD

PENGURUSAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK

POLICY MANAGEMENT

- 1.1 Menyediakan nota percakapan dan ikhtisar pertahanan untuk dimajukan ke Kementerian/ Agensi/ Organisasi Antarabangsa/ Organisasi Tempatan yang berkaitan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh permohonan lengkap diterima.
- 1.2 Memajukan draf nota bantahan diplomatik dalam tempoh dua (2) hari bekerja mulai tarikh penerimaan laporan yang lengkap kepada Kementerian Luar Negeri.
- 1.3 Memberi pandangan kepada Kementerian Luar Negeri mengenai permohonan untuk kelulusan diplomatik bagi pesawat-pesawat dan kapal-kapal tentera asing dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.
- 1.4 Jawapan kepada pertanyaan jawab lisan Parlimen disiapkan dan dimajukan ke Pejabat Menteri atau Timbalan Menteri selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum tarikh menjawab di Parlimen.

1.1 To prepare speaking notes and defence brief for Ministries/ Agencies/ International Organisations/ Local Organisations within 7 days upon receipt of formal request.

1.2 To submit draft of diplomatic protest notes within 2 working days upon receipt of the complete report to the Ministry of Foreign Affairs.

1.3 To provide views to the Ministry of Foreign Affairs concerning diplomatic clearance for foreign military ships and aircrafts within 2 working days upon receipt of a complete application.

1.4 To prepare and forward answers for oral Parliamentary questions to the Minister's or Deputy Minister's Office no later than 2 days prior to due date in Parliament.

PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTAHANAN (BIP)

DEVELOPMENT OF DEFENCE INDUSTRY

- 1.1 Menganjurkan sekurang-kurangnya 3 program setahun berkaitan industri pertahanan dan keselamatan seperti penyertaan pameran pertahanan tempatan dan antarabangsa, seminar serta bengkel industri.
- 1.2 Menyediakan surat kelulusan credit offset (credit claim) dalam tempoh 2 minggu setelah dokumen lengkap diterima dan diperakui oleh beneficiary.

1.1 To host at least 3 programmes related to the defence industry and security, such as the local and international defence industry exhibitions, seminars and workshops annually.

1.2 To issue credit offset approval letters within 2 weeks upon receipt of complete documents and certified by beneficiaries.

1.3 Mengkoordinasikan aktiviti / penyertaan syarikat industri pertahanan ke pameran pertahanan antarabangsa empat (4) bulan sebelum pameran berlangsung.

1.3 To coordinate the activities / participation of defence industry companies in international defence exhibitions 4 months prior to the commencement of exhibitions.

PENYELIDIKAN PERTAHANAN DAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL (STRIDE)

DEFENCE RESEARCH AND TECHNICAL SERVICES

1.1 Permohonan penyelidikan, penyiasatan dan kajian berkaitan teknologi pertahanan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan.

1.1 To conduct research, investigation and studies related to defence technology within a period of 3 months from the date of application.

1.2 Menyelesaikan pengujian dan mengeluarkan laporan dalam tempoh tidak melebihi:

1.2 To complete tests and issue reports within a period not exceeding:

i) 1 bulan dari tarikh permohonan untuk item bukan tender perolehan; dan

i) 1 month from the date of application for non – tender items; and

ii) 3 bulan dari tarikh permohonan untuk item tender perolehan.

ii) 3 months from the date of application for tender items.

1.3 Pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan

1.3 Endorsement of Defence Procurement Specification

i) Melaksanakan pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan dalam tempoh tidak melebihi 2 bulan dari tarikh permohonan untuk spesifikasi yang lengkap; dan

i) To screen and endorse Defence Procurement Specification within a period not exceeding 2 months from the date of application of complete specification.

ii) Mengeluarkan Sijil Spesifikasi Perolehan Pertahanan dalam tempoh tidak melebihi 3 hari.

ii) To issue Specification Endorsement Certificate within a period not exceeding 3 days.

PENGAUDITAN (BADSA)

AUDITING

1.1 Mengeluarkan Pemerhatian Audit terhadap Pengauditan Prestasi yang bebas dan seimbang dalam tempoh 30 hari selepas pengauditan selesai dilaksanakan.

1.1 To prepare an independent Audit Observation report towards the Audit Performance within 30 days of a completed audit.

1.2 Melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan secara manual pada tahun semasa berdasarkan pusingan 3 tahun sekali terhadap 106 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

1.2 To manually conduct Financial Management Audit in the current year based on a 3-year cycle towards 106 Responsibility Centres (RC).

1.3 Menyediakan dan mengemukakan Pemerhatian Audit bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan kepada Auditi dalam tempoh 20 hari bekerja dari tarikh pengauditan selesai dijalankan.

1.3 To prepare an Audit Observation report on Financial Management Audit to the Auditee within 20 working days of a completed audit.

1.4 Melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan secara On-Line terhadap sekurang-kurangnya 100 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

1.4 To conduct online Financial Management Audit based on the Accountability Index (AIMS) on at least 100 Responsibility Centres (RC).

PENGURUSAN ADUAN PELANGGAN (UKK)

CLIENT COMPLAINTS MANAGEMENT

1.1 Memperakui penerimaan aduan kepada pengadu dalam tempoh 24 jam selepas penerimaan aduan.

1.1 To acknowledge complaints received from complainants within 24 hours.

1.2 Memberikan maklumbalas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 15 hari berkerja dari tarikh penerimaan aduan.

1.2 To provide feedback regarding the status of the complaint, whether due action has been taken or the need for further investigation, within 15 working days from the date of receipt of the complaint.

MELAYANI DENGAN PENUH ILTIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN

COMMITTED TO SERVE THE NEEDS OF THE MALAYSIAN ARMED FORCES IN TERMS OF CAPABILITY DEVELOPMENT AND PREPAREDNESS

PENGURUSAN PEROLEHAN KELENGKAPAN DAN PERKHIDMATAN

PROCUREMENT (UTILITIES AND SERVICES) MANAGEMENT

1.1 Segala proses perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan Kementerian Pertahanan bermula dari tarikh ia dipersetujui oleh Jawatankuasa Penapisan Perolehan (JKPP) Kementerian Pertahanan sehingga Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa seperti berikut:

1.1 All procedures for the procurement of supplies and services for the Ministry of Defence, beginning from the approval of the Vetting Committee to the issuance of the Letter of Acceptance (LoA) shall be executed within the stipulated period as follows:

Bil	Kaedah Perolehan Procurement Method	Jenis Perolehan Procurement Type	Kaedah Penilaian Evaluation Method	Tempoh Masa (Hari Bekerja) Terms (Working Days)
	Sebut Harga Quotation	-	Harga Cost	55
			Harga dan Teknikal Cost And Technical	65 (tidak termasuk tempoh laporan dari STRIDE) (Exclusive of STRIDE reporting period)
	Tender Tender	Terbuka dan Terhad	Harga Cost	70
			Harga dan Teknikal Cost And Technical	80 (tidak termasuk tempoh laporan dari STRIDE) (Exclusive of STRIDE reporting period)
		Antarabangsa	Harga Cost	177
			Harga dan Teknikal Cost And Technical	267

1.2 Semua kontrak bekalan dan perkhidmatan akan diperbaharui dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum kontrak semasa tamat tertakluk kepada permohonan lengkap diterima dari pihak pengguna 6 bulan sebelum kontrak tamat.

1.2 All supplies and services contracts will be renewed within 14 working days before the expiry date of the current contract subject to receipt of complete application from the user 6 months before the contract expires.

1.3 Perolehan di bawah peruntukan 'Dasar Baharu' dan 'One-Off' akan diproses dalam tempoh tahun semasa tertakluk kepada penerimaan permohonan sebelum 31 Mac tahun semasa.

1.3 Procurements under 'Dasar Baharu' and 'One-Off' allocations will be processed within the current year subject to the receipt of applications before 31st March of the current year.

PENGURUSAN PROJEK INFRASTRUKTUR (PEMBANGUNAN)

INFRASTRUCTURE PROJECT MANAGEMENT

1.1 Proses pengurusan tender atau sebutharga bagi kontrak kerja daripada tarikh tender atau sebutharga ditutup sehingga tarikh Surat Setuju Terima (SST/LOA) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:

1.1 Tender or quotation process for contract works from the date of the tender or quotation is closed until the issuance of the Letter of Acceptance (SST/LO) shall be implemented within the stipulated period as follows: -

Bil. No.	Kaedah Perolehan Method	Tempoh Masa Duration
1.	Sebut Harga Quotation	60 hari 60 days
2.	Tender Tender	90 hari 90 days

1.2 Dokumen kontrak disediakan untuk ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran surat tawaran.

1.2 To prepare contract documents within 3 months from the date of the Letter of Acceptance.

MELAYANI DENGAN PENUH ILTIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KEWANGAN DAN ICT

COMMITTED TO SERVE THE NEEDS OF THE MALAYSIAN ARMED FORCES IN TERMS OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT, FINANCE AND ICT.

PENGURUSAN KEWANGAN

FINANCE MANAGEMENT

1.1 Semua program menerima Waran Peruntukan Am (WPA) dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh penerimaan waran daripada Perbendaharaan melalui Pegawai Pengawal.

1.1 To furnish all programmes with General Provision Warrant within 10 working days from the date of receipt from the Treasury.

1.2 Permohonan kelulusan kewangan diproses dan diputuskan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

1.2 Financial applications to be processed and decided upon within 5 working days upon receipt.

PENGURUSAN BAYARAN (AKAUN)

MANAGEMENT OF PAYMENTS

1.1 Memastikan semua bil bayaran dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil lengkap diterima.

1.1 To settle all bills within 14 days upon receipt of completed documents.

1.2 Memproses gaji penjawat awam dan menghantar maklumat gaji ke bank 3 hari bekerja sebelum tarikh gaji bagi memastikan pembayaran gaji dibuat kepada penjawat awam pada tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1.2 To process salaries of civilians and send the information to banks 3 working days before pay day so as to ensure that civilians are paid on the dates set by the Accountant General's Department of Malaysia.

1.3 Mengakaunkan terimaan dan mengeluarkan resit rasmi kepada pembayar dalam tempoh 1 hari bekerja.

1.3 To account for receipts and to issue official receipts within 1 working day.

1.4 Melakukan naziran ke atas semua PTJ eSPKB di Lembah Klang sekurang-kurangnya sekali setahun bagi setiap PTJ.

1.4 To carry out inspection on all eSPKB Responsibility Centres in the Klang Valley at least once a year.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

1.1 Cadangan penambahbaikan dan permohonan elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah persaraan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dikaji dan dipertimbangkan untuk dikemukakan ke Agensi Pusat dalam tempoh:

1.1 To review and consider proposals for improvement and application of allowances, benefits and terms of services as well as retirement benefits of the Malaysian Armed Forces (MAF) for submission to the Central agencies within:

i) dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh cadangan lengkap diterima bagi cadangan yang kompleks; dan

i) 21 working days from the date of receipt of a complete and complex proposal; and

ii) tujuh (7) hari bekerja dari tarikh cadangan lengkap diterima bagi cadangan yang tidak kompleks.

ii) 7 working days from the date of receipt of a Complete and non complex proposal.

1.2 Dokumen persaraan yang lengkap dikemukakan kepada JPA tidak lewat daripada empat (4) bulan sebelum tarikh persaraan.

1.3 Sesi intervensi kaunseling dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ICT (BPM)

1.1 Memastikan rangkaian dan sistem aplikasi mencapai tahap ketersediaan capaian tidak kurang 99% sepanjang tempoh waktu bekerja dalam operasi normal.

1.2 Menyelesaikan 100% insiden keselamatan ICT dalam tempoh 24 jam.

1.2 To submit duly completed retirement documents to the Public Service Department (PSD) no later than 4 months before the retirement date.

1.3 To carry out counselling intervention sessions within 7 working days upon receipt of the application.

ICT MANAGEMENT & DEVELOPMENT


1.1 To ensure the network and application system achieves at least 99% accessibility level during normal operation.

1.2 To fully resolve ICT security breach incidents within 24 hours.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL SECTOR

Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am
Internal Audit And Investigation Division



BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AM INTERNAL AUDIT AND INVESTIGATION DIVISION

RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

Rancangan Tahunan 2013 BADSA adalah merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan (Manual), Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online - *Accountability Index Monitoring System (AIMS)*, Pengauditan Prestasi/Kajian Audit, Penampilan Audit, Susulan Audit dan Siasatan Am. Garis Panduan Pengauditan Audit Dalam (GPPAD) dan Garis Panduan Audit Prestasi telah diguna pakai bagi melaksanakan pengauditan mengikut standard dan menghasilkan laporan yang berkualiti.

ANNUAL AUDIT PLAN

BADSA's Annual Audit Planning for 2013 comprise of Financial Management Audit, Online Financial Management Audit via Accountability Index Monitoring System (AIMS), Performance Audit, Audit Presence, Follow-up Audit and General Investigative. Garis Panduan Pengauditan Audit Dalam (GPPAD) and Garis Panduan Audit Prestasi have been adopted to perform the audit in accordance with the standards and produced quality reports.

RINGKASAN RANCANGAN DAN PENCAPAIAN AUDIT TAHUN 2013 SUMMARY OF ANNUAL PLAN AND AUDIT ACHIEVEMENT IN YEAR 2013

Bil. No.	Jenis Pengauditan Types Of Audit	2013	
		Rancangan Tahunan Annual Audit Plan	Pencapaian Sebenar Actual Performance
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan <i>Financial Management Audit</i>	30 PTJ 30 RCs	29 PTJ 29 RCs
2.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online (AIMS) <i>Online Financial Management Audit (AIMS)</i>	106 PTJ 106 RCs	106 PTJ 106 RCs
3.	Pengauditan Prestasi <i>Performance Audit</i>	15 Kajian 15 Reports	15 Kajian 15 Reports
4.	Penampilan Audit <i>Audit Presence</i>		
	i. Pejabat Penasihat Pertahanan (PPP) <i>Defence Attache Office (DAO)</i>	3 PPP 3 DAO	1 PPP 1 DAO
	ii. ICT <i>ICT</i>	2 PTJ 2 RCs	1 PTJ 1 RC
5.	Susulan Audit <i>Follow-up Audit</i>	5 Kajian 5 Topics	10 kajian 10 Topics
6	Siasatan Am <i>General Investigation</i>	8 Aduan* 8 Complaints*	7 Aduan*/1 Digugurkan 7 Complaints*/1 Drop

Nota: *Berdasarkan Bilangan Aduan Yang Diterima Tahun 2013
Note: *Based On Number Of Complaints Received In 2013

PENCAPAIAN KERJA

Pada tahun 2013, BADSA telah berjaya melaksanakan Rancangan Audit Tahunan hasil daripada komitmen dan kerjasama pasukan Audit berdasarkan kemahiran serta pengalaman pegawai audit yang terlibat. Jadual berikut menunjukkan maklumat Ringkasan Rancangan dan Pelaksanaan Audit bagi tahun 2013.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan adalah merupakan pendekatan audit untuk menjalankan penilaian kawalan dalaman di antara organisasi bertujuan bagi menunjukkan pematuhan terhadap peraturan serta pekeliling yang telah ditetapkan dan berkuatkuasa. Tumpuan diberikan terhadap enam (6) aspek kawalan dalaman iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan/Hasil, Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor.

Pada tahun 2013, BADSA telah merancang untuk mengaudit 30 Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan kementerian dapat mengekalkan pencapaian 4 Bintang dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Bagaimanapun BADSA telah mengaudit 29 PTJ.

ACHIEVEMENT

In year 2013, BADSA has successfully completed its Annual Audit Planning with full commitment and cooperation from Audit teams based on their skill and experience. Details as shown in Table below.

FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT

The Financial Management Audit is an audit approach to evaluate the internal control within any organisation whether the financial management is in accordance with relevant financial laws and regulations. It focuses on six (6) main controls in financial management namely management, budgetary, receipt, expenditure, management of trust funds and deposits as well as management of assets and stores.

BADSA has planned to conduct the Financial Management Audit at 30 Responsible Center (RCs) to ensure the Ministry maintain 4 stars in Financial Management Audit based on Accountability Index by Auditor General Department in 2013. However, BADSA had audited 29 RCs.



PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA ONLINE (AIMS)

AIMS berjaya menempa nama ke persada antarabangsa dengan merangkul johan CAPAM pada tahun 2012. Kesinambungan AIMS diteruskan pada tahun 2013 melibatkan 106 PTJ sebagaimana dirancang. Pelaksanaan AIMS telah dibuat pada bulan Ogos 2013 dan penyemakan AIMS dilaksanakan pada bulan September hingga November 2013. Hasil dari pemantauan tersebut, sebanyak 106 PTJ telah mendapat penarafan empat (4) bintang.

AIMS adalah kawalan dalaman yang berkesan di dalam pengurusan kewangan menggunakan pendekatan *self audit* bagi mewujudkan kesedaran, integriti dan akauntabiliti di kalangan auditi untuk mengamalkan tadbir urus yang baik. Jadual berikut adalah keputusan AIMS bagi tahun 2013:-

ONLINE FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT (AIMS)

AIMS managed to make its mark internationally with CAPAM, winning on 2012. Continuity AIMS sustainability continues in 2013 involving 106 RCs as planned. AIMS implementation was made in August 2013 and revision of AIMS implemented on September to November 2013. As a result of verification, all (106) RCs were awarded with four (4) stars.

AIMS is an effective internal control in financial management using online self assessment auditing approach to measure the level of RCs financial performance. AIMS create awareness, integrity and accountability among auditees to practice good governance. The results of AIMS in 2013 are stated below in Table:-



KOLOKIUUM PENGURUSAN KEWANGAN 2013 ANJURAN BADSA YANG DIADAKAN
DI WISMA KEMENTERIAN PERTAHANAN PADA 7 FEBRUARI 2013
FINANCIAL MANAGEMENT COLLOQUIUM FOR 2013 ORGANISED BY BADSA
AT WISMA KEMENTERIAN PERTAHANAN ON 7th FEBRUARY 2013

KEPUTUSAN AIMS BAGI TAHUN 2013
RESULT OF AIMS IN YEAR 2013

Bil No	Penarafan Bintang Star Rating	Peratusan (%) Percentage (%)	Prestasi PTJ RCs Performance	
			Sebelum Semakan Before Verification	Selepas Semakan After Verification
1.	★★★★★	95 - 100	98	106
2.	★★★★	85 - 94.99	7	0
3.	★★★	65 - 84.99	1	0
4.	★	0 - 64.99	0	0
	JUMLAH TOTAL		106	106



LAWATAN DARI AGENSI KERAJAAN BAGI MENDAPATKAN TAKLIMAT BERKAITAN SISTEM PENGAUDITAN PEGURUSAN KEWANGAN SECARA ONLINE (AIMS)
VISITS FROM GOVERNMENT AGENCIES TO GET BRIEFINGS ON ONLINE FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT (AIMS)

PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan Prestasi yang dilaksanakan adalah tertumpu kepada aktiviti/program di Kementerian. Pengauditan ini dijalankan bagi memastikan Kementerian dapat mengurus dan menggunakan sumber dengan cara yang cekap, jimat dan berkesan sejajar dengan usaha mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL SECTOR

Cawangan MinDef Sabah
MinDef of Sabah Branch



CAWANGAN MinDef SABAH *MinDef of SABAH BRANCH*

KEMENTAH CAWANGAN SABAH

1. Pengurusan sumber manusia

1.1 KEMENTAH Cawangan Sabah mempunyai 628 perjawatan kakitangan awam yang ditempatkan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

1.2 Pada tahun 2013, KEMENTAH Sabah telah melaksanakan kursus kompetensi sebanyak 13 siri dengan melibatkan seramai 628 kakitangan awam di Sabah dan WP Labuan.

2. Pengurusan Kewangan, Aset dan Logistik

2.1 KEMENTAH Cawangan Sabah bertindak sebagai sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Bayaran Baucer kepada PTJ-PTJ Kementah yang memusatkan bayarannya di Sabah.

2.2 Pada Tahun 2013, PTJ Kementah Cawangan Sabah menerima peruntukan sebanyak RM3,440,000.00 dan perbelanjaan sebanyak RM2,656,314.05 (77.21%). Manakala perbelanjaan keseluruhan WPK yang diterima dari PTJ-PTJ lain sebanyak RM 70,193,534.62 dan perbelanjaan sebanyak RM 71,762,646.46 (102.24 %) (Peruntukan bagi Gaji & Elaun tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga hujung tahun 2013). Prestasi perbelanjaan adalah seperti Jadual 1.

3. Terimaan Hasil dan Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP)

3.1 Terimaan Hasil dari jualan borang tender, jualan barang-barang pelupusan, bayaran sewa bangunan dan bayaran-bayaran balik adalah sebanyak RM 485,569.14

MINDEF SABAH BRANCH

1. Human Resource Managements.

1.1 MINDEF Sabah has 628 civilian located in Sabah and Federal Territory of Labuan

1.2 In 2013, it has successfully held 13 series of Intensive Competency Course involving 628 participations of civilian from Sabah and Federal Territory of Labuan.

2. Finance and Account Management, Assets and Logistic

2.1 Mindef Sabah Branch acts as core Payment Centre (PTJ) of whole payment centre which centralized the payment in Sabah.

2.2 On year 2013, budget received by PTJ Mindef in Sabah was RM3,440,000.00 and from that amount, 77.21% had been spent which amounted to RM2,656,314.05. While total expenditure that received from other PTJ is RM70,193,534.62. From that amount RM71,762,646.46 (102.24%) (Budget for salary / allowance not enough till end of the year 2013) has been spent. Performance of expenditure as in Table 1.

3. Revenue and Deposit of Exercise Warrantly

3.1 Revenue from sales of tender, disposal items, payment of rental and prepaid are amounted to RM485,569.14

3.2 Jumlah bayaran balik WJP kepada pendeposit adalah sebanyak RM272,347.95. Manakala, jumlah WJP yang tidak dituntut dikreditkan ke hasil adalah sebanyak RM338,715.21

3.2 Total of the re-payment from the depositor are RM272,347.95 while the amount not claimed and transfered to Hasil are RM RM338,715.21

3.3 Baki WJP yang masih dalam pegangan PTJ Kementah Cawangan Sabah berjumlah RM110,125.91 (satu pendeposit)

3.3 Balance still in the account of Mindef Sabah Branch is RM RM110,125.91 (one depositor)

Perkara Title	Peruntukan Allocations (RM)	Perbelanjaan Spending (RM)	%
Tuntutan Claim	597,000.00	533,992.31	89.45
Bil-bil Pejabat Office bills	674,000.00	595,624.03	88.37
Sewaan Rentals	2,470,510.00	1,962,902.44	79.45
Senggaraan Maintenances	386,810.00	369,756.05	95.59
Rangsum ATM MAF Rations	15,279,679.00	15,249,337.84	99.80
Gaji/Elaun Salary/Allowances	7,537,201.00	10,040,694.18	133.22
Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Yg Dibeli Other services	307,400.00	281,919.72	91.71
JLKN National Service Department	24,571,398.62	24,543,740.99	99.89
Harta Modal Asset	10,000.00	10,000.00	100
Utiliti Utility	18,359,536.00	18,174,678.90	98.99
JUMLAH	70,193,534.62	71,762,646.46	102

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan KEMENTAH Cawangan Sabah
Table 1: Expenditure Performance of MINDEF Sabah

4. Pemeriksaan dan Pelupusan aset

4. Inspection and Disposal on Asset

4.1 Lembaga Pemeriksaan Pasukan (LPP) telah bersidang sebanyak 34 kali dengan nilai aset yang dilupuskan sebanyak RM 2,406,436.13 manakala Lembaga Pemeriksaan Am telah bersidang sebanyak 9 kali dan aset dilupuskan bernilai RM 3,974,028.00

4.1 Board of Team Inspections (LPP) met 34 times with value of assets disposed are RM 2,406,436.13 whereby General Inspection Board (LPA) met for 9 times. (LPP) and with value of assets disposed RM 3,974,028.00.

5. Pemantauan projek-projek pembangunan dan pengurusan tanah di Sabah

5.1 KEMENTAH Cawangan Sabah dipertanggungjawabkan memantau dan menyelaraskan pelaksanaan projek Kementerian di Sabah dan W.P Labuan serta isu-isu yang berkaitan tanah. KEMENTAH Cawangan Sabah akan membantu Bahagian Pembangunan KEMENTAH dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan projek serta agensi-agensi negeri.

5.2 Projek terlibat ialah seperti berikut:-

- i. Projek Pembangunan KD SRI SANDAKAN Fasa III di Sandakan.
- ii. Projek Perumahan Tentera Darat di Sandakan.
- iii. Projek pembinaan Kem 7 RAMD di Kem Kubota, Tawau.
- iv. Projek Pemulihan dan Peningkatan Kem Tentera Darat di Kem Lok Kawi (ARMY CARE).
- v. Cadangan membina dan menyiapkan Projek Pusat Pemulihan dan Pemasarakatan di Kem Paradise, Kota Belud.

5.3 Kementah Cawangan Sabah turut membantu memantau serta menguruskan isu-isu berkaitan tanah yang melibatkan Kementerian Pertahanan seperti Isu Pewartaan Zon Keselamatan Pangkalan TLDM, Teluk Sepanggar



Majlis Perhimpunan Staf MinDef Sabah

5. Supervision of Development Projects and Land Management in Sabah

5.1 Ministry of Defence Sabah Branch has been responsible to monitoring and coordinate the implementation of Ministry's project in Sabah and Federal territory of Labuan and any land issues. This branch also help Development Department in solving project and state agencies issues.

5.2 Those projects are as follows:-

- i. KD SRI Sandakan development Project Phase III in Sandakan.
- ii. Army housing project in Sandakan
- iii. 7 RMR camp developments in Kem Kubota, Tawau.
- iv. Army Camp Restoration and Enhancement Project at Lok Kawi Camp (ARMY CARE).
- v. Proposal for development dan completion of Correctional Rehabilitation Centre at Paradise Camp, Kota Belud.

5.3 This branch also assist to supervise and manage land issues involving Ministry of Defence such as security gazette and security zone issues on RMN Base, Sepangar Bay.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Jasamu Dikenang 2013

6. Pentadbiran dan perhubungan awam

6.1 Sebagai sebuah cawangan Kementerian Persekutuan di peringkat negeri, KEMENTAH Cawangan Sabah sering terlibat dengan pelbagai aktiviti anjuran Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Kerajaan Negeri, Markas serta Formasi ATM. Antara aktiviti / mesyuarat tersebut adalah seperti:-

- i. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Negeri Sabah
- ii. Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan Negeri Sabah
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Sabah

7. Lain-lain aktiviti

- 7.1 Program 5'S – gotong royong bulanan
- 7.2 Sambutan Hari Raya Aidilfitri
- 7.3 Malam Mesra KEMENTAH Sabah
- 7.4 Pertandingan Futsal anjuran KAKEP Sabah
- 7.5 Perhimpunan Penjawat Awam peringkat KEMENTAH Sabah
- 7.6 Ceramah Agama
- 7.7 Malam Media Mindef Sabah 2013
- 7.8 Program Bulanan-Senamrobik
- 7.9 Majlis APC dan Penganugerahan Pingat Jasamu dikenang

8. Pencapaian

- 8.1 Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2008 pada 15 Januari 2011
- 8.2 Persijilan 5'S kali ke-tiga (MAMPU).
- 8.3 Mendapat 4 Bintang dalam pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti-AIMS bagi tahun 2013.

6. Administration and Public Relation

As a branch of federal ministry department in Sabah, MinDef Sabah were actively participating in various activities organised by Federal Secretary (SABAH), Development Department of Sabah, State Government and Army's Quarters and Formation. Activities that has been held such as:-

- i. Head of Department/ Statutory Corporation Federal State of Sabah Meeting*
- ii. Meeting of State Development Projects Coordination.*
- iii. Meeting of Sabah Federal Land Monitoring Committee.*

7. Other Activities

- 7.1 5'S communal work monthly programme*
- 7.2 Eid al-Fitr Celebration*
- 7.3 "Malam Mesra" MINDEF Sabah*
- 7.4 KAKEP's Futsal tournament*
- 7.5 MinDef Sabah Civilian Staff Gathering*
- 7.6 Religious Talk*
- 7.7 Media Night 2013*
- 7.8 Monthly Programme-Aerobic*
- 7.9 APC Ceremony and Best Employee Awards*

8. Achievement

- 8.1 MS ISO 9001:2008 awarded on 15 January 2011*
- 8.2 3rd Re-certificated for 5 'S programme - by MAMPU*
- 8.3 Obtain 4 Star for Finance Management Auditing base on AIMS Index 2013*



Penyerahan kunci rumah program NBOS-7 oleh Menteri Pertahanan



Berbuka bersama Menteri Pertahanan



Berbuka bersama Menteri Pertahanan



Perhimpunan bulanan MinDef Sabah Bil. 4



Mesyuarat Kewangan dan Pengurusan MinDef Sabah



Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan ke ESSCOM



Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan ke Pejabat MinDef Sabah



Majlis Malam Media MinDef Sabah



Majlis Malam Media MinDef Sabah



Sambutan Hari Raya MinDef Sabah



Lawatan KSU ke Projek Army Care



Mesyuarat Koordinasi Cawangan Berek Sabah at Dewan Kakep



Audit 5S



Bengkel Pengurusan Perkhidmatan Tataterib MinDef Sabah




Maulidul Rasul MinDef Sabah

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL SECTOR

Cawangan MinDef Sarawak
MinDef of Sarawak Branch



CAWANGAN MinDef SARAWAK *MinDef of SARAWAK BRANCH*

PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK

Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Bil 1/2013 pada 22 Julai 2013 yang diadakan di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak. Perhimpunan yang diadakan adalah sebagai saluran untuk berinteraksi sesama warga Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak di sekitar unit-unit di kawasan Kuching di samping memberi peluang kepada staf-staf awam mendapat maklumat terkini berkenaan isu-isu yang di sampaikan menerusi amanat Pengarah Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak, Haji Zakaria bin Mustapha.

PEMANTAUAN RANGSUM SEKITAR ZON SARAWAK

Sepanjang tahun 2013, Unit Ransum Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah membuat pemantauan ransum di beberapa kawasan iaitu di 13 RAMD di Sri Aman, 9 Platun Bekalan dan 3 Rejimen Renjer DiRaja (3 RRD) di Sibul, 20 RAMD di Miri dan Kem Sri Limbang di Limbang. Beberapa tindakan penambahbaikan telah dilakukan oleh unit ini hasil daripada penemuan dalam pemantauan tersebut.

AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK TAHUN 2013

Sepanjang tahun 2013, Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak juga terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam beberapa aktiviti sama ada melibatkan Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri Sarawak di samping aktiviti-aktiviti dalaman di seluruh negeri Sarawak.

MONTHLY GATHERINGS MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA SARAWAK BRANCH

The Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch held monthly assemblies No. 1/2013 on July 22, 2013, held at the Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam The Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch. Assembly is held as a means to interact with each other in the Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch around the units in Kuching as well as provide an opportunity for civilian get the latest information on related issues from message delivered by Director of the Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch, Haji Zakaria bin Mustapha.

RATION MONITORING IN SARAWAK

During the year 2013, the Ration Unit Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch monitoring rations in some areas, at 13 RAMD in Sri Aman, 9 Platoon and 3 Supply Regiment Royal (3 RRD) in Sibul, 20 RAMD in Miri and Limbang Limbang Sri Camp. Some improvements has been taken resulting from this monitoring findings.

MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA SARAWAK BRANCH ACTIVITIES IN 2013

During 2013, the Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch is also involved directly and indirectly in many activities involving either the Federal Government or the State Government as well as indoor activities throughout the State of Sarawak.



Perhimpunan Bulanan Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak Bil. 1/2013 pada di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak pada 22 Julai 2013.

Monthly Gathering Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch No. 1/2013 on Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak on July 22, 2013



Tinjauan dan pemantauan Unit Ransum Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak di beberapa kawasan tanggungjawab.

Review and monitoring of Ration Unit Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch in several areas of responsibility.



Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani di Wisma Bapa, Kuching pada 22 Julai 2013.

General Secretary of Ministry of Defence of Malaysia, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad visit to the Sarawak State Secretary, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani at Wisma Bapa on July 22, 2013.



Majlis Sambutan Hari Gawai Dayak Tahun 2013 yang telah di adakan di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak pada 13 Jun 2013.
Gawai Dayak Celebration of the Year 2013 was held at the Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak on June 13, 2013.

KELAB KAKITANGAN AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN (KAKEP) SARAWAK 2013

Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2013 seperti Majlis Sambutan Hari Gawai Dayak pada 13 Jun 2013 yang telah diadakan di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak. Selain itu, Majlis Ramah Tamah Aidilfitri juga turut diadakan pada 30 Ogos 2013 di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak.

CIVILIAN STAFF CLUB MINISTRY OF DEFENCE (KAKEP) SARAWAK 2013

Civilian Staff Club Malaysia Ministry of Defence Sarawak Branch has organized many activities for the year 2013 as Gawai Dayak Celebration on June 13, 2013 which was held at the Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak. The Welcoming Session Welcoming Eid also held on 30 August 2013 in Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak.



Majlis Ramah Tamah Aidilfitri bersama warga Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak.
Eid Mubarak Companionable Ceremony with the staff of Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch was held on 30 August 2013 at Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak.



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak pada 25 Februari 2013.

Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch Excellent Service and Jasamu Di Kenang Award executed by the Deputy Minister of Malaysia, Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad at Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak on February 25, 2013.



LAPORAN LATIHAN

Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak sentiasa komited dalam melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan serta mewujudkan suasana kerja yang kondusif bagi semua pegawai dan kakitangan. Pada tahun 2013, peratus kehadiran kakitangan awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak adalah 100%, yang terdiri daripada 752 orang kakitangan telah menghadiri latihan sama ada anjuran agensi Kerajaan atau Swasta adalah melebihi tujuh (7) hari berkursus seperti yang telah ditetapkan selaras dengan pematuhan arahan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2005 dan Pekeliling Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Bil. 2/2008.

TRAINING REPORT

The Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch is committed to implementing improvement efforts and to create a conducive working atmosphere for all officers and staff. In 2013, the percentage of the presence of the Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch civil servants is 100%, which consists of 752 staff attended training organized by either government or private agencies are more than seven (7) days of the courses as prescribed in compliance with Circular instructions No. 6/2005 and Circular Division of Human Resource Management (BPSM) No. 2/2008.



Majlis Mento-Mentee bersama Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan Malaysia (BPSM) YBhg Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah di Dewan Kelulut, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak pada 25 Februari 2013.

Mento-Mentee Council with the Secretary of Human Resources Management Division, Ministry of Defence Malaysia (BPSM) Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah at Kelulut Hall, Kompleks Perumahan Awam Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak on February 25, 2013.



Penganugerahan Sijil Naziran Bersih Tahun 2013 daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak.

Award for Year 2013 Clean Inspection Certificate by Accountant General's Department of Malaysia, Sarawak.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak juga telah dianugerahkan Sijil Naziran Bersih Tahun 2013 daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak. Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak merupakan jabatan yang menguruskan kewangan di tahap yang cemerlang dan secara keseluruhannya mematuhi Panduan Pengguna eSPKB dan peraturan yang berkuat kuasa.

PENUTUP

Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak sentiasa komited dalam melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan serta mewujudkan suasana kerja yang kondusif bagi semua pegawai dan kakitangan. Kejayaan mencapai tahap cemerlang yang diperolehi pada tahun 2013 adalah hasil daripada usaha, kesungguhan serta kerjasama yang diberikan oleh semua warga Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak. Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak akan memberikan perkhidmatan dan prestasi yang sempurna sebagaimana yang disasarkan bagi tahun 2014.

RECOGNITION AND APPRECIATION

Ministry of Defense Malaysia Sarawak Branch was awarded the Certificate of Clean Inspection for Year 2013 by Accountant General's Department of Malaysia Sarawak Finance Department. Ministry of Defense Malaysia Sarawak Branch excellently able to manage overall financial comply with the Guide of eSPKB and regulations.

CLOSING

The Ministry of Defense Malaysia Sarawak Branch is committed to implementing improvement efforts and to create a conducive working atmosphere for all officers and staff. Successfully achieved an excellence level for the year 2013 is the result from efforts, dedication and cooperation extended by all the staff of Ministry of Defence Malaysia Sarawak Branch. The Ministry of Defense Malaysia Sarawak Branch will provide the perfect service and performance as well as the target for year 2014.



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PEMBANGUNAN

DEVELOPMENT SECTOR

Bahagian Pembangunan
Development Division

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DEVELOPMENT DIVISION

PENDAHULUAN

Bahagian Pembangunan yang dahulunya dikenali sebagai Cawangan Pembangunan telah ditubuhkan di Kementerian Pertahanan pada 1 Mac 1978 dan diletakkan di bawah kelolaan Bahagian Kewangan.

Selaras dengan perkembangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Cawangan Pembangunan Kementerian telah dinaik taraf daripada Cawangan Pembangunan kepada Bahagian Pembangunan.

OBJEKTIF

Objektif utama Bahagian Pembangunan adalah untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan warga awam.

FUNGSI

Fungsi Bahagian Pembangunan adalah seperti berikut:-

- Menyediakan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kementerian Pertahanan dan Agensi-agensi dibawahnya;
- Menyediakan Anggaran Belanjawan Pembangunan;
- Mengurus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek yang diluluskan supaya selaras dengan skop serta mengikut jadual.

BACKGROUND/ INTRODUCTION

Development Division, formerly known as Development Branch was established in the Ministry of Defence on 1 March 1978 and placed under the Finance Division.

In line with the expansion and development of the Malaysian Armed Forces (MAF), Development Branch, Ministry of Defence had changed its status to Development Division.

OBJECTIVES

The main objective of Development Division is to plan, coordinate and monitor the implementation of development projects for Malaysian Armed Forces (MAF) and for the civilians.

FUNCTION

Our Function is as follows:

- *Providing Five Year Development Plan for Ministry of Defence and agencies under it;*
- *Provide Development Budget;*
- *Manage, coordinate and monitor the implementation of approved projects to be executed according to the scopes and completed within specified time frame/schedule.*

BELANJA PEMBANGUNAN (DE)

Peruntukan Belanja Pembangunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2013 adalah sebanyak **RM3,280,807,300.00**. Dari segi prestasi perbelanjaan, Kementerian telah membelanjakan sebanyak **RM3,280,770,975.15** iaitu, **100%**.


Agihan Peruntukan Belanja Pembangunan bagi Infra dan Kelengkapan tahun 2013 adalah seperti di Carta 1.

DEVELOPMENT EXPENDITURE (DE)

*Development Expenditure allocation for Ministry of Defence for the year 2013 was **RM3,280,807,300.00**. In term of budget performance, the Ministry has spent a total of **RM3,280,770,975.15** which is **100%**.*

Total Development Expenditure Allocation for Infrastructure and Purchasing of Equipment in 2013 is shown in Chart 1.

PERUNTUKAN KESELURUHAN = RM 3,280,807,300.00
TOTAL ALLOCATION: RM 3,280,807,300.00



Carta 1 : Agihan Peruntukan Belanja Pembangunan (DE) Bagi Infra dan Kelengkapan Tahun 2013
Chart 1 : Development Expenditure (DE) Allocation for Infra and Equipment Year 2013

PRESTASI BELANJA PEMBANGUNAN (DE) (INFRA DAN KELENGKAPAN)

Jumlah peruntukan Belanja Pembangunan (DE) bagi tahun 2013 ialah sebanyak **RM3,280,807,300.00** dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM3,280,770,975.15** telah dibelanjakan dengan pencapaian **100%**. Butir perbelanjaan bagi projek infra dan kelengkapan masing-masing adalah **RM140,041,127.92 (99.95%)** dan **RM3,140,729,847.23 (99.99%)**.

Bagi Projek Perumahan, terdapat peruntukan yang dibiayai menggunakan peruntukan dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi penutupan akaun Projek Perumahan ATM di Lembah Kelang yang meliputi 9 pakej. Peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak **RM157,087,359.00** dan daripada jumlah tersebut, sejumlah **RM136,948,863.79** ataupun **87.18%** telah dibelanjakan bagi tahun 2013.

Jumlah keseluruhan peruntukan di bawah RMKe-10 sehingga tahun 2013, adalah sebanyak **RM9,342,366,940.00** dan sehingga **31 Disember 2013**, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan **RM9,327,214,503.28** atau **99.84%** dari peruntukan yang disediakan.

PROJEK JIWA MURNI

Disamping pembiayaan melalui peruntukan Belanja Pembangunan, Kementerian juga terlibat dalam pembangunan sosio ekonomi tempatan melalui projek-projek National Blue Ocean Strategy (NBOS) dan Projek Jiwa Murni.

DEVELOPMENT EXPENDITURE (DE) PERFORMANCE (INFRA AND PURCHASING OF EQUIPMENT)

*Total allocation for Development Expenditure (DE) for the year 2013 was **RM3,280,807,300.00** and of the total, amounting to **RM3,280,770,975.15** was spent with the achievement of **100%**. Details of expenditure for infrastructure projects and their equipment is **RM140,041,127.92 (99.95%)** and **RM3,140,729,847.23 (99.99%)**.*

*For Housing Project, there are provisions funded under Prime Minister's Office (PMO) for closing accounts at ATM Housing Project in Klang covering 9 packages. Provision of outsourced is **RM157,087,359.00** and of that amount, a sum of **RM136,948,863.79** or **87.18%** was spent for the year 2013.*

*Total allocation under the Tenth Plan period up to 2013, is **RM9,342,366,940.00** and until **31 December 2013**, Ministry of Defence has spent a total of **RM9,327,214,503.28** or **99.84%**.*

JIWA MURNI PROJECT

Besides financing through the Development Expenditure allocation, Ministry also involved in the development of the local social economics through the National Blue Ocean Strategy (NBOS) and Jiwa Murni projects.

Inisiatif pelaksanaan Projek Jiwa Murni telah bermula pada tahun 2011 dengan pelaksanaan projek di luar bandar seperti menaiktaraf jalan dan jambatan dari Long Lopeng ke Ba'kelalan di Sarawak. Projek ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh dua (2) tahun sebagaimana dijadualkan. Bagi tahun 2013, satu projek pembinaan jalan di negeri Sarawak dan satu projek pembinaan tiga buah jambatan di Pahang telah berjaya dilaksanakan. Projek Jiwa Murni yang siap pada tahun 2013 adalah seperti Jadual 1.

The initiative on implementing the Jiwa Murni Project had begun in year 2011 with the implementation of projects such as the upgrading of rural roads and bridges from Long Lopeng to Ba'kelalan in Sarawak. This project was completed in a period of 2 years as scheduled. In 2013, one road construction projects in Sarawak and a project of the construction of three bridges in Pahang have been successfully implemented. Jiwa Murni Project completed in 2013 are shown in Table 1.

PERUNTUKAN KHAS (KKLW – JIWA MURNI)

Projek Jiwa Murni yang siap pada tahun 2013 adalah seperti Jadual 1.

SPECIAL PROVISIONS (KKLW – JIWA MURNI)

Jiwa Murni Project completed in 2013 are shown in Table 1.

Bil. No.	Nama Projek Project Title	Kos Projek Project Cos	Status Status
1	Projek Membekal Bahan Binaan dan Upah Kerja Bagi Projek Membina Jalan Dari Pekan Belaga ke Menjawah, Belaga, Sarawak – 38 km <i>Project Of Supplying Building Material And Wages For Road Construction Project From Belaga Town To Menjawah, Belaga, Srawak – 38 km</i>	61,200,000.00	Tarikh Mula :15 Mei 2011 Tarikh Siap :15 Ogos 2013 <i>Start Date :15 May 2011 Completion Date :15 August 2013</i>
2	Projek Membina 3 Jambatan iaitu Sg. Lembang Di Kuala Kenau, Kampung Seberang Dan Kampung Kawah, Kuantan, Pahang <i>3 Bridges Construction Project of Sg. Lembang at Kuala Kenau, Kampung Seberang and Kampung Kawah, Kuantan, Pahang</i>	3,000,000.00	Tarikh Mula :30 Jul 2012 Tarikh Siap :1 Apr 2013 <i>Start Date :30 July 2012 Completion Date :1 April 2013</i>

Jadual 1 : Projek Jiwa Murni yang siap pada tahun 2013
Table 1: Jiwa Murni Project completed in 2013

PROJEK MEMBINA JALAN DARI KAMPUNG MEJAWAH, BAKUN KE BELAGA, SARAWAK (GAMBAR 1 - 5)
ROAD CONSTRUCTION PROJECT FROM KAMPUNG MEJAWAH, BAKUN TO BELAGA, SARAWAK (PICTURE 1 - 5)



Gambar 1
Picture 1



Gambar 2
Picture 2



Gambar 3
Picture 3



Gambar 4
Picture 4



Gambar 5
Picture 5

**PROJEK MEMBINA 3 JAMBATAN IAITU SG. LEMBING DI KUALA KENAU,
KAMPUNG SEBERANG DAN KAMPUNG KAWAH, KUANTAN, PAHANG**
**3 BRIDGES CONSTRUCTION PROJECT OF SG. LEMBING AT KUALA KENAU,
KAMPUNG SEBERANG AND KAMPUNG KAWAH, KUANTAN, PAHANG**



Gambar 1
Picture 1



Gambar 2
Picture 2



Gambar 3
Picture 3



Gambar 4
Picture 4



Gambar 5
Picture 5

IMPAK PROJEK JIWA MURNI

Projek Jiwa Murni telah memberi impak yang besar kepada masyarakat tempatan terutama dari segi sosio ekonomi dan antaranya adalah seperti berikut :-

- Penjimatan kos pembinaan kerana perbelanjaan yang perlu dikeluarkan adalah untuk pembelian bahan-bahan pembinaan sahaja. Sekiranya keseluruhan projek dilaksanakan oleh pihak swasta, kosnya akan lebih tinggi kerana lokasi tapak projek adalah jauh di pedalaman.
- Pelaksanaan Projek Jiwa Murni telah dapat memberi faedah kepada rakyat tempatan dari segi penurunan harga barang keperluan harian dengan adanya sistem perhubungan jalan yang baik. Disamping itu juga, akan memudahkan perhubungan rakyat tempatan ke bandar yang terdekat untuk urusan rasmi dan keperluan rakyat seperti kemudahan sekolah, hospital dan juga memasarkan produk-produk pedalaman.
- Merapatkan hubungan diantara rakyat dan tentera secara tidak langsung menunjukkan keperihatinan Kerajaan terhadap masyarakat di luar bandar.

THE IMPACT OF JIWA MURNI PROJECT

The Jiwa Murni Project has given a great impact to the local community especially in the terms of social economics and some of it is as below:-

- *Construction cost saving because expenditure incurred is for purchasing construction materials only. If the whole project is developed by private sector, the cost will be higher due to the remote location of the project site.*
- *Implementation of Jiwa Murni Project has been able to give benefit to local people by reduction of price for consumer goods due to better road connectivity system. At the same time, it enables the locals to easily commute nearby town for official business, enjoying services such as schools and hospitals and market the goods from rural areas.*
- *Establishing good relationship between the civilians and the military as it express the Government's concern for people in rural areas.*



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PEMBANGUNAN

DEVELOPMENT SECTOR

Bahagian Perolehan
Procurement Division

BAHAGIAN PEROLEHAN PROCUREMENT DIVISION

PENGENALAN

Bahagian Perolehan telah ditubuhkan pada tahun 1966 dengan nama asalnya sebagai Bahagian Bekalan dan Kewangan. Nama bahagian ini telah ditukarkan kepada Bahagian Perolehan untuk disesuaikan dengan peranan yang dibawa.

Peranan utama Bahagian Perolehan adalah menyelaras dan menguruskan perolehan secara sebut harga, tender dan rundingan terus bagi peralatan, kelengkapan dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan berlandaskan peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Bahagian Perolehan juga perlu memastikan setiap perolehan dibuat dengan baik serta mendapat keperluan dengan konsep Best Value for Money.

Dengan kekuatan seramai 145 orang pegawai dan staf, Bahagian Perolehan diketuai oleh Setiausaha Bahagian, gred JUSA C. Fungsi-fungsi unit di Bahagian Perolehan adalah seperti berikut :-

INTRODUCTION

Procurement Division was established in 1966 with the original name of the Supply Division and Finance. The name was changed to the Procurement Division to adapt to the role performed.

The main role of the Procurement Division is to coordinate and manage the procurement of equipment, facilities and services in the Malaysian Armed Forces and Ministry of Defence. Procurement Division should also ensure each acquisition based on the concept of Best Value For Money.

With a total strength of 145 officers and staff, the Procurement Division is headed by Under Secretary Grade JUSA C. The functions of the units in the Procurement Division are as follows:-

Unit Perolehan 1	Melaksanakan perolehan senjata, peluru, kenderaan, stor teknikal dan peralatan-peralatan darat. <i>Procurement of weapons, ammunition, vehicles, technical store and ground equipments.</i>
Unit Perolehan 2	Melaksanakan perolehan kapal, alat ganti dan penyelenggaraan kapal serta peralatan berkaitan dengan laut. <i>Procurement of vessels, marine equipment, spare parts and maintenance of ships.</i>
Unit Perolehan 3	Melaksanakan perolehan kapal terbang, alat ganti dan penyelenggaraan kapal terbang serta peralatan berkaitan dengan udara. <i>Procurement of aircraft, spares and maintenances of aircrafts.</i>
Unit Perolehan 4	Melaksanakan perolehan rangsum pukal, ubat-ubatan, peralatan perubatan, pakaian dan aksesori. <i>Procurement of ration (wet & dry), medicine, medical equipment, clothing and accessories.</i>
Unit Perolehan 5	Melaksanakan perolehan berkaitan peralatan komunikasi, ICT, sistem komputer, peralatan pejabat, mesin worksyop, barangan besi/bukan besi, bahan percetakan, perabot dan peralatan berek. <i>Procurement of Information Communication Technology Equipment, computer system, office supply, workshops machines, printing material, furniture.</i>
Unit Perolehan 6	Melaksanakan perolehan berkaitan perkhidmatan dan penyewaan. <i>Procurement of services and rental.</i>
Unit Perolehan 7	Melaksanakan penyelidikan dasar perolehan serta urusetia mesyuarat lembaga tender dan sebut harga. <i>Research unit and secretariat for tender board meeting.</i>


Unit Perolehan 8	Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan kewangan Bahagian Perolehan. <i>Administrative and Finance Unit.</i>
Cawangan Teknik dan Pemeriksaan (CT&P)	Melaksanakan pemeriksaan teknikal dan kualiti barang yang telah dibuat perolehan. <i>Technical and quality inspection for all the equipment received by the user.</i>

PENCAPAIAN TAHUN 2013

a. Bilangan perolehan tahun 2013 yang telah diproses pada 1 Januari hingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak 490 mengikut pecahan seperti di rajah berikut:

ACHIEVEMENT 2013

a. Numbers of procurement processed in 2013 are 490 which are categorized by:



b. Bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak 48 siri mesyuarat Lembaga Perolehan dan Sebut Harga telah diadakan. Bilangan mesyuarat mengikut bulan adalah seperti di Rajah 1 ;

b. For year 2013, 48 series of tender board meetings were held as shown in Figure 1;

Januari <i>January</i>	5 kali mesyuarat <i>5 meetings</i>
Februari <i>February</i>	3 kali mesyuarat <i>3 meetings</i>
Mac <i>March</i>	3 kali mesyuarat <i>3 meetings</i>
April <i>April</i>	4 kali mesyuarat <i>4 meetings</i>
Mei <i>May</i>	4 kali mesyuarat <i>4 meetings</i>
Jun <i>June</i>	4 kali mesyuarat <i>4 meetings</i>
Julai <i>July</i>	4 kali mesyuarat <i>4 meetings</i>
Ogos <i>August</i>	4 kali mesyuarat <i>4 meetings</i>
September <i>September</i>	5 kali mesyuarat <i>5 meetings</i>
Oktober <i>October</i>	5 kali mesyuarat <i>5 meetings</i>
November <i>November</i>	2 kali mesyuarat <i>2 meetings</i>
Disember <i>December</i>	4 kali mesyuarat <i>4 meetings</i>

Rajah 1
Figure 1

c. Kutipan Denda Pecah Kontrak sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:-

c. Collections of Liquidated Damages and Penalty Claims for the year of 2013 as shown in table below:-

Denda Pecah Kontrak <i>Fines Broken Contract (RM)</i>	Pelarasan Kutipan <i>Adjustment Proceeds (RM)</i>	Baki Akaun Belum Terima <i>Account Recievable Balance (RM)</i>
5,311,104.27	2,090,201.06	3,220,903.21

d. Mesyuarat-mesyuarat pemantauan perolehan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut;

d. Procurement monitoring meetings were conducted as follows;

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (Perolehan) <i>Development Action Committee Meetings (Procurement)</i>	
i.	07 Mac 2013
ii.	22 April 2013
iii.	15 Julai 2013
iv.	1 Oktober 2013
v.	11 November 2013
vi.	10 Disember 2013



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PEMBANGUNAN
DEVELOPMENT SECTOR

Penguasa Katalog ATM
Malaysia Armed Forces Cataloging Authority (MAFCA)

PENGUASA KATALOG ATM MALAYSIA ARMED FORCES CATALOGING AUTHORITY

SEJARAH PENUBUHAN MAFCA

Penguasa Katalog ATM (Malaysian Armed Forces Cataloguing Authority - MAFCA) telah ditubuhkan pada 7 April 1981 berdasarkan:-

- Arahan Jawatankuasa Ketua Turus Angkatan Tentera (JK TAT) 147 Bertarikh 20 Okt 77.
- Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT 9/1982).

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Feb 1983 telah meluluskan ATM untuk menyertai Sistem Kodifikasi NATO (NCS). MAFCA telah dilantik sebagai Biro Kodifikasi Nasional (NCB) untuk mewakili negara dalam pertukaran data katalog dan maklumat kodifikasi dengan negara-negara luar.

PERANAN & FUNGSI

- Menyelaras dan mengamalkan Sistem kodifikasi
- Mewujud dan menjaga fail induk data kodifikasi
- Mengkoordinasikan pertukaran data-data katalog dengan NATO dan negara – negara luar
- Mengawal dan memberi kod pengilang dan pembekal tempatan
- Penganjurkan kursus-kursus katalog

HISTORY OF ESTABLISHMENT MAFCA

Catalog Superintendent ATM (Malaysian Armed Forces Cataloguing Authority - MAFCA) was established on 7 April 1981 by:-

- *Orders from Chiefs of Defence Forces committee (JK TAT) 147 Dated 20 October 77.*
- *The Armed Forces Committee Instruction (PMAT 9/1982)*

Cabinet Meeting on 23 Feb 1983, approved the ATM to join NATO Codification System (NCS). MAFCA was appointed as the National Codification Bureau (NCB) to represent the country in exchange of catalog data and information codification with foreign countries.

ROLES & FUNCTION

- *Coordinate and practice the codification system*
- *Establish and maintain a master file codification data*
- *Coordinate catalog data exchange with NATO and foreign countries*
- *Oversee and provide manufacturers and local suppliers code*
- *Hosting of catalog courses*

PENGIKTIRAFAN ISO MS 9001:2008 MAFCA

MAFCA telah mendapatkan pengiktirafan ISO MS 9001 : 2008 pada 2 Mac 2012. Bagi mengekalkan pengiktirafan tersebut MAFCA akan dipantau dan di audit oleh Moody International.

MAFCA RECOGNITION ISO MS 9001:2008

MAFCA has gained recognitions MS ISO 9001: 2008 on March 2, 2012. In order to maintain the MAFCA recognitions will be monitored and audited by Moody International.



AKTIVITI MAFCA TAHUN 2013

MAFCA ACTIVITIES DURING THE YEAR 2013



Serah Terima Tugas Pengarah MAFCA
Job Hand Over Of Mafca Director

Pada 21 Ogos 2013 tampuk pemerintahan MAFCA telah digantikan dengan pengarah baru di bawah Lt Kol Jemaat bin Atan TUDM.



On 21st August 2013 Lt Col Jemaat bin Atan RMAF has taking over position as a new director of MAFCA.



Sambutan HUT Ke-32 MAFCA
Anniversary of 32th MAFCA

Penguasa Katalog ATM (MAFCA) telah menyambut ulang tahun yang ke 32 pada 26 Apr 2013 bertempat di Bangunan ZETRO yang diterajui oleh Pengarah MAFCA Lt Kol Mohd Fisoll bin Hj Aziz TUDM. Perbarisan HUT MAFCA terdiri dari 7 Pegawai, 55 anggota Lain-lain Pangkat dan 7 Kakitangan Awam Tetap dan Sambilan.



MAFCA celebrated the 32nd anniversary on 26 April 2013 located at ZETRO Building, headed by the Director of MAFCA, Lt Col Mohd Fisoll bin Hj Aziz RMAF. MAFCA Anniversary Parade consists of 7 Officers, 55 members of Others Rank and 7 Civilian Staff.

PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA MAFCA



Seramai 2 orang anggota MAFCA telah dinaikan pangkat dalam satu majlis pemakaian pangkat yang disempurnakan oleh Pengarah MAFCA Lt Kol Jemaat bin Atan TUDM bertempat di Bilik Mesyuarat MAFCA pada 10 Okt 2013 yang lalu. Majlis pemakaian pangkat ini didahului dengan pemakaian pangkat Kpl U ke PSjn U dan LK I ke LK dan diikuti oleh LK Faridah bt Harun.

KELEBIHAN MAFCA SEBAGAI NEGARA TIER 2 KEPADA PENGILANG/PEMBEKAL (NCAGE)

MAFCA telah berjaya menaik taraf status NCB Malaysia dari Tier 1 kepada Tier 2 pada 1 Disember 2010. Hal ini bermakna keupayaan MAFCA kini terbukti dapat memenuhi kehendak dan keperluan AC/135 dan negara-negara NATO kepada Pengilang dan Pembekal tempatan dalam pemberian Kod NCAGE. Antara kelebihan tersebut adalah:-

PROMOTED MAFCA MEMBERS



The ceremony was officiated by the MAFCA Director Lt Col Jemaat bin Atan TUDM held in MAFCA meeting room on Oct 10, 2013 . Two members of MAFCA hasbeen promoted from Kpl U to PSjn U and LK I to LK fistly with PSJN U Mohd Azrol bin Abdul Rashid followed by LK Faridah bt Harun.

MAFCA ADVANTAGES AS NATIONAL TIER 2 TO MANUFACTURERS SUPPLIERS (NCAGE)

MAFCA has successfully upgraded its status from Tier 1 NCB Malaysia to Tier 2 on 1 December 2010. This means MAFCA now proven their ability to meet the needs and requirements of AC/135 and NATO countries to manufacturers and local suppliers in the provision of the Code NCAGE. Among the advantages are:-

a) Strategi Pemasaran Dalam Membentuk Pengiklanan Mudah.

Dalam bidang perniagaan, pengiklanan terhadap produk, perkhidmatan mahupun pembekalan yang dikeluarkan merupakan strategi yang amat penting. Kebanyakan Pengilang atau pembekal akan mengiklankan produk keluaran mereka melalui media cetak, papan tanda, media elektronik dan sebagainya. Kos yang lebih tinggi diperlukan bagi tujuan tersebut. Samada sedar atau tidak maklumat yang terkandung dalam pengkalan data NATO Master Cataloguing of Reference for Logistic (NMCRL) merupakan satu bentuk mudah dengan kos yang minima.

Hal ini kerana maklumat yang berkaitan produk, perkhidmatan dan perbekalan serta maklumat mengenai lebih dari satu Pengilang/ Pembekal akan dihubungkan terus dengan pelanggan. Secara konsepnya, ia memudahkan lagi aktiviti pemasaran dan perolehan.

b) Keupayaan Mempromosi Produk Buatan Tempatan Diperingkat Antarabangsa

Sistem ini juga merupakan salah satu cara untuk mempromosikan produk barangan buatan tempatan ke peringkat antarabangsa, kerana ianya dibangunkan secara meluas oleh pelbagai negara pada masa ini dan terdapat lebih kurang 66 buah negara yang menggunakan Sistem Kodifikasi NATO. Sehingga hari ini sebanyak 1,163 Kod Pengilang dan Pembekal dari Malaysia telah didaftarkan didalam pengkalan data NMCRL.

a) Marketing Strategies for Creating Mobile Advertising.

In business, advertising for products, services or supplies issued is a very important strategy. Most of the manufacturers or suppliers will advertise their products through printed media, billboards, electronics media and so on. Higher costs are required for that purpose. Whether we realize it or not the information contained in the database Cataloguing of NATO Master Reference for Logistics (NMCRL) is a simple design with minimum cost.

This is because the information pertaining to products services and supplies as well as be able to recognize more than one manufacturer / supplier shall be connected directly to the customer. Conceptually, it facilitates the marketing and procurement.

b) Ability to Promote Local Products to International Level

This system is a way to promote the products locally manufactured goods to the international, because it was developed extensively by various countries at the moment and there are about 66 countries that use the NATO Codification System. Up to date a total of 1,163 Manufacturers and Suppliers Code from Malaysia have been registered in the NMCRL database.

c) Pendaftaran NCAGE

Sebagai NCB berstatus TIER 2 Malaysia juga telah diberi tanggungjawab untuk memberikan Kod NCAGE kepada pengilang, pembekal dan agensi-agensi tertentu yang sering berurusan dengan AS dan negara-negara NATO.

Antara usaha yang dijalankan oleh MAFCA dalam mengembangkan kebaikan penggunaan Kod NCAGE kepada Pengilang dan Pembekal adalah melalui Seminar Pengilang dan Pembekal yang pernah diadakan pada tahun 2012 bertempat di Auditorium JLKN, Bangunan ZETRO. Seramai 48 Syarikat telah mengikuti seminar tersebut.

c) Registration NCAGE

As NCB TIER 2 status Malaysia has also been assigned to provide NCAGE code to manufacturers, suppliers and certain agencies that often deal with the U.S. and NATO countries.

Among the efforts undertaken by MAFCA in developing the good use of codes to manufacturers and suppliers NCAGE is through Manufacturers and Suppliers Seminar that was held on 2012 at the Auditorium JLKN, Zetro Building. A total of 48 companies have attended the seminar.




Sijil NCAGE
Certificate NCAGE

BAHAGIAN PENGENALAN BARANG

Pencapaian Kodifikasi MAFCA Tahun 2013

Sepanjang tahun 2013, MAFCA telah melaksanakan proses kodifikasi pelbagai alatan bagi Perkhidmatan ATM dan Sektor Awam (DDSA) sebanyak 22,643 baris alatan. Graf pencapaian adalah seperti di bawah:



Graf pencapaian kodifikasi tahun 2013
Graph codification achievements in 2013

Kod Projek

Merupakan kod panduan untuk setiap alatan induk, bagi satu alatan induk diberi satu Kod Projek, yang perlu dibuat kodifikasi ini adalah bagi memudahkan pemantauan dibuat, apabila proses kodifikasi dijalankan. Berakhir Disember 2013, sebanyak 489 Kod Projek telah dikeluarkan mengikut perkhidmatan seperti berikut:-

1. Tentera Darat <i>Army</i>	: 260
2. Tentera Laut <i>Navy</i>	: 173
3. Tentera Udara <i>Air Force</i>	: 46
4. Data Kamus Sektor Awam <i>Data Dictionary of Government Sector</i>	: 10

GOODS INTRODUCTION SECTION

Achievements Codification of MAFCA for Year 2013.

During the year 2013, MAFCA has implemented the codification process of variety tools for ATM Services and Public Sector (DDSA) of 22,643 lines of equipment. Graph achievements are as follows:

Project Code

It is a guiding code for each tool holding, and the device is given a project code in the process of codification and intended to facilitate the monitoring done. Ended December 2013, a total of 489 project codes have been issued in accordance with the following services:-

KEPENTINGAN KURSUS

MAFCA telah ditubuhkan sebagai penguasa tunggal untuk mengawal dan menyelenggara Sistem Katalog ATM. Sebagai Pusat Kodifikasi Nasional (NCB), MAFCA telah diberi tanggungjawab mengawal dan menyatukan perkembangan sistem catalog di dalam ATM dan Awam.

Di samping itu, MAFCA juga telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kursus-kursus kodifikasi untuk pegawai dan anggota LLP di dalam ATM dan Perkhidmatan Awam.

Kursus-kursus tersebut merupakan kursus kepakaran yang melibatkan peningkatan band anggota-anggota tentera (LLP) sekiranya mereka lulus. Kursus-kursus tersebut dijalankan selama 1 minggu bagi asas LLP dan pegawai manakala bagi Kursus Lanjutan LLP adalah 18 minggu bagi lanjutan pegawai adalah selama 1 bulan.

LATIHAN BERTERUSAN

Beberapa kursus-kursus yang telah diperkenalkan dan diberikan tanggungjawab untuk dilaksanakan oleh MAFCA. Kursus-kursus yang telah diiktiraf dan diluluskan di bawah KOD AT NO 1 dan KOD AT NO 2, Markas ATM untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- a. Pengenalan Sistem Katalog LLP
- b. Pengenalan Sistem Katalog (Pegawai)
- c. Indoktrinasi Sistem Katalog (LLP)
- d. Pengurusan Sistem Katalog (Pegawai)

IMPORTANCE OF COURSE

MAFCA was established as the sole authority to control and maintain the ATM catalog system. As National Codification Centre (NCB), MAFCA has been given the responsibility to control and consolidate the development of catalog systems in ATM and the Civilians.

In addition, MAFCA also responsible for implementing the codification courses for officers and LLP's in the ATM and the Civil Servant.

All the courses are expertise course involving the improvements of Army's members band (LLP) if they pass. All the courses has been held in one week for LLP's basics and 18 weeks for Advanced LLP also a month for officers.

CONTINUOUS TRAINING

Some courses have been introduced and has been responsible to be implemented by MAFCA. The courses that has been qualified and approved under the AT NO CODE 1 and CODE AT NO 2, Headquarters ATM to be implemented are as follows:-

- a. Identification Catalog System LLP*
- b. Identification Catalog System (Staff)*
- c. Indoctrination Catalog System (LLP)*
- d. Catalogue Management System (Staff)*

PENGLIBATAN MAFCA DI PERINGKAT LUAR NEGARA

Malaysia telah bergiat aktif melaksana dan mengamalkan penggunaan Sistem Kodifikasi NATO terutama kepada ATM. Berdasarkan kepada penglibatan aktif Malaysia di dalam bidang ini, Malaysia telahpun mendapat pengiktirafan dan dinaikkan tahap dari sebuah Negara TIER 1 (Negara pengguna sehalal) kepada Negara TIER 2 (kodifikasi dua hala) pada 1 Disember 2010.

Di samping perluasan skop kodifikasi yang diberikan kepada Negara, Malaysia juga komited untuk memberikan sokongan dan maklum balas mengenai kodifikasi kepada pihak NATO melalui forum, seminar dan pertukaran data dengan negara NATO dan Pasangan NATO. Berdasarkan kepada status tersebut, Malaysia komited untuk memberikan maklum balas melalui 5 forum yang dianjurkan oleh NATO iaitu:-

- a. Mesyuarat Panel A
- b. Mesyuarat AC/135 Kumpulan Utama 2 kali setahun
- c. Forum Pacific Area Cataloguing Seminar (PACS)
- d. Seminar Information Handling Services (IHS) di Denver, Colorado U.S.A
- e. Seminar Kodifikasi Sistem Material NSN di Puskod Jakarta, Indonesia.

INVOLVEMENT IN THEIR FOREIGN MAFCA

Malaysia has been actively implementing and adopting the use of the NATO Codification System , especially to the ATM. Based on Malaysia's active involvement in this field , Malaysia has gained recognition and increased the level of a country TIER 1 (General users one way) to the National TIER 2 (codification bilateral) on December 1, 2010.

In addition to expanding the scope given to the codification of State, Malaysia is committed to providing support and feedback on the codification of the NATO through forums, seminars and exchange data with the National NATO and NATO Partner. Based on the status, Malaysia is committed to providing feedback through 5 forum organized by NATO, namely:

- a. A Panel Meeting*
- b. Meeting AC/135 Main Group Meeting 02 times per year*
- c. Forum Pacific Area Cataloguing Seminar (PACS)*
- d. Seminar Information Handling Services (IHS) in Denver, USA Colorado*
- e. Seminar Material Codification System Puskod NSN in Jakarta, Indonesia.*

PENGLIBATAN PESERTA LUAR

Penglibatan anggota tentera dari Angkatan Bersenjata Di Raja Brunei (ABDB) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI) melalui program kerjasama ketenteraan antara Negara adalah bertujuan bertukar-tukar maklumat dan pandangan berkaitan kodifikasi di antara MAFCA dan PUSKOD.

INVOLVEMENT OF FOREIGN PARTICIPANTS

The involvement of military personnel from the Royal Brunei Armed Forces (RBAF) and the Indonesian National Army (TNI) through a program of military cooperation between the two countries is aimed on exchanging information and views on the codification of MAFCA and PUSKOD.



PENGLIBATAN PENGARAH BAGI PERSIDANGAN PACS (PACIFIC AREA CATALOGUING SEMINAR) BAGI TAHUN 2013
INVOLVEMENT OF DIRECTORS CONFERENCE PACS (PACIFIC AREA CATALOGUING SEMINAR) FOR THE YEAR 2013

SISTEM KODIFIKASI

NATO Mailbox System

Sistem ini digunakan untuk menghantar data-data ke luar Negara dan menerima data dari luar Negara. Sistem ini dikendalikan oleh Sel NADEX, Bahagian Teknologi Maklumat.

NATO Data Exchange(NADEX)

NADEX beroperasi untuk memproses dan mengemaskini data kodifikasi yang diperolehi. Maka satu sel telah ditubuhkan oleh MAFCA yang dinamakan Sel NADEX

NATO Mailbox System

Sistem ini digunakan untuk menghantar data-data ke luar Negara dan menerima data dari luar Negara. Sistem ini dikendalikan oleh Sel

CODIFICATION SYSTEM

NATO Mailbox System

This system is being used to transmit codification data to and from other country. The system is operated by NADEX Unit, Information Technology Department.

NATO Data Exchange (NADEX)

NADEX function operates to process and update the codification data. Then the cell was formed by cells called MAFCA NADEX .


NATO Mailbox System

This system is being used to transmit codification data to and from other country. The system is operated by NADEX Unit, Information Technology Department.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR DASAR
POLICY SECTOR

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Policy and Strategic Planning Division



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK *POLICY AND STRATEGIC PLANNING DIVISION*

PENGENALAN

Secara umumnya, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) merupakan bahagian yang bertanggungjawab ke atas diplomasi pertahanan negara dan perancangan strategik Kementerian Pertahanan (MinDef). Sebahagian daripada tanggungjawab utama BDPS adalah dalam mengurus diplomasi pertahanan pada peringkat antarabangsa seperti kerjasama pertahanan secara pelbagai hala, kerjasama pertahanan secara dua hala, mengendalikan isu-isu keselamatan, penglibatan dalam organisasi antarabangsa dan tempatan serta menjadi peneraju Dasar Pertahanan Negara (DPN).

Di samping itu, bahagian ini turut mengendalikan program peningkatan kualiti dan pembudayaan inovasi, Strategi Lautan Biru Kebangsaan, menyelaraskan semua urusan berkaitan parlimen kementerian, mengurussetiakan mesyuarat-mesyuarat pengurusan tertinggi MinDef, menyelaraskan semua kertas kabinet kementerian dan menyediakan pelan-pelan jangka panjang. Sepanjang 2013, BDPS telah menyertai pelbagai mesyuarat diplomasi pertahanan, forum, latihan dan melaksanakan pelbagai aktiviti strategik yang menyumbang kepada kejayaan penting kementerian.

Aktiviti/Program 2013

1. Diplomasi Pertahanan

Dalam tahun 2013, para pegawai BDPS telah terlibat dalam mengurus dan menghadiri sebanyak 90 mesyuarat, seminar dan konvensyen yang berkaitan diplomasi pertahanan.

INTRODUCTION

In general, Policy and Strategic Planning Division (PSPD) is the division that is responsible on national defence diplomacy and strategic planning of Ministry of Defence (MinDef). Apart of the main responsibility of PSPD is managing defence diplomacy at international level such as multilateral defence cooperation, bilateral defence cooperation, handling security issues, engagement at international and local organizations thus becoming the catalyst of National Defence Policy.

Other than this, this Division is also responsible to organize quality improvement and innovation culture programme, National Blue Ocean Strategy, coordinating ministerial parliamentary matters, facilitating the MinDef's top management meetings, match up ministry's cabinet papers and preparing long-term plans. Throughout 2013, PSPD had involved in various defence diplomacy meetings, forum and exercise which boost many success to the Ministry.

Activities/Programmes in 2013

1. Defence Diplomacy

In 2013, PSPD officers have involved in managing and attending 90 meetings, seminars and conventions which relate to defence diplomacy.

a) Sidang Ketujuh ASEAN Defence Ministers' Meeting (7th ADMM)

Mesyuarat ketujuh ADMM telah diadakan pada 7 Mei 2013 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ismail bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia yang turut mewakili Menteri Pertahanan Malaysia. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pehin Datu Singamanteri Colonel (B) Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Mohammad Yasmin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Brunei Darussalam merupakan pengerusi sidang ketujuh ADMM dan ia turut dihadiri oleh semua Menteri Pertahanan daripada kalangan negara ahli ASEAN. Semasa mesyuarat tersebut, sebanyak empat kertas konsep berhubung inisiatif baru bagi ADMM and ADMM-Plus telah diluluskan termasuklah Kertas Konsep bagi Penubuhan Defence Interaction Programmes dan Kertas Konsep bagi Penubuhan Logistics Support Framework.

b) Sidang Kedua ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus (2nd ADMM-PLUS)

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan telah menghadiri sidang kedua ADMM-Plus pada 29 Ogos 2013 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Beliau turut diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Angkatan Tentera Malaysia. Mesyuarat tersebut turut dihadiri Menteri-Menteri Pertahanan daripada negara ahli ASEAN dan lapan rakan dialog.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Pehin Datu Singamanteri Colonel (B) Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Mohammad Yasmin Haji Umar, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam / Pengerusi sidang ketujuh ADMM.

a) *The 7th ASEAN Defence Ministers' Meeting (7th ADMM)*

The 7th ADMM meeting was held on 7 May 2013 in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. The Malaysian delegation was led by H.H. Dato' Sri Dr. Ismail bin Hj. Ahmad, Secretary General of Ministry of Defence Malaysia, representing the Minister of Defence Malaysia. Pehin Datu Singamanteri Colonel (Rtd) Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Mohammad Yasmin Haji Umar, Minister of Energy at the Prime Minister's Office.

Brunei Darussalam was the Chairman of the 7th ADMM. The meeting was attended by all Defence Ministers of ASEAN Member States. During the meeting, four concept papers of the new initiatives of the ADMM and ADMM-Plus were adopted, including Concept Paper on Establishing ASEAN Defence Interaction Programmes and Concept Paper on Establishment of Logistics Support Framework.

b) *The 2nd ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus (2nd ADMM-PLUS)*

The Honorable Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Minister of Defence had attended the 2nd ADMM-Plus meeting on 29 August 2013 at Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. He was accompanied by the Secretary General of Ministry of Defence Malaysia and other senior officers of the ministry and the Malaysian Armed Forces. The Meeting was attended by all the Ministers of Defence from all ASEAN Member States and eight dialogue partners.

The meeting was chaired by Pehin Datu Singamanteri Colonel (Rtd) Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Mohammad Yasmin Haji Umar, Minister of Energy at the Prime Minister's Office, Brunei Darussalam / Chairman of the 7th ADMM.

Semasa mesyuarat tersebut, kesemua Menteri Pertahanan turut menandatangani Deklarasi Bandar Seri Begawan 2013 yang antara lain memberikan komitmen untuk memperkukuhkan kerjasama pertahanan bagi mencapai keamanan dan kestabilan di rantau Asia Pasifik berdasarkan prinsip-prinsip kesamarataan, hormat-menghormati, kebaikan bersama dan penghormatan kepada undang-undang antarabangsa.

c) Mesyuarat Dua Hala Antara Malaysia-Brunei

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pertahanan Brunei-Malaysia (JKBP) kali ke-16 telah diadakan pada 13 November 2013 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Mesyuarat telah dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham Bin Pengiran Haji Mohammad, Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan, Brunei Darussalam dan Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia.

Mesyuarat ini antara lain membincangkan laporan jawatankuasa kerja dan potensi kerjasama antara Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam (CSTRAD) dan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) Kementerian Pertahanan Malaysia.

The Meeting adopted the Bandar Seri Begawan Joint Declaration on the Second ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus, which among others commits to strengthen defence cooperation in the advancement of the cause of peace and stability in the Asia-Pacific region based on the enduring principles of equality, mutual respect, mutual benefit and respect for international law.

c) Bilateral meeting between Malaysia-Brunei

The 16th Brunei-Malaysia Combined Defence Cooperation Committee Meeting was held on 13 November 2013 in Brunei Darussalam. The meeting was co-chaired by Colonel (R) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham Bin Pengiran Haji Mohammad, Permanent Secretary (Defence Policy and Development), Ministry of Defence Brunei Darussalam and Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Secretary General Ministry of Defence Malaysia.

Some of the key topics discussed inter alia, the working groups report and the possible collaboration between the Centre of Science, Technology, Research and Development (CSTRAD) and the Science, Technology and Research Institute of Defence (STRIDE).

d) Mesyuarat Dua Hala Antara Malaysia-Filipina

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pertahanan Malaysia-Filipina kali ke-6 telah diadakan pada 8 November 2013 di Kuala Lumpur. Mesyuarat telah dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Pio Lorenzo Batino Undersecretary for Legal and Legislative Affairs and Strategic Concerns, Department of National Defence, Republic of the Philippines. Mesyuarat ini diadakan dua tahun sekali dan antara perkara penting yang dibincangkan adalah insiden Lahad Datu dan Status of Forces Agreement (SOFA).

e) Lawatan Rasmi Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Brunei Darussalam ke Malaysia

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 8 hingga 13 November 2013. Semasa rangka lawatan, Baginda juga dianugerahkan Beret Hijau di Kem Mersing, Johor serta Beret Merun dan Sayap Penerjunan Kehormat 10 Briged PARA bertempat di Kem Terendak, Melaka. Sepanjang enam hari berada di Malaysia, DYTM juga melawat Kementerian Pertahanan, Bank Negara Malaysia dan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

f) Mesyuarat Kerjasama Pertahanan Malaysia-Sweden Ke-9 (9th JCM)

Mesyuarat Kerjasama Pertahanan Malaysia-Sweden Ke-9 (JCM) telah diadakan di Kuala Lumpur pada 16 Mei 2013. Mesyuarat yang diadakan secara tahunan ini telah dipengerusikan bersama oleh YBhg. Datuk Dr. Ismail Hj. Bakar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MinDef dan Mej. Jen. Christer Lidstrom, Penasihat Khas kepada Menteri Pertahanan Sweden.

d) *Bilateral meeting between Malaysia-Philippines*

The 6th Malaysia-Philippines Combined Defence Cooperation Committee (CCDC) Meeting was held on 8 November 2013 in Kuala Lumpur. The meeting was co-chaired by Secretary General Ministry of Defence Malaysia and Pio Lorenzo Batino, Undersecretary for Legal and Legislative Affairs and Strategic Concerns, Department of National Defence, Republic of the Philippines. The meeting is conducted biennially and some of the salient issues discussed were namely the Lahad Datu incidence and the Status of Forces Agreement (SOFA).

e) *Official Visit of His Royal Highness Crown Prince of Brunei Darussalam to Malaysia*

His Royal Highness Crown Prince of Brunei Darussalam visited Malaysia on 8 to 13 November 2013. During his visit, he was conferred the Honorary Green Beret at Iskandar Camp, Mersing and Honorary Maroon Beret and Parachutist Wing 10th Brigade at Terendak Camp, Malacca. In his six days tour, he also visited the Ministry of Defence, Central Bank of Malaysia and the Prime Minister's Office in Putrajaya.

f) *9th Malaysia-Sweden Joint Committee Meeting on Defence Cooperation (9th JCM)*

The 9th Malaysia-Sweden Joint Committee Meeting on Defence Cooperation (9th JCM) was held in Kuala Lumpur on 16 May 2013. The annual meeting was co-chaired by H.H Datuk Dr Ismail Hj Bakar, Deputy Secretary General (Policy), MinDef and Maj. Gen. Christer Lidstrom, Special Adviser to the Swedish Minister of Defence.

Antara isu yang telah dibincangkan semasa mesyuarat ialah keselamatan maritim, keganasan, Swedish policy of stance on "Pooling & Sharing" serta the Swedish Government statement concerning "A Useful Defence".

Dua kumpulan kerja di bawah JCM, Kumpulan Kerja Industri Pertahanan (DIWG) dan Kumpulan Kerja Kerjasama Ketenteraan (MCWG) turut menyampaikan taklimat mengenai status terkini aktiviti-aktiviti yang berkaitan di bawah kumpulan kerja masing-masing. Mesyuarat ke-10 akan diadakan di Sweden pada tahun 2014, yang juga merupakan ulang tahun ke-20 hubungan pertahanan dua hala rasmi Malaysia-Sweden.

g) Mesyuarat Kerjasama Pertahanan antara Itali dan Malaysia Ke-14.

Malaysia telah sekian lama menjalinkan hubungan pertahanan dengan Itali iaitu sejak 1993. Hubungan yang aktif ini telah dilaksanakan melalui Jawatankuasa Bersama (Joint Committee) yang bermesyuarat secara tahunan di Malaysia dan Itali. Mesyuarat Kerjasama Pertahanan antara Itali dan Malaysia ke 14 (14th Italy-Malaysia Joint Committee Meeting on Defence Cooperation) telah diadakan di Rome, Itali pada 7 Jun 2013.

Kerjasama pertahanan kedua-ke dua negara telah berusia 20 tahun, Malaysia dan Itali berpuas hati dengan perkembangan semasa dan berharap supaya hubungan pertahanan dua hala ini akan terus diperkukuhkan dengan kerjasama yang sedia ada melalui aktiviti pertahanan dan ketenteraan yang memberi manfaat bersama.

Among the issues discussed were maritime security, counter terrorism, Swedish policy of stance on "Pooling & Sharing" as well as the Swedish Government statement concerning "A Useful Defence".

Updates on the current status of matters arising from the last meeting were presented by both sides, including from the two working groups under the JCM; Defence Industry Working Group (DIWG) and Military Cooperation Working Group (MCWG). At the end of the meeting, the Swedish side proposed to conduct the 10th JCM in April 2014, to commemorate 20th anniversary of the formalization of Malaysia-Sweden bilateral defence relations.

g) 14th Italy-Malaysia Joint Committee Meeting on Defence Cooperation

Malaysia has long standing defence relations with Italy since 1993. This active relationship is managed by a Joint Committee which meets annually in Malaysia and Italy. The 14th Italy-Malaysia Joint Committee Meeting on Defence Cooperation (14th JCM) was held in Rome, Italy on 7 June 2013.

After 20 years of the formalization of defence relations, both countries are satisfied with the current status of defence cooperation including military and defence industry fields. Malaysia and Italy hoped to strengthen further the existing cooperation in areas of mutual interest.

h) Jawatankuasa Pegawai Eksekutif Kanan Ke-7
United Kingdom- Malaysia

Selain merupakan negara anggota di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA), United Kingdom (UK) dan Malaysia telah menjalinkan hubungan pertahanan dua hala rasmi pada 13 Ogos 1998. Satu jawatankuasa iaitu Senior Executive Committee (SEC) telah ditubuhkan di bawah perjanjian ini bagi memantau aktiviti-aktiviti pertahanan dua hala antara kedua-dua buah negara. Edisi ke-7 SEC telah diadakan pada 2 Disember 2013 di London, England. Antara isu-isu yang telah dibincangkan termasuklah *round-up on UK and Malaysia's operations, Afghanistan, UK's Engagement in Far East, UK/Malaysia 2013 Defence & Security Arrangement Update as well as UK dan Malaysia's Support to the Philippines Disaster*.

i) Rejim Persenjataan

Unit Rejim Persenjataan dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertanggungjawab dalam isu-isu berkaitan konvensyen dan triti persenjataan global seperti berikut:

- i. Anti Personnel Land Mines Convention (APLM);
- ii. Chemical Weapons Convention (CWC);
- iii. Biological & Toxic Weapons Convention (BWC);
- iv. Convention Cluster Munitions (CCM);
- v. Convention on Certain Conventional Weapons (CCW);
- vi. Small Arms and Light Weapons (SALW);
- vii. Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT);
- viii. Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT);
- ix. Arms Trade Treaty (ATT); dan
- x. Treaty on the South East Asia Nuclear Weapons Free Zone (Bangkok Treaty)

h) *United Kingdom-Malaysia 7th Senior Executive Committee*

Despite being one of the members in Five Power Defence Arrangements (FPDA), United Kingdom (UK) formalized its bilateral defence relations with Malaysia on 13 August 1998. Under the agreement, a Senior Executive Committee (SEC) is established to oversee bilateral activities between both countries. The seventh edition of the SEC was held on 2 December 2013 in London. The meeting is an important platform to monitor the overall defence cooperation development in the field of military, defence industry and science and technology collaboration. Both parties discussed and exchanged views on round-up on UK and Malaysia's operations, Afghanistan, UK's Engagement in Far East, UK/Malaysia 2013 Defence & Security Arrangement Update as well as UK and Malaysia's Support to the Philippines Disaster.

i) *Weapon Regime*

The Weapon Regime and United Nations unit is responsible on the issues of non-proliferation and disarmament which covers the following areas:

- i. Anti-Personnel Land Mines Convention (APLM);*
- ii. Chemical Weapons Convention (CWC);*
- iii. Biological & Toxic Weapons Convention (BWC);*
- iv. Convention Cluster Munitions (CCM);*
- v. Convention on Certain Conventional Weapons (CCW);*
- vi. Small Arms and Light Weapons (SALW);*
- vii. Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT);*
- viii. Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT);*
- ix. Arms Trade Treaty (ATT); and*
- x. Treaty on the South East Asia Nuclear Weapons Free Zone (Bangkok Treaty).*

Dalam masa yang sama, Malaysia hanya menjadi negara pihak kepada konvensyen dan triti berikut:

- i. Anti Personnel Land Mines Convention (APLM);
- ii. Chemical Weapons Convention (CWC);
- iii. Biological & Toxic Weapons Convention (BWC);
- iv. Small Arms and Light Weapons (SALW);
- v. Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT);
- vi. Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT); dan
- vii. Arms Trade Treaty (ATT)

ATT merupakan triti terakhir yang ditandatangani pada 26 September 2013 oleh Kementerian Luar Negeri di Markas PBB, New York. KLN juga dalam proses mengkaji dan menghalusi kandungan triti ATT sebelum satu gubalan *law and regulation* Malaysia dilaksanakan.

Dalam menentukan keamanan serantau dan global dikekalkan, Malaysia telah melibatkan diri dalam pelbagai misi pengaman dibawah Panji-panji PBB atau Bukan PBB sejak tahun 1960. Penglibatan ATM adalah sebagai Ketua Pasukan (Force Commander/Head of Mission), Pemerhati Tentera, Kumpulan Tempur Batalion, Staf Markas PBB dan Pakar Teknikal. Setakat ini ATM masih terlibat dalam 7 misi pengaman dan misi PBB dan Bukan PBB. Penglibatan ini selaras dengan Dasar Luar Negara dan Dasar Pertahanan Negara. Penglibatan ini melibatkan hampir 1,000 pegawai dan anggota ATM.

Eventually, Malaysia has been a State Party and has ratified the following convention and treaties:

- i. Anti Personnel Land Mines Convention (APLM);*
- ii. Chemical Weapons Convention (CWC);*
- iii. Biological & Toxic Weapons Convention (BWC);*
- iv. Small Arms and Light Weapons (SALW);*
- v. Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT);*
- vi. Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT); and*
- vii. Arms Trade Treaty (ATT)*

The ATT was the last treaty to be signed on 26 September 2013 by Foreign Minister in UNHQ New York. MOFA is still reviewing the ATT for Malaysia to ratify it by producing law and regulation on ATT.

In supporting the efforts of the UN and international community towards the preservation of global peace and security, Malaysia has always been active in the UN peacekeeping operations involving various tasks since the 1960s. The MAF's involvement in the UN Peacekeeping Operations tasks includes Force Commanders, Military Observers, Battalion Groups, UN Headquarters staffs and Technical Experts. Currently the MAF is involved in 7 peacekeeping operations missions in UN Peacekeeping and Regional Arrangement Missions in line with our National Defense and Foreign Policy. This involves a contribution of almost 1,000 personnel worldwide.

Dari segi penglibatan dalam aktiviti PBB, pada tahun 2013, Kementerian Pertahanan telah menghadiri beberapa persidangan/mesyuarat konvensional persenjataan seperti berikut:

- i. Intersessional Meeting on Anti Personnel Land Mines Convention (APLM), 27 hingga 31 Mei 2013;
- ii. 13th Meeting of States Parties for APLM - 2 hingga 6 Disember 2013;
- iii. Bangkok Symposium on APLM – 23 hingga 25 Jun 2013;
- iv. Chemical Sector Security Safety Summit – 8 hingga 12 Julai 2013;
- v. Chemical Weapons Convention Table Top Exercise – 19 hingga 20 Ogos 2013;
- vi. Mesyuarat ADMM-PLUS EWG Peacekeeping Operation – 8 hingga 11 April 2013;
- vii. ASEAN Peacekeeping Training Center Networking – 2 hingga 5 September 2013; dan
- viii. Non-International Armed Conflict (NAIC) – 11 hingga 12 April 2013.

Dalam sesi ADMM-PLUS EWG PKO, Kementerian Pertahanan terlibat dalam perbincangan penubuhan Pasukan Pengaman Generasi Baru dan juga persiapan untuk Table Top Exercise (TTX) yang dijangka diadakan pada tahun 2014. Dalam perbincangan ASEAN Peacekeeping Training Centre Networking, semua ahli ASEAN bersetuju untuk pertukaran maklumat, jurulatih dan lawatan sambil belajar.

Dalam pelaksanaan Operasi Pengaman, kemampuan Pusat Pengaman Malaysia (MPC) dipertingkatkan lagi bermula pertengahan tahun 2013 melalui bantuan daripada UNDP yang menaja pembangunan silabus baru iaitu Protection of Civilians, Gender dan Cultural Diversity. Ini dapat meningkatkan kemampuan pusat tersebut dalam menganjurkan kursus dan bengkel yang berbeza untuk penuntut dalam dan luar negara.

In terms of participations in UN activities, in 2013, the Ministry of Defense was represented in the following convention and treaties:

- i. Inter-sessional Meeting of Anti-Personnel Land Mine Convention – 27 to 31 May 2013;*
- ii. 13th Meeting of States Parties for APLM – 2 to 6 December 2013;*
- iii. Bangkok Symposium on APLM – 23 to 25 June 2013;*
- iv. Chemical Sector Security Safety Summit – 8 to 12 July 2013;*
- v. Chemical Weapons Convention Table Top Exercise – 19 to 20 August 2013;*
- vi. ADMM PLUS EWG PKO – 8 to 11 April 2013;*
- vii. ASEAN Peacekeeping Training Centre Networking – 2 to 5 September 2013; and*
- viii. Non-International Armed Conflict (NIAC) 11 to 12 April 2013.*

Under the ADMM PLUS PKO, the Ministry was involved in discussions held in the establishment of a new generation of Peacekeeping force and also the preparation for a Table Top Exercise (TTX) to be held in 2014. On ASEAN Peacekeeping Training Center Network meeting, ASEAN members agreed for the arrangement for exchange of information, instructors and visits.

In Peacekeeping Operations, the capabilities of the Malaysian Peacekeeping Center (MPC) is being upgraded beginning mid 2013 via the assistance of UNDP in developing additional syllabus namely Protection of Civilians (POC), Gender and Cultural Diversity. This will increase the capacity to conduct more diverse courses both for local and foreign students in undertaking peace keeping operations.

NIAC merupakan perbincangan permulaan oleh pihak ICRC untuk mendapat pandangan negara-negara di rantau ini dalam usaha membangunkan undang-undang yang mirip dengan *Law of Armed Conflict* yang boleh diguna pakai untuk konflik dalam negara.

Penyertaan dalam forum-forum dan mesyuarat-mesyuarat utama PBB adalah penting dan merupakan KPI Sel ini dan kekangan utama adalah peruntukan kewangan tahunan yang diperuntukkan. Malaysia juga memainkan peranan penting dalam perbincangan dan membuat keputusan dalam mesyuarat dan konvensyen yang dihadiri dan ianya dapat menyampaikan hasrat dan pandangan negara berkaitan isu-isu yang dibincangkan.

Di samping itu, pandangan dan pendirian negara juga dapat dipertahankan. Ia juga merupakan pentas untuk memberikan pandangan dan pendapat negara-negara lain mengenai Malaysia. Ini adalah penting dalam merangka strategi dan hala tuju masa depan. Walaupun sebagai negara pihak untuk tahun 2013, Malaysia tidak dapat menghadiri konvensyen Biological and Toxin Weapon Convention (BWC) dan Chemical Weapon Convention (CWC), manakala Bukan Negara Pihak, dalam Convention On Certain Conventional Weapons (CCW) dan Convention on Cluster Munitions (CCM) atas kekangan tersebut.

The NIAC was a preliminary step by ICRC in soliciting opinions in this region in establishing a legal framework similar to the Law of Armed Conflict applicable to non inter-state conflict.

The attendance in key UN international forums and meetings on treaties and conventions is the Key Performance Index (KPI) for this Cell and the main deciding factor is the allocated budget. It is only by representation both in treaties ratified and not ratified can Malaysia play an important roles in ensuring decisions are made in the best interest of the nation.

It also provides a platform in understanding the views and perceptions of other countries about Malaysia in their eyes which is needed for the strategic direction into the future. Attendance in Biological and Toxin Weapon Convention (BWC), Chemical weapons Convention (CWC) and Convention on Cluster Munitions (CCM) has to be forgone in this regard, since we are a states party.



Persidangan Chemical Sector Security Summit, Baltimore, Amerika Syarikat pada 8-12 Julai 2013



ADMM-Plus EWG PKO Meeting in Wellington, New Zealand on 8-11 April 2013

j) Mesyuarat Cooperative Mechanism (CM) Di Bali, Indonesia

Selat Melaka dan Selat Singapura merupakan antara laluan perdagangan laut sangat penting di dunia dengan anggaran jumlah kapal dagang menggunakan perairan ini hampir 100,000 buah setahun. Oleh itu, keselamatan kedua-dua selat ini perlu dijaga dan dipertahankan daripada sebarang ancaman. Lanjutan itu, sesuai dengan inisiatif International Maritime Organization (IMO) mengenai "protection of vital shipping lanes" satu kerjasama antara negara pesisir iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura ditubuhkan pada September 2007 dan di kenali sebagai *cooperative mechanism*.

Tahun 2013 mesyuarat cooperative mechanism diadakan pada 7 hingga 11 Oktober 2013 di Bali, Indonesia selaku pengerusi mesyuarat pada tahun ini. Pegawai dari BDPS telah menghadiri mesyuarat tersebut mewakili MinDef bersama-sama dengan delegasi Malaysia yang lain. Ketua delegasi adalah Timbalan Pengarah Jabatan Laut Malaysia. Mesyuarat antara lain membincangkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan keselamatan pelayaran dan pencemaran alam sekitar Selat Melaka dan Selat Singapura. Terdapat tiga (3) komponen sesi plenari dalam cooperative mechanism ini iaitu:

- 6th Cooperative Forum.
- 6th Project Coordination Meeting
- 38th Tripartite Technical Expert Group.

Secara ringkasnya terdapat enam projek yang sedang dalam perkembangan dan yang dirancang bagi menentukan keselamatan pelayaran untuk kedua-dua selat tersebut sentiasa selamat dan terkawal. Dalam masa yang sama kehadiran wakil MinDef di dalam mesyuarat ini untuk menasihati dan menyatakan kepentingan negara dari aspek pertahanan dan kedaulatan negara.

j) Cooperative Mechanism Meeting (CM) In Bali, Indonesia

The Straits of Melaka and Singapore (SOMS) are one of the world prominent sea borne trading lanes. It is estimated about 100,000 merchant ships using SOMS every year. Therefore the safety of navigation for shipping is paramount important and inevitably need to be monitored. On the same reason, under the initiatives of International Maritime Organization (IMO) with regards to the "protection of vital shipping lanes", the maritime authorities of Indonesia, Malaysia and Singapore established a historic agreement of Co-operative Mechanism in September 2007.

Follow on to that, Indonesia was nominated to be the host for year 2013 and subsequently organized the annual CM meeting on 11 October 2013 in Bali, Indonesia. An officer from Bahagian Dasar & Strategik had attended the meeting as MinDef's representative together with officers from respective government agencies. The Deputy Director of Malaysian Marine Department was the head of delegation for Malaysia. The CM has three broad elements discussed during plenary sessions, namely:

- 6th Cooperative Forum.
- 6th Project Coordination Meeting
- 38th Tripartite Technical Expert Group.

Basically, under this CM there are six ongoing and proposed aids navigation projects to ensure the safety of navigation in SOMS. At the mean time the representative from MinDef would acts as an advisory role pertaining to national defence and sovereignty.

k) Melawan Keganasan

ADMM Plus Counter Terrorism Exercise (CTX)

Malaysia telah mengambil bahagian dalam latihan anti-pengganas ADMM Plus yang julung kali diadakan di Indonesia Peace and Security Centre (IPSC), Sentul pada 7 hingga 13 September 2013. Seramai 11 orang peserta iaitu dua daripada BDPS, dua daripada PDRM, lima pegawai ATM dan tiga lain-lain pangkat bersama 183 peserta daripada negara ASEAN dan *Plus Countries* telah melalui *Practical Exercise (PE)* dan *Table Top Exercise (TTx)* yang dikendalikan bersama oleh Indonesia dan Amerika Syarikat. Latihan merangkumi ancaman ke atas kapal LNG, acara utama dan ancaman sistem persenjataan Man Portable Air Defence (MANPAD) ke atas penerbangan awam.

l) Keselamatan Siber

Seoul Defence Dialogue (SDD) Kedua.

Kementerian Pertahanan telah menghantar seorang wakil bagi menghadiri 2nd Seoul Defence Dialogue di Westin Chosun, Seoul, Republic of Korea pada 11 hingga 13 Disember 2013. Fokus SDD pada tahun ini ialah keselamatan siber di mana pegawai BDPS telah terlibat dengan perbincangan Expert Working Group (EWG) on Cyber Security dan menjadi salah seorang panel bagi topik perundangan antarabangsa untuk keselamatan siber. Acara tiga hari ini telah melibatkan pegawai-pegawai kerajaan, pakar rujuk subjek dan ahli akademik dari negara-negara Asia Pasifik termasuk Kesatuan Eropah (EU) bagi membincangkan isu-isu keselamatan semasa terutama di rantau Asia Timur.

k) Counter Terrorism

ADMM Plus Counter Terrorism Exercise (CTX)

Malaysia has participated in the first ADMM Plus Counter Terrorism Exercise at Indonesia Peace and Security Centre (IPSC), Sentul from 7 until 13 September 2013. Eleven participants, two from PSPD, two from RMP, five MAF officers and three other ranks together with 183 participants from ASEAN dan Plus Countries have undergone Practical Exercise (PE) and Table Top Exercise (TTx) co-organized by Indonesia dan United States of America. The exercise covered the threat on LNG ship, main event and the threat of Man Portable Air Defence (MANPAD) weapon system over commercial flights.

l) Cyber Security

2nd Seoul Defence Dialogue (SDD).

Ministry of Defence have sent one delegation to attend the 2nd Seoul Defence Dialogue di Westin Chosun, Seoul, Republic of Korea from 11 until 13 December 2013. For this year SDD focus on cyber security where our PSPD officer involved in the Expert Working Group (EWG) on Cyber Security discussion and became of the panel on the topic of international laws on cyber security. The three days event has gathered government officials, subject matter experts and academician from Asia Pacific countries and the European Union (EU) to discuss on current security issues particularly at East Asia region.

m) Taklimat Dasar Pertahanan Negara

Sebanyak 11 taklimat Dasar Pertahanan Negara (DPN) telah diadakan pada tahun 2013. Taklimat DPN merupakan antara inisiatif berterusan yang dilaksanakan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik sebagai salah satu langkah confidence building. Selain daripada mengadakan taklimat kepada agensi dan badan tempatan, taklimat turut disampaikan secara berkala kepada pegawai-pegawai pertahanan dan tentera daripada negara asing.

n) Persidangan Parlimen Bagi Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas Tahun 2013 (Dewan Rakyat dan Negara) 24 Jun – 19 Disember 2013

Persidangan Parlimen bagi Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas Tahun 2013 telah bermula dengan Mesyuarat Pertama pada 24 Jun hingga 1 Ogos 2013, Mesyuarat Kedua pada 23 September hingga 10 Oktober 2013 dan Mesyuarat Ketiga pada 21 Oktober hingga 19 Disember 2013.

Di sepanjang persidangan Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas Tahun 2013, sebanyak 76 Soalan Lisan dan 33 Soalan Bukan Lisan telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada Kementerian Pertahanan bagi Dewan Rakyat manakala bagi Dewan Negara sebanyak 37 Soalan Lisan dan 4 Soalan Bukan Lisan telah diajukan kepada Kementerian Pertahanan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator. Jumlah keseluruhan soalan yang telah diajukan kepada Kementerian Pertahanan adalah 150 soalan iaitu 113 soalan lisan dan 37 soalan bukan lisan.

m) Briefings on National Defence Policy

In 2013, a total of 11 briefings on the National Defence Policy were conducted. The briefing on the National Defence Policy is a continuous initiative by the Policy and Strategic Planning Division as part of a confidence building measures. Apart from conducting briefings to the locals, periodical briefings to foreign defence and military officials were also conducted.

n) First Session of Thirteenth Parliament Year 2013 (House of Representatives and House of Senate) 24th June – 19th December 2013

The First Session of the Thirteenth Parliament 2013 commenced with The First Meeting on the 24th June till the 1st August 2013, the Second Meeting from the 23rd September till the 10th October 2013 and the Third Meeting from the 21st October till 19th December 2013.

During the First Session of the Thirteenth Parliament, 76 Oral Questions and 33 Questions for Written Reply were forwarded to the Ministry of Defence by the Members of Parliament from the House of Representatives whereas 37 Oral Questions and 4 Questions for Written Reply were forwarded to the Ministry in the House of Senate bringing to a total of 150 questions, i.e. 113 Oral Questions and 37 Questions Written Reply.

Antara isu-isu yang telah ditanya oleh Ahli-Ahli YB ialah mengenai keupayaan dan pertahanan negara yang berkait dari isu pencerobohan di Lahat Datu, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), perolehan dan selenggaraan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM), National Blue Ocean Strategy (NBOS) dan Projek Jiwa Murni, pembinaan kem baru dan kebajikan anggota dan veteran ATM. Semasa sesi Dewan Rakyat sebanyak 4 soalan telah dijawab oleh YB Menteri di Parlimen dan 13 soalan telah dijawab oleh YB Timbalan Menteri manakala semasa sesi Dewan Negara, sebanyak 4 soalan telah dijawab oleh YB Timbalan Menteri di Parlimen.

o) Inovasi

Sepanjang tahun 2013, Unit Inovasi telah berjaya melaksanakan beberapa program Inovasi yang melibatkan Sektor Awam dan Tentera. Program-program tersebut termasuklah Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2013, Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Program Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) Kementerian dan Pensijilan MS ISO 9001:2008. Antara pencapaian terbaik yang diperoleh adalah:

- Tempat Kedua dalam Anugerah Inovasi Negara Bagi Kategori Perkhidmatan;
- Tiada NCR dalam Audit Pematuhan MS ISO 9001:2008;
- Anugerah Khas 1 Inovasi Bagi Kategori Teknikal Dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan

Amongst the issues raised by the Members of Parliament were the capabilities and the country's defence in relation to the Lahad Datu intrusion, the National Service Training Programme, Procurement and Maintenance of the Armed Forces assets, building of new camps, the National Blue Ocean Strategy, Projek Jiwa Murni and welfare of veterans and personnel of the Armed Forces. During the First Session in The House of Representatives, the Minister of Defence answered 4 questions in Parliament and the Deputy Minister of Defence answered 13 questions whereas in The House of Senate, the Deputy Minister of Defence answered 4 questions in Parliament.

o) Innovation

In 2013, the Innovation Unit had successfully implemented a number of innovation programmes which involved the Public Sector and the Armed Forces. The programmes include The Ministry of Defence Innovation Awards Competition 2013, The Innovative and Creative Circle Competition (ICC), The Quality Environment Programme (5S) and the MinDef MS ISO 9001:2008. Among the accolades won are:

- *The First Runner-up in the Anugerah Inovasi Negara Bagi Kategori Perkhidmatan;*
- *Zero NCR in the MS ISO 9001:2008 Audit Compliance;*
- *Special Award for Anugerah Khas 1 Inovasi Bagi Kategori Teknikal Dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) in the National Level*

p) Bengkel Hala Tuju Strategik, Pencapaian dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2013/2014 Kementerian Pertahanan

Bengkel Hala Tuju Strategik, Pencapaian dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2013/2014 Kementerian Pertahanan telah dilaksanakan pada 15 hingga 18 Disember 2013 bertempat di Thistle Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Y.Bhg Dato' Sri Dr. Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan dihadiri oleh semua Ketua Jabatan/Bahagian Kementerian Pertahanan.

Mulai 2012, Kementerian Pertahanan telah merancang, menggubal dan menetapkan Pelan Strategik Kementerian bagi tempoh selama 5 tahun berdasarkan pendekatan baru Outcome Based Budgeting (OBB) sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan baru dalam Sistem Pentadbiran dan Pengurusan Sumber dan Kewangan Negara. Pelan Strategik ini diterapkan kepada 8 Program Kementerian dan 8 Keberhasilan (Outcome) Kementerian.

Bengkel ini menganalisa pencapaian keseluruhan pelaksanaan sasaran kerja untuk tahun 2013 dan merangka pendekatan serta strategi pelaksanaan bagi tahun 2014.



p) *MinDef's Strategic Direction, Target Annual Work 2013/2014 Workshop*

Ministry of Defence Malaysia held it's Strategic Direction, Target Annual Work 2013/2014 Workshop on the 15th to 18th of December 2013 at Thistle Port Dickson, Negeri Sembilan. The workshop was chaired by the Secretary General of The Ministry of Defence, Y. Bhg Dato' Sri Dr. Ismail bin Haji Ahmad and attended by the Heads of the Departments/Divisions of the Ministry.

In 2012, the Ministry has formulated its 5-year Strategic Plan based on the Outcome-Based Budgeting (OBB); a new approach introduced by the Ministry of Finance. This is in accordance to the implementation of the Administration and Resources Management System. The Strategic Plan has been incorporated into 8 Ministerial Programmes and 8 Ministerial Outcomes.

This workshop reviewed the overall performance in 2013 and develop approaches and implementation strategies for programmes and activities for 2014.



MinDef's Strategic Direction, Target Annual Work 2013/2014 Workshop on 15th-18th of December 2013

q) Penarafan Bintang (SSR) oleh MAMPU Tahun 2012

Pada 11 hingga 15 Jun 2012, Kementerian Pertahanan telah dinilai buat kali yang ketiga dalam pelaksanaan Sistem Star Rating (SSR) yang mula diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sejak tahun 2007. Kementerian Pertahanan telah diukur prestasi dan pencapaian melalui pelaksanaan dasar, program, aktiviti utama, fungsi, teras perkhidmatan dan tanggungjawab kepada stakeholder yang perlu dilaksanakan selaras dengan indikator-indikator khusus yang terkandung dalam kriteria penilaian oleh pihak MAMPU.

Secara keseluruhannya, kesemua warga MinDef telah memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan Penarafan Bintang (SSR) Tahun 2012 oleh MAMPU. Surat ucapan tahniah dari Ketua Pengarah MAMPU kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah diterima di atas kejayaan mendapat 5 Bintang bagi tahun 2012, dengan markah sebanyak 94.84%.



q) Star Rating Evaluation by MAMPU 2012

From 11th to 15th of June 2012, MinDef underwent a Star Rating evaluation by the Malaysia Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU), which was first introduced by the agency in 2007. The Ministry was evaluated on its achievements in implementing policies, programmes, main activities, functions, core services and responsibilities to the stakeholders in accordance to specific indicators developed by MAMPU.

Overall, MinDef received full commitment and cooperation from all level of management in realising the evaluation. MinDef attained a 5-star rating and received certificate as commendation.




The Opening Ceremony of Star Rating Evaluation by MAMPU

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR DASAR
POLICY SECTOR

Bahagian Industri Pertahanan
Defence Industry Division



BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN *DEFENCE INDUSTRY DIVISION*

MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA (MIDES)

Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) merupakan satu platform bagi pelbagai Agensi dan Jabatan Kerajaan yang terlibat dalam sektor pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan untuk berinteraksi dan membincangkan isu-isu semasa berkaitan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan. MIDES juga bertindak sebagai pemudahcara dan perantara antara industri dan kerajaan berhubung dengan dasar-dasar yang berkaitan serta memformulasikan pelan tindakan untuk membangunkan industri ke satu tahap yang berdikari dan berdaya saing di peringkat global.

Bagi sepanjang tahun 2013, beberapa aktiviti utama MIDES telah diadakan, antaranya;

- i. Programme 2nd Malaysia – France Defence SME Partnership Seminar 2013 pada 15-16 Januari 2013 di MECC, Kuala Lumpur;



Program dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia
Inauguration ceremony by Honorable Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad, Deputy Minister of Defence Malaysia.

MALAYSIAN INDUSTRY COUNCIL FOR DEFENCE, ENFORCEMENT AND SECURITY (MIDES)

The Malaysian Industry Council for Defence, Enforcement and Security (MIDES) is a platform for defence and security related Government agencies and departments as well as local industry players to discuss matters pertaining to the development of the defence, enforcement and security industry. MIDES also acts as a facilitator and mediator between the industry players and the Government in determining the way forward and action plans for the development of the industry towards becoming a self-reliant, sustainable and competitive player in the global defence and security industry scene.

For 2013, there were several important activities undertaken relating to the development of local defence industry. They include;

- i. 2nd Malaysia – France Defence SME Partnership Seminar 2013 held on the 15-16 January 2013 at MECC, Kuala Lumpur;*



Antara tetamu kehormat dari Malaysia dan Perancis yang menghadiri Seminar tersebut.
VVIP from Malaysia and France attending the Seminar.



Perasmian Direktori MIDES 2013 serta majlis penyerahan Cek Sumbangan Tabung Perwira Lahad Datu di perkarangan booth MIDES di LIMA '13.
Hon. Dato' Seri Dr. Zahid bin Hamidi, Minister of Defence Malaysia officiating the new MIDES Directory 2013 at MIDES booth during LIMA '13.




Booth Pameran MIDES di LIMA '13.
MIDES exhibition booth at LIMA '13.



Booth Pameran MIDES di pameran SMIDEX '13.
MIDES Exhibition booth at SMIDEX '13



Kunjungan YB Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri, Timbalan Menteri MITI ke booth pameran MIDES.
Hon. Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri, Deputy Minister of Trade and Industry signing the Guest Book at MIDES booth during SMIDEX '13



Sesi menandatangani MoU antara syarikat Malaysia dan Perancis
One of the many MoU signing between Malaysian and French defence companies



Sesi menandatangani MoU antara MIDA dan GIFAS di pameran Paris Air show
MoU signing between MIDA and GIFAS.

ii. Pelaksanaan Booth MIDES di pameran Langkawi International Maritim & Aerospace Exhibition (LIMA '13) pada 26-30 Mac 2013 di Langkawi, Kedah;

ii. MIDES exhibition booth at Langkawi International Maritim & Aerospace Exhibition (LIMA '13) on the 26th – 30th March 2013 in Langkawi, Kedah;

iii. Pameran MIDES di pameran SMIDEX '13 pada 12-14 Jun 2013 di KLCC, Kuala Lumpur;

iii. MIDES exhibition booth at SMIDEX '13 held on the 12th – 14th June 2013 in KLCC, Kuala Lumpur;

iv. *Specialised Marketing Mission (SSM) on Defence & Security Paris Airshow, Le Bouget Perancis pada 17-21 Jun 2013;*

iv. Specialised Marketing Mission (SSM) on Defence & Security Paris Airshow, Le Bouget France held on the 17th – 21th June 2013;

- v. Malaysia-Italy Defence and Dual-Use SME Partnership Seminar pada 2 Julai 2013 di MECC, Kuala Lumpur;
- vi. Booth pameran MIDES di Karnival Kedaulatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Negara (4KN) pada 11-12 Oktober 2013 di RTC Kota Bharu, Kelantan;
- vii. Programme For Specialised Marketing Mission on Defence Related Industry to Myanmar pada 20-23 November 2013 di Yangon, Myanmar.
- viii. Booth MIDES di pameran Brunei Darussalam Defence Exhibition And Conference (BRIDEX'13) pada 3-6 Disember 2013 di Brunei Darussalam.

HUBUNGAN DUA HALA DAN PELBAGAI HALA INDUSTRI PERTAHANAN

Ke arah memperkasakan industri pertahanan serta mengukuhkan lagi hubungan diplomatik dengan negara luar, Bahagian Industri Pertahanan telah menganjurkan dan menghadiri lapan Mesyuarat Kumpulan Kerja Industri Pertahanan dan dua Mesyuarat Jawatankuasa Bersama sepanjang tahun 2013. Daripada lapan Mesyuarat Kumpulan Kerja tersebut, empat telah dianjurkan oleh Malaysia sebagai tuan rumah iaitu Mesyuarat Kumpulan Kerja Ketiga Malaysia-Sweden pada Mei 2013; Mesyuarat Kumpulan Kerja Kesembilan Malaysia-Pakistan pada September 2013; Mesyuarat Kumpulan Kerja Kesebelas Malaysia-Rusia pada Oktober 2013; dan Mesyuarat Kumpulan kerja Keduabelas Malaysia-Perancis pada Disember 2013.

Empat lagi mesyuarat seterusnya telah diadakan di luar negara, iaitu Mesyuarat Kumpulan Kerja Ketujuh Itali-Malaysia yang diadakan di Rome, Itali pada Jun 2013; Mesyuarat Kumpulan Kerja Kelapan India-Malaysia di New Delhi, India pada Jun 2013;

- v. *Malaysia-Italy Defence and Dual-Use SME Partnership Seminar held on the 2nd July 2013 at MECC, Kuala Lumpur;*
- vi. *MIDES exhibition booth at Karnival Kedaulatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Negara (4KN) held on the 11th – 12th October 2013 at RTC Kota Bharu, Kelantan;*
- vii. *Specialised Marketing Mission on Defence Related Industry to Myanmar held on the 20th – 23th November 2013 in Yangon, Myanmar.*
- viii. *Booth MIDES di pameran Brunei Darussalam Defence Exhibition And Conference (BRIDEX'13) pada 3-6 Disember 2013 di Brunei Darussalam.*

BILATERAL AND MULTILATERAL DEFENCE INDUSTRY COOPERATION

*Towards enhancing the development of Malaysian defence industry and strengthening diplomatic relations with other countries, Defence Industri Division has hosted and attended **8 Defence Industry Working Group Meetings** and **2 Joint Committee Meetings** throughout the year 2013. Of these, 4 DIWG Meetings were hosted by Defence Industry Division and held in Malaysia namely the Third Malaysia – Sweden Defence Industry Working Group Meeting in May 2013; the 9th Malaysia-Pakistan Joint Committee on Defence Science, Technology and Industry Cooperation Meeting (JCDSTIC) in September 2013; 11th Meeting Malaysia - Russia Working Group on Cooperation in the Field of Defence Industry; 12th Malaysia-France Defence Industry Working Group & Education And Training Working Group Meeting in December 2013.*

*Four Meetings were held in the host countries namely 7th **Italy**-Malaysia Defence Industry Working Group Meeting in Rome, in June 2013; the 8th **India**-Malaysia Joint Sub Committee On Defence Industry, Science And Technology Cooperation (JSCDISTC) Meeting in New Delhi in June 2013;*

Mesyuarat Kumpulan Kerja Pertama Republik **China** - Malaysia di Beijing, China pada November 2013; dan Mesyuarat Kumpulan Kerja Kedua **United Kingdom**-Malaysia di London, UK pada Disember 2013. Dua Mesyuarat lain yang telah diadakan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Bersama adalah Mesyuarat Kerjasama Keenam Malaysia-Filipina yang berlangsung di Kuala Lumpur pada November 2013 dan Jawatankuasa Brunei-Malaysia di Bandar Seri Begawan, Brunei di Bandar Seri Begawan juga pada November 2013.

Mesyuarat yang berlangsung diadakan telah menjadi platform bagi meneruskan perbincangan mengenai perkara-perkara berbangkit daripada mesyuarat lepas serta meneroka keupayaan sedia ada, terutamanya untuk memperkasakan lagi industri pertahanan tempatan. Sekaligus, semua mesyuarat yang berlangsung telah dapat membuka lebih banyak peluang untuk industri pertahanan tempatan dalam menghasilkan kerjasama industri serta memperkenalkan pembangunan keupayaan dan kecekapan yang berkaitan.

LIMA`13

Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2013 (LIMA`13) yang berlangsung selama 5 hari dari 26 – 30 Mac 2013 di Pulau Langkawi, Kedah telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi dengan diiringi oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Antara yang turut hadir semasa majlis perasmian adalah YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Kabinet serta bekas Perdana Menteri iaitu YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan pengasas pameran LIMA. Selain itu, tetamu-tetamu luar negara termasuk 5 Menteri Pertahanan asing dan 3 Timbalan Menteri Pertahanan asing serta ketua-ketua eksekutif syarikat pertahanan antarabangsa juga turut hadir.

*The 1st People Republic of **China**-Malaysia Defence Industry Working Group (DIWG) in November 2013; and the 2nd **United Kingdom** - Malaysia Defence Industry Working Group (DIWG) in London in December 2013. Another two Meetings were held together as part of the Joint Committee Meetings which were the 6th Malaysia-Philippines Combined Committee on Defence Cooperation (CCDC) Meeting in Kuala Lumpur in November 2013 and the Joint Committee Meeting Brunei Darussalam-Malaysia in Bandar Seri Begawan in November 2013.*

Most of the meetings were held to continue the momentum of discussions on outstanding matters from previous meetings as well as to explore and renew existing capabilities, especially in relation to the development of local defence industry.

LIMA`13

LIMA was held for five days from 26 – 30 Mac 2013 in Langkawi, Kedah and officiated by the Prime Minister, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, at Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi accompanied by Minister of Defence, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. The event was also attended by the YB Deputy Prime Minister and Cabinet Ministers, as well as former Prime Minister, YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad, who was the founder of LIMA's exhibition. Foreign guests include Ministers of Defence and Executive Heads of International Defence companies. In addition, overseas guests including 5 foreign Defense Minister and three Deputy Defense Minister of foreign and chief executives of international defense companies were also presented.

Pameran LIMA`13 sekali lagi telah memfokuskan kecanggihan teknologi yang dipamerkan daripada komponen aeroangkasa dan komponen maritim. Dewan dan perkarangan MIEC menjadi tempat bagi pameran aeroangkasa serta pertunjukan udara. Manakala pameran statik kapal-kapal perang dan demonstrasi bot diadakan di Awana Porto Malai.

LIMA`13 pada kali ini berjaya menarik penyertaan sebanyak 433 syarikat daripada 31 buah negara. Sebanyak 226 agensi dan syarikat industri pertahanan tempatan mengambil bahagian dalam pameran LIMA`13. Lebih membanggakan ialah syarikat Malaysia iaitu Boustead Heavy Industries Corporation Berhad muncul sebagai pempamer terbesar dalam LIMA`13 tersebut. Antara syarikat-syarikat pertahanan utama dunia yang menyertai LIMA`13 ialah EADS, BAE Systems, Finmeccanica, Rosoboronexport, Eurocopter, Thales dan DCNS Group. Manakala syarikat-syarikat tempatan antaranya ialah Airod, DRB-Hicom, Boustead Naval Shipyard, CTRM, Sapura, System Consultancy Services, Zetro Services, Satang Jaya, Heitech Padu dan Malaysia Airlines System.

Kejayaan penganjuran LIMA`13 dibuktikan apabila merekodkan jumlah pengunjung yang paling ramai dalam sejarah penganjurannya iaitu 186,063 berbanding 160,000 pada penganjuran sebelumnya (LIMA`11). Kehadiran pengunjung terdiri daripada pelawat perdagangan dan pelawat awam. Pameran juga telah menjadi medan persaingan yang paling sengit antara pembuat-pembuat jet tempur dari seluruh dunia untuk menarik perhatian bakal-bakal pembeli bagi pesawat pejuang pelbagai guna atau Multirole Combat Aircraft (MRCA). Beberapa model jet pejuang seperti pesawat Eurofighter Typhoon, Boeing Super Hornet F-18, JAS-39 Gripen, dan Dassault Rafale telah dibawa khas ke Langkawi untuk memperagakan keupayaan tempur dan ketangkasan teknologi masing-masing.

LIMA`13 involved aerospace and maritime components. The static exhibition and air show were held inside the hall and outside MIEC respectively. Static exhibition of warships and boat demonstration were held at Awana Porto Malai.

LIMA`13 was attracted 433 companies from 31 countries. 226 local companies have participated in LIMA`13. Malaysian group of companies Boustead Heavy Industrie Corporation Berhad became the biggest exhibitor in LIMA`13. Other big defence companies in the world that participated include EADS, BAE Systems, Finmeccanica, Rosoboronexport, Eurocopter, Thales and DCNS Group and exhibition by the local companies include Airod, DRB-Hicom, Boustead naval Shipyard, CTRM, Sapura, System Consultancy Services, Satang Jaya, Heitech Padu and Malaysian Airlines System.

The success of LIMA`13 was proven through the number of visitors where there were about 186,063 visitors compared to 160,000 visitors on previous (LIMA`11). The presence of visitors made from consisting of trade and public visitors. Competition was apparent amongst the fighter jet or Multirole Combat Aircraft (MRCA) makers. Fighter jets such as Eurofighter Typhoon, Boeing Super Hornet F-18, JAS-39 Gripen and Dassault Rafale were brought to Langkawi to show off their fighting capabilities and technological advancement.

Pameran LIMA`13 turut diserikan oleh pertunjukan udara daripada Tim Pertunjukan KRISAKTI melibatkan pesawat Extra 300L buat kali ke-2 menayangkan kehebatan juruterbang tempatan membuat aksi-aksi menarik dan pertunjukan aerobatik. Aset strategik negara kapal selam KD Tun Razak juga telah mempamerkan wajahnya dengan timbul dan berlabuh di perairan Langkawi dan dipertontonkan kepada pelawat LIMA di Awana Porto Malai.

Kehadiran tetamu dari luar negara untuk memeriahkan LIMA`13 telah memberikan nilai tambah kepada pameran ini di samping dapat mengeratkan lagi hubungan dalam bidang pertahanan antara Malaysia dan negara-negara delegasi yang hadir. Seramai 333 tetamu kerajaan asing berserta pengiring daripada 38 buah negara yang terdiri pegawai tertinggi awam, pertahanan dan tentera serta agensi keselamatan telah menaikkan prestij LIMA sebagai pameran ternama di rantau ini. Pameran LIMA`13 juga merekodkan pencapaian kehadiran Menteri Pertahanan luar negara seramai 4 orang iaitu Menteri Pertahanan negara Oman, United Kingdom, Sudan, Indonesia dan Singapura diwakili oleh Menteri Pengangkutan. Turut hadir juga, Timbalan Menteri Pertahanan negara iaitu Perancis, Republik Czech dan Iran.

LIMA`13 telah merekodkan sebanyak 24 kontrak / MOU / LOA / LOI yang melibatkan antara kerajaan dengan syarikat serta antara syarikat dengan syarikat yang bernilai RM4.2 billion. Manakala jumlah dagangan bagi kontrak dan MOU yang dimeterai di antara syarikat swasta sepanjang LIMA`13 adalah sebanyak 10 transaksi. Namun begitu, nilai kontrak dan MOU antara syarikat dengan syarikat swasta tidak didedahkan kepada umum atas pertimbangan komersil.

LIMA`13 was also made alive with the air show by the KRISAKTI involving Extra 300L aircrafts for the skills and acrobatic show. National strategic asset, KD Tun Razak submarine was also shown to the public coming to the surface and berthed at Awana Porto Malai.

The presence of the foreign guests had contributed added value to the exhibition apart from enabled stronger ties between Malaysia and the delegations. 333 guests from foreign governments together with accompanying officers from 38 countries consisting of high rank civilian, defence and military personnel as well as the security agencies had managed to improve the prestige of LIMA as one of the most well known exhibitions in the region. Defence Ministers who attended the exhibition were the Defence Ministers of the Oman, United Kingdom, Sudan, Indonesia and Singapore (Ministers of Transport). As for French, Czech Republic and Iran, their Deputy Minister of Defence has attended this grand exhibition.

LIMA`13 has recorded 24 contracts / MOU / Letter of Agreement / Letter of Intent worth RM4.2 billion. Trade value for contracts and MOUs entered into between private companies throughout LIMA`13 was 10 transactions. Due to commercial consideration, the value of the MOU between the private companies was not disclosed.

GAMBAR LIMA`13 PHOTOS OF LIMA`13



Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan menyaksikan MOU di antara MARA dengan syarikat SAFRAN Snecma semasa lawatannya ke booth MARA di Pameran LIMA`13.

Prime Minister and Defence Minister witnessed the MOU between Snecma Safran and MARA Company during his visit to MARA's booth at LIMA`13.



YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak diiringi YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi menuju ke dewan MIEC.
YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak accompanied by Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi heading to the hall MIEC.



Perdana Menteri diiringi Menteri Pertahanan, Panglima Tentera Darat dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan melawat booth pameran LIMA`13.
The Prime Minister accompanied by Minister of Defence, Chief of Army and the Secretary General of the Ministry of Defense during booth visiting at LIMA`13.



Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan melawat booth pameran LIMA`13.
Chief Secretary to the Government of Malaysia (KSN) with the Secretary General of the Ministry of Defence during booth visiting at LIMA`13.



Perdana Menteri bersama Menteri Pertahanan melawat booth syarikat DCNS
Prime Minister with Defence Minister visiting DCNS Company's booth

PAMERAN LIMA '13
SHOW LIMA '13



PAMERAN LIMA '13
SHOW LIMA '13



PROGRAM OFFSET

Kerajaan Malaysia amat komited untuk membangun dan mengembangkan pertumbuhan serta peningkatan keupayaan ekonomi dan teknologinya. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggunakan kelebihan daripada Perolehan Kerajaan yang berimpak tinggi untuk menyokong hasrat tersebut melalui pelaksanaan program offset dan program penguatkuasaan ekonomi (PPE).

Program-program ini adalah penting agar mendapat nilai terbaik bagi setiap perolehan pertahanan, iaitu yang bernilai RM 50 juta dan ke atas. Manfaat yang diperoleh Malaysia adalah melalui perkongsian pengetahuan dan perpindahan teknologi dari luar negara kepada institusi pertahanan negara dan juga industri pertahanan negara. Pada tahun 2013, offset dan PPE telah dipantau secara berterusan untuk memberi impak positif kepada Angkatan Tentera Malaysia, syarikat-syarikat industri pertahanan tempatan dan institusi pertahanan terutamanya dari segi kecekapan modal insan.

Pada masa ini, kontrak perolehan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang melibatkan program-program offset dan PPE termasuklah perolehan bagi kenderaan perisai AV-8 melalui DRB Hicom Defence Technologies Sdn Bhd (Deftech), Network Centric Operation (NCO) melalui Sapura Holdings Sdn Bhd, Sewaan satelit komunikasi X-Band melalui Astrium SAS France, pembelian senapang Colt M4 Carbine melalui SME Ordnance Sdn Bhd, pembelian 2 unit Kapal Latihan melalui NGV Tech Sdn Bhd, dan pembelian 6 buah kapal Littoral Combat Ship (LCS) melalui Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd.

OFFSET AND ECONOMIC ENHANCEMENT PROGRAMMES

The Government of Malaysia is fully committed in developing the nation's competitiveness by enhancing its economic and technological capabilities. It is the policy of The Government to utilise the instrument of Government Procurement leverage, through offset and Economic Enhancement Programme (EEP) to support and further develop the country.

The programmes are important to obtain the best value for the acquisition of defence systems at threshold value of RM 50 million and above to trigger the obligation of offset for foreign OEM, and RM100 million and above for local contract holder to trigger EEP. They are beneficial to Malaysia as they provide for transfer of knowledge and industrial technology, more specifically to the parties in the defence and defence industry sector. In 2013, the offset and EEP were continuously monitored so as to give positive impacts to the armed forces personnel, local defence industry companies and the defence institutions especially in terms of the competencies of the human capital.

Currently, procurement contract in the 10th Malaysia Plan involving offset and EEP programmes included acquisition for armoured vehicle AV-8 with DRB Hicom Defence Technologies Sdn Bhd (Deftech), Network Centric Operation (NCO) with Sapura Holdings Sdn Bhd, Leasing of X-Band satellite for communication with Astrium SAS France, acquisition of rifle Colt M4 Carbine with SME Ordnance Sdn Bhd, acquisition of 2 units Training Ship with NGV Tech Sdn Bhd, and acquisition of 6 units Littoral Combat Ship (LCS) with Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd.



Senapang Colt M4 Carbine 5.56mm yang digunakan oleh Tentera Darat Malaysia melalui pembelian oleh SME Ordnance Sdn. Bhd.
 5.56mm Colt M4 Carbine rifle used by the Malaysian Army through the purchase by SME Ordnance Sdn. Limited



Kereta perisai 8 x 8 Armor Personal vehicle (APV) pembelian melalui DRB Hicom Defence Technologies Sdn. Bhd. (Deftech).
 8 x 8 armored cars Armor Personal vehicle (APV) purchase via DRB Hicom Defence Technologies Sdn. Limited. (Deftech).




Kapal Littoral Combat Ship (LCS) pembelian melalui Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.
 Vessels Littoral Combat Ship (LCS) acquisition by Boustead Naval Shipyard Sdn. Limited.

<p>Universal 3-Axis Overhead Crane System provides positive control movement of mission modules and offboard vehicles for safe and efficient launch, recovery and handling</p>	<p>Flight Deck size is over 1.5 times that of current surface combatants and uses universal Trigon traversing system</p>	<p>Weapon Module Stations accommodate mission module weapons</p>	<p>Aircraft Hangar size is 2 times that of current surface combatants with space for 2 H-60 helos or 1 H-60 helo and 3 VTUAVs</p>	<p>Modular Weapon Zone accommodates a variety of offensive & defensive weapons</p>
<p>Stern Ramp with near waterline access allows safe launch and recovery of watercraft while ship is underway</p>	<p>Side Door close to waterline access provides second launch and recovery point and accommodates underway replenishment</p>	<p>Large Reconfigurable Volume provides mission flexibility</p>	<p>Fully Integrated Communications Suite introduces the submarine common radio room into the surface fleet for commonality</p>	<p>Mission Systems include COMBATSS-21, which integrates proven open architecture components from Aegis, SSDS, and SQQ-89 with ruggedized COTS total ship computing environment</p>

**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA**

**SEKTOR DASAR
POLICY SECTOR**

Depot Simpanan Pertahanan
Defence Storage Depot



DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN DEFENCE RESERVE DEPOT

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2013

Depot Simpanan Pertahanan (DSP) adalah sebuah organisasi yang terletak di bawah Sektor Timbalan Ketua Setiausaha Dasar – TKSU (D). Objektif umum DSP ialah untuk menyimpan peralatan bagi melengkapkan 2 Kumpulan Briged dan memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan siap siaga (Evereadiness) untuk kegunaan semasa negara berada dalam keadaan darurat dan juga aman. Pada masa yang sama DSP juga menguruskan keperluan Stok Bantuan Kemanusiaan (SBK) bagi tujuan bantuan kemanusiaan sama ada di dalam atau di luar negara.



1. SUMBER MANUSIA DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

1.1 Perjawatan dan Pengisian

Perjawatan di DSP adalah terdiri daripada perjawatan awam dan perjawatan tentera. Jumlah keseluruhan perjawatan di DSP adalah sebanyak 287 perjawatan. Jumlah perjawatan awam adalah sebanyak 141 jawatan, daripada jumlah tersebut sebanyak 78 perjawatan telah diisi (55.32%) manakala 63 perjawatan masih kosong. Bagi perjawatan tentera pula adalah sebanyak 146 perjawatan, daripada jumlah itu sebanyak 82 (56.16%) perjawatan telah diisi manakala 64 perjawatan masih kosong. Kedudukan perjawatan-perjawatan di DSP adalah seperti di Jadual 1.

ACHIEVEMENT REPORT 2013

Defence Reserve Depot (DSP) is an organization that has been placed under Deputy Chief Policy Secretary Sector – TKSU (D). The main objective of this depot is to restore all equipments to complete Two Brigade Team and to ensure that it is always at its preparedness to be used during peace and war time. At the same time, DSP also has been given new tasks to manage the Humanitarian Aid Stock (SBK) to be used in humanity assistance within or outside of the country.




1. HUMAN RESOURCE DEPARTMENT OF DEFENCE RESERVE DEPOT

1.1 Employment and Vacancy

The Employment in the DSP is consists of public and military posts. The total number of the posts in DSP until now is 287 posts. 141 posts are for civilians. From the amount, 78 posts has been filled in (55.32) whereby 63 posts still available. For military posts, there are 146 posts in total with 82 (56.16%) has been filled in. The balance, 64 posts are still available. The posting structure at DSP is shown in Table 1.

Jenis Perkhidmatan <i>Type of Services</i>	Perjawatan Yang Diluluskan <i>Posts that Approved</i>	Perjawatan Yang Diisi <i>Posts that Filled in</i>	Kekosongan <i>Vacancy</i>	Peratus Pengisian <i>Percentage of Fulfillment</i>
Pegawai dan Kakitangan Awam <i>Officer and Civil Servants</i>	141	78	63	55.32%
Pegawai dan Lain-Lain Pangkat ATM <i>Officers and Other Ranks</i>	146	82	64	56.16%
JUMLAH TOTAL	287	160	127	55.75%

Jadual 1
 Perjawatan DSP Sehingga 31 Disember 2013
DSP Posts Until 31st December 2013



Carta Palang Perjawatan di DSP
Bar Chart For Posts In Dsp

1.2 Kursus dan Latihan DSP

Bagi Tahun 2013, beberapa siri latihan dan pelbagai kursus telah dilaksanakan oleh DSP. Secara keseluruhannya warga awam DSP telah menghadiri kursus-kursus sama ada kursus-kursus anjuran DSP atau anjuran BPSM / INTAN dengan jayanya. Statistik kehadiran kursus mengikut Kategori Jumlah Hari Kursus yang telah dihadiri seramai 78 warga awam DSP sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

- 1.2.1 Lebih 7 hari setahun - 72 orang (92.31%)
- 1.2.2 Kurang 7 hari setahun - 6 orang (7.69%)



Kursus MS ISO di Melaka

1.3 Aktiviti Sukan dan Riadah

Aktiviti sukan dan riadah telah dilaksanakan pada setiap petang Jumaat bagi semua staf DSP (awam dan tentera) dengan mengadakan aktiviti senamrobik, sukan badminton, bolatampar dan bola sepak. Aktiviti riadah ini dilihat dapat mengeratkan silaturahmi di kalangan warga DSP selain mengekalkan tahap kecergasan fizikal dan mental kakitangan.

1.2 DSP Courses and Training

In 2013, series of training and other courses has been executed by DSP. Overall, people in DSP have successfully attended the courses organized by DSP or BPSM/INTAN. The course attendance statistic is based on the Total Course Duration that has been attended by DSP public workers in 2013 is shown as follows:

- 1.2.1 *More than 7 days a year - 72 people (92.31%)*
- 1.2.2 *Less than 7 days a year - 6 person (7.69%)*
- 1.2.3 *Not attending courses - 1 person (0.85%)*



Aktiviti Sukan dan Riadah DSP

1.3 Sports and Recreation

Sports and recreation activity conducted every Friday evening for all DSP staff (civilians and military). Other than sustaining their physical and mental only, activities such as aerobic, badminton, volleyball and soccer will strengthen the relationship among DSP's staff.



Program Kembara Duga Askar Wataniah Kementerian Pertahanan pada 26 hingga 28 November 2013



1.4 Program Kembara Duga Askar Wataniah Kementerian Pertahanan

Program Kembara Duga Askar Wataniah Kementerian Pertahanan telah dilaksanakan pada 26 hingga 28 November 2013 di Kuala Tahan, Taman Negara Pahang Darul Makmur. Objektif program ini adalah untuk menambah minat peserta AW untuk menyertai aktiviti, mengerat hubungan di kalangan AW serta meningkatkan jam latihan individu peserta. Seramai 60 peserta AW daripada Rejimen 502 AW dan Rejimen 515 AW termasuk jurulatih telah hadir mengikuti program ini dengan jayanya.

1.5 Kursus Pembangunan Jati Diri Berpasukan Siri I dan II

Kursus Pembangunan Jati Diri Berpasukan DSP Siri I telah berjaya dilaksanakan pada 24 - 26 September 2013 bertempat di Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor Perak manakala Siri II pula telah diadakan di Cherangin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik Pahang bermula pada 18 - 20 November 2013. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan lagi jati diri peserta serta melahirkan generasi kakitangan yang cemerlang dalam perkhidmatan awam.

1.4 Askar Wataniah Treasure Hunt Program

Treasure Hunt for Askar Wataniah held on 26 to 28 November 2013 at Kuala Tahan, Taman Negara Pahang Darul Makmur. The objective of the program is to add interest of askar Wataniah to join the activities and to strengthen their relationship. About 60% participants of Askar Wataniah from 502 and 515 Regiment including the trainer join the program successfully.

1.5 Self Development Course in Team Series I and II.

The course held on 24-26 September 2013 at Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor, Perak for series I and for series II at Cherangin Hills Convention and Spa Resort, Janda Baik, Pahang. The course objective is to upgrade the individual self development and to produce successful generation.



Kursus Pembangunan Jati Diri Berpasukan Siri I dan II

2. Penggunaan ruangan stor DSP untuk Jabatan dan Bahagian Lain

Ruangan gudang yang luas di DSP telah dimanfaatkan oleh pelbagai agensi dalam dan luar Kementerian Pertahanan sebagai ruangan simpanan. Susulan arahan pengeluaran Stok Simpanan Pertahan DSP, masih terdapat banyak ruangan yang boleh dimanfaatkan oleh agensi dalam dan luar Kementerian Pertahanan untuk tujuan penyimpanan.

Berikut adalah bahagian dan Jabatan yang telah menggunakan ruangan di DSP:

- Majlis Keselamatan Negara
- United Nation (World Food Program)
- Jabatan Latihan Khidmat Negara
- Bahagian Akaun (MinDef)

2. Usage of DSP Storage Space for other Divisions.

Vast vacant warehouse space in DSP has been used by various agencies within and outside MinDef as a storage room. Following the withdrawal instruction of Defence stockpile DSP, there are still a lot of space that can be used by agencies within and outside MinDef for storage purpose.

Among the divisions which used DSP storage area:

- *Majlis Keselamatan Negara*
- *United Nation (World Food Program)*
- *Jabatan Latihan Khidmat Negara*
- *Bahagian Akaun (MinDef)*



3. STOK SIMPANAN PERTAHANAN (SSP) DAN STOK BANTUAN KEMANUSIAAN (SBK)

Stok Simpanan Pertahanan (SSP) adalah stok keperluan ketenteraan apabila berlakunya darurat. SSP terdiri daripada pelbagai peralatan penting untuk kegunaan Tentera Darat semasa darurat. Manakala Stok Bantuan Kemanusiaan (SBK) adalah peralatan dan kelengkapan untuk kegunaan kecemasan dan bencana untuk keperluan mangsa di dalam dan di luar negara. SBK terdiri dari barang-barang keperluan asas seperti pakaian, khemah, selimut, kasut dan lain-lain lagi.

3.1 MISI PENGHANTARAN BANTUAN KEMANUSIAAN BAGI MANGSA BANJIR DI PAHANG, TERENGGANU DAN JOHOR DARUL TAKZIM

DSP telah menerima lima (5) permohonan agensi kerajaan dari Pahang, Terengganu dan Johor bagi mendapatkan peralatan Stok Bantuan Kemanusiaan DSP untuk disumbangkan kepada mangsa banjir di negeri-negeri tersebut.

Selaras dengan keperluan kemanusiaan, DSP telah membuat pengeluaran Stok Bantuan Kemanusiaan kepada mangsa banjir di enam (6) kawasan sepanjang Bulan Disember 2013 dan kawasan yang terlibat adalah seperti di Jadual 1.

3. DEFENCE STOCKPILE (SSP) AND HUMANITARIAN ASSISTANCE STOCKS (SBK)

Defence Stockpile (SSP) is a stock of military needs in the event of an emergency. SSP consists of variety of essential equipment from the army during emergency while Humanitarian assistance Stocks (SBK) are the equipment and supplies for use in the emergency and disaster to the needs of the victims within and outside the country. SBK consists of essential items such as clothing, tents, blankets, shoes and others.

3.1 Humanitarian Assistance Mission for Flood Hit Victim in Pahang, Terengganu and Johor Darul Takzim.

DSP received five (5) application from the government agencies in Pahang, Terengganu and Johor to get the Humanitarian Assistance Stocks (SBK) for flood hit victim in six (6) area throughout the month of December 2013. The month affected as shown in Table 1

Bil.	Kawasan & Agensi Terlibat	Tarikh Bantuan	Jumlah Item
1	Pangkalan Udara Kuantan, Pahang	06 Disember 2013	27 Item
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat, Muar	12 Disember 2013	30 Item
3	Pejabat Parlimen Pekan, Pahang	14 Disember 2013	35 Item
4	Jabatan Agama Islam Pahang	17 Disember 2013	30 Item
5	Agensi Pembangunan Masyarakat Kemaman	19 Disember 2013	15 Item
6	Agensi Pembangunan Masyarakat Dungun	19 Disember 2013	14 Item

Jadual 1
Pengeluaran Stok Bantuan Kemanusiaan 2013

4. LAPORAN PRESTASI KEWANGAN 2013


DSP telah diberi Peruntukan Belanja Mengurus (OE) berjumlah RM 1,123,200.00 dengan pecahan Objek Am 10000 (Emolumen) RM 80,000.00 dan Objek Am 20000 (Bekalan dan Perkhidmatan) RM 1,043,200.00

Dari jumlah tersebut DSP telah berjaya membelanjakan sebanyak RM 863,850.87 (76.91%) dan bakinya RM 259,349.13 (23.09%) sahaja.

4. FINANCIAL PERFORMANCE REPORT 2013

DSP has been given Allowance Expenditure (OE) of RM 1,123,200.00 with Fraction Object 10,000 (Emoluments) RM 80,000.00, General Object 20000 (Supplies and services) RM 1,043,200.00.

From the total allocation, DSP has spent a total of RM863,850.87(76.91%) and left the remainder of RM259,349.13 (23.09%) only.



Carta Pai menunjukkan jumlah perbelanjaan kewangan DSP sehingga 31 Disember 2013
The pie charts show a total financial expenditure DSP until December 31, 2013



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN
MANAGEMENT SECTOR

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource Management Division

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE MANAGEMENT DIVISION

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah ditubuhkan pada tahun 1969 dengan nama Bahagian Naziran. Pada 1 Ogos 1985, bahagian ini telah digabungkan dengan Bahagian Perkhidmatan dan dikenali sebagai Bahagian Naziran Perkhidmatan. Berikutan dengan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1968 dan berdasarkan kajian Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2000, semua Bahagian Naziran Perkhidmatan di semua Kementerian telah ditukar kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bagi menyesuaikan dengan peranan yang dilaksanakan pada masa tersebut. Sejak dari itu, peranan BPSM di Kementerian Pertahanan (MinDef) dan di seluruh kementerian telah diselaraskan bagi memainkan peranan sebagai mini JPA.

PROGRAM BPSM TAHUN 2014

Sebagai penggerak kepada kecemerlangan warga MinDef, BPSM telah mengadakan beberapa program di sepanjang tahun 2014 dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam di MinDef. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:


PENGURUSAN PELANTIKAN, PENEMPATAN / PERTUKARAN, GAJI/ELAUN/KEMUDAHAN, HRMIS DAN PERSARAAN

The Human Resource Management Division was established in 1969. It was then named the Inspectorate Division. On August 1, 1985, this division was merged with the Services Division and re-named as the Inspectorate, Staffing and Services Division. In 2000, it was re-named to Human Resource Management Division (HRMD). Since then, this division has functioned as a mini Public Services Department.

PROGRAMMES IN 2014

To improve performance and upgrading the quality of its service in MinDef, HRMD organized the following programs throughout the year:

APPOINTMENT MATTERS, PLACEMENTS, SALARY / ALLOWANCE/BENEFIT, HRMIS AND RETIREMENT



Rajah 1 : Bidang Perkhidmatan
Diagram 1 : Services Area

URUSAN PELANTIKAN

Perkara pelantikan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 seperti di Jadual 1.

APPOINTMENT MATTERS

Appointment Matters processed during 2013 are as in Table 1.

BIL NO	PERKARA PELANTIKAN APPOINTMENT MATTERS	BILANGAN QUANTITY
1.	Menguruskan Penempatan Lantikan Baru <i>New Recruits Placement</i>	227
2.	Pengesahan Pelantikan <i>Appointment Confirmation</i>	234
3.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan <i>Confirmation</i>	333
4.	Pemberian Taraf Berpencen <i>Retirement Status</i>	426
5.	Pelanjutan Tempoh Percubaan <i>Probation Period Extention</i>	16
6.	Meletak / Melepas Jawatan <i>Resignation</i>	17
JUMLAH TOTAL		1,253

Jadual 1 : Perkara Pelantikan Sepanjang Tahun 2013
Table 1 : Service Matter During 2013

PENEMPATAN / PERTUKARAN

Pusingan kerja yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 seperti di Jadual 2.

PLACEMENTS

Job rotation processed completed in 2013 are as in Table 2.

BIL NO	KUMPULAN PERKHIDMATAN GROUP SERVICES	BILANGAN PEGAWAI TERLIBAT NUMBERS OF OFFICERS INVOLVED
1.	Pengurusan & Profesional <i>Management & Professional</i>	83
2.	Kumpulan Sokongan <i>Support Group</i>	1290
JUMLAH TOTAL		1373

Jadual 2 : Pusingan Kerja Sepanjang Tahun 2013
Table 2 : Job rotation for year 2013

GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN

GAJI

Penyediaan Penyata Perubahan Pendapatan (Kew.8) untuk Pergerakan Gaji Tahunan telah diselesaikan seperti di Jadual 3.

SALARY, ALLOWANCES AND BENEFITS

SALARY

Statement of salary changes completed in 2013 are as in Table 3.

PGT PGT	TARIKH SELESAI DATE COMPLETED
Januari <i>January</i>	01 Mac 2013 <i>01 March 2013</i>
April <i>April</i>	15 Mac 2013 <i>15 March 2013</i>
Julai <i>July</i>	15 Mei 2013 <i>15 May 2013</i>
Oktober <i>October</i>	15 Ogos 2013 <i>15 August 2013</i>

Jadual 3 : Pergerakan Gaji Tahun 2013
Table 3 : Salary Changes for 2013

ELAUN DAN KEMUDAHAN

ALLOWANCES AND BENEFITS

BIL NO	ELAUN/KEMUDAHAN ALLOWANCES AND BENEFITS	BILANGAN NUM OF CASES
1	Kelulusan Lawatan Ke Luar Negeri <i>Approval on Foreign Visit</i>	657
2	Tuntutan Elaun Pindah / Tukar <i>Relocation Claims</i>	100
3	Kemudahan Rawatan Perubatan <i>Medical Claims</i>	212
4	Tuntutan Pakaian Istiadat / Rasmi <i>Protocol / Ceremonial Dress Claims</i>	41
5	BIPK/BITPS/BITK/EPW/BIW <i>BIPK/BITPS/BITK/EPW/BIW</i>	113
6	Bayaran Pengurusan Jenazah <i>Funeral Ceremony Claims</i>	49
7	Kelulusan Cuti Tanpa Gaji <i>Un-paid Leave</i>	78
8	Kelulusan Cuti Separuh Gaji <i>Half-paid Leave</i>	27
9	Cuti Belajar Bergaji Penuh <i>Study Leave (Full paid)</i>	22
10	Cuti Barah/ Kusta/ Tibi <i>Medical Leave (Cancer / Leprosy / Tuberculosis)</i>	8
11	Cuti Sakit Lebih 90 hari/ Cuti Sakit Lanjutan/ Cuti Sakit Tanpa Gaji <i>Medical Leave (more than 90 days) / Recovery (medical) leave (2nd 90 days) / Medical Leave (un-paid)</i>	50
12	Cuti Kecemasan Am <i>Emergency Leave</i>	12
JUMLAH TOTAL		1,369


Jadual 4 : Jumlah Elaun dan Kemudahan
Table 4 : Number of Cases Pertaining Allowances and Benefits

**SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

**HUMAN RESOURCE MANAGEMENT
INFORMATION SYSTEM (HRMIS)**



MODUL / SUBMODUL



Rajah 2 : Pencapaian HRMIS di MinDef sehingga 31 Disember 2013

Diagram 2 : HRMIS Implementation by the Ministry of Defence as at 31 December 2013

PERSARAAN

Sepanjang tahun 2013, statistik persaraan penjawat awam adalah seperti Jadual 5.

RETIREMENT

During the year 2013, civil servant retirement statistic are as in Table 5.

BIL NO	JENIS PERSARAAN TYPE OF RETIREMENT	JUMLAH TERLIBAT AMOUNT INVOLVED
1	Persaraan Paksa <i>Compulsory Retirement</i>	126
2	Persaraan Pilihan <i>Optional Retirement</i>	166
3	Persaraan Atas Sebab Kesihatan <i>Retirement For Health Reasons</i>	5
4	Penswastaan <i>Privatization</i>	38
5	Kematian <i>Death</i>	44
JUMLAH TOTAL		379

Jadual 5 : Statistik Persaraan Penjawat Awam

Table 5: Civil Servant Retirement Statistic

KURSUS / LATIHAN

Sepanjang tahun 2013, BPSM telah melaksanakan sebanyak 169 buah kursus daripada 157 yang dirancang dan kehadiran peserta kursus seramai 11,600 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di semua Bahagian/Jabatan/Markas/Briged seluruh negara. Berdasarkan jumlah tersebut, 1,655 orang atau 95.61% (dari Jabatan/ Bahagian) dan 8,687 orang atau 83.71% (dari Markas/ Briged) telah mencapai prestasi tujuh (7) hari berkursus. Selain itu, prestasi perbelanjaan BDSM bagi pelaksanaan kursus/ latihan /seminar/program adalah sebanyak 95.85%.

COURSES / TRAINING

In 2013, HRMD has conducted a total of 169 out of 157 planned courses and course attendance of 11,600 people made up of officers and staff from all divisions/ departments/brigade/quarters throughout the country. Based on this total, 1,655 people or 95.61% (from Department / Division) and 8,687 people or 83.71% (from Quarters / Brigade) was performed seven (7) days of courses. In addition, the allocations for the implementation of the HRMD course /training/seminars/ programs was 95.85%.




KAJIAN IMPAK KEBERKESANAN KURSUS

BPSM juga menjalankan Kajian Impak Keberkesanan Latihan bagi kursus fungsian. Penilaian bagi kajian ini diperolehi daripada peserta dan penyelia selepas tiga (3) bulan menghadiri kursus.


IMPACT STUDY ON THE EFFECTIVENESS OF COURSE

HRMD also conducts impact study on the effectiveness of functional courses. Ratings for this study were obtained from the participants and supervisors after three (3) months attending the course.



PANDANGAN PESERTA PARTICIPANT'S REVIEW	PENINGKATAN PENGETAHUAN SELEPAS KURSUS INCREASE IN KNOWLEDGE AFTER COURSE			
	25%	50%	75%	100%
YA YES	5	20	50	3
TIDAK NO	73	58	28	75
JUMLAH TOTAL	78	78	78	78

Pandangan Peserta
Participant's Review



PANDANGAN KETUA JABATAN HEAD OF DEPARTMENT'S REVIEW	PENINGKATAN PRESTASI KERJA PESERTA SELEPAS KURSUS PERFORMANCE IMPROVEMENT AFTER COURSE			
	25%	50%	75%	100%
YA YES	0	40	25	13
TIDAK (0%) NO	78	38	53	65
JUMLAH TOTAL	0	78	78	78

Pandangan Ketua Jabatan
Head Of Department's Review

PRESTASI LATIHAN JABATAN /
BAHAGIAN

DEPARTMENT / DIVISION'S TRAINING
PERFORMANCE

LAPORAN PRESTASI LATIHAN 7 HARI JABATAN/BAHAGIAN BAGI													
BIL.	JABATAN/BAHAGIAN	JUMLAH PERJAWATAN	JUMLAH KEANGGOTAAN SEBENAR	BIL. ANGGOTA	HADIR > 7 HARI		HADIR < 7 HARI			TIDAK BERKURSUS		JUMLAH	
					BIL.	%	4-6 HARI	1-3 HARI	KESELURUHAN < 7 HARI	BIL.	%		
1	BIP	25	21	21	20	100.0		0	0	0.0	0	0.0	20
2	BUU	20		17	17	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	17
3	JKH&P	5		5	4	80.0	1	0	1	20.0	0	0.0	5
4	BPM	101		84	84	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	84
5	BD&PS	65	49	49	47	95.9	2	0	2	4.1	0	0.0	49
6	BPSM	299		166	150	90.4	11	5	16	9.6	0	0.0	166
7	STRIDE	317	270	254	254	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	254
8	PJBT MINDEF SARAWAK	53	46	45	45	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	45
9	BHG PEROLEHAN	143		135	122	90.4	5	8	13	9.6	0	0.0	135
10	BHG. KEWANGAN	183		147	147	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	147
11	BHG. AKAUN	127	127	126	126	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	126
12	BHG. PENTADBIRAN	153	148	146	144	98.6	2	0	2	1.4	0	0.0	146
13	UKK	52	48	47	47	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	47
14	BADSA	104	98	98	98	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	98
15	BHG. PEMBANGUNAN	132	128	126	94	74.6	25	9	34	27.0	0	0.0	128
16	PJBT MINDEF SABAH	35		34	34	100.0	0	0	0	0.0	0	0.0	34
17	JHEV	178	157	154	150	97.4	0	4	4	2.6	0	0.0	154
18	DSP	141	141	78	72	92.3	6	0	6	7.7	0	0.0	78
JUMLAH				1,731	1,655	95.61	52	26	78	4.5	0	0.0	1,733

PRESTASI LATIHAN MARKAS & BRIGED

QUARTERS & BRIGADE'S TRAINING PERFORMANCE

LAPORAN PRESTASI LATIHAN 7 HARI MARKAS/BRIGED												
BIL.	JABATAN/BAHAGIAN	JUMLAH PERJAWATAN	BIL. ANGGOTA SEBENAR	BIL. ANGGOTA	HADIR > 7 HARI		HADIR < 7 HARI		TIDAK BERKURSUS		JUMLAH KESELURUHAN BERKURSUS	
					BIL. ANGGOTA	%	4-6 HARI	1-3 HARI	%	BIL. ANGGOTA		%
1	MK 1 BRIGED	1095	821	812	800	98.5%	10	2	1%	0	0.0%	812
2	MK 2 BRIGED	730		663	623	94.0%	40	0	6.0%	0	0.0%	663
3	MK 4 BRIGED	379		352	339	96.3%	10	3	3.7%	0	0.0%	352
4	MK 6 BRIGED	658	653	651	531	81.6%	110	10	18.4%	0	0.0%	651
5	MK 7 BRIGED	815	775	771	422	54.7%	259	86	44.7%	4	0.5%	771
6	MK 8 BRIGED	525	383	380	376	98.9%	4	0	1%	0	0%	380
7	MK 10 BRIGED	1052		821	821	100%	0	0	0%	0	0%	821
8	MK 11 BRIGED	976		663	605	91%	58	0	9%	0	0%	663
9	MK 12 BRIGED	1284	1186	1182	563	47.6%	358	261	52%	0	0%	1182
10	FORMASI MINDEF SABAH	749		604	604	100%	0	0	0%	0	0%	604
11	FORMASI MINDEF SARAWAK			707	707	100.0%	0	0	0%	0	0%	707
	JUMLAH			7,606	6,391	84.03%	849	362	15.92%	4	0.05%	7606
12	MATM	708	567	562	382	68.0%	109	71	32%	0	0%	562
13	MTD			128	53	41.4%	41	34	59%	0	0%	128
14	MK LOG TD		95	93	49	52.7%	34	10	47%	0	0%	93
15	MTL			608	431	71%	146	26	28%	5	1%	608
16	MTU			1381	1381	100%	0	0	0%	0	0%	1381
	JUMLAH			2,772	2,296	82.83%	330	141	17%	5	0.18%	2772
	JUMLAH KESELURUHAN			10,378	8,687	83.71%	1,179	503	16.21%	9	0.09%	10,378

PUSAT LATIHAN KEMENTERIAN PERTAHANAN (PLATIH)

Pusat Latihan Kementerian Pertahanan (PLATIH) di Bukit Fraser, Pahang telah dinaiktaraf selaras dengan kerja-kerja pengubahsuaian bangunan dan asrama serta pembaikan cerun. Menerusi pengubahsuaian ini, lebih banyak kursus dapat dilaksanakan di PLATIH di mana sebanyak 18 kursus diadakan yang melibatkan seramai 809 peserta. Bagi tahun 2014, disasarkan sebanyak 40 siri kursus diadakan di PLATIH yang melibatkan seramai 1,600 peserta.



MINISTRY OF DEFENCE'S TRAINING CENTRE (PLATIH)

Ministry of Defence's Training center (PLATIH) in Bukit Fraser, Pahang was upgraded through renovations and improvements of buildings and dormitories as well as works to improve the slope. With this upgrading, more courses have been implemented in PLATIH in the year 2013 which a total of 18 courses were conducted involving a total of 809 participants. In 2014, HRMD will conduct 40 series of courses held in PLATIH involving 1,600 participants.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi pada 9 April 2013 di Auditorium Wisma Pertahanan. Seramai 100 penerima APC telah hadir untuk menerima insentif yang ditetapkan.



EXCELLENCE SERVICE AWARD (ESA)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) or Excellence Service Award (ESA) Ceremony executed by the Honourable Defence Minister, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi on 9 April 2013 at the Wisma Pertahanan Auditorium. 100 ESA recipients attended and received the incentives.



WACANA PENERAPAN NILAI ISLAM (PNI) DAN PENGUKUHAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM (PIPA)

BPSM telah melaksanakan wacana PNI dan PIPA sebanyak sepuluh (10) siri yang melibatkan penjawat awam disemua briged. Objektif wacana ini adalah untuk memberi kesedaran dan motivasi kepada para peserta. Wacana ini adalah berbentuk seminar dan ceramah disampaikan oleh mereka yang mempunyai latar belakang bersesuaian dengan modul yang disediakan. agensi seperti SPRM, IIM, AADK dan Jabatan Agama antara yang terlibat dalam memberi ceramah dalam program ini.



KURSUS BINA INSAN (KBI) DAN KURSUS BINA TAQWA (KBT)

BPSM dalam tahun ini telah melaksanakan empat (4) KBI dan empat (4) KBT. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi kesedaran rohani kepada peserta bagi meningkatkan lagi integriti sebagai insan dan sebagai penjawat awam.

SAMBUTAN HARI KEBESARAN ISLAM

BPSM juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sambutan Hari Kebesaran Islam. Antara Hari Kebesaran Islam ialah Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Nuzul Al Quran dan Maal Hijrah. BPSM telah melaksanakan semua Hari Kebesaran Islam dengan mengadakan ceramah di Auditorium Wisma Pertahanan. Sambutan yang diberi oleh warga Wisma Pertahanan sangat menggalakkan.

ADOPTION OF ISLAMIC VALUES (PNI) AND STRENGTHENING PUBLIC SERVICE INTEGRITY (PIPA)

HRMD has conducted ten (10) series of PNI and PIPA discourse involving public servants at all brigades. The objective of this discourse is to create awareness and motivation to the participants. This discourse is in the form of seminars and lectures delivered by those with backgrounds appropriate to the modules available. Agencies such as the MACC, IIM, and the Department of Religion involved in delivering the talks throughout the program.



HUMAN ARCHITECTURE COURSE (HAC) AND TAQWA BUILDING COURSES (TBC)

In 2013, HRMD implemented four (4) HAC and four (4) TBC program. The main objective of this course is to give participants a spiritual awareness to enhance integrity as a man and as a public servant.

ISLAMIC OCCASIONS CELEBRATION

HRMD also responsible in organizing program for Islamic Occasion Day celebration. Among the program are the birthday of Prophet Muhammad, Isra and Mi'raj, Nuzul Qur'an and Maal Hijrah were held at the Ministry of Defence Auditorium. The response given by the audiences are very encouraging.

SAMBUTAN HARI INTEGRITI

BPSM mengadakan sambutan Hari Integriti dengan mengadakan ceramah yang bertajuk "Integriti; Antara Persepsi vs Realiti" yang disampaikan oleh penceramah dari Institut Integriti Malaysia. Ceramah ini diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan.

PENARAFAN 5 BINTANG BAGI STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN PSIKOLOGI SUMBER MANUSIA (SKPPSM)

Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) ini digubal bagi menyediakan satu mekanisme asas untuk mengupayakan unit psikologi di setiap kementerian, jabatan mahupun agensi-agensi kerajaan dengan memberi penekanan kepada empat (4) aplikasi seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005.

Justeru, pelaksanaan audit ini adalah merupakan suatu usaha untuk memberi impak yang signifikan dan memastikan keberkesanan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di setiap kementerian, jabatan mahupun agensi-agensi kerajaan. Penilaian audit SKPPSM ini dijalankan setiap dua (2) tahun sekali.

Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah diberi penarafan 5 bintang berdasarkan hasil keputusan audit SKPPSM ini yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Psikologi (BPPs), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). BPSM telah mendapat tangga pertama mendahului semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dengan audit SKPPSM ini dengan pencapaian markah yang boleh dibanggakan iaitu 97.98%.

INTEGRITY DAY CELEBRATION

Integrity Day celebration was held by HRMD with a talk titled "Integrity: Between Perception vs Reality" presented by speakers from the Malaysia Institute of Integrity (MI).

RATED 5-STAR IN QUALITY STANDARDS FOR PSYCHOLOGICAL SERVICES IN HUMAN RESOURCES (SKPPSM)

A Standard Quality for Psychological Services in Human Resources designed to provide a basic mechanism for empowering psychological unit in each ministry, department or other government agencies, which emphasize on four (4) applications as being stated in Circular No. 18 of 2005.

Therefore, the implementation of this audit is to examine levels of professionalism and to give significance impacts and thus lead to the effectiveness of psychological and counseling services at operational level in each ministry, department or other government agencies. SKPPSM audit conducted once in two years.

The Psychological Management Unit, Division of Human Resource Management has been rated 5 stars based on the result of SKPPSM audit that has implemented by Division of Psychology Management from the Public Services Department. HRMD top one among other of all ministries, departments and government agencies with the achievement scores of 97.98 % that can be proud of.

SEMAKAN DAN PINDAAN BUKU PELAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA MINDEF 2011 – 2015

BPSM telah mengadakan semakan semula pelan ini melalui beberapa siri mesyuarat dengan cawangan-cawangan yang terdiri daripada Cawangan Khidmat Tentera, Cawangan Khidmat Awam, Cawangan Naik Pangkat & Tatatertib, Cawangan Latihan, Cawangan Pengurusan Psikologi dan Unit Urusetia, Kewangan & Pendaftaran.

Beberapa siri mesyuarat telah diadakan iaitu pada 7 Jun 2013, 18 Julai 2013 dan 31 Julai 2013. Terdapat beberapa pindaan untuk menjadikan pelan ini lebih selari dengan Pelan Strategik Kementerian Pertahanan.

Buku Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia MINDEF 2011 – 2015 Pindaan 1 telah diedarkan kepada Bahagian-bahagian dalam Sektor Pengurusan pada 24 September 2013 dan seterusnya kepada Sektor KSU, Sektor Pembangunan dan Sektor Dasar pada Januari 2014.

REVISIONS AND AMENDMENTS OF MINDEF'S STRATEGIC HUMAN RESOURCE MANAGEMENT PLAN 2011-2015

HRMD has undertaken the reviewing process via series of meetings among all relevant units under the Human Resource Management Division comprising of the Military Service Unit, Civilian Service Unit Promotion and Discipline Unit, Training Unit, Psychology Management Unit and Secretarial, Finance and Registry Unit.

Meetings were held on 7th June 2013, 18th July 2013 and 31st July 2013. A few amendments were made to the current plan to streamline the said with MinDef's Strategic Plan.

The MinDef's Strategic Human Resource Management Plan 2011-2015 Amendment 1 documents were distributed to all Divisions under the Management Sector on 24th September 2013 and thereafter to Mindef's Chief Secretary Sector, Development Sector and Policy Sector in 2014.



MEMORANDUM:

Secara keseluruhan, Cawangan Pengurusan Psikologi, Kementerian Pertahanan telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Cawangan ini telah memenuhi hampir ke setiap elemen yang terdapat di dalam Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia. Pihak auditor juga mendapati dari segi pengurusan rekod yang dipamerkan oleh cawangan tersebut adalah sangat baik dan boleh dijadikan contoh serta ia amat memudahkan pihak auditor untuk menjalankan sesi naziran.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang masih perlu diberi perhatian oleh cawangan tersebut iaitu :-

1) Dimensi 3 : Pengurusan Perkhidmatan

Elemen 9 : Aplikasi Penyelidikan Psikologi

Aspek 9.1 : Pengurusan Penyelidikan Psikologi

- Laporan kajian tidak mengikut susunan spesifikasi standard laporan kajian

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN:

- 1) Cawangan Pengurusan Psikologi, Kementerian Pertahanan perlu memantapkan pengurusan penyelidikan psikologi agar ia dapat memenuhi spesifikasi yang dikehendaki.

Disediakan Oleh : PUAN NANIYATI BINTI SHUIB

Tarikh: 23 JANUARI 2013

PENGUKUHAN PERJAWATAN AWAM KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

BPSM telah mengadakan Bengkel Pengukuhan Perjawatan Awam pada 10 hingga 12 Oktober 2013 di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan. Bengkel ini terdiri daripada empat (4) sektor iaitu :

- Sektor KSU yang diketuai oleh TKSU Pengurusan merangkumi Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am, Bahagian Undang-Undang, Jabatan Latihan Khidmat Negara, MinDef Sabah dan MinDef Sarawak.
- Sektor Pembangunan yang diketuai oleh TKSU Pembangunan merangkumi Bahagian Pembangunan dan Bahagian Perolehan.
- Sektor Dasar yang diketuai oleh TKSU Dasar merangkumi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan Bahagian Industri Pertahanan.
- Sektor Pengurusan yang diketuai oleh SUB BPSM merangkumi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Akaun, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pentadbiran.

Pembentangan telah dibuat oleh setiap sektor kepada KSU pada 11 Oktober 2013. YBhg.Dato' Sri KSU Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad telah membentangkan kepada YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) pada 28 Oktober 2013. Pembentangan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Ketua Setiausaha Negara ialah pada 8 November 2013.

STRENGTHENING OF CIVILIAN POSTS IN MINDEF MALAYSIA

HRMD has undertaken a Workshop on Strengthening of Civilian Posts for MinDef Malaysia on 10th – 12th October 2013 in Kota Bharu, Kelantan. The workshop was divided into four different sectors namely:

- *Mindef's Chief Secretary Sector comprises of the Internal Audit Division , the Legal Division, the National service Department, MinDef Sabah and MinDef Sarawak.*
- *The Development Sector headed by the Deputy Chief Secretary –Development Comprises of the Procurement Division and the Development Division.*
- *The Policy Sector headed by Deputy Chief Secretary – Policy comprises of Policy and Strategic Planning Division and the Defence Industry Division.*
- *The Management Sector headed by Deputy Chief Secretary-Management comprises of the Human Resource Management Division, the Information Management Division, the Accounts Division, the Finance Division and the Administration Division.*

Submissions were made by every sectors to the Chief Secretary MinDef on 11th October 2013. The Chief Secretary MinDef on 28th October 2013 has made a presentation and submission for the aforementioned to the Deputy Director General of the Public Service Department – Operation. Finally, the submission by Organizational Development Division of the Public Service Department to the Chief Secretary was carried out on 8th November 2013.



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN
MANAGEMENT SECTOR

Bahagian Pengurusan Maklumat
Information Management Division

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT INFORMATION MANAGEMENT DIVISION

PEMANTAPAN PERKONGSIAN DAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Pertandingan Laman Web / Portal MinDef

Pertandingan Laman Web/Portal MinDef dikendalikan oleh Jawatankuasa yang dilantik dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat. Ia melibatkan agensi sektor perkhidmatan awam yang dinilai oleh MDeC. Laman Web/Portal agensi yang berkaitan adalah seperti berikut:

STRENGTHENING PARTNERSHIPS AND INFORMATION SECURITY

MinDef's Competition of Website / Portal 2013

Competition Website / Portal MinDef run by committee appointed and chaired by the Under Secretary of the Information Management Division. It involves all public sector agencies which are evaluated by MDeC. Website / Portal agencies are as follows:

BIL. / NO.	AGENSI / AGENCY
1	Tentera Darat Malaysia <i>Royal Malaysian Army</i>
2	Jabatan Hal Ehwal Veteran <i>Department of Veterans Affair</i>
3	Tentera Laut Diraja Malaysia <i>Royal Malaysian Navy</i>
4	Jabatan Latihan Khidmat Negara <i>National Service Department</i>
5	Lembaga Tabung Angkatan Tentera <i>Armed Forces Fund Board</i>
6	Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan <i>Science & Technology Research Institute for Defence</i>
7	Pusat Hidrografi Nasional <i>National Hydrography Center</i>
8	Tentera Udara Diraja Malaysia <i>Royal Malaysian Air Force</i>
9	Markas Angkatan Tentera Malaysia <i>Malaysian Armed Forces</i>
10	Markas Angkatan Bersama <i>Joint Force</i>



Majlis Penyampaian Sijil Pertandingan Laman Web/Portal MinDef
Certificate Presentation Ceremony Competition Website / Portal MINDEF

Pertandingan ini berlangsung sebanyak dua (2) kali iaitu 18 – 24 Mac 2013 dan 20 – 31 Mei 2013. Jabatan Latihan Khidmat Negara telah mendapat tempat pertama, diikuti dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera di tempat kedua dan Tentera Darat Malaysia di tempat ketiga. Keputusan pertandingan telah diumumkan pada Majlis Penutup Minggu ICT MinDef 2013. Penyampaian Piala dan sijil telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Pemantapan Portal MinDef

Portal MinDef www.mod.gov.my merupakan gerbang utama dan saluran rasmi yang memperkenalkan Kementerian serta menyediakan perkhidmatan atas talian kepada orang awam terutama warga Malaysia. Portal MinDef berwajah baru telah dilancarkan dalam Majlis Penutup Minggu ICT MinDef Tahun 2013 pada 20 September 2013 oleh Timbalan Menteri Pertahanan.

Garis panduan / Pekeliling *Guidelines / Circulars*

- Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006
Pekeliling Am Bilangan. 1 in 2006
- Standard, Policies and Guidelines, MAMPU
Standards, Policies and Guidelines, MAMPU
- MDeC
MDeC

Penambahbaikan kandungan dan antaramuka *Improvements on content and interface*

- Web Mudah Alih
Mobile Web
- Ciri – ciri Web 2.0
Web 2.0 features
- Pautan Media Sosial MinDef
Links to MinDef's Social Media Page
- Personalisasi Pengguna
User Personalization



Majlis Penyampaian Sijil Pertandingan Laman Web/Portal MinDef
Certificate Presentation Ceremony Competition Website / Portal MINDEF

There was two (2) session of assessment for the competition. First session starts from 18th of March and ended 24th of March while the 2nd session was on the 20th of May and ends at 31st May. National Service Department won the First Prize of the competition while Armed Forces Fund Board took 2nd place and Malaysian Army placed in the 3rd place. Awards were presented by the Secretary General of the Ministry of Defence.

MinDef Portal Reinforcement

MinDef Portal www.mod.gov.my is the gateway and official channels in the introduction of the Ministry to the public as well as providing on-line services to the public, especially citizens of Malaysia. New version of Ministry of Defence Official Portal was launch at MinDef's ICT Week Closing Ceremony on 20th September 2013 by the Deputy Minister of MinDef.



Perluasan Akaun Emel Kepada Kumpulan Sokongan Dan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2013, penggunaan emel rasmi Kementerian Pertahanan telah diperluaskan kepada kakitangan awam kumpulan sokongan dan perkhidmatan ATM. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak lebih kurang 1200 akaun emel untuk kumpulan sokongan manakala sebanyak lebih kurang 2500 akaun bagi perkhidmatan ATM telah diwujudkan.

Inisiatif ini secara langsung telah membolehkan surat rasmi kerajaan diuruskan secara elektronik, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan paperless government. Faedah-faedah yang diperolehi melalui pelaksanaan inisiatif ini adalah dapat memudahkan capaian ke atas maklumat yang secara langsung membolehkan proses membuat keputusan dilaksanakan dengan pantas oleh pihak pengurusan.

Extension Of Ministry's Official Email To Civil Servant Support Level Staffs And Malaysian Armed Forces Personnel

Throughout the year 2013, the usage of ministry's official email (@mod.gov.my) has been extended to civil servant support level staffs and Malaysian Armed Forces (MAF) personnel. Until the end of 2013, a total of about 1200 email account for the civil servant support level staffs and approximately 2500 accounts for MAF personnels services have been created.

This initiative enables the official letter to be electronically managed, inline with the government's intention to create a paperless government. The implementation of this initiative provides benefits by facilitating access to information that directly enable quick decision-making process by the higher management.

Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Aplikasi di MinDef

Development And Implementation Application System In MinDef

NAMA SISTEM / SYSTEM	KETERANGAN / EXPLANATION
<p>HRMIS (Submodul Pengurusan Perubatan – eGL)</p> 	<p>Proses permohonan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara elektronik (eGL) merupakan salah satu kemudahan yang disediakan di dalam HRMIS dan terletak di dalam Submodul Pengurusan Perubatan.</p> <p>Pada tahun 2013, penggunaan eGL telah diperluaskan kepada warga Kementerian Pertahanan dan dilaksanakan di 4 buah hospital iaitu Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan Kuala Lumpur, HAT Lumut Perak, HAT Gemas Negeri Sembilan dan HAT Terendak Melaka.</p> <p><i>HRMIS e-GL or electronic Guarantee Letter would now be available on-line in the Human Resources Management Information System (HRMIS) under submodule "Pengurusan Perubatan" introduced by the Public Service Department.</i></p> <p><i>In the year 2013 the e-GL facility for civil servants was expanded to MinDef staff by implemented in 4 more hospitals. The four hospitals are "Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan" Kuala Lumpur, "Hospital Angkatan Tentera" Lumut, Perak, "Hospital Angkatan Tentera" Gemas, Negeri Sembilan and "Hospital Angkatan Tentera" Terendak Melaka.</i></p>

NAMA SISTEM / SYSTEM	KETERANGAN / EXPLANATION
<p>Sistem Pengurusan Aset (Modul Pemeriksaan)</p> 	<p>Sistem Pengurusan Aset (SPA) telah dilaksanakan dari tahun 2009 dan kini berada di dalam Fasa II. Modul Pemeriksaan adalah salah satu modul yang terkandung di dalam Fasa II. Pegawai Pemeriksa akan melakukan pemeriksaan aset di lokasi yang telah ditentukan dan kemudian mengemaskini maklumat di dalam sistem. Selain itu, Pegawai Pemeriksa boleh melakukan pemeriksaan terus melalui PDA.</p> <p><i>'Sistem Pengurusan Aset' (SPA) was implemented in 2009 and is now in Phase II. Inspection Module is one of the modules contained in Phase II. Inspecting Officer will inspect the assets in the specified location and then update the information in the system. The Inspecting Officer may conduct inspections directly through the PDA.</i></p>
<p>Sistem Aduan Kebersihan dan Kerosakan (SAKK)</p> 	<p>Sistem Aduan Kebersihan dan Kerosakan telah diwujudkan bagi memberi peluang kepada kakitangan yang berkhidmat di MinDef membuat aduan berkaitan kebersihan dan kerosakan secara atas talian. Sistem ini telah digunakan sejak Januari 2013. Sistem ini dalam fasa terakhir penambahbaikan sebelum ianya akan diserahkan sepenuhnya kepada pengguna iaitu Bahagian Pentadbiran.</p> <p><i>'Sistem Aduan Kerosakan dan Kebersihan' was created to allow the ministry's staffs who works in Wisma Pertahanan to make complains about the cleanliness and any damages online. The system has been used since January 2013. A few upgrades has been made for this system to make using the system easier for the user and also system administrator such as displaying the report number, better statistical report and email containing report details. The system is in the final phase of upgrading before being handed to Bahagian Pentadbiran as the user.</i></p>
<p>Sistem eProtokol</p> 	<p>Sistem eProtokol adalah sistem yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) Kementerian Pertahanan bagi menguruskan jemputan ke majlis-majlis rasmi MinDef. Pengguna dari Bahagian Pentadbiran boleh menggunakan sistem ini untuk mendaftar, menghantar jemputan dan mengemaskini status kehadiran jemputan ke majlis-majlis yang dianjurkan oleh MinDef.</p> <p><i>'eProtokol' is a system developed by Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) to manage invitation to the ministry's official events. System users from administration department can use this system to register, send invitation and update attendance status of invitees to ministry's events.</i></p>

NAMA SISTEM / SYSTEM	KETERANGAN / EXPLANATION
<p>Sistem Tempahan Kenderaan (STK)</p> 	<p>Sistem Tempahan Kenderaan telah diwujudkan bagi memberi peluang kepada kakitangan yang berkhidmat di MinDef membuat permohonan tempahan kenderaan melalui Ketua Kerani di bahagian masing-masing untuk tugas rasmi di luar pejabat. Modul laporan telah diwujudkan bagi memudahkan penyelia kenderaan melihat statistik penggunaan kenderaan.</p> <p><i>'Sistem Tempahan Kenderaan' was created to provide opportunities for staff in the MinDef to make a reservation through the Chief Clerk in each Department for their official assignment outside the office. Module reports have been created to facilitate the vehicles supervisor for vehicle usage statistics. Reports can be generated by the month, and the annual basis.</i></p>
<p>Sistem Pengurusan Stor</p> 	<p>Sistem Pengurusan Stor merupakan sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan mengikut keperluan Panduan Perbendaharaan – Tatacara Pengurusan Stor dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Ia merangkumi proses penerimaan, penyimpanan, permohonan pengeluaran, kelulusan dan kawalan stor. Sistem ini mula digunakan di Stor Alat Tulis Bahagian Pengurusan Maklumat pada Jun 2013 sebagai stor perintis dan akan diperluaskan kepada bahagian/jabatan lain pada tahun 2014.</p> <p><i>'Sistem Pengurusan Stor' is a system developed by the Ministry of Finance in accordance with the requirements of the Panduan Perbendaharaan – Tatacara Pengurusan Stor dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. It encompasses the process of receiving, storage, production application, approval and control of the store. By using this system, it will improve the store management and stay in optimum condition. This system was first used in Stor Alat Tulis, Bahagian Pengurusan Maklumat in June 2013 as a pilot project and will be extended to sections / departments in 2014.</i></p>
<p>Sistem Verifikasi Stor Secara Maya (Pengesah Kedua)</p> 	<p>Pengesah Kedua ini berfungsi untuk pengesahan kali kedua bagi jawapan-jawapan yang telah diisi oleh pasukan stor. Pengesah kedua terdiri daripada staf dari Unit Verifikasi Stor, Bahagian Kewangan. Fungsi pengesah kedua ini adalah untuk membuat kemaskini kepada setiap jawapan yang telah diisi oleh pasukan stor setelah pengesahan pertama dilaksanakan.</p> <p><i>Second verifier is for confirmation of answers that have been filled by the team store. Second verifier team is staff from Verification Unit Store, Finance Division. The second function of the verifier is to make updates to the answers that have been filled by the team store after the first validation. This will give a chance to the team store to improve the results that have been validate and the answers are filled in by the team store is correct and accurate.</i></p>

PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA BERSEPADU DAN SELAMAT

Peningkatan *Barrier* Di Pintu Masuk Wisma Pertahanan

Peningkatan sistem ini adalah untuk meningkatkan tahap pemantauan dan keselamatan di bangunan Wisma Pertahanan yang melibatkan laluan untuk pengguna VIP, staf MinDef dan pelawat VIP. Proses peningkatan ini adalah melibatkan penggantian empat (4) unit OTS yang telah ditanggalkan (dismantle) dan pintu kaca dengan Full Height Sensor Barrier yang lebih tahan lasak serta reka bentuk yang lebih menarik. Antara faedah peningkatan ini adalah :-

i. Pelaksanaan “Anti Passback”

- Kawalan pergerakan staf boleh dipantau secara menyeluruh di mana setiap staf perlu menyentuh Pas K keluar/masuk secara berpasangan.
- Mengelakkan penggunaan Pas K orang lain ketika keluar/masuk di laluan utama Wisma Pertahanan.



Sebelum
Before

ii. Menghalang “tailgating”

- Konsep “tailgating” sebelum penaiktarafan merupakan insiden di mana individu yang melakukan pengesahan akses dan membuka pintu kaca bagi membenarkan individu-individu lain untuk melalui pintu kaca tersebut tanpa melakukan pengesahan. Pergerakan tanpa pengesahan ini dapat dihalang kerana sistem Full Height Sensor Barrier akan menyekat pergerakan tersebut dengan menutup barrier.

STRENGTHENING THE INTEGRATED ICT INFRASTRUCTURE AND SECURED

Upgrading The Entrance Barrier of Wisma Pertahanan

Upgrading the entrance barrier of Wisma Pertahanan building is required to increase the monitoring and security level which involves the pathway for MinDef staff, VIP and VIP visitor. This process includes replacement of four (4) OTS unit and glass door with full height sensor barrier which is more durable and has better design. Among the benefit of this upgrade is:-

i. Anti Passback Implementation.

- Staff movements must be paired up with entering and exiting using the K-Pass in the premise thus enabling a whole better of monitoring process.
- Usage of K-Pass by unauthorized staff at the entrance of Wisma Pertahanan building can be prevented.



Selepas
After

ii. Prevent tailgating

- The concept of tailgating before the upgrading is an incident where an individual who have access to the glass door will open it for others who doesn't have any access right. The full height sensor barrier will restrict the movement by closing the barrier for individually access thus giving no chance for tailgaters.

Projek Redundancy Gateway Internet Di MinDef

Perkhidmatan internet yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat membolehkan warga kementerian mencapai sistem-sistem aplikasi kerajaan pusat selain mencapai maklumat lain daripada internet untuk melaksanakan tugas harian. Perkhidmatan internet berkapasiti 40Mbps yang disediakan di Kementerian Pertahanan adalah menerusi tiga (3) 'Internet Service Provider' (ISP) utama iaitu Maxis Communication Berhad, Time dotCom Bhd dan JARING Communication Sdn Bhd.

Projek 'Redundant Internet Gateway' dilaksanakan pada tahun 2013 bertujuan untuk meningkatkan ketersediaan capaian internet kepada tahap 95% dengan mengurangkan kebergantungan kepada mana-mana ISP. Dengan adanya infrastruktur 'Redundant Internet Gateway', trafik muat naik dan muat turun data menerusi ketiga-tiga ISP yang tersebut di atas dapat diseimbangkan pada setiap masa. Keadaan ini membolehkan capaian kepada internet secara berterusan dengan gangguan yang sangat minima.

Sasaran Nisbah Pegangan PC Bagi Kumpulan Pelaksana 1:7 Kepada 1:5

Berdasarkan nisbah agihan dalam Garis Panduan Peralatan Asas ICT MinDef, nisbah PC adalah 1:1 bagi pegawai gred 27 ke atas dan 1:5 bagi kumpulan pelaksana (gred 27 ke bawah). Nisbah pengagihan PC bagi kumpulan pelaksana pada masa kini adalah **1:7 (13,321 orang/1,938 PC)**. Pegangan PC bagi kategori awam di MinDef buat masa ini adalah sebanyak **3,021 unit** berbanding keperluan sebenar sebanyak **3,747 unit** untuk menjadikan **1:5 (13,321 orang/2,664 PC)** bagi kumpulan pelaksana. Nisbah PC sebanyak 1:5 akan tercapai sekiranya perolehan sebanyak **726 PC** dilaksanakan secara berperingkat.

Redundant Internet Gateway Project

The internet service provided by the Information Technology Division allows access to central government application systems besides providing access to other information from the Internet to perform daily tasks. Ministry of Defence is provided with internet of 40Mbps capacity through three (3) main Internet Service Provider (ISP), namely Maxis Communications Berhad, Time dotCom Bhd and JARING Communication Sdn Bhd.

The Redundant Internet Gateway project implemented in 2013 is aimed at increasing the availability of internet access to the level of 95% by reducing dependency on any ISP. With the advent of the Internet Gateway Redundant infrastructure, traffic upload and download data through the three ISPs mentioned above could be balanced at all times. This allows continuous access to the internet with very minimal disruption.

Ratio Of Targets For PC Implementation Group From 1:7 To 1:5

*Based on the distribution ratio in the Guidelines On Basic ICT Equipment MinDef, PC ratio is 1:1 for officers in grade 27 and above and 1:5 for the implementation group (grades 27 and below). PC distribution ratio for the implementation group at present is **1:7 (13,321 people / 1,938 PC)**. Holding civilians' PCs in the MinDef currently stands at **3,021 units** compared to the real needs of **3,747 units** to be **1:5 (13,321 people / 2,664 PC)** for the implementation group. PC ratio of 1:5 can be achieved if the acquisition of **726 PC** progressively.*

Perkara Item	Bil. Pegawai No. Of Officer	Bil. PC Sedia Ada Existing PC	Keperluan Sebenar PC Needs	Jurang Keperluan Gap Requirements
Pegawai Gred 27 ke atas <i>Officer Grade 27 and above</i>	1,083	1,083	1,083 (1:1)	0
Pengguna Sistem Aplikasi/Automasi Pejabat/Kumpulan Pelaksana <i>The Applications / Office Automation / Implementation Group</i>	13,321	1,938 (1 : 7)	2,664 (1 : 5)	726
Jumlah	14,404	3,021	3,747	726

Jadual 1 :
Keperluan PC Bagi Pegawai /Kakitangan Awam MinDef Berdasarkan Garis Panduan Peralatan Asas ICT MinDef

Table 1:
Requirements of PC for the Officers / Civil Servants MinDef Based Guidelines Basic ICT Equipment MinDef

PEMANTAPAN DASAR DAN PROSEDUR ICT

Information Security Management System (ISMS)

Kementerian Pertahanan (MinDef) yang diklasifikasikan sebagai sebuah agensi Critical National Information Infrastructure (CNII) sedang melaksanakan persijilan ISMS yang melibatkan empat (4) lokasi Pusat Data iaitu di BPM MinDef, BPM Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), BPM Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Cawangan Pengurusan Maklumat (CPM) Institut Penyelidikan Sains Dan Teknologi Pertahanan (STRIDE). Skop persijilan ISMS MinDef adalah:

Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data melibatkan:

- Maklumat Card Issuance System, Visitor Management System dan Sistem eRakam di BPM MinDef;
- Maklumat Sistem E-Mel dan Portal JLKN di BPM JLKN;
- Maklumat Sistem VIBES (Veteran Information Benefit System) di BPM JHEV; dan;
- Maklumat Sistem E-Mel STRIDE di CPM STRIDE.

Persijilan ISMS telah diperolehi pada 27 Jun 2013.

STRENGTHENING ICT POLICY AND PROCEDURE

Information Security Management System (ISMS)

Ministry of Defence (MinDef) classified as an agency of the Critical National Information Infrastructure (CNII) is implementing ISMS certification involving four (4) location of the the Data Center at Information Management Division MinDef, Information Management Division National Service Training Department (JLKN), Information Management Division Department of Veterans Affairs (JHEV) and Information Management Branch Science and Technology Research Institute for Defence (STRIDE). The scope of ISMS certification MinDef is:

Information Security Management System for Data Center Management and Operations include:

- Information of Card Issuance System, Visitor Management System and Attendance System in BPM MinDef;
- Information of E-mail and Portal JLKN in BPM JLKN;
- Information of Vibes Systems (Veterans Benefit Information System) in BPM JHEV, and;
- Information of E-Mail Systems STRIDE in CPM STRIDE.

ISMS certification was obtained on 27 June, 2013.



Sijil MS ISO 27001:2007
Kementerian Pertahanan
Ministry of Defence MS ISO
27001:2007 Certificate

Dasar Keselamatan ICT (DKICT)

Dasar Keselamatan ICT (DKICT) MinDef Versi 4.0 telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pertahanan Bil. 4/2013 pada 30 Ogos 2013. DKICT ini mengandungi peraturan-peraturan dalam menggunakan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Dasar ini juga menerangkan kepada semua pengguna mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT MinDef. DKICT ini mengandungi 11 domain selaras dengan keperluan Malaysia Standard MS ISO 27001:2007.

Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2013 Kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi - Sistem Kelulusan Luar Negara (KLN)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), MinDef telah berjaya memenangi tempat ketiga di dalam Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2013 melalui penyertaan Sistem KLN. Anugerah telah disampaikan oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan pada "Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan 2013" yang bertarikh 29 November 2013, di Wisma Perwira, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur.



Dasar Keselamatan ICT (DKICT)

ICT Security Policy, MinDef Version 4.0 was presented and approved in the ICT Steering Committee Meeting, Ministry of Defence on 30 August 2013. ICT Security Policy contains the rules for use of Information and Communication Technology. This policy also explains to users of their responsibilities and their role in protecting the ICT assets. ICT Security Policy Ministry contains 11 domains in accordance with the requirements of the Malaysian Standard MS ISO 27001:2007.

Ministry Of Defence Innovation Award 2013 Information Technology and Communication Category - Sistem Kelulusan Luar Negara (KLN)

Information Management Division (BPM), MinDef was announced as the third winner in the Ministry of Defence Innovation Award 2013, through Sistem KLN. The award has been given by the Deputy Minister of Defence on "Ministry Of Defence Innovation Day Celebration 2013" held on 29th November 2013, at Wisma Perwira, Ministry Of Defence Malaysia, Kuala Lumpur.



PENINGKATAN KESEDARAN DAN KEMAHIRAN KE ARAH PEMBUDAYAAN ICT

Minggu ICT MinDef 2013

Minggu ICT MinDef 2013 telah diadakan pada 18 hingga 20 September 2013 bertemakan "Connected MinDef : BYOD 1Fenomena". Ia merupakan satu anjakan kepada warga MinDef sama ada awam atau tentera untuk lebih peka kepada cabaran dan kepentingan teknologi maklumat dalam kehidupan dan pekerjaan. Bilangan kehadiran yang berdaftar adalah seramai 1755 orang dan antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan adalah Majlis Pelancaran dan Penutup Minggu ICT MinDef 2013, Pertandingan Merekacipta Laman Blog dan Kuiz 'Who Wants To Be An ICT Genius?', Sesi Seminar dan Technology Update dan Pameran ICT.

Perkhidmatan Kepakaran Multimedia

Kepakaran multimedia merupakan salah satu penyumbang kepada kejayaan majlis-majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan. Permintaan bagi produk multimedia seperti merekabentuk baner, bunting, montaj, slaid persembahan, backdrop majlis dan sebagainya semakin meningkat setiap tahun. Selain itu, kepakaran ini juga menyediakan khidmat sokongan teknikal sepanjang majlis berlangsung. Kepakaran multimedia ini telah menyumbang kepada penjimatan kos perbelanjaan sesebuah majlis rasmi.

INCREASED AWARENESS AND SKILLS TOWARDS THE ACCULTURATION OF ICT

MinDef ICT Week 2013

Minggu ICT MinDef 2013 was held on 18 to 20 September 2013 with the theme "Connected MinDef: BYOD 1Fenomena". It is a shift to senior MinDef whether civil or military to be more sensitive to the challenges and importance of information technology in life and work. Number of registered attendance of 1755 visitors and the activities that have been held are Launching and Closing Minggu ICT MinDef 2013, Blog Design Contest, 'Who Wants To Be An ICT Genius?' Quiz, Seminar Session, Technology Update and ICT Exhibition.

Multimedia Expertise Services

Multimedia expertise is one of the factor towards the success of events that being held by Ministry of Defence. The demands of multimedia product such as designing banners, bunting, montage, slides, backdrops etc. are increasing from day to day. Despite of supplying multimedia products, this expertise also offers technical support during the event. These experts really help in reducing the expenditure in organizing ministry's official event.



Booth Pameran BPM
BPM Exhibition Booth



Taklimat Keselamatan Siber oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan
Cyber Security briefing by Defence Intelligence Staff Division



Pertandingan 'Who Wants To Be An ICT Genius'
Competition 'Who Wants To Be An ICT Genius'



Khidmat Sokongan Teknikal dan Kepakaran Multimedia bagi event Anjuran MinDef
Technical Support and Expertise Multimedia for the event organized by MINDEF



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN
MANAGEMENT SECTOR

Bahagian Akaun
Accounts Division

BAHAGIAN AKAUN ACCOUNTS DIVISION

Bahagian Akaun diketuai oleh Ketua Akauntan Gred JUSA C dan terdiri daripada dua (2) cawangan utama iaitu Cawangan Operasi dan Cawangan Pengurusan yang masing-masing diketuai oleh Timbalan Ketua Akauntan (Operasi) dan Timbalan Ketua Akauntan (Pengurusan) Gred W52.

OBJEKTIF BAHAGIAN AKAUN

- Memberi perkhidmatan pembayaran, terimaan dan perakaunan yang teratur, cekap dan tepat pada masanya;
- Memastikan akaun dan rekod-rekod perakaunan diselenggara dengan lengkap dan kemaskini;
- Menyediakan Penyata Akaun Awam dan laporan perakaunan/kewangan dengan tepat, teratur, cekap dan berkesan berdasarkan peraturan/tatacara yang berkuatkuasa untuk dikemukakan kepada stakeholder dan pelanggan;
- Memastikan pelaksanaan sistem perakaunan dan kewangan kerajaan yang cekap seiring dengan perkembangan teknologi semasa;
- Memberi khidmat nasihat perakaunan dan kewangan yang berkesan kepada warga kementerian yang memerlukannya; dan
- Melaksanakan naziran ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai satu langkah membantu PTJ menguruskan kewangan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

The Accounts Division of the ministry is led by the Chief Accountant Grade JUSAC. It consists of two (2) main branches named as Operations Branch and the Management Branch. Each branch is led by the Deputy Chief Accountant (Operations) and the Deputy Chief Accountant (Management) Grade W52.

OBJECTIVES OF ACCOUNTS DIVISION

- *To provide efficient and timely service on payments, receipts and accounting;*
- *To ensure accounts and accounting records are properly maintained and updated;*
- *To prepare accurate, timely and effective Public Accounts Statements and accounting / finance reports to stakeholders and customers based on current procedures and regulations;*
- *To ensure implementation of accounting and financial systems in line with the current technology;*
- *To provide effective advisory services to personnel of the ministry; and*
- *To perform inspection on Responsibility Centre as a way to ensure better financial management.*

Tempoh Period	Keseluruhan Overall		
	Bil Bills	(RM)	(%)
0 - 3 HARI (A) 0 - 3 DAYS (A)	249,715	6,520,567,655.88	88.46%
4 - 7 HARI (B) 4 - 7 DAYS (B)	31,034	759,825,729.32	10.99%
0 - 7 HARI (A + B) 0 - 7 DAYS (A + B)	280,749	7,280,393,385.20	99.45%
8 - 14 HARI (C) 8 - 14 DAYS (C)	1,483	57,160,007.17	0.53%
0 - 14 HARI (A + B + C) 0 - 14 DAYS (A + B + C)	282,232	7,337,553,392.37	99.98%
> 14 HARI (D) > 14 DAYS (D)	48	132,789.52	0.02%
Jumlah (A + B + C + D) Total (A + B + C + D)	282,280	7,337,686,181.89	100.00%


Prestasi Pembayaran Bil Kementerian mengikut tempoh
Details for the bills payment performance of the ministry

PRESTASI PEMBAYARAN BIL KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2013

Bahagian Akaun selaku Pejabat Perakaunan di Kementerian Pertahanan berperanan sebagai pemantau dan pelapor Prestasi Pembayaran Bil dalam tempoh 14 hari. Bagi tahun 2013 termasuk tempoh Akaun Kena Bayar (AKB), Prestasi Pembayaran Bil dalam tempoh 14 hari adalah sebanyak 99.98%, dalam tempoh 7 hari adalah sebanyak 99.45% dan dalam tempoh 3 hari adalah sebanyak 88.46%.

BILLS PAYMENT PERFORMANCE FOR YEAR 2013

The Accounts Division as the Accounting Office in the Ministry of Defence plays the role of monitoring and reporting the bills payment performance within 14 days. For the year 2013 including the Accounts Payable period, the bills payment performance within 14 days is 99.98%, within 7 days is 99.45% and within 3 days is 88.46%.



Perbandingan prestasi tempoh bayaran bil bagi tahun 2012 dan 2013
Comparison of bills payment performance for year 2012 and 2013

Program Programme	Jumlah Bil Total Bills	0-3 Hari 0-3 Days		0-7 Hari 0-7 Days		0-14 Hari 0-14 Days		>14 Hari >14 Days	
		Bills	%	Bills	%	Bills	%	Bills	%
Pentadbiran Pertahanan	26,190	24,009	91.67%	26,172	99.93%	26,188	99.99%	2	0.01%
Bantuan Bersama	39,043	34,608	88.64%	38,949	99.76%	39,033	99.97%	10	0.03%
Pertahanan Darat	88,245	79,871	90.51%	87,769	99.46%	88,236	99.99%	9	0.01%
Pertahanan Laut	49,775	43,965	88.33%	49,723	99.90%	49,770	99.99%	5	0.01%
Pertahanan Udara	52,014	43,302	83.25%	51,622	99.25%	51,993	99.96%	21	0.04%
JLKN	27,013	23,960	88.70%	26,514	98.15%	27,012	99.99%	1	0.01%
Jumlah Total	282,280	249,715	88.46%	280,749	99.45%	282,232	99.98%	48	0.02%

Prestasi Tempoh Pembayaran Bil Mengikut Program bagi Tahun 2013
Bills payment performance by programme for year 2013

Program Programme	Tempoh Bayaran Bil (hari) Period				Jumlah Total
	0-3	0-7	0-14	>14	
Pentadbiran Pertahanan	-	9	4	1	14
Bantuan Bersama	2	2	6	7	17
Pertahanan Darat	4	17	10	8	39
Pertahanan Laut	3	7	6	4	20
Pertahanan Udara	-	4	3	9	16
JLKN	-	-	-	1	1
JUMLAH TOTAL	9	39	29	30	107

Ringkasan Bilangan PTJ mengikut Program dan Tempoh Bayaran Bil
Summary of Responsibility Centres by programme and period of payment of bills

Pada tahun 2013, sebanyak sembilan (9) PTJ telah berjaya mencapai 100% pembayaran bil dalam tempoh 3 hari bagi setiap bulan dan telah dianugerahkan Sijil Kecemerlangan Bayaran Tahun 2013 sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2014 Kementerian Pertahanan bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan pada 21 Januari 2014.

In 2013, a total of nine(9) Responsibility Centres was able to achieve 100% bill payment within 3 days for every month and has been awarded the Certificate of Excellence in conjunction with the 2014 Operating Budget Program Signing Ceremony at Ministry of Defence Auditorium on January 21, 2014.

Berikut adalah sembilan PTJ yang berjaya mencapai 100% pembayaran bil dalam tempoh 3 hari setiap bulan pada tahun 2013.

Nine PTJ who achieved 100 % payment of bills within 3 days of each month in 2013 are shown below.

1.



PTJ 220101 Markas ATM – Bahagian Logistik Pertahanan

2.



PTJ 230201 Maktab Pertahanan Angkatan Tentera

3.



PTJ 310801 Markas TD – Cawangan Perancangan & Pembangunan

4.



PTJ 340301 Markas 2 Divisyen

5.



PTJ 341501 Markas 11 Briged

6.



PTJ 341701 Markas 12 Briged

7.



PTJ 420101 Markas Tentera Laut – Materiel

8.



PTJ 430101 Markas Tentera Laut – Caw. Pembangunan Sumber Manusia

9.



PTJ 440601 KD Sri Semporna

PELAKSANAAN NAZIRAN KE ATAS SISTEM eSPKB (SISTEM PERANCANGAN & KAWALAN BELANJAWAN ELEKTRONIK)

Sebanyak 107 PTJ Kementerian Pertahanan telah dilaksanakan naziran oleh Pasukan Naziran Bahagian Akaun dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri/Cawangan pada tahun 2013. Naziran eSPKB telah dilaksanakan dengan menggunakan Sistem Penilaian Prestasi PTJ eSPKB (SPPP) Versi 1 yang dikeluarkan oleh JANM. Skala pemarkahan adalah seperti berikut:

Pemarkahan Marks	Klasifikasi Prestasi Performance Classification
90 - 100	Cemerlang Excellent
80 - <90	Baik Good
65 - <80	Memuaskan Satisfactory
0 - <65	Kurang Memuaskan Unsatisfactory


Jadual di bawah menunjukkan ringkasan bilangan PTJ mengikut program bagi pencapaian prestasi naziran eSPKB tahun 2013:-

Program Programme	Pencapaian Performance			
	Cemerlang Excellent	Baik Good	Memuaskan Satisfactory	Kurang Memuaskan Unsatisfactory
Pentadbiran Pertahanan	11	3	0	0
Bantuan Bersama	10	7	0	0
Pertahanan Darat	30	8	1	0
Pertahanan Maritim	14	6	0	0
Pertahanan Ruang Udara	10	6	0	0
JLKN	1	0	0	0
Total	76	30	1	0

eSPKB SYSTEM INSPECTORATE (ELECTRONIC PLANNING & BUDGETARY CONTROL SYSTEM)

In 2013, all 107 Responsibility Centres of Ministry of Defence has been inspected by the Inspectorate Team of the Accounts Division and also from the Accountant General's Department of Malaysia (AG). The eSPKB inspectorate was carried out using Responsibility Centres' eSPKB Performance Appraisal System Version 1 issued by the AG. The rating scale is as follows:-

Summary of 2013 performance of Responsibility Centres by programme for eSPKB inspectorate is as follows:-



PERBANDINGAN PRESTASI NAZIRAN eSPKB TAHUN 2012 DAN 2013
 COMPARISON OF THE PERFORMANCE OF RESPONSIBILITY CENTRES FOR
 THE ESPKB INSPECTORATE FOR 2012 AND 2013

TRANSFORMASI KE ARAH PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Pelaksanaan Perakaunan Akruan sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan. JANM telah ditugaskan sebagai Lead Agency dan Ketua Akauntan Kementerian telah dilantik sebagai Change Ambassador dalam membangun dan mempertingkatkan keupayaan serta kecekapan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan perakaunan akruan.

TRANSFORMATION TOWARDS THE IMPLEMENTATION OF ACCRUAL ACCOUNTING


Accrual Accounting Implementation in line with the Public Sector Transformation Policy in the New Economic Model is meant to strengthen fiscal management and to enhance the efficiency of financial management and accounting of the Federal Government. AG has been assigned as the Lead Agency and the Chief Accountant of the Ministry has been appointed as the Change Ambassador in developing and enhancing the capacity and efficiency of financial management and accounting system of the Federal Government through the implementation of accrual accounting.

Bagi menjayakan projek transformasi daripada perakaunan tunai ubahsuai kepada perakaunan akruan ini, beberapa aktiviti seperti pengumpulan data aset dan liabiliti, aktiviti pengurusan perubahan, penerangan berkaitan International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) dan sebagainya telah dijalankan. Satu Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan mesyuarat pertama telah bersidang pada 5 Ogos 2013 bagi memantau dan memastikan pelaksanaan perakaunan akruan berjalan seperti yang telah ditetapkan.

Perbezaan antara perakaunan tunai ubahsuai dengan perakaunan akruan adalah seperti berikut:

For the transformation project from modified cash accounting to accrual accounting to succeed, a number of activities such as data collection of assets and liabilities, change management activities, information related to International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) have been carried out. An Implementation Committee of Accrual Accounting for Ministry of Defence has been established and lead by the Chief Secretary. The first meeting was convened on August 5, 2013 to monitor and ensure the implementation of accrual accounting is progressing as scheduled.

The differences between modified cash accounting and accrual accounting are as follows:



Faedah pelaksanaan perakaunan akrual adalah seperti berikut:

- Memberi gambaran kedudukan kewangan kerajaan yang lebih menyeluruh dan tepat;
- Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan dalam pengurusan kewangan dan akaun;
- Menambahbaik pengurusan kewangan dan perakaunan kerajaan melalui tadbir urus yang baik (good governance) serta menjurus kepada value for money;
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerajaan dengan penjaan laporan prestasi dan penyata kewangan secara lebih lengkap dan menyeluruh;
- Pengukuran kesan polisi secara lebih efektif melalui pelaksanaan perakaunan pengurusan; dan
- Memberi petunjuk yang lebih baik dalam pengurusan kewangan secara berhemat.

SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI (SPLN)

JANM telah membangunkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan elektronik untuk agensi kerajaan di luar negara yang dikenali sebagai Sistem Perakaunan Luar Negeri atau SPLN. Salah satu ciri utama SPLN adalah berupaya untuk membuat bayaran dari Malaysia ke semua penerima di luar negara melalui Pindahan Telegrafik supaya perbelanjaan tersebut dapat diakaunkan serta-merta. Antara ciri-ciri utama SPLN yang lain adalah seperti berikut:

The benefits of the implementation of accrual accounting are as follows:

- *Provide an accurate and comprehensive overview of the financial position of the government;*
- *Increase government transparency and accountability in financial management and accounts;*
- *Improve government financial management and accounting through good governance as well as lead to value for money;*
- *Improve the efficiency and effectiveness in generating complete and comprehensive performance reports and financial statements; and*
- *To provide a better indication of prudent financial management.*

ELECTRONIC ACCOUNTING SYSTEM OF FOREIGN AFFAIRS (SPLN)

AG has developed an electronic financial management and accounting system for government agencies abroad known as the Electronic Accounting System of Foreign Affairs or SPLN. One of the main features of SPLN is ability to make payments from Malaysia to all recipients outside the country through Telegraphic Transfer and the expenses will be accounted for immediately. Among the key features of SPLN are:

- Dikendalikan dalam pelbagai matawang mengikut kesesuaian agensi.
- Memproses perbelanjaan yang mempunyai peruntukan sahaja. Ini dapat mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan atau tiada peruntukan.
- Pengiraan untung rugi dilakukan secara automatik.

Pelaksanaan SPLN secara pilot telah dijalankan bermula tahun 2012 di Pejabat Penasihat Pertahanan Jakarta, Singapura dan New Delhi dan seterusnya pada tahun 2013, roll-out SPLN telah diperluaskan kepada 90 PTJ di 53 lokasi yang melibatkan 36 buah negara. Seksyen Panjar di Bahagian Akaun dan Bahagian Staf Perisikan Pertahanan turut terlibat dengan pelaksanaan *roll-out* ini di 15 lokasi yang bermula pada bulan Mac 2013 dan berakhir pada bulan Oktober 2013.

Pelaksanaan *roll-out* SPLN ini akan diteruskan lagi pada tahun 2014 kepada 64 PTJ di 53 lokasi yang melibatkan 49 buah negara. Majlis Pelancaran SPLN telah disempurnakan oleh Yang Berhormat, Datuk Haji Ahmad bin Maslan, Timbalan Menteri Kewangan pada 17 Disember 2013 di Kementerian Kewangan.

- Operated in various currencies based on agencies.
- Only budgeted expenses will be processed. This can help to avoid spending without provision.
- Profit and loss calculation is done automatically.

Pilot implementation of SPLN has been started in 2012 in the Office of Defence Advisor Jakarta, Singapore and New Delhi and subsequently in 2013, the roll-out SPLN has been extended to 90 Responsibility Centres in 53 locations involving 36 countries. The Accounts Division and the Defence Intelligence Staff Division are involved in the implementation of SPLN roll-out in 15 locations starting in March 2013 and ended in October 2013.

The implementation of the SPLN roll-out will continue again in 2014 to 64 Responsibility Centres in 53 locations involving 49 countries. The Launching Ceremony of SPLN has been executed by the Honourable Datuk Haji Ahmad Maslan, Deputy Minister of Finance on December 17, 2013 at the Ministry of Finance.



PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM 5S

Sepanjang tahun 2013, pelbagai anugerah telah dimenangi oleh Bahagian Akaun bagi sesi Pengauditan 5S Kementerian Siri 1/2013 dan Siri 2/2013. Bagi sesi Pengauditan Siri 1/2013, Bahagian Akaun telah dinobatkan sebagai penerima anugerah berikut:

- Pejabat Terbaik
- Q-Manager Terbaik (Puan Murliza Hanafiah binti Mohd Hanafiah)
- Zon Terbaik (Zon Bayaran dan Zon GFMAS)
- Ahli Zon Terbaik (Puan Faridah binti Mohamed)
- Sudut Bahagian Terbaik.

IMPLEMENTATION AND ACHIEVEMENT OF THE 5S PROGRAMME

During 2013, several awards related to the 5S implementation had been won by Accounts Division. The awards granted for 5S Audit Series 1/2013 are:

- *Best Office*
- *Best Q-Manager (Puan Murliza Hanafiah binti Mohd Hanafiah)*
- *Best Zone (GFMAS and Payment Zone)*
- *Best Zone Member (Puan Faridah binti Mohamed)*
- *Best Divisional Corner*



Manakala bagi sesi Pengauditan Siri 2/2013, Bahagian Akaun telah menerima pengiktirafan berikut:

- Pejabat Terbaik
- Zon Terbaik (Zon Urus)
- Markah Audit 5S melebihi 95% (Zon Induk)
- Ahli Zon Terbaik (Puan Noraziah binti Mohamad Nazir)

Meanwhile 5S Audit Series 2/2013, Accounts Division has received the following recognition:

- *Best Office*
- *Best Zone (Urus Zone)*
- *5S Audit Marks exceed 95% (Divisional Zone)*
- *Best Zone Member (Puan Noraziah binti Mohamad Nazir)*

ANUGERAH PEJABAT PERAKAUNAN TERBAIK 2013

Bahagian Akaun juga telah diberikan pengiktirafan sebagai Pejabat Perakaunan Terbaik Tahun 2013 oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berdasarkan pengauditan yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam (BPAD), JANM pada 11 hingga 15 November 2013.

BEST ACCOUNTING OFFICE AWARDS 2013


Accounts Division is also given are cognition as Best Accounting Office of the Year 2013 by the Accountant General's Department of Malaysia (AG) based on an audit conducted by the Internal Audit Division (BPAD), AG on 11 to 15 November 2013.



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

SEKTOR PENGURUSAN
MANAGEMENT SECTOR

Bahagian Kewangan
Finance Division




BAHAGIAN KEWANGAN FINANCE DIVISION

ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Bagi tahun 2013, Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan sebanyak RM15,251,269,300.00. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM11,970,462,000.00 atau 78.49% daripada jumlah keseluruhan peruntukan Kementerian Pertahanan, manakala Belanja Pembangunan pula adalah sebanyak RM3,280,807,300.00 atau 21.51%. Pecahan peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2013 mengikut Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan adalah seperti Carta di bawah.

ESTIMATED OPERATING EXPENSES

In 2013, the Ministry of Defence was allocated Operating Expenditure and Development Expenditure totaling RM15,251,269,300.00. Out of this allocated amount, RM11,970,462,000.00 was for the Ministry's Operating Expenditure which represented 78.49% of this Ministry's allocation. The remaining balance of RM3,280,807,300.00 or 21.51% made up the Ministry's Development Expenditure. The breakdown for the allocations accorded to the Ministry of Defence in 2013 is outlined as below.



Pecahan Peruntukan Bajet Kementerian Pertahanan Bagi Tahun 2013
Apportionment of the Ministry of Defence Budget Allocation for 2013

Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2013 Kementerian Pertahanan menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,024,536,000.00 atau 9.36% berbanding peruntukan yang diperolehi pada tahun 2012 berjumlah RM 10,945,926,100.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6,011.79 Juta atau 50.22% adalah merupakan peruntukan bagi Emolumen manakala sebanyak RM5,958.67 atau 49.78% adalah untuk peruntukan bukan Emolumen.

Operating Expenditure Allocation Year 2013 Ministry of Defence shows an increase of RM1,024,536,000.00 or 9.36% compared to the allocation obtained in 2012 amounting to RM10,945,926,100.00. of this amount, a total of RM6,011.79 or 50.22% is emolument while RM5,958.67 or 49.78% for the year are not emolument.

PRESTASI BELANJA MENGURUS

Bagi tahun 2013, kementerian juga telah diperuntukan peruntukan tambahan sebanyak RM239,000,000.00 menjadikan peruntukan keseluruhan Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM12,209,462,000.00.

PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS MENGIKUT DASAR

Prestasi perbelanjaan dan perbandingan di antara peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Dasar bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 1 dan Carta 1.

OPERATING EXPENSES PERFORMANCE


During 2013, the ministry was also given additional allocation of RM239,000,000.00 which accounted to the ministry's overall allocation of RM12,209,462,000.00.

OPERATING EXPENDITURE EXPENSES PERFORMANCE BY DASAR

Expenditure Performance and comparison between allocation and operating expenditure expenses according to DASAR for the year 2013 are shown in Table 1 and Chart 1.

DASAR	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	BAKI (RM)
Dasar Sedia Ada	10,977,114,247	10,976,578,316	100.00	535,931
Program Khusus	129,073,520	128,990,139.89	99.94	83,380
Dasar Baru	531,740,473	531,534,76	99.96	205,712
Dasar One-Off	571,533,760	571,468,380.97	99.99	65,379
JUMLAH (RM)	12,209,462,000	12,208,571,597.53	99.99	890,402

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2013 Mengikut Dasar
Table 1: Operating Expenditure Expenses Performance Year 2013 According to DASAR



Carta 1: Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus tahun 2013 Mengikut Dasar
Chart 1: Comparison Between Allocation and Operating Expenditure Expenses for 2013 By DASAR

PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENDIRI MENGIKUT PERSONEL EMOLUMEN (PE) DAN NON-PERSONEL EMOLUMEN (NPE)


Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mandiri mengikut Personel Emolumen (PE) dan Non-Personel Emolumen (NPE) bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 2 dan Carta 2.

OPERATING EXPENDITURE EXPENSES PERFORMANCE BY PERSONEL EMOLUMENT (PE) AND NON-PERSONEL EMOLUMENT (NPE)

Expenditure performance and allocation comparison and Operating Expenditure expenses by Personnel Emolument and Non-Personnel Emolument for the year 2013 are shown in Table 2 and Chart 2.

KATEGORI	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	BAKI (RM)
PE	6,168,360,728	6,167,842,927.91	99.99	517,800.09
NPE	6,041,001,272	6,040,728,669.62	100.00	372,602.38
JUMLAH	12,209,462,000	12,208,571,597.53	99.99	890,402.47

Jadual 2: Prestasi Perbelanjaan Belanja Mandiri tahun 2013 mengikut PE dan NPE
Table 2: Operating Expenditure Expenses Performance Year 2013 by PE and NPE



Carta 2: Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mandiri tahun 2013 mengikut PE dan NPE
Chart 2: Operating Expenditure Expenses Performances Year 2013 By PE and NPE

PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN


Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Jenis Perbelanjaan bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 3 dan Carta 3.

OPERATING EXPENDITURE EXPENSES BY TYPE OF EXPENDITURE PERFORMANCE

Expenses performance and comparison of the provisions and Operating Expenditure Expenses by Type of Expenditure for the Year 2013 are shown in Table 3 and Chart 3.

JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	BAKI (RM)
Emolumen	6,168,360,728	6,167,842,927.91	99.99	517,800.09
Perkhidmatan & Bekalan	5,537,419,439	5,537,128,167.69	99.99	291,271.31
Aset	400,354,828	400,290,466.63	99.98	64,361.37
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	103,014,305	103,009,844.55	100.00	4,460.45
Perbelanjaan-Perbelanjaan lain	312,700	300,190.75	96.00	12,509.25
JUMLAH (RM)	12,209,462,000	12,208,571,597.53	99.99	890,402.47

Jadual 3: Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus tahun 2013 Mengikut Jenis Perbelanjaan
Table 3: Operating Expenditure Expenses Performances for The Year 2013 By Type of Expenditure



Carta 3: Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2013 mengikut Jenis Perbelanjaan
Chart 3: Comparison of the Provisions and Operating Expenditure Expenses for The Year 2013 By Type Expenses

PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS MENGIKUT PROGRAM


Prestasi perbelanjaan dan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Program bagi Tahun 2013 adalah seperti di Jadual 4 dan Carta 4.

OPERATING EXPENDITURE EXPENSES PERFORMANCE BY PROGRAM

Expenses Performance and comparison of provisions and Operating Expenditure Expenses by Program for 2013 are shown in Table 4 and Chart 4.

Program	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	%
Pentadbiran Pertahanan	395,892,066	395,892,061.78	100.00
Bantuan Bersama	1,014,952,235	1,014,946,034.58	100
Pertahanan Darat	4,768,245,662	1,767,725,545.67	99.99
Pertahanan Maritim	2,013,948,034	2,013,943,711.28	100
Pertahanan Ruang Udara	2,209,672,410	2,209,667,263.38	100
Latihan Khidmat Negara	574,403,840	574,403,698.91	100
Khusus	129,073,520.00	128,990,139.89	99.94
Dasar Baru	531,740,473	531,534,761.07	99.96
Dasar One-Off	571,533,760	571,468,380.97	99.99
JUMLAH (RM)	12,209,462,000	12,208,571,597.53	99.99

Jadual 4: Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2013 Berakhir 31 Disember 2013 Mengikut Program
Table 4: Operating Expenditure Expenses for the year 2013 ended 31st December 2013 By Program



Carta 4: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2013 Berakhir 31 Disember 2013 (AKB) mengikut Program
Chart 4: Comparison of Operating Expenditure Expenses Year 2013 Ended at 31 December 2013 (AKB) By Programme

TREND PERBELANJAAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2013 BERBANDING TAHUN 2012

Berdasarkan perbandingan perbelanjaan tahun 2012, adalah didapati bahawa trend perbelanjaan bagi tempoh separuh tahun pertama bagi kedua-dua tahun tersebut adalah hampir sekata. Ini memandangkan sebahagian besar perbelanjaan yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut adalah perbelanjaan bagi operasi dan pengurusan Kementerian.

Bermula tempoh separuh tahun kedua, trend perbelanjaan bagi kedua-dua tahun berkenaan telah berubah secara mendadak. Ini kerana pada bulan Julai 2013, Kerajaan telah melaksanakan pembayaran khas RM500 dan satu Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua kakitangan awam.


Perbandingan trend perbelanjaan Kementerian bagi tahun 2013 dan tahun 2012 adalah seperti di Carta 5.

MINISTRY EXPENSES TREND FOR 2013 COMPARE TO 2012

Based on comparison of spending in 2013 with spending in 2012, it was found that the trend in spending for the first half of the two years are almost evenly. This is because the bulk of spending in the period are expenses for the operation and management of the Ministry.

Starting from the half of second year, spending trends for both years has been changed dramatically. This is because of due in July of 2013, the Government adopted the Annual Remuneration payment to all civil servants.

The comparison of the ministry's spending trends for the year 2013 and the year 2012 is shown in Chart 5.



Carta 5: Perbandingan Trend Perbelanjaan Kementerian Bagi Tahun 2013 dan Tahun 2012
Chart 5: The Comparison of Spending Trends for Ministry Year 2013 and Year 2012

LEBIHAN PERBELANJAAN BAGI BELANJA MENGURUS BAGI TAHUN 2013

Perbelanjaan Belanja Mengurus bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM12,208,571,597.53 (99.99%) daripada peruntukan yang diterima sebanyak RM12,209,462,000.00. Walaupun pembayaran khas RM500.00 dan satu kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tidak mencukupi untuk keseluruhan Kementerian, namun dengan penjimatan dalaman dan tambahan peruntukan daripada Perbendaharaan telah menampung semua perbelanjaan. Oleh yang demikian, Perbelanjaan Kementerian mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 100%.

PINDAH PERUNTUKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

8.	YBHG. PUAN ANI ANAK SOLEP Wakil Bumiputera Sarawak <i>Sarawak Community Representatives</i>	1 Jun 2013 -1 Jun 2016 <i>1 June 2013 -1 June 2016</i>
9.	YBHG. DATUK MEGAT FIRDOUZ BIN TAN SRI MEGAT JUNID Wakil Kaum Melayu <i>Malay Representatives</i>	6 Jan 2013 – 5 Jan 2016 <i>6 Jan 2013 – 5 Jan 2016</i>
10.	YBHG. DATUK MURUGESAN A/L SINNANDAVAR Wakil Kaum India <i>Indian Representatives</i>	6 Jan 2013 – 5 Jan 2016 <i>6 Jan 2013 – 5 Jan 2016</i>
11.	WAKIL KAUM CINA (KOSONG) <i>Chinese Representatives (Empty)</i>	

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LATIHAN

Bahagian Pembangunan Latihan berperanan dalam merancang dan membangunkan modul latihan bagi memastikan Modul PLKN sentiasa relevan dan mengikut perubahan sosioekonomi semasa.

Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam melahirkan jurulatih yang kompeten melalui pelaksanaan kursus kejurulatihan yang memberi pendedahan dan kemahiran kepada jurulatih bagi memantapkan keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P).

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Sub Modul Malaysia Berdaulat dan Klik Bijak @ PLKN adalah selaras dengan hasrat YBhg Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan supaya modul latihan PLKN dikaji semula agar ianya mengikut perkembangan semasa selaras dengan saranan YB Menteri Pertahanan dalam ucapan di Majlis Pelancaran Rumah Terbuka Kem-Kem PLKN Sempena Hari Ulang Tahun ke 10 PLKN yang diadakan di Kem PLKN Padang Hijau, Kluang, Johor. Pelaksanaan Sub Modul Malaysia Berdaulat dan Klik Bijak @ PLKN dalam latihan PLKN bermula pada Kumpulan 1 Siri 11/2014.

Majlis Pelancaran Siri Manual Kenegaraan PLKN hasil usaha sama antara Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia. Majlis pelancaran ini telah diadakan pada 12 Disember bertempat di Dewan SITC, Kampus Utama UPSI di Tanjung Malim.

TRAINING DEVELOPMENT DIVISION

The Training Development Division's role are planning and developing the training modules to ensure that the National Service modules always remain relevant and in line with evolving socio-economic environment issues.

The Division is also responsible towards producing competent trainers through the coaching courses implementation that provide exposure and skills to coaches and enhance the delivery of teaching and learning (P&P) process.

IMPLEMENTATION

Implementations of Malaysia Berdaulat and Klik Bijak @ PLKN Sub Module are tally with Chief Secretary, Ministry of Defence aspiration to reexamine the module of PLKN and make it cope with current changes and which is also the aspiration of our Minister of Defence in his speech on Majlis Pelancaran Rumah Terbuka Kem-Kem PLKN special for 10th Anniversary of National Services Training Programme (PLKN) has been held at PLKN Padang Hijau Camp, Kluang, Johor. Implementations of Malaysia Berdaulat and Klik Bijak @ PLKN Sub Module have been implemented to the 1st Group of 11th Series of 2014.

Launch Ceremony for Nationalism Module collaboration between National Service Training Department (JLKN) and Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) is officiated by YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Vice Minister of Defence. This ceremony has been held on 12th December at SITC hall, UPSI main campus, Tanjung Malim.

Siri Manual Kenegaraan yang dilancarkan ini adalah hasil lanjutan dari Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara JLKN dengan UPSI pada 20 April 2012 di mana Jabatan telah bersetuju untuk meneruskan kerjasama dengan UPSI melalui Fakulti Sains Kemusiaan bagi melaksanakan usaha semakan dan pemurnian Manual Modul Kenegaraan PLKN sedia ada yang diguna pakai di Kem PLKN ketika ini. Selain itu, Jabatan juga telah bersetuju untuk Pejabat Karang Mengarang UPSI menerbitkan Siri Manual Kenegaraan dan juga Buku Kerja Pelatih Modul Kenegaraan yang bakal digunakan bermula dari Kumpulan 1 Siri 11/2014.

BAHAGIAN OPERASI

Lawatan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis Ke Kem PLKN Tasik Meranti, Wang Kelian, Perlis Sempena Program Titian Kasih Mega PLKN bersama DYTM Raja Muda Perlis. Lawatan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis telah berangkat mencemar duli bagi menghadiri Program Titian Kasih PLKN bersama DYTM Tuanku Raja Muda yang telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2013 bertempat di Kem PLKN Tasik Meranti, Wang Kelian, Perlis.

Majlis Pelancaran Rumah Terbuka Kem-Kem PLKN Sempena Sambutan Hari Ulangtahun Ke-10 PLKN Oleh YB Menteri Pertahanan. Pada 9 Jun, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan telah merasmikan Majlis Pelancaran Rumah Terbuka Kem-Kem PLKN sempena hari Ulang Tahun ke 10 PLKN yang diadakan di Kem PLKN Padang Hijau, Kluang, Johor. Hadir sama, Ketua Setiausaha KEMENTAH, YBhg Dato' Sri Dr. Ismail Ahmad, Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Pengarah JLKN, YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil.

Seramai 1500 orang telah hadir memeriahkan lagi majlis tersebut yang terdiri daripada 500 orang pelatih Kem PLKN Padang Hijau, 200 anggota tentera, 300 orang bekas pelatih PLKN dan 500 orang ahli keluarga pelatih-pelatih.

Series of Nationalism Module is the advancement from Memorandum of Understanding (MoU) that has been sign between JLKN and UPSI on 20th April 2012 which JLKN has agreed to continue the collaboration with UPSI through Humanitarian Science Faculty to carry out some effort to review and purified current Nationalism Module Manual. In adattion, JLKN allowed UPSI Publication Office to publish Nationalism Manual Series and Nationalism Module for trainees which will be used starting from the 1st Group 11th Series of 2014.

OPERATION DIVISION

Visit by DYTM Tuanku Raja Muda Perlis to PLKN Tasik Meranti Camp, Wang Kelian, Perlis Special for Program Titian Kasih Mega PLKN with DYTM Raja Muda Perlis. DYTM Tuanku Raja Muda Perlis has come to visit PLKN Tasik Meranti Camp, Wang Kelian, Perlis for attend the Titian Kasih Mega PLKN Program with DYTM Raja Muda Perlis on 24th October 2013.

The Launch of Open House for PLKN Camps after the 10th Celebration of PLKN by Minister of Defence. On 9th June, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Minister of Defence was officiating Launch The Launch of Open House for PLKN Camps after the 10th Celebration of PLKN which has been held at PLKN Padang Hijau Camp, Kluang, Johor. Also attenatng are Chief Secretary of KEMENTAH, YBhg Dato' Sri Dr. Ismail Ahmad, Chief of Defence Force, YBhg Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin and General Director of JLKN, YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil.

Total of 1500 people has come and enliven the event which involving 500 PLKN trainees of Padang Hijau Camp, 200 military personnel, 300 alumni of trainees and 500 family members of trainees.

Lawatan Delegasi Oman Ke Kem PLKN Mantin, Negeri Sembilan. Pada 15 Mei 2013, satu lawatan daripada Delegasi Oman telah dibuat ke Kem PLKN Mantin, Negeri Sembilan. Delegasi ini telah disambut oleh Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara, YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil.

Lawatan Rasmi Delegasi Singapura 'Singapore Armed Forces Warrant Officers School (SAFWORS)'. Singapore Armed Forces Warrant Officers School (SAFWORS) 03/2013 Joint Senior Leadership Course (JSLC) akan membuat lawatan ke Malaysia. Lanjutan daripada itu, pihak SAFWORS telah mengadakan lawatan ke Kem PLKN Sri Perkasa, Mantin, Negeri Sembilan pada 26 September 2013.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Proses pemilihan pelatih bagi Siri 11/2014 telah mengguna pakai Modul Pemilihan Pelatih PLKN, Sistem Pengurusan Bersepadu Khidmat Negara (i-SPKN) dengan jayanya. Majlis Pelancaran Pemilihan Pelatih bagi Siri 11/2014 ini telah diadakan pada 16 Julai 2013 bertempat di Bilik Teratai, Wisma Pertahanan di mana cetakan senarai nama bagi 150,000 pelatih terpilih yang lahir pada tahun 1996 telah dijana. Jumlah pecahan mengikut kumpulan yang ditetapkan adalah seramai 43,000 pelatih bagi Kumpulan 1, 47,000 bagi Kumpulan 2 dan 60,000 bagi Kumpulan 3.

Visit by Deligation of Oman to Mantin PLKN Camp, Negeri Sembilan. On 15th May 2013, Delegation of Oman has visiting Mantin PLKN Camp in Negeri Sembilan. The delegation welcomed by General Director of National Service Training Department (JLKN), YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil.

Official Visit Singapore Deligation Singapore Armed Forces Warrant Officers School (SAFWORS). Singapore Armed Forces Warrant Officers School (SAFWORS) 03/2013 Joint Senior Leadership Course (JSLC) will make the trip to Malaysia. Inconjunction with it, SAFWORS has visiting Sri Perkasa PLKN Camp in Mantin, Negeri Sembilan on 26th September 2013.



INFORMATION MANAGEMENT DIVISION

Trainee selection process for 11th Series for year 2014 is using PLKN Trainee Selection Module, National Service Integrated Management System (i-SPKN). Launch Ceremony Trainee Selection for 11th Series/2014 has been held on 16th July 2013 at Bilik Teratai, Wisma Pertahanan which the printed list of 150,000 selected trainees whose born on 1996 has been generated. Total fraction by group that has been set as 43,000 trainees for the 1st group, 47,000 for 2nd group and 60,000 for the 3rd group.

i-SPKN

Jabatan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan jabatan di antaranya ialah projek penggantian sistem lama iaitu Sistem Program Khidmat Negara (SPKN) kepada Sistem Pengurusan Bersepadu Khidmat Negara (i-SPKN). Penggantian sistem ini amat kritikal memandangkan sistem lama telah usang dan tahap penggunaan sistem tersebut tidak mencapai 100% oleh kerana sistem ini tidak lagi memenuhi keperluan pengguna disebabkan terdapat banyak perubahan dan penambahbaikan terhadap proses dan prosedur kerja jabatan. Sebanyak 12 modul teras dibangunkan di bawah Projek Pembangunan i-SPKN Fasa I seperti berikut:-

- Modul Pemilihan Pelatih PLKN
- Modul Kemaskini Maklumat Pelatih Bersekolah
- Modul Penempatan Pelatih PLKN
- Modul Pelatih PLKN
- Modul Soal Selidik
- Modul Kem
- Modul Jurulatih
- Modul Laporan & Statistik
- Modul Portal Alumni Bekas Pelatih / BSKN
- Modul Informasi PLKN
- Modul Pentadbiran Sistem
- Modul Pengurusan Pengguna

MAJLIS PELANCARAN MINGGU ICT MINDEF 2013 OLEH TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

Pada 18 September 2013, YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan telah melancarkan Majlis Minggu ICT MinDef 2013 yang diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan. Turut hadir ialah YBhg Dato' Sri Dr Ismail Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Objektif Minggu ICT MinDef 2013 ini diadakan bertujuan untuk mengenal pasti ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan oleh MinDef dalam meningkatkan perkhidmatan atas talian serta meningkatkan tahap pengetahuan warga MinDef mengenai teknologi perkakasan dan perisian BYOD terkini.

i-SPKN

National Service Department has taken many initiatives to improve the quality of information service and one of it is replacement project from the old system which is National Service Program Systems (SPKN) to the new system which is National Services Integrated Management System (i-SPKN). The replacement of this system is critical since the old system is obsolete and the level of use are not reaching 100% because of this system are not compatible with consumers need and because of so much changes and improvement has been made to procedures and work process in this department. Total of 12 basic module are built up under Development Project i-SPKN 1st Phase are as below:-

- *PLKN Trainee Selection Module*
- *Students Information Updates Module*
- *PLKN Trainee Placement Module*
- *PLKN Trainees Module*
- *Questionnaire Module*
- *Camp Module*
- *Trainers Module*
- *Reports and Statistic Module*
- *Alumni Former Trainee Portal Module*
- *PLKN Information Module*
- *Administration System Module*
- *Consumer Management Module*

MINDEF ICT WEEK 2013 LAUNCH CEREMONY BY DEPUTY MINISTER OF DEFENCE

On 18th September 2013, Deputy Minister of Defence, YB Datuk Abdul Rahim Bakri has officiated MiNDEF ICT Week for year 2013 and has been held at Wisma Pertahanan Auditorium. Also attending to this ceremony is Chief Secretary Ministry of Defence, Ybhg Dato' Sri Dr Ismail Ahmad. Their objectives are to identify space and opportunities that can be used in order to improve our online service and improve knowledge level of MinDef personnel about latest technologies of BYOD hardware and software.

Acara-acara yang telah diadakan ialah Penyampaian Sijil Information Security Management System (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2007 dan Pertandingan Laman Web/Portal Kementerian Pertahanan 2013. Penganugerahan Sijil ISMS tersebut turut merangkumi agensi di bawah MinDef iaitu Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) manakala bagi Pertandingan Laman Web/Portal Kementerian Pertahanan 2013, **Jabatan Latihan Khidmat Negara telah menduduki tempat pertama.**

*Events that have been done are Information Security Management System (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2007 Certificate Presentation Ceremony and MinDef Web Portal 2013 Competition. Awarding the certificate to include agencies under Ministry of Defence which is National Service Department (JLKN), Veteran Affairs Department (JHEV) and Science and Technologies Research Institute for Defence (STRIDE) while MinDef Web Portal 2013 Competition **won by National Service Training Department.***

BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN


FINANCE AND ACCOUNT DIVISION

ANGGARAN BELANJA MENGURUS

EXPENATTURE ALLOCATION

Bagi tahun 2013, Kementerian Pertahanan telah meluluskan peruntukan Belanja Mengurus bagi Program Latihan Khidmat Negara dan telah menerima waran sebanyak **RM711,367,800.00**. Daripada jumlah tersebut, peruntukan untuk Aktiviti Pengurusan adalah sebanyak **RM46,916,510.00** atau **6.60%** daripada jumlah keseluruhan peruntukan jabatan, manakala peruntukan untuk Aktiviti Latihan pula adalah sebanyak **RM664,451,290.00** atau **93.40%**. Pecahan peruntukan Program Latihan Khidmat Negara bagi Tahun 2013 adalah seperti berikut:-

*For the year 2013, Ministry of Defence approved expenditure for the National Service Training Program of **RM711,367,800.00** and from the amount, provisions for management activities was **RM46,916,510.00** or **6.60%** from the total allocation while provisions for training activities was **RM664,451,290.00** or **93.40%**. Allocation fraction for National Service Training Program Year 2013 is as below:-*



*Pecahan Peruntukan Bajet Program Latihan Khidmat Negara Tahun 2013
Allocation Fraction For National Service Training Program Year 2013*

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Pelaksanaan pameran-pameran bagi mempromosikan JLKN dan aktiviti-aktiviti Khidmat Negara yang dijalankan sepanjang tahun 2013.

a. PENGLIBATAN JLKN DALAM KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI

CORPORATE COMMUNICATION DIVISION

Implementation of exhibition to promote JLKN and activities of National Service Training throughout year 2013.

a. JLKN INVOLVEMENT IN HIGHER EDUCATION CARNIVAL

BIL NO	PAMERAN EXHIBITION	JUM. PENGUNJUNG VISITORS
1.	UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR	499
2.	ONE BORNEO SHOPPING CENTER, SABAH	529
3.	STADIUM DARUL AMAN, KEDAH	510
4.	MITC, MELAKA	629
5.	KUCHING WATERFRONT, KUCHING, SARAWAK	465
6.	PADANG KAWAD, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), PULAU PINANG	498
7.	SASICC, KUANTAN, PAHANG	523
8.	STADIUM SULTAN MUHAMED KE-IV, KOTA BHARU, KELANTAN	467
9.	DEWAN JUBLI PERAK, KUALA KANGSAR, PERAK	587
JUMLAH TOTAL		4707



**b. PENGLIBATAN JLKN DALAM KARNIVAL
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**b. JLKN INVOLVEMENT IN MALAYSIA ARMED
FORCES CARNIVAL**

BIL NO	PAMERAN EXHIBITION	JUM. PENGUNJUNG VISITORS
1.	PAMERAN KOLOKIUUM PENGURUSAN KEWANGAN MINDEF, RUANG LEGAR WISMA PERTAHANAN, KUALA LUMPUR	349
2.	HARI TERBUKA MINDEF, E-CURVE, DAMANSARA, KUALA LUMPUR	378
3.	HARI TERBUKA MINDEF, TIMES SQUARE, KUALA LUMPUR	350
4.	KARNIVAL 1MINDEF, DATARAN KLUANG, JOHOR	110
5.	HARI TERBUKA MINDEF, KOTA SAMARAHAN, SARAWAK	240
JUMLAH TOTAL		1427

**c. PENGLIBATAN JLKN DALAM KARNIVAL
PROGRAM JELAJAH JANJI DITEPATI**

**c. JLKN INVOLVEMENT IN JELAJAH JANJI
DITEPATI PROGRAM**

BIL NO	PAMERAN EXHIBITION	JUM. PENGUNJUNG VISITORS
1.	RTC, WAKAF CHE YEH, KELANTAN	107
2.	DATARAN SHAHBANDAR, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU	200
3.	PERKARANGAN PUSAT SUKAN, PERLIS	110
4.	PADANG MPK 2, KUANTAN	168
JUMLAH TOTAL		585

d. PAMERAN KERJAYA

d. CARRIER FAIR

BIL NO	PAMERAN EXHIBITION	JUM. PENGUNJUNG VISITORS
1.	DEWAN TUN ABD.RAZAK, SELEKOH, PERAK	299
JUMLAH TOTAL		299

AKTIVITI PUBLISITI SEPANJANG TAHUN 2013

- Majlis Ulang Tahun Ke-10 Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Kem PLKN Padang Hijau, Kluang Johor.
- Karnival Hari Belia Negara 2013 di Putrajaya Pada 23 - 26 Mei 2013.
- Wawancara Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara bersama BERNAMA.
- Ketua Pengarah Jlnk Dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia.
- Program Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN)-Mendaki Gunung Kinabalu.
- Temubual Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara dalam Radio 24 BERNAMA.

BAHAGIAN PENGURUSAN PRASARANA

Memastikan perkhidmatan prasarana, kemudahan latihan dan perkhidmatan sajian di Kem PLKN mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan dan mencapai prestasi minimum 80 peratus serta berdasarkan kepada piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti Pengurusan Prasarana bagi tahun 2013

Prasarana:

- Pemeriksaan tapak baru cadangan Kem PLKN.
- Bengkel Pemurnian Garis Panduan Minima (GPM 2008) pindaan 2013 oleh tim pemantauan bersama Bahagian Pembangunan, Bahagian Logistik Pertahanan, Kementerian Pertahanan.
- Pemeriksaan Jadual Pematuhan dan Garis Panduan Minima (GPM 2008) terhadap semua Kem PLKN.

PUBLICITY ACTIVITIES THROUGHOUT THE YEAR 2013

- *National Service Training Program 10th Anniversary at Padang Hijau PLKN Camp, Kluang Johor.*
- *Youth Day Carnival 2013 at Putrajaya on 23 – 26 May 2013.*
- *General Director of National Service Training Department Interview with BERNAMA.*
- *National Service Volunteer Briged Program - Kinabalu Mount Climbing.*
- *General Director of National Service Training Department Interview with Radio 24 BERNAMA.*

INFRASTRUCTURE MANAGEMENT DIVISION

Ensure that infrastructure services, training facilities and meal services at National Service Camp are always comply with the prescribed guideline and perform at least 80 percent of it and follow the regulation that has been listed by Ministry of Defence and Ministry of Health.

Infrastructure Management Unit Activities during Year 2013

Infrastructure:

- *Site inspection for new PLKN camp.*
- *Minimal Guideline Refinement Workshop (GPM 2008) 2013 amendment by joint monitoring team Development Division, Defence Logistic Department, Ministry of Defence.*
- *Schedule of Compliance and Minimal Guideline (GPM 2008) inspection on PLKN camp.*

Kontrak:

- Bengkel Pemurnian Kontrak Sewaan Perkhidmatan Prasarana, kemudahan-kemudahan latihan dan perkhidmatan sajian makanan telah diadakan pada bulan September 2013. Peserta bengkel terdiri daripada Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan, Penasihat Undang-undang JLKN, wakil dari setiap bahagian JLKN dan Pengarah Zon.

Pentadbiran:

- Mengadakan Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri
- Mengadakan Bengkel Sistem Pengurusan Kualiti MS: ISO 9001:2008

Sajian dan Kesihatan:

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Kesihatan dan Kebersihan Kem-kem PLKN (JPKK) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia telah dilaksanakan pada Jun dan November 2013.
- Pertandingan Perkhidmatan Sajian di Kem-kem PLKN telah dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), KKM dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Prasarana, JLKN. Majlis Anugerah telah diadakan di Kem PLKN Geo-Kosmo, Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 13 Jun 2013.



Contract:

- *Rental Service Contract Refinement Workshop for Infrastructure, training facilities and meal service was held on September 2013. Participant consist of staff from Development Department, Ministry of Defence, JLKN Law Advisory, representatives from all departments and Zone Director.*

Administration:

- *Organizing Eid Celebration Ceremony.*
- *Organizing Quality MS: ISO 9001:2008 Management System Workshop.*

Meal and Health:

- *PLKN Camp Health and Sanitation Monitoring Committee (JPKK) Meeting with Malaysia Ministry of Health has been held on June and November 2013.*
- *Meal Service Competition at PLKN Camps has been organized by Security and Food Quality Department (BKMM), KKM in partnership with JLKN Infrastructure Management Department. Awarding Ceremony has been held at Geo-Cosmo PLKN Camp, Kuala Kubu Bharu, Selangor on 13th June 2013.*




BAHAGIAN PEROLEHAN

Sepanjang tahun 2013 Bahagian Perolehan JLKN telah berjaya memuktamadkan dan menguruskan perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk keperluan Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Kem-Kem PLKN di seluruh Malaysia dengan nilai perolehan keseluruhan sebanyak RM 33,557,675.43.

PROCUREMENT DIVISION

Throughout 2013 JLKN Procurement Department was successfully concluded and able to manage procurement of supply and services for National Service Training Department necessity and PLKN camps all over Malaysia with total amount of procurement is RM 33,557,675.43.

Prestasi Jenis Perolehan JLKN Mengikut Nilai Tahun 2013



BAHAGIAN SUKARELAWAN DAN ALUMNI

Bahagian Sukarelawan dan Alumni telah ditubuhkan secara rasminya pada 5 Mac 2012. Bahagian ini berperanan menyelaras perancangan, pembangunan dan pelaksanaan program-program Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) bagi menjalankan kerja-kerja sukarelawan dalam membantu meluaskan capaian objektif PLKN di kalangan bekas pelatih PLKN yang telah dewasa khususnya berkenaan perpaduan kaum dan semangat kesukarelawan.

Peranan Briged ini adalah untuk melaksanakan kerja-kerja sukarelawan secara berstruktur bersama dengan agensi-agensi peneraju, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Fungsi Briged adalah seperti berikut:-

- a. Bencana – membantu pihak berkuasa dalam kerja-kerja yang berkaitan di lokasi bencana.
- b. Kemasyarakatan dan Sosial – membantu dalam kerja-kerja sukarelawan yang melibatkan aktiviti sosial dan kemasyarakatan di hospital, rumah kebajikan, kemudahan-kemudahan awam dan lain-lain tempat yang bersesuaian.
- c. Projek – berfungsi sebagai pasukan penghubung dalam mendapatkan dana yang bersesuaian dalam program yang dirancang dan memantau kelancaran program yang dijalankan.
- d. Alam Sekitar – melaksanakan aktiviti yang melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar termasuk membantu dalam menyalurkan maklumat awal kepada pihak berkuasa berkenaan risiko bencana alam seperti tanda awal tanah runtuh dan halangan yang wujud di sungai yang boleh menyebabkan banjir.

VOLUNTEERS AND ALUMNI DIVISION

Volunteers and Alumni Department is formally established on 5th March 2012. This department role on adjusting plan, development and implementing National Service Volunteer Briged (BSKN) programs to run volunteering activities in assisting to widen PLKN objectives among former trainee who are adult especially about ethnic integration and volunteerism.

This Briged role is to implement volunteering work structuraly together with main agencies, goverment agencies, non goverment agencies (NGO) and private sectors. Briged role are as below:-

- a. Disaster – assist the authorities in helping at disaster location.*
- b. Social and community – helping in volunteering work which including social activities and community in hospital, welfare, facilities and other places.*
- c. Project – functioning as liaison team in getting fund on planned program and monitoring the programs.*
- d. Environment – Run the conservation and environmental protection activities which involving helping and giving information to authorities about catastrophe disaster risk such as early stage of landslide and barriers that exist in river that will cause flooding.*

- e. Penerangan dan Publisiti – menyampaikan maklumat mengenai pergerakan dan aktiviti BSKN serta turut bertanggungjawab menarik lebih ramai alumni PLKN untuk menyertai dan bergerak aktif dalam Briged ini.
- f. Akademik – menganjurkan program motivasi / bimbingan akademik ke atas kumpulan sasaran yang ditetapkan dengan melibatkan alumni PLKN yang berjaya dan mempunyai kemahiran tertentu.
- g. Sukan – penglibatan sebagai sukarelawan dalam sukan yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan serta masyarakat setempat.


- e. *Publicity and Information – Deliver the information about BSKN movement and activities and responsible to attract PLKN alumni to involve actively in this Briged.*
- f. *Academic – Organizing motivation program / academic guidance to target group involving PLKN alumni who's successful with specific skills.*
- g. *Sports – Involvement as a volunteer in sports event that has been organized by government agencies and community.*



Pendaftaran BSKN Secara Online Bagi Tahun 2013



Pendaftaran BSKN Melalui Kem PLKN Bagi Tahun 2013



PELAKSANAAN PROGRAM

IMPLEMENTED PROGRAMS

Bil. No.	Tarikh Date	Tempat Place	Aktiviti Activities
1.	01 Jan 2013 01 Jan 2013	Sekolah Kebangsaan Sri Rantau Panjang, Rantau Panjang, Kelantan	Membantu Mangsa Banjir <i>Helping flood victims</i>
2.	03-05 Jan 2013 03-05 Jan 2013	Seluruh Malaysia	Bantuan Semasa Pergerakan Masuk Pelatih Kumpulan 1 Siri 10/2013 <i>Assistant in 1st Group Series 10/2013 Entrance Movement</i>
3.	04-06 Jan 2013 04-06 Jan 2013	Kemaman, Terengganu	Membantu Mangsa Banjir <i>Helping flood victims</i>
4.	19 Jan 2013 19 Jan 2013	Chow Kit, Kuala Lumpur	Program Khidmat Komuniti BSKN Bersama Yayasan Salam - Gelandangan Chow Kit <i>BSKN Community Service Program with Yayasan Salam - Chow Kit Tramp</i>
5.	16 Feb 2013 16 Feb 2013	Tanjung Piai, Pontian, Johor	Program Khidmat Komuniti BSKN Bersama Pelatih Kump 1 Siri 10/2013 Kem PLKN Nasuha Ladang Rempah Ratus Herba <i>BSKN Community Service Program with 1st Group PLKN Trainee from Nasuha Ladang Rempah Ratus Herba PLKN Camp</i>
6.	16 Feb 2013 16 Feb 2013	Kem PLKN Juara, Serian, Sarawak	Program Derma Darah <i>Blood Donation Program</i>
7.	15-17 Mac 2013 15-17 March 2013	Kuala Boh, Cameron Highland, Pahang	Pembinaan Pusat Sumber Mini <i>Mini Library Development</i>
8.	19-21 Mac 2013 19-21 March 2013	Pulau Langkawi, Kedah	Pembersihan Pantai <i>Beach Cleaning Program</i>
9.	24-26 Mac 2013 24-26 March 2013	Pulau Langkawi, Kedah	Perbarisan Perasmian LIMA 2013 <i>LIMA 2013 Marching Launching Ceremony</i>
10.	30 Mac-01 Apr 2013 30 March-01 Apr 2013	Seluruh Malaysia	Bantuan Semasa Pergerakan Masuk Pelatih Kumpulan 2 Siri 10/2013 <i>Assistant in 2nd Group Series 10/2013 Entrance Movement</i>
11.	02 April 2013 02 April 2013	Padang Serai, Kedah	Majlis Penghormatan Mendiang Bekas Pelatih Pang Soon Gi <i>Honouring Ceremony The Late Former Trainee Pang Soon Gi</i>
12.	13 April 2013 13 April 2013	Jedok, Jeli, Kelantan	Program Khidmat Masyarakat <i>Community Service Program</i>
13.	18 April 2013 18 April 2013	Bau, Sarawak	Program Khidmat Masyarakat <i>Community Service Program</i>
14.	25-26 April 2013 25-26 April 2013	Port Diskson, Negeri Sembilan	Taklimat iM4U <i>iM4U Briefing</i>
15.	11 Mei 2013 11 May 2013	Kem PLKN Juara, Serian, Sarawak	Program Derma Darah (Khidmat Komuniti) Peringkat Zon J <i>Blood Donation Program (Community Service Zone J)</i>
16.	28 Mei 2013 28 May 2013	Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya	Majlis Menandatangani MoU Antara JLKN dan iM4U <i>MoU Signing Ceremony between JLK and iM4U</i>
17.	14-16 Jun 2013 14-16 June 2013	Pos Betau, Kuala Lipis, Pahang	Pembinaan Pusat Sumber Mini <i>Mini Library Development</i>
18.	15-16 Jun 2013 15-16 June 2013	Kota Belud, Sabah	Program Malam Mesra Jalinan Kasih dan Projek Amal Darul Bakti Oleh Kem PLKN Sinar Jaya <i>Jalinan Kasih Warm Welcome Program and Darul Bakti Charity Project by PLKN Sinar Jaya Camp</i>

Bil. No.	Tarikh Date	Tempat Place	Aktiviti Activities
19.	16 Jun 2013 <i>16 June 2013</i>	Zoo Negara	Program Khidmat Komuniti BSKN Cintai Haiwan Zoo Negara <i>BSKN Love Animals Community Service Program at Zoo Negara</i>
20.	22 Jun 2013 <i>22 June 2013</i>	Kampung Datu Lama, Sibul, Sarawak	Misi Bantuan Kemanusiaan Mangsa Kebakaran <i>Fire Victims Humanitarian Mission</i>
21.	05-07 Julai 2013 <i>05-07 July 2013</i>	Kem PLKN Princess Haliza, Sepang, Selangor	Program Wacana Ilmu Bersama Prof. Dato' Dr Mohd Fadzilah Kamsah <i>Knowledge Discourse Program with Prof. Dato' Dr Mohd Fadzilah Kamsah</i>
22.	20 Julai 2013 <i>20 July 2013</i>	Seluruh Malaysia	Program Khidmat Komuniti Peringkat Negeri Bersempena Bulan Ramadhan Al-Mubarak Tahun 2013 <i>Ramadhan Al-Mubarak Service Community State Level for Year 2013</i>
23.	22 Julai 2013 <i>22 July 2013</i>	Bazaar Ramadhan Seksyen 13, Shah Alam, Selangor	Program BSKN-iM4U Bazaar Ramadhan Bersama Perdana Menteri Malaysia <i>BSKN-iM4U Ramadhan Bazaar Program with Malaysia Prime Minister</i>
24.	01 Ogos 2013 <i>01 Aug 2013</i>	Felda Kahang Timur, Kluang, Johor	Program Khidmat Komuniti Peringkat Kebangsaan Bersempena Bulan Ramadhan Al-Mubarak Tahun 2013 <i>Community Service Program National Level after Ramadhan Al-Mubarak Year 2013</i>
25.	04 Ogos 2013 <i>04 Aug 2013</i>	Seluruh Malaysia	Program Kempen Keselamatan Jalanraya BSKN Bersama Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR) <i>Road Safety Campaign Program BSKN with Road Security Department (RSD)</i>
26.	15-17 Ogos 2013 <i>15-17 Aug 2013</i>	Seluruh Malaysia	Bantuan Semasa Pergerakan Masuk Pelatih Kumpulan 3 Siri 10/2013 <i>During the Movement in Support Trainee Group 3 Series 10/2013</i>
27.	20 Ogos 2013 <i>20 Aug 2013</i>	Kediaman Rasmi Ketua Setiausaha Negara, Putrajaya	Program Khidmat Komuniti BSKN Rumah Terbuka KSN <i>BSKN Community Service Program Open House KSN</i>
28.	23-31 Ogos 2013 <i>23-31 Aug 2013</i>	Sabah	Program Konvoi Kemerdekaan BSKN Peringkat Negeri Sabah <i>Program Konvoi Kemerdekaan BSKN Peringkat Negeri Sabah</i>
29.	27-28 Sept 2013 <i>27-28 Aug 2013</i>	Kota Samarahan, Sarawak	Jelajah Sukarelawan Kemerdekaan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-56 dan Sambutan 50 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia <i>Jelajah Sukarelawan Kemerdekaan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-56 dan Sambutan 50 Tahun Sarawak Merdeka Dalam Malaysia</i>
30.	30 Sept- 03 Okt 2013 <i>30 Sept-03 Oct 2013</i>	Tambunan, Sabah	Program Pembersihan dan Mencorak Tembok (Graffiti) Oleh Kem PLKN Tanaki <i>Program Pembersihan dan Mencorak Tembok (Graffiti) Oleh Kem PLKN Tanaki</i>
31.	09 Okt 2013 <i>09 Oct 2013</i>	Kahang, Kluang, Johor	Projek Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) <i>Projek Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)</i>
32.	13 Okt 2013 <i>13 Oct 2013</i>	Pusat Jagaan Anbe Sivam, Klang, Selangor	Program Khidmat Komuniti BSKN-Deepam4U <i>Program Khidmat Komuniti BSKN-Deepam4U</i>

Bil. No.	Tarikh Date	Tempat Place	Aktiviti Activities
33.	27 Okt 2013 <i>27 Oct 2013</i>	Pusat Jagaan Anbe Sivam, Klang, Selangor	Program Khidmat Komuniti BSKN Pusat Jagaan Anbe Sivam Siri 2/2013 <i>Program Khidmat Komuniti BSKN Pusat Jagaan Anbe Sivam Siri 2/2013</i>
34.	30 Okt 2013 <i>30 Oct 2013</i>	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan	Majlis Pelancaran dan Menandatangani Memorandum Perjanjian Briged Sukarelawan Khidmat Negara Sebagai Kursus Kokurikulum Berkredit Di USIM <i>Majlis Pelancaran dan Menandatangani Memorandum Perjanjian Briged Sukarelawan Khidmat Negara Sebagai Kursus Kokurikulum Berkredit Di USIM</i>
35.	10 Nov 2013 <i>10 Nov 2013</i>	Pusat Jagaan Rumah Kebajikan Misi Harapan, Teluk Intan, Perak	Program Khidmat Komuniti BSKN-Deepavali Oleh Kem PLKN Sinaran Suria <i>Program Khidmat Komuniti BSKN-Deepavali Oleh Kem PLKN Sinaran Suria</i>
36.	08-10 Nov 2013 <i>08-10 Nov 2013</i>	Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, Johor	Program Khidmat Komuniti BSKN Peringkat Negeri Johor <i>Program Khidmat Komuniti BSKN Peringkat Negeri Johor</i>
37.	22-24 Nov 2013 <i>22-24 Nov 2013</i>	Kampung Rosob, Pitas, Sabah	Program Khidmat Komuniti BSKN Bersama Timbalan Menteri Pertahanan <i>Program Khidmat Komuniti BSKN Bersama Timbalan Menteri Pertahanan</i>
38.	22-24 Nov 2013 <i>22-24 Nov 2013</i>	Taman Negara Gunung Ledang	Program Khidmat Komuniti BSKN Zon E dan Ekspedisi Gunung Ledang <i>Program Khidmat Komuniti BSKN Zon E dan Ekspedisi Gunung Ledang</i>
39.	23 Nov 2013 <i>23 Nov 2013</i>	Hutan Rekreasi Sungai Tekala, Semenyih, Selangor	Program Khidmat Komuniti BSKN Mencintai Alam Sekitar <i>Program Khidmat Komuniti BSKN Mencintai Alam Sekitar</i>
40.	29 Nov-01 Dis 2013 <i>29 Nov-01 Dec 2013</i>	Kem PLKN Junaco Park, Sibu, Sarawak	Kursus Asas Pengenalan Sukarelawan BSKN Zon I dan J <i>Kursus Asas Pengenalan Sukarelawan BSKN Zon I dan J</i>
41.	06-08 Dis 2013 <i>06-08 Dec 2013</i>	Mersing, Johor	Misi Bantuan Banjir Negeri Johor <i>Misi Bantuan Banjir Negeri Johor</i>
42.	07 Dis 2013 <i>07 Dec 2013</i>	Pusat Pemindahan Sek Keb Bunut, Rendang, Pahang	Misi Bantuan Banjir Negeri Pahang <i>Misi Bantuan Banjir Negeri Pahang</i>
43.	13-15 Dis 2013 <i>13-15 Dec 2013</i>	Kuantan, Pahang	Misi Bantuan Pasca Banjir Negeri Pahang <i>Misi Bantuan Pasca Banjir Negeri Pahang</i>
44.	20-21 Dis 2013 <i>20-21 Dec 2013</i>	Chukai, Kemaman, Terengganu	Misi Bantuan Pasca Banjir Negeri Terengganu <i>Misi Bantuan Pasca Banjir Negeri Terengganu</i>

BAHAGIAN PENGURUSAN PELATIH

PEMILIHAN, PENEMPATAN DAN REKOD

Pelaksanaan Panggilan Pelatih Siri 10/2013

Jumlah panggilan pelatih bagi Siri 10/2013 telah ditetapkan sebanyak 140,000 orang iaitu 26.95% daripada jumlah keseluruhan 519,527 kelahiran remaja pada tahun 1995. Daripada jumlah 140,000 orang, Pengurusan Pelatih telah melaksanakan proses pemilihan pelatih berdasarkan pecahan jantina dan kaum.

Pecahan jantina bagi lelaki adalah sebanyak 55% dan perempuan adalah sebanyak 45%. Di samping itu, pecahan bagi kaum Bumiputera adalah sebanyak 60%, Cina sebanyak 28%, India sebanyak 10% dan lain-lain kaum adalah sebanyak 2%.

MANAGEMENT OF TRAINEES DIVISION

SELECTION, PLACEMENT AND RECORDS

Trainees Call Series 10/2013

Total number of 140,000 trainees has been chosen for Trainees Call Series 10/2013 which consist of 26.95 % from 519,527 teenage whose born on 1995. From this total, Management of Trainees has implemented trainee selection process based on fraction of sex and race.

Fraction for male are 55% and female are 45%. Besides that, fraction for inatgenous is 60%, Chinese is 60%, Inatan is 10% and others are 2%.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN
AGENCY UNDER MINISTRY

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
Malaysian Armed Forces Veterans Affairs Department

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (JHEV) MALAYSIAN ARMED FORCES VETERANS AFFAIRS DEPARTMENT (JHEV)

SKIM-SKIM BANTUAN KEBAJIKAN JHEV

Bantuan Sara Hidup (BSH)

Bantuan sara hidup adalah bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada veteran ATM bagi meringankan beban sara hidup veteran dan tanggungan yang uzur, daif dan lain-lain berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kadar bantuan maksimum yang diberi kepada veteran ATM adalah sebanyak RM300.00 sebulan. Pada tahun 2013, seramai 4,516 orang veteran ATM, balu dan tanggungan telah diberikan bantuan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7,009,350.00 atau 46% dari keseluruhan perbelanjaan di bawah skim kebajikan.

Bantuan Persekolahan (SEKOLAH)

Bantuan persekolahan adalah bantuan yang diberi kepada veteran ATM yang kurang mampu untuk membiayai pelajaran anak-anak sama ada di peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah mengikut kelayakan. Bantuan ini hanya layak untuk seorang anak bagi satu keluarga. Bagi tahun 2013, bantuan telah disalurkan kepada 1,574 orang penerima melibatkan RM1,003,400.00 iaitu 7% dari keseluruhan perbelanjaan.

Bantuan Kemasukan ke IPTA / Politeknik (IPTA/POLI)

Untuk memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak veteran ATM, jabatan juga menyediakan bantuan kewangan berbentuk pemberian secara one-off kepada anak-anak veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat Diploma ataupun Ijazah Pertama mengikut kelayakan.

JHEV WELFARE ASSISTANCE SCHEME

Subsistence Aid

Subsistence aid is a monthly financial aid that is given to the Veteran ATM and their dependent in order to help relieve of cost of living burden based on the Poverty Line Income (PLI). The maximum amount of subsistence aid is RM300.00 per month. In 2013, JHEV ATM has helped 4516 Veterans with the total amount of RM7,009,350.00 or 46% from the total expenses of the welfare assistance scheme.

Educational Aid

Educational aid is given to the Veteran ATM's children either in elementary or high school. It is given in order to help a Veteran that is unable to pay for their children's educational cost. For this scheme, only one child is eligible for one family. In 2013, a total of 1,574 Veterans had received this aid with the cost of RM1,003,400.00 or 7% of the total expenses.

Enrollment Aid for Higher Educational

In order to motivate and encourage the Veteran ATM's children who succeed in furthering their study in the higher institution, JHEV ATM has provided an Enrollment aid for Diploma and Degree programmed.

Bantuan ini juga diberi sebagai tanda ucapan tahniah, membantu meringankan beban kewangan veteran ATM ketika pendaftaran kemasukan. Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM6,430,500.00 kepada 5075 orang penerima atau 43% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.

Bantuan Peralatan Pesakit (P.PESAKIT)

Sebanyak RM444,354.40 telah dibelanjakan oleh jabatan di bawah Skim Peralatan Pesakit, bagi membeli peralatan pesakit di kalangan veteran ATM, balu dan tanggungan yang memerlukan. Bantuan ini adalah dalam bentuk peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, katil dan sebagainya. Sebanyak 387 orang penerima di bawah skim ini telah diberi bantuan iaitu sebanyak 3% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan.

Bantuan Bencana Alam (BENCANA)

Bantuan Bencana Alam diberikan kepada veteran ATM yang mengalami kerosakan struktur rumah milik sendiri akibat bencana alam seperti kebakaran, banjir dan lain-lain. Jabatan telah memperuntukkan RM173,800 yang melibatkan 77 orang veteran iaitu sebanyak 1% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan.


This aid is only given for Polytechnic and Public Educational Institution. For 2013, a number of 5,075 students had received this aid with the cost of RM6,430,500.00 or 43% of the total expenses.

Medical Equipment Aid

In 2013, JHEV ATM has helped 387 Veterans with the total expenses of RM444,354.40. All aid is given in the form of medical equipment claim or medical equipment such as wheelchair, hospital bed etc contributing about 3% of total expenses.

Disaster Aid

For those Veteran that undergo or experiencing disaster such as flood, JHEV ATM provided them with disaster aid in order to help them restore their lives. In 2013, JHEV have provided for 77 Veterans with the cost of RM 173,800.00 or 1% of total expenses.



Carta 1 : Peratusan Penggunaan Skim Kebajikan dan Pendidikan (SBKP) 2013
Chart 1: Percentage Use of Welfare and Education Scheme (SBKP) 2013

PROGRAM PENGIKTIRAFAN VETERAN 1 MALAYSIA

Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia merupakan sebuah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diwujudkan semasa Persidangan Strategi Lautan Biru Kebangsaan pada 22 Jun 2012 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Program ini adalah di bawah kelolaan Kementerian Pertahanan dan dipertanggungjawabkan pelaksanaannya kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Program ini bertujuan untuk membantu Veteran ATM meningkatkan sifat daya saing yang tinggi dan menyumbang kepada pembangunan negara setelah tamat perkhidmatan. Objektif utama program ini adalah untuk melaksanakan program-program bantuan khas serta meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM.

Sebanyak tujuh (7) sub inisiatif telah digariskan iaitu Program Membaik Pulih Rumah, Program Pusat Sehenti 1Malaysia, Program Penempatan Kerja 1Malaysia, Bantuan Keusahawanan, Program Keluarga Veteran 1Malaysia, Meningkatkan Penerimaan Latihan PERHEBAT oleh Industri dan Kad "Privilege" 1Malaysia.

PROGRAM MEMBAIK PULIH RUMAH VETERAN 1MALAYSIA

Inisiatif ini bertujuan untuk membaik pulih rumah sedia ada dan membina rumah baru untuk Veteran ATM. Ini melibatkan pembiayaan dan pelaksanaan kerja di antara Kementerian Pertahanan dan Rejimen Askar Jurutera Diraja ATM.

1 MALAYSIA VETERAN RECOGNITION PROGRAMME

1 Malaysia Veteran Recognition Programme is one of the National Blue Ocean Strategy (NBOS) initiatives specially initiated for Armed Forces Veteran during the National Blue Ocean Conference on 22 Jun 2012 by the honorable Prime Minister of Malaysia. The development and implementation of the programme is tasked to the Department of Veterans Affairs, Ministry of Defence, Malaysia.

The programme is developed to help Veteran to be competitive and to be able to contribute towards the nation building after completion of their services. The main objective of the programme is to formulate special aids to increase the socioeconomic status of Veterans.

Prior to this programme, there are 7 sub initiatives drawn in order to focus towards the socioeconomic development of Veterans. The sub-initiatives under the programme is 1 Malaysia Veterans Home Repair Programme, 1Malaysia Veterans Access Point, 1 Malaysia Veterans Hiring Programme, Entrepreneurial Support for Veterans, 1 Malaysia Veterans Family Programme, Raising Industrial Acceptance of PERHEBAT Training and 1 Malaysia Privilege Card.

1 MALAYSIA VETERANS HOME REPAIR

The initiative aims towards repairing existing or building new homes for Veterans. This involves funding and execution of the work between Ministry of Defence and the Royal Engineering Corps of Malaysian Armed Forces.

Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan kediaman yang selesa dan kondusif untuk veteran miskin. Pecahan statistik penerima rumah untuk tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut :-

The main objective is to provide comfortable and conducive homes for the poor Veterans. The statistic of the home recipients for both 2012 and 2013 as follows:-

Tahun	Baik Pulih	Bina Baru	Jumlah
2012	27	22	49
2013	70	130	200

PUSAT SEHENTI VETERAN 1MALAYSIA

Pusat Sehenti 1Malaysia telah diwujudkan di 31 buah kem serta pangkalan tentera dan bersifat sebagai "One-Stop Centre" bagi mendapatkan informasi berkaitan faedah persaraan dan aktiviti semasa Jabatan termasuk menyediakan khidmat nasihat dan bantuan kepada Veteran ATM.

Pada 3 Oktober 2013, YB Menteri Pertahanan telah melancarkan Pangkalan Udara Butterworth Pulau Pinang sebagai salah sebuah Pusat Sehenti 1Malaysia. Jesteru, kesemua 30 kem dan pangkalan yang lain telah diiktiraf sebagai Pusat Sehenti 1Malaysia. Kedudukan dan taburan kem atau pangkalan adalah seperti di peta berikut :-

1MALAYSIA ACCESS POINT

The access point is established in 31 military camps and bases as one-stop centre for Veterans to gather information on the retirement benefits and activities of the department as well as providing consultation and welfare aids to the Veterans.

On 3rd Oktober 2013, the honorable Minister of Defence has launched TUDM Air Base in Butterworth Penang as one of the access points. All the remaining 30 military camps and bases throughout Malaysia has been officially declared as Veterans' Access Point. The distribution of the access points as shown in the map:-



PROGRAM PENEMPATAN KERJA UNTUK VETERAN

Program ini adalah bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kedua kepada Veteran ATM terutama kepada Veteran Tidak Berpencen. Ini melibatkan pelbagai sektor seperti kerajaan, pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan. Antara sektor syarikat berkaitan kerajaan dan swasta yang terlibat adalah Sime Darby, Boustead Prasarana Berhad dan Giant Sdn Bhd.

Badan kerajaan lain yang memberi peluang pekerjaan kepada Veteran ATM adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

BANTUAN KEUSAHAWANAN

Program ini melibatkan pemberian bantuan kewangan berbentuk pinjaman kecil bagi Veteran ATM yang berhasrat memajukan perniagaan mereka.

Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM) telah diwujudkan melalui kerjasama dengan TEKUN, PERHEBAT dan JHEV dengan menyediakan pinjaman kecil untuk Usahawan Veteran ATM.

MENINGKATKAN PENERIMAAN LATIHAN PERHEBAT OLEH INDUSTRI

Inisiatif ini direka untuk mempertingkatkan taraf dan mutu kursus serta latihan yang ditawarkan oleh PERHEBAT melalui pengakreditasi oleh badan akreditasi tempatan atau luar negara selain menambah baik modul kursus dan latihan melalui kajian bagi meluaskan peluang pekerjaan Veteran ATM.

Peningkatan kerjasama terhadap kursus dan latihan telah dilaksanakan melalui PERHEBAT, Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Amanah Rakyat.

VETERAN HIRING PROGRAMME

The Department of Veterans Affairs has been committed to provide second job opportunity to the Veterans especially to non-pensionable Veterans. This involves various sectors such as the government, private sector and government-linked companies. Some of the private companies involved are Sime Darby, Boustead, Prasarana Berhad and Giant Sdn Bhd.

Other government bodies involved are Malaysia Royal Police Forces and Malaysia Royal Customs and Immigration and Public Service Department.

ENTREPRENEURSHIP SUPPORT

The entrepreneurship support initiative is to cater small scale loans for Veterans whom are interested in entrepreneurial ventures.

Skim Pembiayaan Usahawan Veteran ATM is a special scheme developed by close collaboration with TEKUN, PERHEBAT and JHEV to provide small scale loans for Veteran Entrepreneurs.

RAISING INDUSTRY ACCEPTANCE OF PERHEBAT TRAINING

This initiative is designed to enhance the training modules of PERHEBAT by ensuring accreditation by local and international bodies and to constantly improving the training modules through R & D by focusing on broadening Veterans job opportunities.

Joint collaboration on training modules and courses are carried out between PERHEBAT, Human Resource Ministry and Skills Development Board.

PERHEBAT sebagai peneraju untuk inisiatif ini telah mengadakan perjanjian persefahaman dengan pelbagai agensi swasta dan syarikat antarabangsa bagi membolehkan bakal pesara/pelatih mendapatkan latihan yang diiktiraf. PERHEBAT juga telah melaksanakan kerjasama bersama kolej dan universiti tempatan bagi menawarkan kursus bertaraf eksekutif diploma dan program berasaskan "knowledge transfer".

PROGRAM KELUARGA VETERAN 1MALAYSIA

Program ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah dari belunggu kemiskinan dan mampu memperolehi pendapatan melalui bidang keusahawanan.

Salah satu program yang dijalankan adalah Program 1AZAM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). JHEV juga telah mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan seperti PERNEC bagi menyediakan peluang pekerjaan sementara dalam bidang teknologi maklumat dan tekstil.

KAD "PRIVILEGE" 1MALAYSIA

JHEV telah berkolaborasi dengan Kementerian Kewangan dan KPDNKK bagi memberikan diskaun kepada veteran daripada syarikat-syarikat sektor peruncitan dan perkhidmatan tempatan. Kad Bekas Tentera ATM telah diiktirafkan sebagai Kad 'Privilege' 1 Malaysia dan keistimewaan ini telah dipanjangkan oleh 2155 rakan dagang seluruh Malaysia kepada Veteran ATM.

PERHEBAT as the key player for this initiative has signed several MoU between private and international MNC companies to further enhance the acceptance of their training and courses. They have also made collaboration with local universities and colleges to offer executive diploma and knowledge transfer programmes.

1MALAYSIA VETERANS FAMILY PROGRAMME

This programme is to alleviate the Veterans Family from poverty and to generate self sustaining income through entrepreneurial programmes.

1 AZAM Niaga is one of its programme which is collaborated with the Ministry of Women, Family and Community Development. JHEV has also collaborated with local companies such as PERNEC to create part-time job opportunities for the Veteran and their families through IT industries and textile industries.

1MALAYSIA "PRIVILEGE" CARD

JHEV has collaborated with the Ministry of Finance and MDTCC to provide discount on local retail and services. The Veterans Card has been recognized as the 1 Malaysia Privilege Card and the privilege has been extended by 2155 merchants throughout Malaysia to Veterans.

FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) berperanan untuk mengurus dan memantau pembayaran Faedah-Faedah Persaraan kepada anggota ATM yang telah menamatkan perkhidmatan. Di samping itu, bahagian ini juga mengurus serta memantau pembayaran Faedah Kematian kepada orang tanggungan anggota yang meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan mahupun selepas persaraan.

1.1 Pembayaran Faedah-Faedah Persaraan

Bertanggungjawab untuk menyediakan baucar bayaran faedah-faedah persaraan setelah menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP) serta yang diterima dari waris Veteran ATM yang telah meninggal dunia. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan bayaran penyelarasan pencen kepada semua pesara ATM dan orang tanggungan yang layak mendapat kenaikan pencen mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jumlah perbelanjaan keseluruhan tahun 2013 bagi faedah persaraan adalah seperti di Jadual 1 dan jumlah penerima di Jadual 2.

Bil. No.	Perkara Particular	Amaun (RM) Amount (RM)
1.	Pencen Pension	1,601,420,697.49
2.	Ganjaran Gratuity	296,271,586.43
3.	Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR) Alternate Benefit Leave	66,564,041.69
4.	Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM) End of Mobilization Service Allowance	1,459,904.68
5.	Ex-Gratia Bencana Kerja Working Hazard Ex-Gratia	6,971,705.77
JUMLAH TOTAL		1,972,687,936.06

Jadual 1: Perbelanjaan Faedah Persaraan Tahun 2013
Table 1: Superannuation Benefit expenses in 2013.

SUPERANNUATION BENEFITS

Division of Pension, Department of MAF Veteran Affairs (JHEV) role is to manage and monitor the payment of superannuation benefits to MAF personnel who have completed their services. Besides that, the Division also manages and monitors the payment of Death Benefits to dependents of personnel who died while in service or after retirement.

1.1 Payment of Superannuation Benefits

Responsible for providing superannuation benefit payment voucher upon receipt of complete documents from the Directorate of Records and Pensions (JRP) and received from the heirs of the Veteran who have passed away. In addition, the Division also manages payment of pension adjustments for all MAF retirees and dependents that are eligible for a pension increase as of the date stipulated by the Government. Total expenditure of superannuation benefits for the year 2013 is as per Table 1 and the number of recipients as shown in Table 2.

Bil. No.	Perkara Particular	Jumlah Penerima Amount
1.	Pencen Pension	103,103
2.	Ganjaran Gratuity	2,558
3.	Faedah Gantian Cuti Rehat Alternate Benefit Leave	2,763
4.	Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM) End of Mobilization Service Allowance	54
5.	Ex-Gratia Bencana Kerja Working Hazard Ex-Gratia	112

Jadual 2 : Jumlah Penerima Faedah Persaraan Tahun 2013
Table 2: Number of Recipients of Superannuation Benefit Expenses in 2013

KEMUDAHAN PERUBATAN

Selain daripada memproses pembayaran faedah-faedah persaraan, Bahagian Pencen juga bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan tuntutan bayaran balik kemudahan perubatan untuk Veteran ATM berpencen dan tidak berpencen serta orang tanggungan mereka yang layak.

2.1 Pembayaran Balik Tuntutan Perubatan

Bertanggungjawab untuk menyediakan baucar bagi bayaran balik tuntutan perubatan setelah menerima dokumen permohonan yang lengkap daripada Veteran ATM atau orang tanggungan mereka yang layak dan pembekal perubatan. Kos perbelanjaan keseluruhan dan jumlah penerima bagi Pembayaran Balik Tuntutan Perubatan bagi tahun 2013 adalah seperti di Jadual 3 (Veteran ATM Berpencen) dan Jadual 4 (Veteran ATM Tidak Berpencen).

Bil No	Perkara Particular	Bilangan Penerima Number Of Recipients	Jumlah Perbelanjaan (RM) Total Expenditures
1.	Haemodialisis Haemodialysis	1,235	21,173,363.72
2.	Ubat Medicine	6,355	9,309,273.63
3.	Alat Ortopedik & Implan Orthopaedics & Implant	681	3,383,660.55
4.	Alat Bantuan Pendengaran Hearing Aid	446	2,008,869.36
5.	Kanta Mata Intra-Ocular Lens	1,212	848,079.92
6.	Oksigen Concentrator Oxygen Concentrator	41	348,209.10
7.	IJN dan Kes Kecemasan NHI and Emergency Case	41	529,291.86
8.	Rawatan Perubatan Medical Treatment	288	504,173.35
JUMLAH TOTAL		10,299	38,104,921.49

Jadual 3 : Jumlah perbelanjaan dan bilangan penerima Tuntutan Bayaran Balik Perubatan Bagi veteran ATM (Berpencen) Tahun 2013
Table 3: Total expenditure and number of recipients for the Reimbursement of Medical Claims (Pensionable Veteran) in 2013

MEDICAL BENEFIT

Apart from processing payments of superannuation benefits, Division of Pension also responsible for managing applications for the reimbursement of medical claims for the pensionable and non-pensionable MAF Veteran including their dependents who is qualified according to the specified criteria.

2.1 Payment of Medical Claims Reimbursement

Responsible for providing the reimbursement of medical claims payment voucher upon receiving complete documents of application from the Veteran, including their dependents who is qualified and medical providers. The overall expenditure and the number of recipients for the Reimbursement of Medical Claims for 2013 are shown in Table 3 (Pensionable Veteran) and Table 4 (Non-Pensionable Veteran).

Bil No	Perkara Particular	Bilangan Penerima Number Of Recipients	Jumlah Perbelanjaan (RM) Total Expenditures
1.	Haemodialisis Haemodialysis	669	10,298,191.44
2.	Ubat Medicine	1,943	2,989,634.65
3.	Alat Ortopedik & Implan Orthopaedics & Implant	310	1,556,909.91
4.	Alat Bantuan Pendengaran Hearing Aid	308	737,440.94
5.	Kanta Mata Intra-Ocular Lens	387	1,242,796.15
6.	Oksigen Concentrator Oxygen Concentrator	11	76,490.00
7.	IJN dan Kes Kecemasan NHI and Emergency Case	218	991,860.64
8.	Rawatan Perubatan Medical Treatment	111	419,528.22
JUMLAH TOTAL		3,957	18,312,851.95

Jadual 4: Jumlah perbelanjaan dan bilangan penerima Tuntutan Bayaran Balik Perubatan Bagi Veteran ATM (Tidak Berpencen) Tahun 2013
Table 4: Total expenditure and number of recipients for the Reimbursement of Medical Claims (Non-Pensionable Veteran) in 2013.

BAYARAN BANTUAN MENGURUSKAN JENAZAH (BMJ) PESARA ATM

Bahagian Pencen juga bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan tuntutan bayaran BMJ yang dibuat oleh waris pesara ATM (berpencen sahaja) berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2010. Bayaran sekali sahaja dengan kadar RM 3,000.00 akan dibayar kepada waris terdekat yang menguruskan jenazah pesara ATM terbabit. Sepanjang tahun 2013, sebanyak RM 3,291,000.00 telah dibayar kepada 1,097 penerima.

HAL-HAL LAIN

4.1 Sumbangan Veteran ATM Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M)

Melalui Pembentangan Bajet 2013, kerajaan telah bersetuju untuk memberi sumbangan sebanyak RM1,000 secara sekaligus (one-off) kepada bekas tentera yang tidak berpencen yang dikenali sebagai SVTB1M. Sumbangan ini juga turut dipanjangkan kepada Balu / Duda Veteran ATM yang telah meninggal dunia demi menjaga kebajikan dan membela nasib mereka serta keluarga.

Pemberian SVTB1M adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kerajaan di atas pengorbanan dan perkhidmatan mereka dalam mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara. Peruntukan kewangan bagi melaksanakan perkara ini dikongsi bersama oleh kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Sepanjang tahun 2013, sebanyak RM84,150,000.00 telah dibayar kepada 84,150 penerima.

4.2 Kenaikan Pencen Tahunan Sebanyak Dua Peratus

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan kenaikan pencen tahunan sebanyak dua peratus setahun mulai 2013.

PAYMENT OF FUNERAL ASSISTANCE FOR THE MAF RETIREES

Pension Division is also responsible for processing Funeral Assistance Payment (BMJ) claims made by retired MAF beneficiaries (pension only) with effect from 15 October 2010. Onetime payment of RM 3,000.00 will be paid to the next of kin who managed the funeral of deceased MAF retiree. Throughout year 2013, a total of RM 3,291,000.00 was paid to 1,097 recipients.

OTHER MATTERS

4.1 1Malaysia Non-Pensionable MAF Veterans Contribution

Through the 2013 Budget Presentation, the Government has agreed to contribute a lump sum of RM 1,000 (one-off) to the non-pensionable ex-servicemen called SVTB1M. This contribution also extended to MAF Veteran's Widow / Widower who have died in order to protect and safeguard their welfare and family.

SVTB1M grant is in recognition and appreciation of the Government for their sacrifice and service in defending the sovereignty of religion, race and nation. Allocation of funds for implementing this was shared equally by the Government and the Armed Forces Provident Fund (LTAT). Throughout year 2013, a total of RM 84,150,000.00 was paid to 84,150 recipients.

4.2 Annual Pension Increment of two Percent

The Prime Minister has announced the annual pension increase by two percent per year from 2013.

la tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau pelarasan gaji kepada semua pesara Kerajaan di dalam pembentangan Bajet Tahun 2012. Kenaikan ini telah dilaksanakan kepada semua pesara / penerima pencen ATM yang layak seramai 100,790 orang mulai bayaran pencen pada bulan Januari 2013.

It's without having to wait for any review of the remuneration system or salary adjustments for all Government retirees in the year 2012 Budget announcement. This increment has been implemented to all eligible MAF retirees / pensioners total of 100,790 recipients started from January 2013 pension payments.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Dalam usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan di JHEV, Sistem VIBES (Veteran Integrated and Benefits System) dan Sistem VETIS (Veteran Information System) telah dibangunkan. Sistem VIBES merupakan sistem teras yang memproses pembayaran pencen dan faedah-faedah perkhidmatan Veteran berpencen diguna pakai secara bersama oleh JHEV dan Jabatan Arah dan Rekod Pencen (JRP). Sistem VIBES dibangunkan pada 2009 dan telah mula beroperasi sepenuhnya di JRP bermula Disember 2011. Selain itu berperanan mengawal selia dan memantau portal rasmi JHEV.

INFORMATION MANAGEMENT DIVISION

In an effort to improve the use of information technology in JHEV management, Vibes System (Veterans Integrated and Benefits System) and VETIS System (Veterans Information System) were developed. Vibes system is the core system to process the payment of pensions and veterans benefits services used jointly by the JHEV as well as the Directorate and Pensions Records (DPR). Vibes system was developed in 2009 and began its full operation in DPR began in December 2011. The official portal serves as a gateway to all veterans particular.

YAYASAN VETERAN ATM

Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM Tidak Berpencen Dan Tanggungan (BMJ)

Salah satu skim bantuan kebajikan Yayasan Veteran ATM ialah Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM yang tidak berpencen dan tanggungan (pasangan atau anak) yang telah meninggal dunia. Bantuan ini diberikan selaras dengan Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM yang berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM berkuatkuasa 10 Oktober 2010. Jumlah bantuan ini adalah RM3,000 (Veteran ATM Tidak Berpencen), RM1,500 (Pasangan) dan RM1,500 (Anak berumur 18 tahun ke bawah atau 21 tahun ke bawah bagi yang masih belajar dan anak di dalam kategori orang lain upaya).

MALAYSIA ARMED FORCES VETERAN FOUNDATION

Veteran Funeral Arrangement Assistance For Non Pensionable Veteran and Dependents

One of the welfare schemes by Malaysia Armed Forces Veteran Foundation is Veteran Funeral Arrangement Assistance for non pensionable Veteran and dependents (spouse or children) who have died. This assistance was provided in accordance with BMJ to pensionable Veteran by JHEV effective 10 October 2010. Total relief is RM3, 000 (Non Pensionable Veteran), RM1, 500 (spouse) and RM1, 500 (children under 18 years or under 21 years who is still study and children in the category of disability persons).

Berikut ialah jumlah pembayaran BMJ bagi tahun 2013:-

The following is the total payment of BMJ for the year 2013:

JUMLAH (Orang) TOTAL (Person)	JUMLAH (RM) TOTAL (RM)
1,725	4,176,000

Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM

Contribution For Festivals From MAF Veteran Foundation

Pada tahun 2013, Yayasan Veteran ATM menyampaikan sumbangan kepada Veteran ATM serta keluarga sempena menyambut hari perayaan sebanyak RM500 seorang. Penerima yang layak menerima sumbangan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Veteran ATM berumur 70 tahun ke atas, balu-balu, anak yatim Veteran ATM, Veteran ATM di Rumah Orang Tua dan Veteran ATM kurang upaya (cedera semasa operasi). Semua penerima adalah di bawah Skim Bantuan Kebajikan JHEV.

In 2013, MAF Veteran Foundation once again made a contribution to the MAF Veterans and families for the celebration of festival of RM500 per person. The recipients who are qualified to receive the contribution consisted of 5 categories, which were MAF Veterans who were 70 years old and above, Widows, MAF Veterans Orphans, MAF Veterans in the Foster Home and Disabled MAF Veterans (injured in action). All recipients are under the JHEV Welfare Assistance Scheme.

Berikut adalah jumlah sumbangan perayaan bagi tahun 2013:-

The following is the total contributions for the year 2013:

JUMLAH (Orang) TOTAL (Person)	JUMLAH (RM) TOTAL (RM)
3,349	1,674,500

PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)

MALAYSIA GOOD DEEDS MEDAL AWARDS

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan PJM bagi mengenang jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh warga ATM dan juga anggota-anggota pengaman dari luar negara yang telah bertugas menegakkan keamanan dan kedaulatan negara sepanjang perkhidmatan tempoh darurat.

The Malaysian government has established Malaysia Deeds Medal (PJM) to recognized the contributions and sacrifices made by our personnel and members of foreign peacekeepers who have served to support the cause of peace and national sovereignty during the emergency period following services:

1.1 Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM).

1.2 Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).

1.3 Anggota Pengaman Dari Negara Luar. Anggota-anggota pengaman dari negara luar yang berkhidmat di Malaysia dari 31 Ogos 1957 sehingga 12 Ogos 1968 termasuk rakyat Malaysia yang berkhidmat dengan negara berkenaan.

PJM adalah 'Campaign Medal' yang dianugerahkan kepada warga ATM dan anggota negara luar yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa mengira sama ada sedang berkhidmat atau telah bersara / menamatkan perkhidmatan dan masih hidup atau telah meninggal dunia.

1.1 *Armed Forces. Our personnel who have served for the period from January 1, 1969 to December 2, 1989 for operations against the Communist Party of Malaya (CPM).*

1.2 *Our personnel who have served in the period of January 1, 1969 to October 17, 1990 for operations against the North Kalimantan Communist Party (PKKU).*

1.3 *Peacekeeping members from foreign countries. The members of the peacekeepers from other countries who served in Malaysia from August 31, 1957 until August 12, 1968 including Malaysians who served with the countries concerned.*

PJM is the 'Campaign Medal' which awarded to the members of the Armed Forces personnel and foreign members out of the country who are eligible according to the conditions being set, regardless of whether currently in service or retired / terminated the service, still alive or had pass away.



Ketua Pengarah JHEV menyampaikan bantuan peralatan pesakit kepada Veteran
General Director of Veterans Affairs delivering a wheelchair to Veteran through Medical Equipment Aid Scheme



Salah seorang Veteran ATM telah dianugerahkan dengan Pingat Jasa Malaysia (PJM)
One of the Veteran was awarded with The Malaysia Good Deeds Medal (PJM) who had served during the emergency



Veteran menerima cek Bantuan Bencana Alam sebanyak RM5,000.00
akibat rumahnya yang terbakar pada Disember 2013
*Veteran have received cheque of RM5,000.00 in repairing damage
to his home due to fire disaster in December 2013*



Ketua Pengarah JHEV, Mejar Jeneral Dato' Wira Mohd Noor bin Daud
menyerahkan kunci rumah yang dibina baru kepada Veteran ATM
di bawah Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia
*General Director of Veterans Affairs handed key to the Veteran under
NBOS7-1MVRP*



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN
AGENCY UNDER MINISTRY

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
Ex-servicemen Affairs Corporation

PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT) *EX-SERVICEMEN AFFAIRS CORPORATION (PERHEBAT)*

PERHEBAT telah ditubuhkan melalui Perintah Lembaga Tabung Angkatan Tentera 1994 berkuatkuasa mulai 30 Ogos 1994. Fungsi utama PERHEBAT adalah:

- a. Menjalankan dan menguruskan aktiviti yang berhubungan dengan program latihan bagi Personel Bersara dan Personel Akan Bersara.
- b. Mengadakan kemudahan latihan dan mengawal serta mengawasi pelaksanaan program latihan itu.

Peruntukan Kewangan

Operasi PERHEBAT dibiayai sepenuhnya melalui geran kerajaan. Peruntukan kewangan yang diterima oleh PERHEBAT bagi tahun 2013 adalah Geran Tahunan berjumlah RM32 juta.

Pencapaian Pelaksanaan Latihan

Pada tahun 2013, PERHEBAT telah mengurus dan melatih seramai 9,272 orang Personel Akan Bersara dan Personel Bersara yang mengikuti latihan sama ada di Kompleks PERHEBAT atau di Institusi latihan luar yang merangkumi tiga peringkat latihan iaitu;

- a. Pra Latihan Peralihan (Pra LP)
- b. Latihan Peralihan (LP)
- c. Pasca Latihan Peralihan (Pasca LP)

PERHEBAT komited untuk melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dan sentiasa mengkaji untuk menambah baik kursus-kursus sedia ada mengikut keperluan pasaran kerja semasa.

PERHEBAT was established through the order of Armed Force 1994, and became operational on 30 August 1994. Main functions of PERHEBAT are:

- a. Implementing and managing activities in conjunction with training programs for retired and retiring personnel.*
- b. Provides training facilities while managing and monitoring the implementation of all training programs.*

Financial Allocation

PERHEBAT's operation is fully financed by Government Grant. Financial allocation to PERHEBAT for 2013 was RM32 million.

Training Implementation Achievement

In 2013, PERHEBAT has successfully managed and trained a total of 9,272 retired and retiring personnel either in PERHEBAT's Complex or recognized Training Institution covering three stages of training;

- a. Pre-Resettlement Training*
- b. Resettlement Training*
- c. Post-Resettlement Training*

PERHEBAT is committed to uphold the trust assigned by the government and continuously perform research to upgrade existing courses to match current job market needs.

Pelaksanaan Latihan 2013

a. Pra Latihan Peralihan (Pra LP)

Program ini dijalankan untuk tempoh selama lima hari. Peserta program akan mendapat pendedahan serta berpeluang membuat pemilihan kursus dan persediaan untuk persaraan. Peserta juga dapat mengenal pasti kekuatan diri sendiri untuk menghadapi alam persaraan yang amat mencabar.



Memandangkan peruntukan kewangan yang agak terhad, tumpuan pelaksanaan Program Pra LP adalah di Kampus Induk PERHEBAT. Namun begitu terdapat beberapa siri program terpaksa dilaksanakan di beberapa Kampus Wilayah PERHEBAT seperti di Kelantan, Sabah dan Sarawak

Untuk tahun 2013 sejumlah 33 siri program telah berjaya dilaksanakan termasuk 9 siri di Kampus Wilayah dengan peruntukan sejumlah 4,200 tempat. Sepanjang tahun 2013, seramai 3,983 orang personel akan bersara telah menghadiri kursus ini iaitu 94.8% dari jumlah tempat yang ditawarkan. Statistik kehadiran mengikut lokasi adalah seperti berikut :

Lokasi Location	Peruntukan Tempat Seat Allocated	Kehadiran Attendance	Peratus % Percentage %
Sg.Buloh	3300	2969	89.97
Kelantan	300	290	96.67
Sabah	300	348	116.00
Sarawak	300	376	125.33
JUMLAH TOTAL	4,200	3,983	94.8%

Pra Latihan Peralihan (Pra Lp)
Pre Resettlement Train

Training Implementation 2013

a. Pre-Resettlement Training (Pre RT)

This program last for five days and program participants were exposed with opportunity in selecting courses and plan for retirement. Participants will also be able to identify personal strength to undergo challenges upon retirement.

Due to limited financial allocation, implementation for Pre-Resettlement Training were focused in PERHEBAT's Main Campus. Likewise, there were few programs implemented in PERHEBAT's Zone Campuses as in Kelantan, Sabah and Sarawak


In 2013, a total of 33 series of programmes were successfully conducted including 9 series at Zone Campuses with 4,200 places were reserved initially for participants. A total of 3,983 retiring personnel attended making it 94.8% out of total participants allocated. Attendance statistics according to locations were as follows :

b. Latihan Peralihan (LP)

Latihan Peralihan adalah wajib bagi semua Personel akan bersara yang layak mengikut syarat seperti yang ditetapkan. Pelaksanaan dan pengurusan LP adalah mengikut 6 kategori seperti yang termaktub di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil. 5 Tahun 2005.

b. Resettlement Training (RT)

Resettlement Training is mandatory for all qualified retiring Military Personnel as stipulated in Armed Forces Council Instruction (AFCI) No 5 Year 2005 which is made up of 6 categories.



i. Latihan di PERHEBAT

- Kampus Induk

Latihan di PERHEBAT dilaksanakan bagi peringkat Kemahiran Asas dan meliputi tempoh selama 6 hingga 18 bulan. Di samping modul nilai tambah, penempatan Latihan Dalam Industri (LDI) telah juga dilaksanakan agar pelatih mempunyai ketrampilan dan lebih berdaya saing untuk merebut peluang pekerjaan atau sebagai usahawan yang berjaya.

i. Training in PERHEBAT

- Main Campus

Training in PERHEBAT is implemented for Basic Skills level for a duration of 6 to 18 months. Apart from value added modules, On the Job Training (OJT) were also conducted to ensure trainees gained competence and competitive for job market placement or be successful entrepreneurs.



Kursus Latihan Peralihan
Resettlement Training

Terdapat empat (4) pengambilan pelatih telah dibuat di Kampus Induk PERHEBAT iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober dengan keseluruhan pelatih seramai 978 orang personel akan bersara.


There were a total of 4 intakes at PERHEBAT's main campus that is in January, April, July and October involving 978 retiring personnel.

ii. Latihan Teknikal & Vokasional

ii. Technical & Vocational Training

Pada tahun ini seramai 2,761 personel akan bersara telah mengikuti Latihan Peralihan bagi kategori ini di institut latihan awam dan swasta seperti pecahan berikut:

A total of 2,761 retiring personnel attended the Resettlement Training in Public and Private Training Institutes as follows:



Kehadiran Pelatih Di Institut Latihan Awam Dan Swasta
Attendance Of Trainees In Public And Private Training Institutes

iii. Latihan Pertanian & Penternakan

iii. Agriculture and Livestock Training

LP dalam bidang ini di Pejabat Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pejabat Veterinar telah dihadkan untuk tempoh 6 bulan sahaja. Ini adalah disebabkan personel akan bersara yang sebelum ini telah didapati menjalani LP selama tempoh melebihi 6 bulan di tempat ini yang pada dasarnya tidak menjalani latihan dalam bidang pertanian atau penternakan. Seramai 186 orang personel akan bersara telah diluluskan untuk menjalani LP di Pejabat Pertanian dan Pejabat Veterinar secara percuma.

Prior to this, training period for retiring personnel were approved for a duration of 6 – 18 months. However recent study conducted by PERHEBAT revealed that the conduct of this training is not structured. Currently training in this category is recommended for a duration of 6 months. A total of 186 retiring personnel were approved to undergo training at Pejabat Pertanian and Pejabat Veterinar without any charge.

iv. Latihan Sambil Kerja

Kategori latihan ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada personel yang akan bersara ditempatkan di Jabatan-Jabatan Kerajaan atau Syarikat Swasta yang dipilih sendiri untuk mendapat peluang pekerjaan setelah tamat tempoh latihan atau tumpangan. Tempoh latihan dihadkan selama 6 bulan.

Seramai 1,034 orang personel akan bersara telah menjalani LP dalam kategori ini

v. Latihan Bidang Pengurusan

Kategori latihan ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan dalam bidang pengurusan yang pada lazimnya dijalankan di syarikat swasta yang dipilih oleh personel akan bersara. Dalam tahun ini, seramai 30 orang personel akan bersara telah menjalani LP dalam kategori ini. Jumlah personel akan bersara yang menjalani latihan dalam kategori ini adalah kecil dan sebilangan besar adalah daripada kalangan pegawai ATM terutama pegawai kanan yang tempoh latihan mereka dihadkan kepada tiga (3) bulan sahaja.

vi. Latihan Secara Persendirian

Latihan bagi kategori ini diberikan kepada personel akan bersara yang tidak mahu terikat dengan mana-mana majikan dan ingin menghadapi masa depan mengikut minat sendiri. Kategori ini hanya diluluskan secara terpilih oleh Ketua Perkhidmatan. Seramai 9 orang personel akan bersara telah menjalani LP dalam kategori ini.

iv. On-the-Job Training

The aim of training in this category is to provide opportunity for retiring personnel to be placed in Government Departments or Private Companies selected by trainees upon completion of placement. Period of training is restricted to 6 months.

A total of 1,034 retiring personnel have attended training in this category.

v. Management Training

Training in this category is to provide exposure and knowledge in the field of management which is normally conducted at private companies selected by retiring personnel and a total of 30 retiring personnel had undergone training in this category. However the number of retiring personnel who had undergone training is minimal and the majority were made up of senior officers whereby their training period is limited to only three (3) months.

vi. Private Training

Training for this category will be given to retiring personnel desiring not to be tied up with any employer and facing the future according to their own interest. This category is selectively approved by the relevant Service Chiefs. A total of nine (9) retiring personnel had undergone RT in this category.

c. Pasca Latihan Peralihan (Pasca LP)

Program Pasca LP dikhususkan kepada personel bersara ATM bertujuan untuk peningkatan atau tambah nilai atau kepelbagaian kemahiran atau keusahawanan yang sedia dimiliki oleh mereka. Seramai 291 personel bersara telah diluluskan tajaan untuk mengikuti pelbagai kursus Pasca LP yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM375,078.00 .



Pasca Latihan Peralihan (Pasca Lp)
Post Resettlement Training (Post Rt)

Promosi Dan Kawal Selia Latihan

a. Forum Khidmat Nasihat LP

Sejumlah 34 siri Forum Khidmat Nasihat telah dianjurkan bersama Perkhidmatan Tentera (Darat/Laut/Udara) dengan kehadiran seramai 2,553 orang anggota tentera. Pelaksanaan Kaunter Bergerak di Pasukan dan Rejimen telah diadakan di peringkat Kampus Induk dan Kampus Wilayah.

b. Kawal Selia Latihan

Tumpuan kawal selia adalah kepada mereka yang menjalani LP dalam kategori Latihan Sambil Kerja dan pelatih yang menjalani Latihan Dalam Industri. Sejumlah 3,214 personel akan bersara telah dikawal selia.

c. Post Resettlement Training (Post RT)

Post-Resettlement Training Programme is specially tailored for retired military personnel for the purpose of upgrading or value added or diversification of existing skills or entrepreneurship as required. A total of 291 retired military personnel had been approved sponsorship for various courses amounting RM375,078.00.



Promotion and Training Monitoring

a. Advisory Forum for Training

A total of 34 series of Advisory Forum was jointly organized with Military Services (Army, Air Force / Navy) with an attendance of 2,553 army personnel. The implementation of Mobile Counters in Regiments were held at the Main Campus and Regional Campuses.

b. Regulatory Training

Regulatory focus is on those who underwent Resettlement Training in the category of On-The-Job Training. A total of 3,214 retiring personnel was deregulated.



Program Latihan Pengarah Syarikat
Corporate Director's Training Programme

c. Program Latihan Pengarah Syarikat

Kursus telah dijalankan dengan penglibatan seramai 28 orang pegawai kanan ATM yang akan / telah bersara. Kursus telah dijalankan dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI VETERAN ATM TIDAK BERPENCEN (PPSEV-ATM-TB)

PERHEBAT telah melaksanakan beberapa program untuk Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV-ATM-TB). Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Program Outreach
- ii. Program Latihan
 - a. Hardskills
 - b. Softskills

i. Program Outreach

Sehingga 31 Disember 2013, seramai 15,000 veteran ATM telah berdaftar dengan PERHEBAT. Daripada jumlah ini seramai 8,291 veteran memerlukan khidmat kaunseling, seramai 909 orang memerlukan pekerjaan dan 5,800 orang perlukan pembangunan keusahawanan. Sasaran PERHEBAT adalah untuk mendapatkan seramai 10,000 peserta berdaftar dengan PERHEBAT untuk tahun 2013.

c. *Corporate Director's Training Programme*

Course was conducted with the a total of 28 senior retiring/retired Officers. The course was conducted in collaboration with the Companies Commission of Malaysia.

SOSIOECONOMIC DEVELOPMENT PROGRAMME FOR NON PENSIONABLE VETERAN ATM (PPSEV-ATM-TB)

PERHEBAT has implemented a number of programmes for Sosioeconomic Development Programme for non pensionable veterans. Among them are as follows :

- i. Outreach Programme*
- ii. Training Programme*
 - a. Hardskills*
 - b. Softskills*

i. Outreach Programme

As of December 31 2013, 15,000 veterans have registered with PERHEBAT. Of this total, 8,291 veterans need counseling, 909 veterans in job placement and 5,800 veterans required entrepreneurship development. PERHEBAT targeted to get a total of 10,000 registered veterans for 2013.

ii. Program Latihan

Latihan yang dilaksanakan untuk veteran ATM Tidak Berpencen merangkumi kursus Hardskills dan Softskills. Sehingga 31 Disember 2013 seramai 13,480 veteran ATM telah menjalani kursus hardskills dan softskills.

PINJAMAN PERHEBAT TEKUN (SPM-UV-ATM)

PERHEBAT telah menerima dana daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM13.5 juta bagi mewujudkan Skim Pinjaman Mikro Usahawan. Bagi melaksanakan skim ini PERHEBAT telah bekerjasama dengan TEKUN Nasional dan sehingga 31 Disember 2013, pinjaman yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

ii. Training Programme

Training conducted for non-pensionable veterans ATM includes hardskills and softskills courses. As of December 31 2013, a total of 13,480 veterans have undergone hardskills and softskills courses.

TEKUN MICRO CREDIT FINANCING (SPM-UV-ATM)

A total of RM13.5 millions was allocated to PERHEBAT from UKAS, Prime Minister's Department for the creation of Micro Credit Financing. In execution of this programme, PERHEBAT with the assistance of TEKUN Nasional as at 31 December 2013 has approved as follows :

Bil. No.	Perkara Items	Bil Pemohon Number Of Applicants	Jumlah Total (Rm)
1.	Permohonan Diterima Oleh PERHEBAT <i>Applications Received By PERHEBAT</i>	872	32,581,121.00
2.	Permohonan Telah Dihantar Ke Tekun <i>Applications Sent To Tekun</i>	755	28,642,371.00
3.	Permohonan Diluluskan <i>Applications Approved</i>	435	6,155,000.00

Pinjaman Perhebat Tekun (SPM-UV-ATM)
Perhebat Tekun Micro Credit Financing (SPM-UV-ATM)



PENARAFAN PUSAT BERTAULIAH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Bertujuan untuk memberi penarafan ke atas program-program dari segi tahap penyampaian perkhidmatan latihan kemahiran yang disediakan oleh Pusat Bertauliah (PB)

RATING OF ACCREDITATION CENTRE DEPARTMENT OF SKILL DEVELOPMENT (DSD)

To grant accreditation on programmes on the level of service delivery for skills training provided by the Accredited Centre (PB)

Markah Score	Tahap Penarafan Rating Level
90-100	Cemerlang <i>Excellent</i> ★★★★★
75-89	Sangat Baik <i>Very Good</i> ★★★★
60-74	Baik <i>Good</i> ★★★
46-59	Memuaskan <i>Satisfactory</i> ★★
45 dan ke bawah <i>45 and below</i>	Lemah <i>Weak</i> ★

Kriteria Penilaian Penarafan
Evaluation Criteria Rating

Sebanyak 49 program latihan kemahiran PERHEBAT dalam bidang teknikal, vokasional dan perkhidmatan telah dinilai oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan telah dianugerahkan penarafan untuk tempoh 3 tahun sehingga Disember 2013 seperti berikut:

1. 37 Program dianugerahkan Penarafan Cemerlang (5 Bintang).
2. 10 Program dianugerahkan penarafan Sangat Baik (4 Bintang).
3. 2 Program dianugerahkan penarafan Baik (3 Bintang).

A total of 49 skills training programmes (technical, vocational and services) conducted by PERHEBAT was evaluated by the Department of Skill Development (DSD) and awarded a rating for a duration of three years ending 31 December 2013 as follows:

1. 37 Programmes awarded Rating as Excellent (5 Star)
2. 10 Programmes awarded rating as Very Good (4 Star).
3. 2 Programmes awarded rating as Good (3 Star).

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN
AGENCY UNDER MINISTRY

Institut Pertahanan Dan Keselamatan Malaysia
Malaysian Institute of Defence And Security



INSTITUT PERTAHANAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA MALYSIAN INSTITUTE OF DEFENCE AND SECURITY (MiDAS)

AM

Ciri-ciri sebuah negara yang merdeka adalah negara yang mampu menjamin keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada rakyatnya. Bagi mendokong hasrat ini, Kementerian Pertahanan diberi tanggungjawab untuk memastikan kawasan berkepentingan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara dari ancaman luar. Tanggungjawab ini akan terlaksana dengan sempurna sekiranya Kementerian Pertahanan dilengkapi dengan peralatan ketenteraan yang unggul serta didokong dengan polisi, pendekatan serta tindakan yang tepat.

Sesungguhnya, segala polisi, pendekatan serta tindakan yang tepat hanya akan terzhahir melalui kajian dan penyelidikan secara menyeluruh serta komprehensif. Lanjutan dari itu, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS) ditubuhkan dengan objektif untuk melaksanakan kajian dan penyelidikan serta menyalurkan maklumat, pandangan serta cadangan berkaitan pertahanan dan keselamatan negara kepada Kementerian Pertahanan. Sebagai institusi strategik di bawah saluran Track 2 ASEAN, MiDAS berperanan sebagai institusi strategik yang memberi cadangan dan hasil kajian yang bebas namun tertakluk kepada garis panduan kerajaan Malaysia.

MAKLUMAT KORPORAT MiDAS

Perjawatan MiDAS

Penubuhan MiDAS diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Waran Perjawatan K92/2012 bertarikh 20 Nov 2012 yang berkuatkuasa mulai 16 Nov 2012. Sejumlah 36 perjawatan ATM dan Awam diwujudkan untuk penubuhannya.

GENERAL

The characteristics of a sovereign country would be the ability of that country to ensure the safety, security and well-being of its people. With these in mind, the Ministry of Defence, Malaysia is responsible to ensure that the sovereignty of Malaysia's territories would always be secured and protected from threats, foreign or domestic. This responsibility would better be implemented through sufficient and latest military equipment, together with the right defence policy, approach and actions.

Through comprehensive, in-depth research and analysis, the right policies would better be shaped and implemented. The Malaysian Institute of Defence and Security was established with the aim to research and analyze issues pertinent to internal and external defence and security, hence becoming the lead agency for their country in proposing, amending and improving their country's defence strategies and security. As a strategic institute that is based on ASEAN's Track 2, the role of MiDAS is to provide recommendation and research analysis that is unbiased and independent from bureaucracy but within the guide lines of the government of Malaysia.

MiDAS CORPORATE INFORMATION

MiDAS Establishment

The establishment of MiDAS was approved by the Public Service Department through the Warrant of Establishment K92/2012 dated 20 Nov 2012 with effect from 16 Nov 2012. 36 Armed Forces and Civil Service appointments were established.

Visi dan Misi

Visi MiDAS adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan bertaraf antarabangsa dalam bidang pertahanan dan keselamatan manakala misi MiDAS adalah untuk menjana dan menggalakkan perkongsian ilmu dan pengetahuan dalam bidang pertahanan dan keselamatan negara.

Peranan

MiDAS berperanan sebagai sebuah institusi profesional yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertahanan dengan memelopori hal ehwal pertahanan dan keselamatan melalui penyelidikan dan perkongsian pengetahuan. MiDAS berperanan sebagai institusi strategi di bawah saluran Track 2 ASEAN yang dapat memberi pandangan dan input-input berkaitan isu yang akan dibincangkan oleh Kementerian Pertahanan dan kerajaan Malaysia melalui saluran Track 1 di persidangan Menteri-menteri Pertahanan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan negara-negara ASEAN.

Lembaga Gabenor

MiDAS dikawal selia oleh Lembaga Gabenor yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan ahlinya terdiri dari Timbalan Menteri Pertahanan, KSU, PAT, Panglima Perkhidmatan dan NC UPNM.

Vision and Mission

The vision of MiDAS is to be an international centre of excellence in defence and security research with a mission to generate knowledge and information sharing in the area of defence and security.

Role

A professional institution responsible to the Malaysian Armed Forces and the Ministry of Defence to spearhead research and knowledge through research and knowledge sharing. MiDAS is also responsible as a strategic institute under ASEAN Track 2 to give inputs and recommendation on issues to be discussed by Ministry of Defence and the government of Malaysia through Track 1 in the ASEAN Defence Ministerial Meeting and ASEAN Defence Senior Officials Meeting.

Board of Gavenors

MiDAS is governed by the Board of Governors with the Minister of Defence as the Chairman and the Deputy Defence Minister, Secretary General Ministry of Defence, Chief of Defence Force, Service Chiefs and the Vice Chancellor of National Defence University of Malaysia (UPNM) as members.

Organisasi MiDAS

Organisasi MiDAS terbahagi kepada tiga bahagian dan mempunyai peranan masing-masing iaitu:-

1. Jabatan Pengurusan dan Pembangunan

Jabatan ini bertanggungjawab di dalam segala aspek pentadbiran, dokumentasi, sumber manusia, pengurusan kewangan, logistik, penganjuran aktiviti dan penerbitan.

2. Pusat Penyelidikan Pertahanan dan Keselamatan Komprehensif (CDSRC)

Pusat ini bertanggungjawab dalam melaksanakan penyelidikan dan kajian bagi ATM dan Kementerian Pertahanan Malaysia khususnya dalam bidang-bidang yang berkaitan isu pertahanan dan keselamatan serantau. Ianya dibahagikan kepada Bahagian Hal-Ehwal Ancaman Tradisi Ketenteraan, Bahagian Hal-Ehwal Ancaman Bukan Tradisi Ketenteraan dan Bahagian Penyelidikan Polisi. Pusat ini adalah bertanggungjawab menganjurkan MiDAS Conference, Putrajaya Forum dan MiDAS Talk dari segi mendapatkan tajuk, menyediakan program, surat jemputan kepada peserta-peserta dan moderator.

3. Pusat Strategi Lautan Biru MiDAS (MBOSC)

Pusat ini bertanggungjawab mengetuai pelaksanaan Strategi Laut Biru (BOS) bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan Malaysia. Pusat ini dibahagikan kepada dua iaitu Bahagian Strategi dan Implementasi serta Bahagian Penyelidikan dan Latihan. MBOSC melaksanakan tugas-tugas seperti menerapkan konsep BOS ke dalam pemikiran strategik pertahanan /keselamatan dan kajian dasar Kementerian Pertahanan Malaysia, menggalakkan pemahaman dan fasilitasi BOS kepada ATM dan Kementerian Pertahanan secara menyeluruh, sebagai pusat koordinasi / fasilitasi antara Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Kementerian pertahanan/ATM dalam penerapan nilai-nilai BOS dan sebagai pusat percambahan ilmu bagi pelaksanaan BOS.

MiDAS Organisation

MiDAS has established two centres and a department which have specific roles as follows:

1. Administration and Development Department

Administration and Development Department is responsible to coordinate trainings, publications, administration, human resources and financial matters of the Institute.

2. Comprehensive Defence and Security Research Centre (CDSRC)

The centre is responsible to conduct research for the Malaysian Armed Forces (MAF) and the Ministry of Defence (MinDef), specific to issues that include Traditional Military Affairs; that include issues related to threats generated from military forces and military technologies, Non-Traditional Military Affairs; that include issues related to threats generated from non conventional military forces and technologies and Policy Research that includes research on national defence and security policies, foreign policy, military diplomacy and national resilience. The centre is also responsible to organise MiDAS Conference, Putrajaya Forum and MiDAS Talk that includes topics selection, program activities and invitation letters to participant speakers and moderators.

3. MiDAS Blue Ocean Strategy Centre (MBOSC)

The centre is responsible to spearhead the implementation of the Blue Ocean Strategy (BOS) for the Malaysian Armed Forces (MAF) and the Ministry of Defence (MinDef). The centre is responsible to carry out the following tasks which are to inculcate the concept of the BOS into MinDef strategic thinking and defence/security strategy and policy research efforts and promote the understanding and facilitate education effort on the BOS throughout the MAF and MinDef; act as the center for coordination/ interface and cooperation between civil agencies and MinDef/MAF in the practice of the BOS; and act as the center for idea generation for practical implementation.

AKTIVITI MIDAS TAHUN 2013

Aktiviti MiDAS. Beberapa aktiviti utama telah dirancang oleh MiDAS pada tahun 2013. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dianjurkan oleh Pusat-Pusat dan Jabatan MiDAS iaitu Pusat CDSRC, MBOSC dan Jabatan Pengurusan dan Pembangunan.

a. Pusat CDSRC

1. MiDAS Talk Siri 4/13 pada 2 Julai 2013 disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Zin dan Ketua Polis Negara YBhg Tan Sri Khalid Abu Bakar berkenaan peranan serta kerjasama Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia semasa OP Daulat.

MIDAS ACTIVITIES IN 2013

MIDAS ACTIVITIES There are several main activities that had been planned by MiDAS in 2013. These activities had been organised by Comprehensive Defence Security Research Centre (CDSRC), MiDAS Blue Ocean Strategy Centre (MBOSC) and Administration and Development Department (A&DD).

a. CDSRC

1. MiDAS Talk Series 4/2013 on 2nd July 2013 at Hilton Hotel Kuala Lumpur. The Talk was delivered by Chief Defence Forces (CDF) YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Zin and Inspectorate General Police (IGP) YBhg Tan Sri Khalid Abu Bakar on "Cooperation Between MAF and RMF During Op Daulat: A National Blue Ocean Strategy Effort". Op Daulat was initiated by the Prime Minister of Malaysia is to combat and eliminate terrorist threats in the eastern part of Sabah. Op Daulat is also a manifestation of the National Blue Ocean Strategy (NBOS) on cooperation between the two security forces in helping to preserve the peace and sovereignty of the country.





2. MiDAS Talk Siri 5/13 pada 25 Ogos 2013 disampaikan oleh Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Chuck Hagel berkenaan Perhubungan/Kerjasama antara Amerika dengan rantau Asia.

2. *MiDAS Talk Series 5/2013 on 25th August 2013 at Ministry of Defence Auditorium, Kuala Lumpur. The Talk was delivered by the United States Secretary of Defence, Honourable Mr Chuck Hagel on "US – Southeast Asia Ties". He highlighted that working with the US to improve in maritime security, counter-terrorism operation and develop standardized procedures for humanitarians and disaster relief operations. He also offered to share new equipment in military technologies.*

3. MiDAS Talk Siri 6/13 pada 18 Disember 2013 disampaikan oleh Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail bertajuk SOSMA 2012: Implikasi terhadap Keselamatan dan Pertahanan.

3. *MiDAS Talk Series 6/2013 on 18th December 2013 at Prince Hotel, Kuala Lumpur. The Talk was delivered by The Honourable Tan Sri Abdul Gani Patail, Attorney General of Malaysia on "SOSMA 2012: It's Implication on Defence and Security".*

b. Pusat MBOSC

1. Pelancaran Buku Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada 4 Mac 2013 oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Abd Latif Ahmad di Wisma Pertahanan.

b. MBOSC

1. *The launching ceremony of National Blue Ocean Strategy (NBOS) initiatives undertaken by Mindef and Armed Forces book was held at Mindef Auditorium Wisma Pertahanan Kuala Lumpur on 4th March 2013. The ceremony was graced by the Deputy Minister of Defence the Honourable Datuk Dr Abd Latiff bin Hj Ahmad and attended by MAF Officers and MINDEF Civilian officers. The Chief Executive of MiDAS presented a lecture on Blue Ocean Strategy (BOS) after the launching ceremony.*

2. Karnival 1 Mindef – e@Curve Damansara, Petaling Jaya pada 23 Februari 2013. Menerusi pameran ini, MiDAS dapat member penjelasan tentang koordinasi dan pelaksanaan projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).



2. MiDAS participated at the Mindef Open Day Carnival held at e@Curve Damansara, Petaling Jaya from 22 to 24th February 2013. The Mindef Open Day Carnival was officially open by the Secretary General of the Ministry of Defence Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad. During the two days MiDAS booth displayed National Blue Ocean Strategy initiatives implemented by MINDEF and MAF, MiDAS roles and task and MiDAS publications.



3. Karnival 1 Mindef di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2013. Menerusi pameran ini, Pusat Strategi Laut Biru MiDAS (MBOSC) menggalakkan pemahaman dan fasilitasi BOS kepada ATM dan Kementerian Pertahanan secara menyeluruh kepada masyarakat.

3. MiDAS participated at the 1Mindef Carnival held at Berjaya Times Square, Kuala Lumpur on 25th August 2013. In this exhibition, MBOSC promote the understanding and facilitate education effort on the BOS throughout MAF and MinDef

4. Karnival 1 Mindef di Dataran Persiaran Dato' Haji Ismail bin Hassan, Kluang Johor pada 5 Oktober 2013. Menerusi pameran ini, MBOSC menerangkan kepada pengunjung tentang tanggungjawab pusat ini yang mengkoordinasi pelaksanaan Strategi Lautan Biru untuk ATM dan Kementerian Pertahanan.

4. MiDAS participated at the 1Mindef Carnival held at Dataran Persiaran Dato' Haji Ismail bin Hassan, Kluang Johor on 5th October 2013. In this exhibition, MBOSC enlighten to the visitors about their responsible to spearhead the implementation of the Blue Ocean Strategy (BOS) for the Malaysian Armed Forces (MAF) and the Ministry of Defence (MinDef).



5. MiDAS juga terlibat dengan Karnival Jom Heboh di Stadium Negeri, Kuching pada 28 dan 29 September 2013. Menerusi pameran ini, MBOSC menerangkan kepada pengunjung tentang tanggungjawab dan peranan sebagai pusat koordinasi dan kerjasama di antara agensi awam dan Kementerian Pertahanan dalam pelaksanaan Strategi Lautan Biru.

5. MiDAS participated at the Jom Heboh Carnival held at Sarawak State Stadium, Kuching from 28 to 29th September 2013. In this exhibition, MBOSC enlighten to the visitors their responsible act as the centre for coordination/interface and cooperation between civil agencies and MinDef/MAF in the practice of the BOS.

6. MiDAS juga terlibat di dalam Karnival Jom Heboh di padang Majlis Daerah Sandakan, Sabah pada 31 Ogos dan 1 September 2013. Menerusi pameran ini, MBOSC menerangkan kepada pengunjung peranan MBOSC sebagai pusat koordinasi / fasilitasi dan kerjasama antara jabatan-jabatan kerajaan dan Kementerian Pertahanan/ ATM dalam penerapan nilai-nilai Strategi Lautan Biru.

6. MiDAS participated at Jom Heboh Carnival held at Sandakan Municipal Council, Sabah from 31st August to 1st September 2013. Through this exhibition, MBOSC enlighten to the visitors their responsible act as the centre for coordination/interface and cooperation between civil agencies and MinDef/MAF in the practice of the BOS.



c. Jabatan Pengurusan dan Pembangunan

1. Mesyuarat Lembaga Gabenor (BOG) di Bilik Mesyuarat Anggerik, Wisma Pertahanan pada 30 Julai 2013.



Op PEJARAK-Pulau Jarak	Perak
Op PEJARAK - Pulau Perak	Kedah
Op TAHAN	Seluruh Malaysia
Op MEGAH (Op Bersepadu)	Sarawak
Op JELAI (Op di bawah Inisiatif NBOS)	Taman Negara (ATM/ PERHILITAN)
Rondaan Bersama (Op di bawah Inisiatif NBOS)	ATM/PDRM
Op Khas (SERKAP/ DAULAT/SANGGAH)	Sabah
Op MURNI	Seluruh Malaysia

Operasi Luar Negara

Penglibatan TD di bawah Misi PBB, Tim Pemantau Antarabangsa dan Pemerhati serta Staf Misi PBB berjumlah 687 anggota terdiri daripada 97 pegawai dan 590 anggota lain-lain pangkat (LLP).

Misi Mission	Peg Officer	LLP Other Rank	Jumlah Sum	Tugas Task
MINURSO-Sahara Barat	6	-	6	Pemerhati (Observer)
MONUSCO-Congo	5	-	5	Pemerhati (Observer)
	-	3	3	Staf (Staff)
UNMIL-Liberia	5	-	5	Pemerhati (Observer)
UNAMID-Darfur	13	-	13	Staf (Staff)
UNISFA-Abyei	-	-	-	Staf (Staff)
UNIFIL-MK	7	1	8	Staf (Staff)
UNIFIL-MALBAT	54	585	639	Trup (Troop)
ISAF-MK	2	-	2	Staf (Staff)
Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao	5	1	6	Pemerhati (Observer)
JUMLAH	97	590	687	

OPERATIONS AND TRAINING

Domestic Operations

Malaysian Army has successfully conducted 25 operations and achieved 100% of its target as follows:-

Overseas Operations

Malaysian Army involvement under the UN Mission, IMT and Observer/Staff comprises of 687 personnel's with 97 officers and 590 other ranks.



UNIFIL: Mej Jen Paolo Serra menyematkan Pingat PBB kepada anggota MALBAT 5 di Kem Tibnin, Lebanon
UNIFIL: Maj Gen Paolo Serra officially awarded UN Medal to MALBAT troops at Tibnin Camp, Lebanon



ISAF: Penyerahan Solar Power Panel oleh MALCON 5 kepada agensi kesihatan di Bamian, Afghanistan
ISAF: Handing Over Solar Power Panel by MALCON 5 to health agency at Bamian, Afghanistan

Latihan Dan Ekseis

Latihan dan ekseis secara dua hala, pelbagai hala dan latihan bersama, sama ada di dalam atau di luar negara telah berjaya mencaapai pelaksanaan 100%. Eksasais tersebut ialah seperti berikut:-

Training And Exercises

Bilateral, multilateral and joint trainings and exercises, either local or overseas have been implemented 100%. There are as follows:-

Ekseis Exercise	Tarikh Date	Tempat Place
Ekseis Luar Negara (Overseas Exercise)		
COBRA GOLD 13	1-22 Feb 13	Thailand
HARIMAU SATYA - 2/2013	13-22 Mei 13	Indonesia (Bandung)
LATGABMA DARSASA MALINDO 13	3-12 Jun 13	Indonesia (Medan)
ADMM + HADR/MM 13	9-21 Jun 13	Brunei
KEKAR MALINDO 37AB/2013	22 Jun-4 Jul 13	Indonesia (Tarakan)
LAND MALPHI 14/13	3-16 Sep 13	Filipina
SUMAN WARRIOR 13	12-25 Okt 13	Australia
SEMANGAT BERSATU 19/2013	11- 22 Nov 13	Singapura
JAT 8/2013 (AKTIVITI LASAK)	22-29 Nov 13	Singapura
Ekseis Dalam Negara (Local Exercise)		
STIRLING TIGER 9/2013	3 Jan-15 Feb 13	Perak/ Johor
BERSAMA SHIELD 13	8-18 Apr 13	Singapura
NIGHT TIGER 13	13-24 Mei 13	Melaka
BALANCE MINT 13	27 Mei- 27 Jun 13	Melaka
HARINGGAROO 64/13	27 Mei-7 Jun 13	KTJ 3 Div
STIRLING TIGER 10/2013	28 Mei-8 Jul 13	Perak/ Johor
CARAT 13	15- 23 Jun 13	Kuantan
HELANG GAGAH	15-25 Jun 13	Kluang
LAND THAMAL 19/13	20-30 Ogos 13	KTJ 2 DIV
MERTAK BERSATU 10/2013	22-30 Okt 13	Kota Belud
KERIS STRIKE 17/2013	17-29 Sep 13	Kedah
DAWN TIGER 13	4-15 Nov 13	Melaka
BERSAMA LIMA 13	7-21 Nov 13	Singapura
Eks Bersama Dalam Negara (Local Joint Exercise)		
STALLION 13	24 Jun-4 Jul 13	KTJ 4 Div
ANGSA 13	28 Ogos-13 Sep 13	Kuantan
SETIA PADU 13	28 Okt-2 Nov 13	Kuantan
PAHLAWAN 13	4-17 Nov 13	PESAMA

PENGURUSAN ORGANISASI

Pencapaian Inovasi

Anugerah Pengurusan dan Inovasi TD (AP&ITD) 2013. Sejumlah 181 penyertaan mengikut kategori telah diterima dan dinilai. Penilaian ke atas setiap penyertaan telah dilakukan dalam dua peringkat iaitu Penilaian Laporan Penyertaan dan Penilaian Fizikal. Senarai pemenang adalah seperti berikut:-

ORGANISATIONAL MANAGEMENT

Innovation Achievement

Malaysian Army Management and Innovation Awards 2013. A total of 181 entries by categories had been received and evaluated. The evaluation of each entry was conducted in two stages, namely Participation Assessment Report and Physical Assessment. There list of winners are as shown:-

Anugerah Award	Kategori Category	Pasukan Unit
Johan Keseluruhan bagi AP&ITD (<i>Overall Champion for AP & ITD</i>)		MK 1 Div
Anugerah Pengurusan <i>Army Management Award</i>	Pengurusan Pemerintahan dan Divisyen <i>Command and Divisional Management</i>	MK 1 Div
	Pengurusan Briged <i>Brigade Management</i>	MK 12 Bgd
	Pengurusan Logistik <i>Logistic Management</i>	Wisma Transit
Anugerah Inovasi <i>Army Innovation Award</i>	Inovasi Pengurusan Sumber Manusia <i>Innovation of Human Resource Management</i>	MK 1 Div
	Inovasi Pengurusan Kewangan <i>Innovation of Financial Management</i>	4 KAD
	Inovasi Pengurusan Projek <i>Innovation of Project Management</i>	Muzium TD
	Inovasi Pengurusan Pelanggan <i>Customer Management Innovation</i>	MK 1 Div
Kumpulan Inovatif dan Kreatif <i>Innovative and Creative Circle</i>	Pengurusan <i>Management</i>	21 RAD
	Teknikal <i>Technical</i>	6 Wksp Bgd
Anugerah Pengiktirafan (<i>Recognition Award</i>)		MK 1 Div
Anugerah Kesiagaan Tempur Briged <i>Brigade Combat Readiness Award</i>		MK 7 Bgd



MK 1 Div sebagai Johan Keseluruhan AP&ITD 2013
HQ 1 Div as Overall Champion for AP & ITD 2013



Penerima Anugerah AP&ITD 2013
The Award Receiver for AP&ITD 2013

Pertandingan Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Kementerian Pertahanan 2013.

Sejumlah lapan penyertaan telah dihantar oleh TD dan pencapaian dalam pertandingan tersebut adalah seperti berikut:-

a. Kategori Pengurusan-Ilmu Ketenteraan Kurang Dihayati oleh 1 RAMD-Johan.

b. Kategori Teknikal

1) Masalah Kerosakan CS Box Dalam Sistem Komunikasi KJA oleh 95 RSD - Johan.

2) Kesukaran Membuat Pemeriksaan Terhadap Kompartmen Kenderaan 3 Ton Hicom Handalan oleh 7 Wksp Bgd - Ketiga.

Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2013.

TD telah menghantar sebanyak 14 penyertaan. Pencapaian adalah seperti berikut:-

Ministry of Defence Innovation and Creative Circle (ICC) Competition 2013.

A total of eight entries had been submitted and the Malaysian Army achieved the following awards:-

a. Management Category - The Knowledge of Military is Less Appreciated by 1 RMR - Champion.

b. Technical Category

1) Damage CS Box 'A Vehicle' in Communications System by 95 RSR - Champion.

2) The Difficulty of Conducting Vehicle Inspection on the Compartment of 3 Tonne HICOM Handalan by 7 Bde Wksp - Third Place.

Ministry of Defence Innovation Award 2013.

Malaysian Army submitted a total of fourteen entries. Achievement are as follows:-

Kategori Category	Projek Project	Formasi Unit	Keputusan Result
Inovasi Pengurusan Sumber Manusia <i>Innovation of Human Resource Management</i>	Peranan Askar Wataniah dalam Meningkatkan Pengurusan dan Keselamatan KTJ <i>The Role Of The Territorial Army in Improving The Safety In Area Of Responsibility</i>	MK 1 Div	Johan Champion
Inovasi Pengurusan Pelanggan <i>Customer Management Innovation</i>	PGAT Regional 1 Div <i>Army Regional Dental Centre in 1 Div</i>	MK 1 Div	Johan Champion
Inovasi Pengurusan Kewangan <i>Innovation of Financial Management</i>	UGAT 1 Div <i>1 Div Managing Payroll Army</i>	MK 1 Div	Johan Champion
	Sistem Pengurusan BISS Berdasarkan Penyata Baris <i>BISS Management System Based on Parade State</i>	MK 1 Div	Ketiga Third Place



Panglima 1 Div Menerima Hadiah Johan Inovasi Pengurusan Pelanggan daripada Timbalan Menteri Pertahanan
GOC of 1 Div Received an Award of Customer Management Innovation from Deputy Minister of Defence



Penerima Anugerah dari TD bagi Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2013
Army Award Receiver on Ministry of Defence Innovation Award 2013

Pencapaian Anugerah Peringkat Negeri dan Kebangsaan

TD berjaya mengharumkan nama melalui projek KIK 95 RSD yang telah mendapat pengiktirafan dari Malaysian Association of Creativity and Innovation (MACRI) dalam Pertandingan KIK Kebangsaan 2013.



Pemenang Pertandingan Menulis Esei PTD Chief
The Winner Chief of Army Essay Writing Competition

Pertandingan Menulis Esei PTD

Pertandingan ini merupakan acara tahunan TDM untuk meningkatkan daya intelektual dan mutu profesionalisma yang lebih cemerlang di kalangan anggota TDM. Sebanyak 49 penyertaan terdiri daripada 26 Pegawai dan 23 LLP telah diterima. Senarai pemenang mengikut kumpulan adalah seperti berikut:-

Pemenang <i>Winner</i>	Tajuk Esei <i>Essay Topic</i>
Kumpulan 1 (Kol ke atas) / <i>Group 1 (Col above)</i>	
Brig Jen Dato' Mohd Ramli bin Jaafar	Malaysia - China Perkongsian Strategik: Isu Dan Prospek <i>Malaysia - China Strategic Partnership: Issue And Prospect</i>
Kumpulan 2 (Lt Kol dan Mej) / <i>Group 2 (Lt Col & Maj)</i>	
Lt Kol Abdul Rahman bin Alavi	Latihan Tentera: Apakah Konsep Semasa Relevan? <i>Army Training: Is The Current Concept Relevant?</i>
Kumpulan 3 (Kapt dan Sabaltan) / <i>Group 3 (Capt & Subalterns)</i>	
Kapt Muhammad Amirullah bin Ithain	Tentera Darat Malaysia sebagai The Back Bone dalam Melaksanakan Kebangsaan Strategi Lautan Biru (NBOS) <i>The Malaysian Army as The Back Bone in Implementing The National Blue Ocean Strategy (NBOS)</i>
Kumpulan 4 (PTT Kanan) / <i>Group 4 (Senior Rank)</i>	
SSjn Ambrose ak William	Peranan Globalisasi: Pemacu atau Pemusnah Negara Bangsa <i>Role of Globalization: Hard or Destruction Country Race</i>
Kumpulan 5 (Kpl ke bawah) / <i>Group 5 (Cpl & Below)</i>	
Kpl Zahadi bin Mat	Isu Kemasukan Pendatang Tanpa Izin di Malaysia. <i>Entry Issues Illegal Immigrants in Malaysia</i>

Achievement Award for the State and National Level

The Malaysian Army has gained recognition from the Malaysian Association of Creativity and Innovation (MACRI) through 95 RSR's KIK project in the National KIK Competition 2013.



95 RSD Menerima Anugerah MACRI
95 RSR Received an MACRI Award

Chief of Army Essay Writing Competition

This competition is an annual event to enhance the standard of professionalism among Army personnel. A total of 49 entries consisting 26 officers and 23 other ranks had been received and evaluated. The list of winners are as follows:-

Hari Inovasi TD

Sambutan Hari Inovasi TD Tahun 2013 telah diadakan pada 9 Dis 13 di Auditorium KEMANTAH. Majlis ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada organisasi serta pegawai dan anggota yang telah berjaya mencapai kecemerlangan dalam membudayakan inovasi dan penulisan esei.

Buku Panduan Audit Pengurusan TD

Buku ini telah diterbitkan oleh Bahagian Inspektorat TD (BITD) dan pelancarannya telah dirasmikan oleh TPTD sempena Hari Inovasi TD. Buku tersebut dilancarkan dalam usaha kearah menjadikan Tentera Darat mencapai sasaran "Zero Negative Comment" bagi perkara-perkara yang berada di dalam kawalan staf dan pemerintah pasukan dalam memacu pengurusan organisasi.



Army Innovation Day

Army Innovation Day Celebration 2013 had been held on 9th Dec 13 at MINDEF Auditorium. This event is to give due recognise the organisation and personnel who have been achieved excellence in innovation projects and essay writings.

Army Management Audit Manual

This handbook was published by the Army Inspectorate Division (AID) and launched by the Deputy Chief of Army. The book was instigated towards making the Army to achieve 'Zero Negative Comment' for matters that are within control by the staff and management organization.




Pelancaran Buku Panduan Audit Pengurusan TD oleh Timbalan PTD
Launching of Army Auditing Handbook by the Deputy Chief of Army

Pengurusan Kewangan

Peruntukan Belanja Mengurus (OE) Program Pertahanan Darat tahun 2013 adalah berjumlah RM5,247 juta. Prestasi perbelanjaan mengikut jenis adalah seperti berikut:-

Financial Management

The Operating Expenditure (OE) of 2013 amounted to RM5,247 million. The expenditure performance according to the types of expenses are as follows:-




Pengurusan Projek Pembangunan

Peruntukan Belanja Pembangunan (DE) RMK 10 Aliran Tunai Rolling Plan Ketiga TD tahun 2013 adalah berjumlah RM799,277 juta. Prestasi perbelanjaan yang telah dilaksanakan mengikut projek adalah seperti berikut:-

Project Development Management

The allocation for Development Expenditure under 10th MP - 3rd Rolling Plan cash flow for Malaysian Army in 2013 amounted to RM799.277 million. The expenditure according to projects are as follows:-



Prestasi projek pembangunan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Performance of development project implemented are as follows:-

Bil Serial	Projek Project	Status Siap (%) Standing (%)
Projek Pembangunan Infrastruktur Infrastructure Development Project		
1.	Kem Rej Sempadan dan 6 Skn RAJD	83.38
2.	Kem BIS Batu Pahat	95.00
3.	Projek Army CARE:	
	a. 3 RAMD	48.01
	b. 18 RAMD	Proses Tender
	c. 22 RAMD	2.40
	d. 7 RRD (Mek)	51.00
4.	Garaj Kenderaan 8x8	Proses Tender
5.	Dewan Serbaguna MK 3 Div	61.28
Projek Kelengkapan dan Aset Asset and Equipment Project		
6.	Sistem Olah Perang Berkomputer (SOPK) TD	100
7.	Trak 3 Tan Kargo	100

Projek Private Finance Initiative (PFI)

Sebanyak lima projek pembangunan secara PFI telah dilaksanakan bagi meningkat dan melengkapkan pembangunan dan infrastruktur TD seperti pecahan berikut:-

Private Finance Initiative Project (PFI)

Five projects through PFI had been developed to enlarge and enhance the Army's infrastructures as follows:-

Projek Project	Status Siap (%) Standing (%)
Pembinaan Kem PULADA Development PULADA Camp	
Pembinaan POP TD, PUSARTI dan Garaj Jambatan 4 Skn RAJD (Jn) Development POP TD, PUSARTI and Garage Bridge 4 Skn RAJD (Jn)	
Pembinaan Kem 7 RAMD Development 7 RAMD Camp	
Projek Army CARE 3 RRD, 4 RRD dan Bn 2 RS Development Army CARE Project 3 RRD, 4 RRD and 2nd Bn RS	
Projek Rumah Keluarga Kem Oran, Bn 2 RS dan Bn 3 RS Married Quarters Project for Oran Camp, 2nd Bn RS and 3rd Bn RS	



Projek Pembangunan: Kem PULADA, Ulu Tiram, Johor
Development Project: PULADA Camp, Ulu Tiram, Johor

PENGURUSAN PELANGGAN

National Blue Ocean Strategy (NBOS)

Program-program NBOS telah dirangka untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara. Kesediaan TD untuk terlibat dalam pelbagai program latihan kepimpinan serta kemahiran dalam NBOS telah dapat mendokong aspirasi negara untuk membangunkan modal insan ke arah pembangunan negara secara keseluruhannya. Berikut adalah aktiviti NBOS dalam mempromosikan TD di peringkat kebangsaan:-

CUSTOMER MANAGEMENT

National Blue Ocean Strategy

NBOS programs were designed to ensure the well-being of the people and subsequently contributing to the national economy. The Army is ever willing to engage in a variety of leadership training programs and skills to support the country's aspiration to develop human capital in nations building as a whole. The activities to promote the Army at national level:-

Bil Serial	Program Programme	
NBOS 2		
1.	Pusat Pemulihan	Kem Mahkota, Kluang, Johor
2.	Pemasyarakatan	Kem Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah
3.	(PPP)	Kem Syed Sirajudin, Gemas, Negeri Sembilan
4.		Kem Desa Pahlawan, Kota Baharu, Kelantan
5.		Kem Batu 10, Kuantan, Pahang
6.	Rondaan Bersama ATM dan PDRM	
NBOS 3		
1.	Program Bantuan Rumah (PBR) - Digabungkan dengan Program 1 Malaysia Veterans Home Repair (1MVHR)-NBOS 7)	
2.	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	
3.	Program Penggunaan Tanah Kosong (PPTK)	
NBOS 7		
1.	1 Malaysia Veterans Home Repair Programme di bawah inisiatif 1 Malaysia Veterans Recognition Programme (1MVRP)	
NBOS 8		
1.	Uniformed Policing 2 - Ambil Alih Kawasan Gerakan PGA	
2.	Uniformed Policing 2 - Rondaan Awam, Polis dan ATM (RAPAT 1M)	
3.	Program Remaja Berwawasan - Uniformed Policing 2	
4.	Military Community Transformation Centere (MCTC)	
5.	Military Community Volunteering Day (MCVD)	
6.	Joint Communication Of ATM and PDRM (JoComm)	
7.	Op JELAI (Kerjasama TD dan PERHLITAN)	
8.	Pembinaan Premis Kesihatan - Kerjasama TD dan Kementerian Kesihatan Malaysia	



NBOS 2 - Program Pemulihan Pemasyarakatan (PPP)
NBOS 2 - Community Convicts Rehabilitation Programme (CCRP)



NBOS 8 - Rondaan Bersama Awam, Polis dan Angkatan Tentera
NBOS 8 - Joint Military, Police and Civilian Patrols

Askar Wataniah (AW)

Usaha-usaha promosi Askar Wataniah telah dibuat mengikut sasaran yang telah ditetapkan oleh setiap unit Rej Siri 500 (AW) bagi mengadakan pameran, promosi dan sesi penerangan.



Pameran dan Promosi di Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampus Kampar
Exhibitions and promotions at Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampus Kampar

Territorial Army (TA)

The recruiting efforts for Territorial Army have been delegate to each unit of Rej 500 Series through exhibitions, promotions and briefing season.



Pameran dan Promosi di Dataran Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya
Exhibitions and promotions at Dataran Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya

Portal TD

Platform media sosial ke dalam internet sebagai tambahan kepada Portal TD sedia ada adalah Youtube TD, Facebook TD, Twitter TD dan Flickr TD. Perkhidmatan ini memberi maklumat semasa perkembangan TD dan telah mendapat sambutan baik dari pelanggan khususnya anggota TD dan awam. Portal ini boleh diakses melalui www.army.mod.gov.my

Army Portal

Army Youtube, Army Facebook, Army Twitter and Army Flickr have been added to the existing portal. These services provide current information and development on Malaysian Army and had received good response from the public, especially Army personnel. The portal can be accessed through www.army.mod.gov.my



Portal TD
Army Portal



Facebook TD
Army Facebook

Hubungan Dua Hala dan Antarabangsa

Bagi mengerat dan mengukuhkan hubungan antarabangsa dan dua hala pelbagai kunjungan hormat dan lawatan rasmi/kerja telah dilaksanakan.



Lawatan PTD ke Indonesia pada 5 Okt 13
CoA Visited Indonesia on 5th Oct 13

MAJLIS BERSAMA JABATAN

Bagi mengeratkan hubungan di antara kepimpinan atasan dan anggota bawahan, sebanyak 275 Majlis Bersama Jabatan telah dianjurkan oleh TD sepanjang tahun 2013.



Majlis Berbuka Puasa bersama DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong di Kem Sg Besi pada 23 Jul 13
Breaking Fast Ceremony with the King at Sg Besi Camp on 23rd July 13

International and Bilateral Relations

To strengthen and enhance international and bilateral relationship between the Army and international security agencies, several courtesy calls and official work visits had been conducted.



Lawatan PTD ke Singapura pada 21 Okt 13
CoA Visited Singapore on 21st Oct 13

DEPARTMENT FUNCTIONS

To enhance the esprit de corps between the commanders and personnel in the MA, 275 functions had been conducted.



Perasmian Majlis Hello Skot dan Malam Pencerayaan Bandar TD oleh Menteri Besar Negeri Sembilan pada Hari Ulang Tahun TD ke 80
The Lauching Hello Squad and Army Township Lighting Night Ceremony by Chief Minister of Negeri Sembilan on 80th Army Day




Pertandingan Golf Piala Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah 2013 di Taiping Golf Resort pada 8 Okt 13
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Champion Trophy 2013 at Taiping Golf Resort on 8th Oct 13

Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT)

Darat

BAKAT Darat memainkan peranannya sebagai sebuah pertubuhan kebajikan yang menjaga institusi kekeluargaan dalam TD. BAKAT Darat telah berjaya melaksana pelbagai aktiviti di peringkat BAKAT Darat dan BAKAT ATM. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:



Pecahan Aktiviti BAKAT Darat
Various Activities of BAKAT Darat



Majlis Ihya Ramadhan dan Khatam Al-Quran
Ihya Ramadhan and Khatam Al-Quran Ceremony

Armed Forces Family Welfare Association (BAKAT)

Army

Armed Forces Family Welfare Association of the MA is a charity organization which looking after the Army's family institution. This organization has successfully implemented various activities within the organization and in MAF BAKAT. The activities are as follow:



Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat antara Datin Norlida bte Hj Abdul Mubin dan Puan Sri Datin Seri Hjh Rusnah bte Hj A. Rahman pada 14 Jun
Handing and Taking Over Ceremony of Chairman Armed Forces Family Welfare Association between Datin Norlida bte Hj Abdul Mubin and Puan Sri Datin Seri Hjh Rusnah bte Hj A. Rahman on 14 Jun



Taklimat Kesedaran GST
GST Awareness Briefing

PENUTUP

Sebagai benteng utama pertahanan negara, TDM sentiasa berusaha untuk terus menempa pencapaian yang cemerlang di setiap bidang keberhasilan. TD beriltizam untuk meningkatkan keupayaan bagi mengungguli kecemerlangan sebagai sebahagian daripada ketumbukan ATM dalam menjunjung kedaulatan dan keamanan Negara. Secara keseluruhannya TD telah berjaya melaksanakan segala aktiviti yang dirancang pada tahun 2013. Laporan tahunan ini memaparkan pembuktian terhadap pencapaian kecemerlangan TD khususnya dan ATM amnya.


CONCLUSION

The Malaysian Army always strives to accomplish outstanding achievements in every field. The Army aims to increase their capabilities to excel and in upholding the sovereignty and security of the region. Overall, the Malaysian Army has successfully implemented all planned activities in 2013. This annual report posted remarkable evidence of the Malaysian Army achievements in particular and the Malaysian Armed Forces in general.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
MALAYSIA ARMED FORCES

Tentera Laut Diraja Malaysia
Royal Malaysian Navy



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN ARMY

PENDAHULUAN

Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) berperanan melindungi kepentingan maritim Malaysia merangkumi kedaulatan negara dan integriti wilayah meliputi keselamatan nyawa dan harta benda. TLDM di bawah teraju Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar, sentiasa berusaha memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan sejajar dengan visi menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia. TLDM sebahagian di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah membuktikan kemampuannya untuk terus berkembang melalui beberapa era perubahan yang mentransformasikan TLDM menjadi sebuah angkatan yang berkredibiliti tinggi. Justeru, kewujudan TLDM bukan sahaja sebagai pertahanan negara malahan TLDM adalah sebuah organisasi yang amat berkepentingan secara inklusifnya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

PENGURUSAN STRATEGIK

TLDM telah membangunkan Pelan Strategik yang dikenali dengan nama Pelan Strategik 2013 – 2020 atau PS1320 ke arah mencapai misi dan visi yang ditetapkan. Pelan ini mengandungi 3 Teras Strategik yang disokong oleh 14 Objektif Strategik dan beberapa Petunjuk Prestasi Utama yang dirangka berdasarkan pelataan dan penajajaran daripada Pelan Strategik ATM. Pelan Strategik TLDM yang baharu ini mengandungi 7 ciri-ciri utama pelan strategik iaitu misi, visi, teras strategik, strategi, pelan tindakan, petunjuk prestasi utama dan sasaran. Selain itu, PS1320 turut diintegrasikan dengan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko serta Key Performance Indicators (KPI) Outcome Based Budgeting (OBB).

INTRODUCTION

The Royal Malaysian Navy's (RMN) role is to protect Malaysia's maritime interest which covers the national sovereignty, territorial integrity including the safety of life and property. The RMN under the leadership of Chief of Navy the Honourable Admiral Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar continuously strives to ensure that mandated duties and responsibilities are executed effectively and efficiently to realise its vision to be a World-Class Navy. The RMN being a critical component of the Malaysian Armed Forces (MAF) has demonstrated its ability to transform itself into a credible force in the last decade. Other than its traditional role in national defence, the RMN plays a pivotal role towards the maintenance of peace and harmony amongst the general population through various civil-military interactions and initiatives.

STRATEGIC MANAGEMENT

The RMN is guided and led by a strategic plan namely – The Strategic Plan 2013 – 2020 or PS1320 which ensures all elements within the Navy strive in cohesion towards realizing the vision and mission. This plan encompasses 3 Strategic Thrusts supported by 14 Strategic Objectives and a number of Key Performance Indicators (KPI) were formulated to support the Malaysian Armed Forces Strategic Plan. The RMN's Strategic Plan contains 7 key features, namely, mission, vision, strategic thrusts, strategies, action plans, key performance indicators and the goals. The PS1320 is also integrated with the Assessment and Risk Management Control including KPIs of the Outcome Based Budgeting (OBB).



The RMN Strategic Plan 2013 – 2020 (PS1320)

OPERASI DAN LATIHAN

Sepanjang tahun 2013, TLDM telah terlibat di dalam beberapa siri operasi dan latihan yang dilaksanakan sama ada secara unilateral, bilateral dan multilateral seperti berikut:

Operasi Dalam Negara

TLDM telah melaksanakan tujuh (7) operasi dan mencapai 100% pelaksanaannya bagi menjamin kedaulatan perairan negara. Operasi dilaksanakan melalui aktiviti memperagakan kehadiran dan rondaan di kawasan operasi maritim Malaysia. Ianya bertujuan untuk mencegah kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), penyeludupan barang dan senjata api, penangkapan ikan secara haram, rompakan, aktiviti lanun, penculikan, dan lain-lain.

Operasi Luar Negara

Op FAJAR dilancarkan sejak 27 Ogos 2008. Operasi ini telah berjaya mengekang aktiviti lanun ke atas kapal-kapal dagang Malaysia di perairan Teluk Aden. TLDM telah berjaya mengiringi sebanyak 125 buah kapal dagang Malaysia merentasi perairan berkenaan dengan selamat sepanjang tempoh tersebut.

OPERATIONS AND EXERCISES

Throughout 2013, the RMN has been involved in several operations and exercises, which were conducted unilaterally, bilaterally and multilaterally as follows:

Domestic Operations

The RMN has conducted 7 operations and achieved 100% implementation in safeguarding the nation's maritime sovereignty. These operations comprise of surveillance patrols in specific areas of interest. These patrols are aimed at deterring illegal entry by immigrants and prevention of illegal activities such as firearms smuggling, fishing, piracy, kidnapping and others. The outcome of the continued presence of the Navy has nullified would be threats.

Overseas Operations

Op FAJAR was launched on 27 Aug 08 to deter pirate attacks against Malaysian flagged merchant vessels transiting through the Gulf of Aden. Thus far, the RMN has safely escorted 125 Malaysian flagged merchant vessels transiting these waters since its inception.



Pasukan Pelindung Kapal Anggota Tetap ATM dan PSS TLDM MISC
Joint MAF Regular Forces and RMNVR MISC Ship Security Team



BUNGA MAS 5 (BM5) Kapal Auxiliari TLDM pertama dilancarkan pada 1 Jun 2009 bagi mengiringi kapal-kapal dagang milik MISC di Perairan Teluk Aden
BUNGA MAS 5 (BM5) RMN's first Auxiliary Vessel launched on 1 June 2009 to escort merchant ships owned by MISC in the Gulf of Aden

Operasi Bersama dan Gabungan

Terdapat beberapa rondaan bersama telah dilaksanakan di perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan yang melibatkan TLDM dan tentera laut negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura. Operasi ini telah berjaya mengekang aktiviti seperti lanun, pencerobohan nelayan asing dan penangkapan ikan secara haram, penyeludupan, pencemaran laut dan juga kemasukan (pendatang asing tanpa izin) PATI. Pelaksanaan operasi tersebut telah mengeratkan jalinan hubungan diplomatik dan "Interoperability" kesemua negara yang terlibat.

Joint and Combined Operations

Several joint patrols were conducted in the Straits of Malacca and South China Sea between RMN and its neighbouring littoral states such as Indonesia, Philippines, Thailand and Singapore. These operations have successfully curbed trans-boundary criminal activities such as piracy, intrusion by foreign trawlers and illegal fishing, smuggling, marine pollution including illegal immigrants. These operations have enhanced interoperability, capacity building and strengthened diplomatic ties between the participating nations.

Eksesais Dalam Negara.

Sebanyak lima (5) eksesais dalam negara telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2013 iaitu Eksesais NAGA EMAS, Eksesais ANGSA, Eksesais ULAR EMAS, Eksesais WIRA LAUT dan Eksesais JERUNG EMAS. Pelaksanaan eksesais ini adalah bertujuan untuk menentukan kesiagaan dan kompetensi warga serta keupayaan aset TLDM sentiasa berada pada tahap yang tinggi di samping meningkatkan tahap kecekapan profesionalisme ketenteraan.

Domestic Exercises.

Five significant maritime defence and security exercises were successfully conducted in 2013, namely, Exercise NAGA EMAS, Exercise ANGSA, Exercise ULAR EMAS, Exercise WIRA LAUT and Exercise JERUNG EMAS. The objectives of these exercises are to ensure that the RMN's assets and the professional competency of its personnel are continuously maintained at the highest state of readiness.



Eksesais ANGSA 8/13 melibatkan TLDM dan TUDM di peringkat Operasi dan Taktikal
Exercise ANGSA 8/13 involved the RMN and RMAF at the Operational and Tactical Levels



Eksesais HORNBILL 23/13 di antara TLDM dan Tentera Laut Diraja Brunei bagi meningkatkan kerjasama bersama
Exercise HORNBILL 23/13 between RMN and Royal Brunei Navy to promote mutual collaboration




Eksesais Bersama dan Gabungan.

Sebanyak 11 eksesais bersama/gabungan secara bilateral dan multilateral telah berjaya dilaksanakan. Eksesais ini telah melibatkan tentera laut negara asing seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand, India, Brunei, Thailand, Singapura dan Filipina. Eksesais yang dilaksanakan ini berjaya meningkatkan tahap profesionalisme warga TLDM dan kesiagaan Armada TLDM, di samping meningkatkan perhubungan dua hala di antara negara terlibat.

Joint and Combined Exercises.

A total of 11 joint/combined bilateral or multilateral exercises were successfully conducted. Navies from United States of America, United Kingdom, Australia, New Zealand, India, Brunei, Thailand, Singapore and Philippines participated in these exercises. These exercises are aimed in enhancing the professionalism of RMN personnel and readiness of the Fleet, in addition to strengthening bilateral relations amongst the participating countries.



Eksesais MALAPURA 23/2013 TLDM dan Tentera Laut Republik Singapura
Exercise MALAPURA 23/2013 between RMN and Republic of Singapore Navy

HUBUNGAN DIPLOMATIK

Usaha mengekalkan hubungan diplomatik dengan tentera laut asing turut menjadi salah satu agenda utama TLDM. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara TLDM dengan tentera laut asing. Komitmen ini terbukti dengan pelaksanaan program dan aktiviti seperti berikut:

Lawatan Operasi Kapal Perang Negara Asing.

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 92 buah kapal perang asing yang telah singgah untuk lawatan operasi di pelabuhan-pelabuhan TLDM dan Pelabuhan Kelang. Lawatan tersebut adalah sempena latihan bersama yang diadakan dan juga untuk ulang bekal. Dalam lawatan tersebut Pegawai Memerintah kapal berkenaan telah melakukan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Laut dan Panglima-panglima Formasi yang berkenaan.



PTL menghadiri Majlis Resepsi di USS BLUE RIDGE di Pelabuhan Klang - 5 Jun 13
Chief of Navy attending the reception onboard USS BLUE RIDGE at Port Klang - 5 June 13

DIPLOMATIC RELATIONS

Enhancing diplomatic relations through continued engagement with foreign navies is another important agenda of the RMN. Consequently various programmes and activities have been programmed and executed to enhance mutual understanding, trust and cooperation between RMN and other navies. This commitment is proven by the following programmes and activities:

Operational Visits by Foreign Warships.

A total of 92 foreign warships visited Malaysia in 2013. The visits were done in conjunction with combined exercises and for replenishment purposes. During the visits, the Commanding Officers of the ships called on the Chief of Navy and on respective Formation Commanders.



PTL memberi ucap terna sempena Chief of Navy Roundtable Talks LIMA '13 di Langkawi - 26 Mac 13
Chief of Navy delivering the keynote address during the Chief of Navy Roundtable Talks LIMA '13 at Langkawi - 26 Mar 13



Mesyuarat Bilateral dan Multilateral.

Sebanyak enam (6) mesyuarat bersama tentera laut asing yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

- 1) Chief of Navy Roundtable Talks LIMA' 13 di Langkawi.
- 2) Fleet Staff Talk TLDM-USN di USS BLUE RIDGE, Pelabuhan Klang.
- 3) Combined Naval Working Group (CNWG) bersama Royal Thailand Navy (RTN) di Pattaya, Thailand.
- 4) Navy to Navy Talks bersama Indian Navy di New Delhi, India.
- 5) Navy to Navy Talks bersama Royal Australian Navy (RAN) di Australia.
- 6) CNWG bersama Republic Singapore Navy (RSN) di Kuala Lumpur.

PEMBANGUNAN PRASARANA

TLDM sentiasa mengutamakan aspek kualiti hidup warganya. Beberapa projek penambahbaikan dan pengubahsuaian ke atas pejabat dan kediaman telah dilaksanakan. Projek yang berjaya disiapkan sepanjang 2013 adalah Projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM (KDSI I). Bangunan ini mengandungi 11 tingkat termasuk bilik penginapan, dewan makan, tempat letak kenderaan serta beberapa kemudahan lain. Projek ini telah berjaya disiapkan pada 9 Apr 13 dengan kos RM49 juta.



Projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM (KDSI I)
The Upgrading Project of the RMN's Naval College (KDSI I)


Bilateral and Multilateral Meetings.

Six meetings with foreign navies were conducted in 2013 as follows:

- 1) Chief of Navy Roundtable Talks LIMA' 13 in Langkawi.
- 2) Fleet Staff Talks RMN-USN onboard USS BLUE RIDGE, in Port Klang.
- 3) Combined Naval Working Group (CNWG) with the Royal Thailand Navy (RTN) in Pattaya, Thailand.
- 4) Navy to Navy Talks with the Indian Navy in New Delhi, India.
- 5) Navy to Navy Talks with the Royal Australian Navy (RAN) in Australia 3.
- 6) CNWG with the Republic Singapore Navy (RSN) in Kuala Lumpur.

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT

The RMN have continuously placed emphasis in maintaining the quality of life of its Navy People. Consequently several improvement and modification projects of offices and living quarters were approved. The project successfully completed in 2013 was the Upgrading Project of the RMN's Naval College (KDSI I). The new annex comprises of 11 floors including accommodation, banquet hall, parking and other facilities. This upgrading project was successfully completed on 9 Apr 13 at a cost of RM49 million.



Pemandangan di dewan makan Wisma Suria
The view of Wisma Suria banquet hall

Lawatan oleh Panglima Tentera Laut (PTL) Negara Asing.

Sepanjang tahun 2013, TLDM telah menerima sebanyak sembilan (9) lawatan daripada PTL negara asing iaitu Australia, Brunei, Qatar, Papua New Guinea, Singapura, Filipina, Indonesia, Pakistan dan Sri Lanka. Lawatan tersebut adalah sempena Chief of Navy Roundtable Talks LIMA' 13 di Langkawi pada 26 Mac 13.

Visits by the Foreign Chief of Navies.

In 2013, the RMN received 9 visits from the Chief of Navy of Australia, Brunei, Qatar, Papua New, Guinea, Singapore, Philippines, Indonesia, Pakistan and Sri Lanka. These visits coincided with the Chief of Navy Roundtable Talks LIMA' 13 in Langkawi on 26 Mar 13.



Kunjungan Hormat Admiral Choi Yoon Hee, Chief of Naval Operation, Republic of Korea – 30 Jan 13
Courtesy Call by Admiral Choi Yoon Hee the Chief of Naval Operation, Republic of Korea – 30 Jan 13



Kunjungan Hormat Laksamana TNI
Dr Marsetio, Kepala Staf Angkatan Laut Indonesia – 5 Mac 13
*Courtesy Call by Admiral Dr Marsetio,
the Chief of Naval Staff, Indonesia - 5 Mar 13*



Kunjungan Hormat Laksamana Davendra Kumar Josh
Ketua Staf Tentera Laut India – 23 Sep 13
*Courtesy Call by Admiral Davendra Kumar Josh
the Chief of Naval Staff, India – 23 Sept 13*

PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Demi meningkatkan tahap profesionalisme dan pengetahuan warganya, TLDM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang merangkumi:

- a. **Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).** Sebanyak 1715 sijil telah didaftarkan melalui kaedah Pusat Bertauliah (PB) dan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang merangkumi Tahap 1 hingga 5 dalam 16 bidang.
- b. **Persijilan Kelayakan Tenaga Pengajar oleh JPK.** Persijilan ini bagi memberi pengiktirafan kepada warga TLDM sebagai tenaga pengajar di Pusat Bertauliah JPK. Seramai 35 orang warga TLDM (5 x pegawai dan 30 x LLP) telah mengikuti kursus ini.
- c. **Certificate Programme for Safety and Health Officer oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (NIOSH).** Persijilan ini bertujuan memberi memberikan pengetahuan kepada warga TLDM sebagai Pegawai Keselamatan yang diamalkan di dalam bidang industri di Malaysia. Seramai 3 orang pegawai TLDM telah mengikuti kursus ini.
- d. **Kursus Open Water Scuba Instructor oleh Scuba Diving International (SDI).** Persijilan ini bagi memberi pengiktirafan kepada warga TLDM dalam bidang scuba diving. Pengiktirafan ini membolehkan peserta menjadi tenaga pengajar di Pusat Scuba Diving di Malaysia. Seramai 17 orang warga TLDM (1 x pegawai dan 16 x LLP) telah mengikuti kursus ini yang dianjurkan oleh Markas ATM di bawah Sel Latihan Kemahiran ATM.
- e. **Program Pengajian Tinggi.** TLDM sentiasa menitikberatkan peluang untuk peningkatan taraf akademik warganya. Justeru, pada tahun 2013 TLDM telah menghantar seramai 243 orang warganya untuk mengikuti Program Pengajian Tinggi Sepenuh Masa dan Separuh Masa di beberapa Universiti dalam negara.

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT AND DEVELOPMENT

In the pursuit to enhance the level of professionalism and knowledge, the RMN has implemented the following initiatives:

- a. **Certification of Malaysian Skills Certificate (SKM/MSC) by the Department of Skills Development (DSD/JPK).** *A total of 1715 certificates have been registered through Certified Centres (PB/CC) and Accreditation of Prior Achievement (APA) encompassing Level 1 to 5 certification in 16 fields.*
- b. **Trainer Qualification Certification by the DSD.** *This is to provide certification for Navy personnel attached as trainers to DSD Accredited Centres. Thus far, 35 RMN personnel (5 x officers and 30 x ratings) have completed this course and certified.*
- c. **Certificate Programme for Safety and Health Officer by the National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia (NIOSH).** *This is to provide knowledge to Navy personnel as Safety Officers benchmarked on Malaysian industries. So far, 3 Naval officers have attended this course.*
- d. **Open Water Scuba Instructor Course by Scuba Diving International (SDI).** *This is to provide certification for Navy personnel in scuba diving. This recognition allows candidates to become instructors at Scuba Diving Centres in Malaysia on retiring from the service. To date, 17 RMN personnel (1 x officers and 16 x other ranks) have completed the course organized by MAF Skills Training Cell, MAF Headquarters.*
- e. **Higher Education Programme.** *The RMN has always emphasized on upgrading the academic qualifications of its personnel. Therefore, in 2013, 243 personnel have enrolled in either Full-Time or Part-Time Programmes with various universities throughout the country.*

f. **Program Pengajian Tinggi Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).** Program Pengajian Tinggi Tajaan JPA ini menawarkan yuran percuma kepada warga TLDM untuk mengikuti pengajian ke peringkat Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda. TLDM telah diperuntukkan sebanyak 600 tempat dalam pelbagai jurusan untuk mengikuti program ini di beberapa IPTA dan IPTS dalam negara

f. **Higher Education Programme Sponsored by the Public Service Department (JPA).** The Higher Education Programme by JPA provides sponsorship for academic fees for those furthering their studies at Doctorate, Masters and Bachelors Degree level. Thus far, the RMN has been allocated 600 places in various fields under this programme in various public and private universities in the country.



Majlis Graduasi warga TLDM yang berlangsung di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) – 27 Dis 13
The Navy People graduation ceremony held at the National Defence University of Malaysia (NDUM) – 27 Dis 13

KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Aktiviti kebajikan dan sosial turut menjadi agenda utama TLDM dalam mengeratkan hubungan harmoni di antara ahli keluarga. Badan Kebajikan Keluarga AngkatanTentera – Laut (BAKAT Laut) telah mengadakan tiga majlis berkonsepkan kebajikan iaitu Majlis Meraikan Anak-anak Yatim, Majlis Meraikan Balu-balu TLDM dan juga Majlis Meraikan Anak-anak Istimewa yang merupakan aktiviti lazim sempena sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) TLDM. Ketiga-tiga majlis telah dilaksanakan dengan jayanya. Ringkasan pelaksanaan majlis seperti berikut:



a. **Majlis Meraikan Anak-anak Yatim** telah diadakan pada 24 April 2013 di atas KD MAHAWANGSA. Seramai 120 orang anak-anak yatim sekitar negeri Perak telah dijemput untuk menyertai pelayaran sekitar perairan Pulau Pangkor. Pelbagai acara menarik telah diadakan semasa pelayaran tersebut seperti sukaneka dan juga persembahan hiburan daripada kumpulan anak-anak yatim.

SOCIAL AND WELFARE

Welfare and social activities are also one of the main activities of the RMN in ensuring family wellness and harmony. The Armed Forces Family Welfare Association – Navy (BAKAT Laut) organised three events associated with the concept of We Care and Share namely, A Day with Orphans, A Day for Widows of RMN personnel and also A Day for Children with Special Needs which are usually held in conjunction with the Navy Day celebrations. The summary of the three events are as follows:

a. **Celebrating to the Orphans.** *This event was held onboard KD MAHAWANGSA on 24 Apr 13. A total of 120 orphans from the state of Perak were invited to join the cruise around Pangkor Island. A variety of activities were organized during the cruise including games, performances and entertainment for the orphans.*



Majlis meraikan Anak-anak Yatim di atas KD MAHAWANGSA - 24 Apr 13
Celebrating to the Orphans onboard KD MAHAWANGSA - 24 Apr 13



b. **Majlis Meraikan Anak-anak Istimewa** telah diadakan di KD DUYONG pada 25 April 2013. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut TLDM, Yang Berbahagia Puan Sri Sarah bte Abdul Ghafar bersama ahli-ahli BAKAT Laut Lumut. Di dalam majlis ini, kesemua anak-anak istimewa dan ibu bapa telah dihiburkan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan nyanyian, tarian dan juga menaiki keretapi berhias. Persembahan adalah dari anak-anak istimewa dan juga murid-murid Sekolah Rendah Kebangsaan TLDM.

b. **Honouring the Children with Special Needs.** This event was held at KD DUYONG on 25 Apr 13 and was graced by the Chairperson of BAKAT Laut, The Honourable Puan Sri Sarah bte Abdul Ghafar together with members of BAKAT Laut Lumut. Throughout the occasion, the children and their parents were entertained with a variety of activities such as singing, performances and train rides. The students from the Primary School in the Naval Base accompanied the special needs children to showcase their talents in an affectionate spirit.



Majlis meraikan Anak-anak Istimewa di KD DUYONG - 25 Apr 13
Honouring the Children with Special Needs at KD DUYONG - 25 Apr 13

c. **Majlis Sehari Bersama Balu-balu** merupakan majlis yang meraikan Balu-balu TLDM yang diadakan di Pusat Pembangunan Wanita pada 26 April 2013. Konsep majlis telah diubah kepada konsep yang lebih interaktif di mana EMPAT (4) buah booth dibuka untuk para balu untuk memaklumkan permasalahan yang mereka hadapi bagi bantuan TLDM.

Booth tersebut dibuka untuk memberi bantuan dalam hal-hal keagamaan, kesihatan, pelajaran anak-anak dan juga kebajikan yang berkaitan pembayaran pencen dan bantuan kewangan. Majlis ini juga diserikan dengan persembahan nasyid dan bacaan ayat suci Al-Quran.



Majlis Sehari Bersama Balu-balu TLDM di Pusat Pembangunan Wanita di Lumut - 26 Apr 13
Tribute to the Widows of RMN Personnel at the Womens Development Centre in Lumut - 26 Apr 13

d. Selain itu, aktiviti kebajikan sepanjang tahun 2013 turut meliputi lawatan oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut TLDM, Yang Berbahagia Puan Sri Sarah bte Abdul Ghafar diiringi Pengerusi BAKAT Laut Formasi ke atas pesakit kronik serta menziarahi kematian.



Lawatan Kebajikan ke atas pesakit di Hospital Angkatan Tentera Lumut - 24 Apr 13
Welfare Visit to patients at the Lumut Naval Hospital - 24 Apr 13

c. **Tribute to the Widows of RMN Personnel.**

This event was held at the Womens Development Centre on 26 Apr 13 in Lumut Naval Base. The event was interactive with four booths opened to facilitate the widows to voice and share their problems as to enable the Navy to assist them.

Support provided included religious matters, health, children's education and issues relating to welfare claims involving pensions and financial assistance. This event also showcased religious song performances and reciting verses from the Quran.



d. *Other welfare programmes in 2013 included visits to critically ill patients and paying respect to those deceased by the Chairperson of the BAKAT Laut, The Honourable Puan Sri Sarah bte Abdul Ghafar, accompanied by BAKAT Laut from various Formations.*



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Selain daripada tugas-tugas operasi, TLDM juga memainkan peranan dalam tanggungjawab sosial korporat dengan memberi bantuan kepada agensi-agensi kerajaan lain dan masyarakat awam. Sepanjang tahun 2013, TLDM telah terlibat dalam bantuan seperti berikut:

- a. TLDM telah melaksanakan beberapa penerbangan ihsan (MEDEVACS) bagi membantu orang awam semasa dalam situasi kecemasan dan memerlukan tindakan pantas serta tempoh perjalanan yang singkat berbanding laluan darat. Melalui tindakan ini secara langsung menggambarkan keperihatinan TLDM terhadap masyarakat dan orang awam yang memerlukan bantuan kecemasan dan kritikal atas faktor kemanusiaan.



Penerbangan ihsan bagi membantu masyarakat yang memerlukan bantuan
Medical evacuations (MEDEVACS) to assist the public during emergencies

- b. TLDM telah melaksanakan 50 Projek Jiwa Murni sepanjang tahun 2013 dan ini merupakan peningkatan sebanyak 20 Projek berbanding tahun 2012. Antara projek dan aktiviti yang dilaksanakan ialah dengan memberi sumbangan, membaik pulih bangunan, membersihkan kawasan dan tempat-tempat awam di kawasan berhampiran pangkalan-pangkalan TLDM, menganjurkan promosi kerjaya TLDM di sekolah, IPT, agensi kerajaan dan swasta, serta bantuan kemanusiaan. Program yang dianjurkan ini telah berjaya mewujudkan hubungan dan kerjasama yang erat di kalangan warga TLDM dengan masyarakat setempat.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

Other than its operational roles, RMN also performs its Corporate Social Responsibility (CSR) by providing assistance to other government agencies and to the public. Assistance rendered in 2013 by RMN are as follows:

- a. *RMN had carried out a number of medical evacuations (MEDEVACS) to assist the public during emergencies that necessitates fast and prompt action requiring immediate transportation compared to travelling by land. This reflects the RMN's continuous concerns in ensuring the expectation and needs of the public are met.*



- b. *RMN has conducted 50 Heart and Mind projects in 2013, an increase of 20 projects compared to 2012. Among the projects and activities undertaken are, repairing buildings, cleaning up public places in the vicinity of RMN bases, organizing naval career promotional exhibitions in schools, higher education institutions, government and private agencies, as well as providing humanitarian assistance. These programmes conducted on a continuous basis have fostered closer relationship and cooperation between the Navy and the local community.*



Panel Pengadil bersama Peserta TLDM di pertandingan akhir Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2013 – 12 hingga 14 Nov 13
The Judges with RMN participants in the finals of the National Innovation Award Competition (AIN) 2013 – 12 till 14 Nov 13

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Pembudayaan inovasi dan kreativiti merupakan pemangkin kepada kecemerlangan TLDM. Budaya ini diterapkan di setiap peringkat warganya agar mereka dapat menyumbang ke arah mencapai kecemerlangan organisasi. Kejayaan yang telah dicapai oleh TLDM dalam aspek inovasi dan kreativiti adalah seperti berikut:

- a. Muncul sebagai Naib Johan dalam Pertandingan Kumpulan Inovasi Kreativiti (KIK) Kementerian Pertahanan bagi Kategori Teknikal dengan projek 2 FWD - Fast Fuel Water Detector oleh Skuadron 502. Projek yang sama juga memenangi Naib Johan Anugerah KIK Peringkat ATM bagi Kategori Teknikal manakala projek Pengurusan Peralatan Stor oleh KD DUYONG memenangi tempat Ketiga Pertandingan KIK ATM bagi Kategori Pengurusan.

ACHIEVEMENTS AND RECOGNITION

The RMN has made the culture of creativity and innovation as the catalyst to drive the Navy towards excellence. This culture is inculcated into every RMN personnel to enable them to contribute towards achieving organizational excellence. RMN's achievement in creativity and innovation are as follows:

- a. The 502 Helicopter Squadron was judged as Runner-up in Innovation and Creativity Group (KIK) Competition under the Technical Category for its 2 FWD - Fast Fuel Water Detector project. The same project was also adjudged as the runner-up in the MAF Creative & Innovative Awards (CIA) for the Technical Category whereas, The Tools Store Management Project by KD DUYONG was placed third in the CIA in the Management Category.



Depot Peluru dan Letupan TLDM menjuarai Kategori Pengurusan Projek Anugerah Inovasi KEMENTAH 2013 (AIKP) – 29 Nov 13
RMN Naval Ammunition and Explosives Depot (NAED) winning the Project Management Category Award during MINDEF Innovation Awards 2013 – 29 Nov 13

- b. Projek 2 FWD - Fast Fuel Water Detector oleh Skuadron 502 telah dipilih untuk mewakili Kementerian Pertahanan di dalam Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-10 Tahun 2013. Projek ini telah berjaya melepasi saringan awal dan layak ke pertandingan akhir yang diadakan pada 1 Okt 13 di Dewan Serbaguna, Menara Sri Wilayah, Presint 2, Putrajaya. Kumpulan ini memenangi tempat keempat pada pertandingan akhir konvensyen tersebut.
- c. Projek inovasi MINEU MOD38 dari Depot Peluru dan Letupan TLDM, Pangkalan TLDM Lumut telah berjaya ke peringkat akhir Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2013 yang diadakan pada 12 hingga 14 Nov 13 sempena National Innovation Conference and Exhibition 2013 (NICE 2013) bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre.
- d. KD JEBAT telah menerima Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (SIAGA PAT) di atas kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tahun 2013.
- e. Depot Peluru dan Letupan TLDM muncul sebagai Johan dalam AIKP 2013 kategori Inovasi Pengurusan Projek bagi projek Ballast Release Mechanism.
- f. Pusat Hidrografi Nasional (PHN) muncul sebagai Johan dalam AIKP 2013 kategori Inovasi Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi Projek MaSCoTIS - Malacca Straits Co-Tidal Chart and Tide Information System.
- g. KD SRI SEMPORNA muncul sebagai Naib Johan dalam AIKP 2013 kategori Inovasi Pengurusan Sumber Manusia bagi Projek Pengurusan Operasi PASKAL.
- h. Bahagian Pengurusan Strategik Markas Tentera Laut muncul sebagai Naib Johan dalam AIKP 2013 kategori Inovasi Pengurusan Pelanggan bagi Projek Tim KPI TLDM.
- b. *The 502 Squadron's 2 FWD - Fast Fuel Water Detector Project was selected to represent the Ministry of Defence in the 10th Public Service Sector Regional ICC Convention (Federal Territory) 2013. The project successfully passed the preliminary stage to qualify for the finals held on 1 Oct 13 at Menara Sri Wilayah, Precinct 2, Putrajaya. The project was placed fourth during the finals of the convention.*
- c. *MINEU MOD38 is an innovation project by the RMN Naval Ammunition and Explosives Depot (NAED) and was one of the finalist entrants at the National Innovation Award (AIN) 2013, held from 12 to 14 Nov 13 in conjunction with the National Innovation Conference and Exhibition 2013 (NICE 2013) at the Kuala Lumpur Convention Centre.*
- d. *KD JEBAT was awarded the Chief of Defence Force Readiness Award for exhibiting exceptional operational readiness throughout 2013.*
- e. *RMN NAED emerged as the champions in the Ministry of Defence Innovation Award 2013 in the Project Management Category for their Ballast Release Mechanism Innovation.*
- f. *National Hydrographic Centre emerged as the champions in the Ministry of Defence Innovation Award 2013 in the Information Technology and Communication Management Category for their MaSCoTIS - Malacca Straits Co-Tidal Charts and Tide Information System Project.*
- g. *KD SRI SEMPORNA was placed second in the Ministry of Defence Innovation Award 2013 in the Human Resource Management Category for their Special Force Operations Management Project.*
- h. *The Strategic Management Division, Navy HQ was judged second in the Ministry of Defence Innovation Award 2013 in the Customer's Management Innovation Category for their RMN KPI Team Innovation.*

- i. Muncul sebagai Naib Johan dalam AIKP 2013 kategori Inovasi Pengurusan Projek bagi Pengurusan Projek F130X – Flooding Box Project oleh Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Laut.

Pencapaian TLDM turut dinilai berdasarkan kepada kejayaan penganjuran dan pelaksanaan aktiviti yang dirancang. Beberapa aktiviti besar yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

- a. **Kontrak Perolehan Dua (2) Kapal Latihan TLDM.** Kontrak perolehan dua buah kapal latihan telah dimeterai bersama Syarikat NGV Tech Sdn Bhd berkuatkuasa pada 21 Jun 11. Upacara pelancaran dan penamaan kedua-dua kapal telah dilaksanakan di Limbungan NGV Tech Sdn Bhd di Sijangkang, Selangor pada 14 Dis 12 dan 27 Feb 13.

Majlis pelancaran dan penamaan kapal pertama yang diberi nama GAGAH SAMUDERA telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor manakala kapal kedua yang diberi nama TEGUH SAMUDERA telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr Siti Hasmah binti Mohd Ali. Pemilihan kedua-dua nama tersebut berdasarkan kepada maksud kekuatan dan semangat keberanian bagi GAGAH SAMUDERA serta kukuh dan tegap bagi TEGUH SAMUDERA.

Perolehan kedua-dua kapal latihan ini akan memberi impak yang besar kepada latihan pembangunan modal insan TLDM di mana dapat mengurangkan kebergantungan kepada aset Armada TLDM untuk fasa latihan di laut.

- i. *The Engineering Division, Navy HQ achieved second place in the Ministry of Defence Innovation Award 2013 in the Project Management Category for their F130X - Flooding Box Project.*

RMN's achievements were also assessed based on the successful execution and implementation of various planned activities. Some of the major activities in 2013 are as follows:

- a. **Acquisition Contract of Two Training Ship for RMN.** *Procurement contracts for two training ship were signed with NGV Tech Sdn Bhd Company on 21 June 11.*

The launching and naming ceremony of the two ships were held at NGV Tech Shipyard Sdn Bhd in Sijangkang, Selangor on 14 Dec 12 and 27 Feb 13 respectively. The launching and naming of the first vessel, GAGAH SAMUDERA was officiated by The Honourable Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor and the second vessel, TEGUH SAMUDERA was officiated by The Honourable Tun Dr Siti Hasmah binti Mohd Ali. The selection of the two names was synonymous with strength and courage for GAGAH SAMUDERA and firmness and sturdiness for TEGUH SAMUDERA.

The acquisition of this two training ships will assist in the human capital development whereby reducing training dependence on assets from the RMN Fleet for the sea-training phase.

b. **Kontrak Perolehan SCORPENE Type Submarine Navigation Safety, Combat System, Sensors and Periscope Simulator and Associated Services.** Kontrak perolehan Penyelaku ini telah dimeterai bersama Syarikat DCNS, Perancis dan berkuatkuasa pada 21 Sep 10. Penyelaku ini dibina mengikut spesifikasi kapal selam Kelas Perdana Menteri iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KD TAR) dan KD TUN RAZAK (KD TRZ) bagi menyediakan platform latihan keselamatan navigasi dan taktikal kepada krew dan bakal warga kapal selam.

Penyelaku ini ditempatkan di Pusat Latihan Kapal Selam, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan telah mula beroperasi pada 21 Mac 13. Perolehan penyelaku ini memberi impak yang besar kepada pembangunan modal insan Angkatan Kapal Selam di mana mengurangkan kebergantungan penggunaan platform latihan dari tentera laut asing.

USAHA-USAHA PROMOSI

TLDM turut meningkatkan usaha dalam menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti dan program penambahbaikan yang dilaksanakan agar dapat memberi manfaat kepada warganya. Usaha promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. **Pelancaran Buku Amalan Baik TLDM.** Panglima Tentera Laut telah melancarkan Buku Amalan Baik TLDM pada 10 Mei 13 di Auditorium Wisma Pertahanan sempena Hari Inovasi TLDM 2013.

Penerbitan buku yang julung kali dihasilkan ini adalah melalui cetusan idea daripada Panglima Tentera Laut sendiri dan merupakan salah satu inisiatif TLDM dalam usaha mendokumentasikan segala amalan baik yang dilaksanakan di semua markas, unit dan kapal TLDM. Kesemua amalan baik yang terkandung di dalam Buku Amalan Baik TLDM ini adalah hasil daripada kreativiti warga TLDM sendiri. Melalui pendekatan ini, segala amalan baik yang telah dilaksanakan dapat direkodkan agar ia tidak dilupakan.

b. **Procurement Contract Scorpene Type Submarine Navigation Safety, Combat Systems, Sensors and Periscope Simulator and Associated Services.** The procurement contract for the simulator was signed with DCNS, France on 21 Sep 10. The simulator is built according to the specifications of the Prime Minister Class submarine KD TUNKU ABDUL RAHMAN (KD TAR) and KD TUN RAZAK (KD TRZ) to provide a training platform for navigation safety and tactical training of the crew and prospective submarines crew.

The simulator is housed at the Submarine Training Centre, RMN Naval Base, Kota Kinabalu and has commenced operations since 21 Mar 13. The acquisition of the simulator has had significant impact on human capital development of the Submarine Force, whereby reducing dependency on training platforms of other navies.

PROMOTIONAL ACTIVITIES

RMN has also intensified its efforts in disseminating information regarding programmes aimed to improve and benefit the Navy People. Initiatives which have been implemented are:

a. **The Launching of RMN Best Practice's Book.** The Chief of Navy launched the RMN Best Practice's Book on 10 May 13 at the Ministry of Defence Auditorium in conjunction with the RMN Innovation Day 2013.

The idea for the publication was mooted by the Chief of Navy himself and is one of the navy's initiatives to document all good practices implemented in all headquarters, units and ships. Some of the good practices mentioned in the book show the creativeness of RMN personnel. Through this approach, all the good practices that have been implemented can be recorded and will not be forgotten.

Buku Amalan Baik TLDM ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Amalan Tradisi dan Amalan Baru. Amalan Tradisi ialah amalan yang telah diwarisi dan diamalkan sekian lama, manakala Amalan Baru merupakan amalan yang diilhamkan oleh pucuk pimpinan dan warga TLDM melalui proses penambahbaikan dari semasa ke semasa.

This handbook is divided into two parts, Traditional Practices and New Practices. Traditional practices are those that have been handed down through the ages and have been practiced for a long time, while new practices are those that are promulgated by the higher management or the Navy People for the benefit and improvement of all periodically.



Pelancaran Buku Amalan Baik TLDM oleh PTL – 10 Mei 13
RMN Best Practices Handbook launched by the Chief of Navy – 10 May 13

b. Promosi Kerjaya. Usaha juga giat dijalankan untuk memperkenalkan TLDM kepada masyarakat umum melalui Program Promosi Kerjaya. Sepanjang tahun 2013, TLDM telah menyertai sebanyak 26 program anjuran ATM, agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

b. Career Promotion. *RMN has increased its efforts to promote the Navy to the public through its Career Guidance and Promotion Programmes. In 2013, RMN participated in 26 Career Guidance and Promotion Programmes in events hosted by the Malaysian Armed Forces, state and federal agencies as well as at Public or Private Institutes of Higher Education.*

PENUTUP

TLDM komited untuk terus membudayakan kecemerlangan dengan memfokuskan kepada kreativiti dan inovasi bagi merealisasikan visi untuk menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia. Pelaksanaan segala inisiatif yang dirancang dengan berkesan dan lancar akan dapat memacu TLDM untuk mencapai kecemerlangan dalam segala aspek.


CONCLUSION

RMN is committed to realizing its vision to be A World Class Navy by focusing on pursuing excellence and giving importance to creativity and innovation as its work culture. Implementing all its initiatives in an effective and timely manner will drive RMN to excel in all its endeavours.

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
MALAYSIA ARMED FORCES

Tentera Udara Diraja Malaysia
Royal Malaysian Air Force



TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIAN AIR FORCE

PENDAHULUAN

Sepanjang tahun 2013, TUDM telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik di mana beberapa tugas dan aktiviti yang telah dirancang dapat disempurnakan dengan jayanya. Ini termasuk operasi dan eksekusi, pengukuhan diplomasi pertahanan serta program sosial dan kebajikan. Beberapa pengiktirafan juga telah dicapai sepanjang tahun 2013.

OPERASI DAN EKSESAIS

OPERASI

Pelaksanaan operasi adalah seperti berikut:

- a. OP DAYA.
- b. OP CURIGA.
- c. OP SIERRA WATCH.
- d. Penugasan Maritim.
- e. Penugasan Pesawat Angkut.
- f. Penugasan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam (HADR).
- g. Penugasan Pesawat Helikopter.

EKSESAIS

Bagi tempoh 1 Jan hingga 31 Oktober 2013, TUDM hanya terlibat dengan lima (5) eksekusi sahaja iaitu Eks BERSAMA SHIELD 13 (BS13), Eks AIR THAMAL 23/13, CARAT 13, Eks Teak Mint 13/01 dan Eks ANGSA. Maklumat ringkas mengenai eksekusi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- a. **Eksesais BERSAMA SHIELD 13 (BS13).** Ia merupakan eksekusi Gabungan Bersama yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia bersama angkatan FPDA yang lain, iaitu Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom. Eksekusi ini dianjurkan oleh Markas *Intregated Area Defence System* (IADS), Pangkalan Udara Butterworth, Pulau Pinang. Ianya telah dilaksanakan pada 8-18 Apr 13.

INTRODUCTION

In the year 2013, all tasks and responsibilities given were able to complete in regards to the tasks and activities plan were a success. These include operation and exercises, strengthening of the defence diplomacy and charity and social program. Apart from that, few recognitions had been achieved during the year 2013.

OPERATION AND EXERCISE

OPERATION

The operation implementation are as follows:

- a. OP DAYA.
- b. OP CURIGA.
- c. OP SIERRA WATCH.
- d. Maritime Delegation.
- e. Aircraft Transport Delegation.
- f. Humanitarian Aid and Natural Disaster Delegation.
- g. Helicopter Aircraft Delegation.

EXERCISES

On the duration between 1st Jan until 31th Oct 13, the RMAF are involved in only 5 exercises which are CARAT 13 Exercise, BERSAMA SHIELD 13 (BS13) Exercise, AIR THAMAL 23/13 Exercise, Teak Mint 13/01 Exercise and ANGSA Exercise. A short briefing on these exercises that had been carried out are as follows:

- a. **BERSAMA SHIELD 13 (BS13).** *Is an exercise of combination with the involvement of the Royal Malaysian Air Force and other FPDA air forces consisting of Australia, New Zealand, Singapore and the United Kingdom. These exercises were organized by the Integrated Area Defence System (IADS) Quarters at the Air Force Base in Butterworth, Pulau Pinang. It has been implemented on 8th – 18th Apr 13.*



Eksesais BERSAMA SHIELD
BERSAMA SHIELD Exercise

Tujuan Eksesais BS13 adalah untuk melatih ketumbukan pertahanan negara-negara FPDA dalam melaksanakan Operasi dan Eksesais Gabungan Bersama dalam situasi pelbagai ancaman (*multi-threats*) untuk mempertahankan Malaysia dan Singapura bagi meningkatkan saling khidmat (*interoperability*) dan memperkukuhkan lagi hubungan profesional.

b. **Eksesais AIR THAMAL 23/13.** Eksesais Air Thamak 23/13 merupakan eksesais tahunan yang melibatkan TUDM dan RTAF dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan tahap saling khidmat di antara kedua-dua Angkatan Udara. Eksesais kali ini dianjurkan oleh TUDM dan telah dilaksanakan di Pangkalan Udara Butterworth dari 10 hingga 21 Jun 2013. Tiada pesawat atau pertahanan udara yang terlibat memandangkan eksesais ini berkonsepkan Command Post Exercise (CPX).

c. **Eksesais CARAT 2013.** Eksesais ini telah dilaksanakan pada 8-18 April 2013 di pangkalan Tanjung Gelang Kuantan. Tahun ini merupakan kali ke-19 Eks CARAT telah dijalankan di antara ATM dengan Angkatan Tentera Laut Amerika Syarikat. Eksesais CARAT tahun ini merupakan kesinambungan daripada eksesais CARAT 2012. Antara aset yang terlibat ialah 2 x Pesawat Hawk dari No 6 Skuadron.

The purpose of this exercise is to train the defence garrison of the FPDA countries in implementing the Operasi dan Eksesais Gabungan Bersama in multi threats situations to defence Malaysia and Singapore in increasing interoperability and strengthen professional relation.

b. **AIR THAMAL 23/13.** AIR THAMAL 23/13 exercise is a yearly exercise involving the TUDM and RTAF and carried out for the purpose to increase the level of mutual services between both air forces. This exercise was organized by RMAF and implemented by the Butterworth Air Base from 10th until 12th June 13. No aircrafts or air defence were involved considering the exercise is a conceptual Command Post Exercise (CPX).

c. **CARAT 13.** This exercise was implemented on 1st – 18th Apr 13 at the Tanjung Gelang, Kuantan Air Base. This year was the 19th CARAT Exercise that was carried out between the United States NAVY and Malaysian Armed Forces (ATM). This year the CARAT Exercise is a continuance of the CARAT 2012 Exercise. Among assets involved are the 2 x Hawk Aircrafts from the No 6 Squadron.

d. **Eksesais TEAK MINT 13-1.** Ia merupakan latihan bersama dengan Angkatan Tentera Udara Amerika Syarikat. Eksesais ini telah dijalankan pada 10 – 27 Jun 13. Latihan ini banyak memfokuskan tentang latihan pasukan khas kedua-dua belah pihak. Eksesais kali ini juga dengan julung kalinya disatukan dengan Eksesais BALANCE MINT 13-1, iaitu esesais bersama di antara Pasukan Grup Gerak Khas dan *Special Service Group* (US Army).

e. **Eksesais ANGSA 8/2013.** Eksesais ANGSA 8/2013 merupakan esesais tahunan bersama di antara TUDM dan TLDM. Latihan kali ini dijalankan di PUSTAKMAR, Pangkalan TLDM Lumut dari 26 Ogos hingga 13 Sep 13. Latihan tahun ini berkonsepkan latihan CPX, oleh itu tidak ada pesawat atau aset TUDM yang terlibat kecuali hanya anggota TUDM sahaja. Tujuan Eksesais ANGSA 8/2013 ini diadakan adalah untuk meningkatkan kerjasama di antara perkhidmatan iaitu TUDM dan TLDM secara amnya. Latihan ini dijalankan untuk mempraktikkan *Joint Operation Planning* (JOP) dengan bantuan *Joint Theatre Level Simulation System* (JTLS).

f. **Eksesais BERSAMA LIMA 13 (BL13).** Ia merupakan esesais Gabungan Bersama yang melibatkan Angkatan Bersenjata FPDA yang diadakan pada setiap tahun dan dianjurkan secara bergilir-gilir di antara Malaysia dan Singapura. Eks BL 13 pada tahun ini dianjurkan oleh ATM bermula 6 hingga 21 Nov 13 dan dilaksanakan dalam bentuk Eks Pos Pemerintah (CPX) dan Eks Medan. Markas BL 13 adalah di Pangkalan Udara Butterworth yang juga merupakan lokasi pelaksanaan CPX dan Markas FTX. Sebanyak 11 buah kapal, 74 buah pesawat dan 5 unit Ground Based Air Defence (GBAD) termasuk 320 orang pelaku di MK CPX dan FTX mengambil bahagian dalam esesais ini.

d. **TEAK MINT 13-01.** This is a joint exercise with the United States Air Force. The exercise had been carried out on 10th – 27th June 13. The training is focused more on special team/group training for both parties, for the first time this exercise was been put together with the BALANCE MINT 13-01 Exercise, that is the exercise carried out among Pasukan Grup Gerak Khas and *Special Service Group* (US Army).

e. **ANGSA.** The ANGSA 8/13 Exercise is the yearly exercise between RMAF and RMN. The training was carried out at the PUSTAKMAR, RMN Lumut Base from 26th Aug until 13th Sept 13. The concept for training this year was CPX training, therefore no aircrafts or any RMAF assets were involved except for the military officers. The purpose of this exercise is to increase collaboration between services between RMAF and RMN in general. The training was carried out to practice the *Joint Operation Planning* (JOP) with the aide of *Joint Theatre Level Simulation System* (JTLS).

f. **BERSAMA LIMA 13 (BL13).** This is an exercise Collaboration With that involves the FPDA Armed Forces and being held every year organized in rotation between Malaysia and Singapore. Every year BL 13 Exercise was organized by ATM from 6th until 21st Nov 13 and carried out in a form of Eks Pos Pemerintah (CPX) and Medan Exercise. BL 13 base is at the Butterworth Air Base that was also the location for the implementation of CPX and FTX Headquarters. A total of 11 ships, 74 aircrafts and 5 Ground Based Air Defence (GBAD) inclusive of 320 individuals in MK CPX and FTX that took parts in this exercise.

HUBUNGAN DIPLOMASI PERTAHANAN

Sepanjang tahun 2013, beberapa kerjasama dua hala telah dilaksanakan oleh TUDM bagi meningkatkan diplomasi pertahanan. Kerjasama ini melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

DEFENSE DIPLOMACY RELATION

In the year 2013, bilateral collaboration has been implemented by the RMAF in order to increase defence diplomacy. The activities involved in these collaboration are as follows:

Siri Series	Aktiviti Activities
(a)	(b)
1	Senior Officers Exchange Programme pada 29 hingga 31 Jan 13. <i>Senior Officers Exchange Programme held on 29th until 31st Jan 13.</i>
2	Lawatan Rasmi Chief of Staff (JASDF) pada 29 Jan 13 hingga 1 Feb 13. <i>Official Visit by the Chief of Staff (JASDF) on 29th Jan until 1st Feb 13.</i>
3	Lawatan Air Chief Marshal Sir Stephen Dalton, Chief of Air Staff, Royal Air Force pada 20 hingga 22 Feb 13. <i>Visit by the Air Chief Marshal Sir Stephen Dalton, Chief of Air Staff, Royal Air Force on 20th until 22nd Feb 13.</i>
4	Lawatan Rasmi Air Chief Marshal Prajin Juntong, Commander in Chief, Royal Thai Air Force pada 24 hingga 26 Mac 13. <i>Official Visit by the Air Chief Marshal Prajin Juntong, Commander in Chief, Royal Thai Air Force on 24th until 26th Mar 13.</i>
5	Mesuarat ASEAN Education and Training Working Group pada 19 hingga 21 Feb 13. <i>ASEAN Education and Training Working Group Meeting held on 19th until 21st Feb 13.</i>
6	LIMA 2013. <i>LIMA 2013.</i>
7	Exchange of Experience in the Field of Air Defence Radar Systems di antara TUDM dengan AMI pada 6 hingga 10 Mei 13. <i>Exchange of Experience in the Field of Air Defence Radar Systems between RMAF and AMI on 6th until 10th May 13.</i>
8	Exchange of Experience in the Field of Viper Engineering di antara TUDM dengan AMI pada 13 hingga 17 Mei 13. <i>Exchange of Experience in the Field of Viper Engineering between RMAF and AMI on 13th until 17th May 13.</i>
9	Pertukaran pegawai RSAF dengan TUDM pada 21 hingga 23 Mei 13 (Kuala Lumpur). <i>Exchange RSAF Officers with RMAF on 21st until 23rd May 13 (Kuala Lumpur).</i>
10	Pertukaran pegawai TUDM dengan RSAF pada 18 hingga 20 Jun 13 (Singapura). <i>Exchange RMAF Officers with RSAF on 18th until 20th June 13 (Singapore).</i>
11	Lawatan PLA Command College di Malaysia pada 24 hingga 28 Jun 13. <i>Visit by the PLA Command College in Malaysia on 24th hingga 28th June 13.</i>
12	ASEAN Junior Officers Interaction Programme pada 1 hingga 5 Jul 13 (Kuala Lumpur). <i>ASEAN Junior Officers Interaction Programme on 1st until 5th July 13 (Kuala Lumpur).</i>
13	Lawatan Rasmi Chief of Republic Singapore Air Force pada 4 hingga 5 Jul 13. <i>Official Visit by the Chief of Republic of Singapore Air Force on 4th until 5th July 13.</i>
14	Program SMEE antara TUDM dengan RTAF pada 19 hingga 22 Ogos 13. <i>SMEE Programme between RMAF and RTAF on 19th until 22nd Aug 13.</i>
15	Lawatan IAF Training Delegation Exchange ke Malaysia pada 20 hingga 23 Ogos 13. <i>Visit by the IAF Training Delegation Exchange to Malaysia on 20th until 23rd Aug 13.</i>

Siri Series	Aktiviti Activities
(a)	(b)
16	RTAF Young Officers Bilateral Engagement pada 9 hingga 14 Sep 13 (Bangkok). <i>RTAF Young Officers Bilateral Engagement on 9th until 14th Sep 13 (Bangkok).</i>
17	TURAF Air Staff Talks (AST) pada 9 hingga 12 Sep 13. <i>TURAF Air Staff Talks (AST) on 9th until 12th Sep 13.</i>
18	Lawatan Rasmi PTU Brunei pada 22 hingga 24 Sep 13. <i>Official Visit by the CoAF Brunei on 22nd until 24th Sep 13.</i>
19	Pertukaran pegawai RTAF dengan TUDM pada 23 hingga 29 Sep 13 (Kuala Lumpur). <i>Exchange RTAF Officers between RMAF on 23rd until 29th Sep 13 (Kuala Lumpur).</i>
20	Pertukaran pegawai TUDM dengan RTAF pada 22 hingga 27 Sep 13 (Thailand). <i>Exchange RMAF Officers between RTAF on 22nd until 27th Sep 13 (Thailand).</i>
21	Pengurniaan Pingat PGAT kepada kepada PTU Filipina pada 30 Sep 13 hingga 2 Okt 13. <i>Award PGAT Medal to PTU Philippines on 30th Sep 13 until 2nd Okt 13.</i>
22	Pertukaran pegawai TNI-AU dengan TUDM pada 18 hingga 24 Nov 13 (Kuala Lumpur). <i>Exchange TNI-AU Officers with RMAF on 18th until 24th Nov 13 (Kuala Lumpur).</i>
23	Pertukaran pegawai TUDM dengan TNI-AU pada 18 hingga 23 Nov 13 (Jakarta). <i>Exchange RMAF Officers with TNI-AU on 18th until 23rd Nov 13 (Jakarta).</i>
24	Lawatan Rasmi Marsekal TNI Ida Bagus Putu Dunia, Kepala Staf TNI-AU pada 22 hingga 24 Nov 13. <i>Official Visit by the Marsekal TNI Ida Bagus Putu Dunia, Kepala Staf TNI-AU on 22nd until 24th Nov 13.</i>
25	Senior Officers Bilateral Officers (SOBE) TUDM-TNI AU pada 23 hingga 24 Nov 13 (Kuala Lumpur). <i>Senior Officers Bilateral Officers (SOBE) RMAF-TNI AU on 23rd until 24th Nov 13 (Kuala Lumpur).</i>

ASEAN Air Force Junior Officers Interaction Programme (JOIP) 2013.

TUDM telah menjadi tuan rumah bagi ASEAN Air Force JOIP yang telah berlangsung pada 1 Jul hingga 5 Jul 13. Program yang melibatkan pegawai-pegawai muda dari tentera udara negara-negara ASEAN tersebut telah memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi di samping saling kenal-mengenal dengan lebih baik.

ASEAN Air Force Junior Officers Interaction Programme (JOIP) 2013.

RMAF had become the host for the ASEAN Air Force JOIP that was held on 1st until 5th Jul 13. Many young officers in the Air Force from the ASEAN countries were involved in the program had been given the opportunity to interact and get to know each other better.



JOIP 2013
JOIP 2013

Sayap Penerbangan Kehormat TUDM.

Kepala Staf Angkatan Udara, Tentera Nasional Indonesia (TNI), Marsekal TNI Ida Bagus Putu Dunia telah dianugerahkan Sayap Penerbangan Kehormat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada 22 Nov 13. Majlis penyampaian Sayap Penerbangan Kehormat ini telah disempurnakan oleh PTU di Bilik Eagle Nest, MTU pada 22 Nov 13. Anugerah ini adalah merupakan satu pengiktirafan tertinggi TUDM dalam menghargai sumbangan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh seseorang pegawai negara sahabat dalam mengeratkan kerjasama dan hubungan dua hala.

RMAF Aviation Wing Honorary Medal.

The Air Force Head of Staff, Indonesia Military Nasional (TNI), Marsekal TNI Ida Bagus Putu Dunia had been given the RMAF Aviation Wing Honorary Medal on 22nd Nov 13. The event was held and delivered by CoAF in the Eagle Nest Room, MTU on 22nd Nov 13. This award was the RMAF highest achievement in acknowledging the contribution and commitment shown by a military officer from our country's companion in order to strengthen and develop good bilateral cooperation between countries.



Pemakaian Sayap Penerbangan Kehormat TUDM
Application of the RMAF Flight Wings of Honor

SOSIAL DAN KEBAJIKAN

HARI ULANG TAHUN TUDM KE-55

Sambutan Hari Ulang Tahun TUDM Ke-55. HUT TUDM Ke-55 telah disambut pada 1 Jun 2013. Sambutan tahun ini adalah 'Penguasaan Teknologi Teras Keupayaan'.

SOSIAL AND WELFARE

RMAF 55TH ANNIVERSARY

RMAF 55th Anniversary Celebration. The celebration was held on 1st June 13 entitled "Mastering Technology is the Core of Capabilities" in Kuantan air base.



Perbarisan HUT ke-55
The 55th Celebration Parade

BAKAT

Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat BAKAT Udara 2013.

Exco Agama Jemaah Tertinggi BAKAT Udara telah mengadakan pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat BAKAT Udara 2013. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencari peserta yang layak untuk mewakili BAKAT Udara ke pertandingan Tilawah Al-Quran BAKAT ATM. Seramai 10 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Tempat pertama telah dimenangi oleh Puan Siti Aisyah dari KTU Alor Setar. Hadiah disampaikan oleh YBhg Puan Sri Datin Sri Asnah bte Din, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara.



BAKAT

BAKAT Udara Tilawah Al-Quran Competition.

Tilawah Al-Quran competition for the BAKAT Udara 2013 was held by the Exco Agama Jemaah Tertinggi BAKAT Udara. The purpose of the competition is to find an eligible candidate to represent for the BAKAT Udara to the Tilawah A-Quran BAKAT ATM Competition. 10 candidates were chosen to participate in the competition and the first prize was won by Puan Siti Aisyah from KTU Alor Setar. The prize was given by YBhg Puan Sri Datin Sri Asnah Bt Din, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara.



Bengkel Remaja Harapan

Bengkel Remaja Harapan dianjurkan untuk anak-anak anggota TUDM seluruh pangkalan kecuali Sabah dan Sarawak. Ia telah diadakan pada 3 hingga 5 Jun 2013 di Rumah BAKAT Pangkalan Udara Subang dan telah dirasmikan oleh PTU. Seramai 60 orang peserta telah hadir dalam bengkel tersebut. Di antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti latihan berkumpulan, ceramah motivasi dan keagamaan. Mereka turut dibawa ke rumah Anak-anak Yatim Kanchong Darat untuk modul khidmat komuniti.



ANUGERAH KHAS MENTERI PERTAHANAN

TUDM telah memenangi 4 daripada 5 kategori anugerah yang dipertandingkan dalam Anugerah Inovasi MinDef 2013 di mana 1 kategori mendapat Johan dan 3 kategori menerima Naib Johan. Anugerah yang dimenangi mengikut kategori adalah seperti berikut:

- a. Kategori Pengurusan ICT.
(1) MTU-BTMK bagi Kategori Pengurusan ICT – Johan.
- b. Kategori Pengurusan Projek.
(1) PUSPEKA bagi Kategori Pengurusan Projek – Naib Johan.
- c. Kategori Pengurusan Kewangan.
(1) Pejabat Gaji KTU bagi Kategori Pengurusan Kewangan – Naib Johan.
- d. Kategori Pengurusan Pelanggan.
(1) Cawang Tadbir PU Butterworth bagi Kategori Pengurusan Pelanggan – Naib Johan.

Youth Hope Workshop

Youth Hope Workshop was organized by BAKAT Udara for all airmens' children involves from all bases except Sabah and Sarawak. It was held on 3rd to 5th June 13 at Rumah BAKAT Subang Air Base. A total of 60 participants attended the workshop. The activities that have been implemented include group exercises, motivational talk and religious classes. They were also taken to the Anak-anak Yatim Kanchong Darat for community service module.



DEFENCE MINISTER SPECIAL AWARD

The RMAF has won 4 of the 5 award categories contested in MinDef Innovation Awards 2013 where 1 category was a winner and 3 categories were the runner-up. the awards won based on its categories are as follows:

- a. ICT Management Category.
(1) MTU – BTMK for the ICT Management Category – winner.
- b. Project Management Category.
(1) PUSPEKA for the Project Management Category – Runner Up.
- c. Financial Management Category.
(1) KTU Salary Office for the Financial Management Category – Runner Up.
- d. Customer Management Category.
(1) Cawang Tadbir PU Butterworth for the Customer Management Category - Runner Up.

SUKAN

Beberapa atlet TUDM telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang sukan masing-masing dengan penyertaan di beberapa kejohanan di peringkat ATM/Kebangsaan/Asia sepanjang tahun 2013. Kecemerlangan mereka seterusnya telah mengharumkan nama negara dan TUDM serta memberi perangsang kepada anggota lain untuk memajukan diri dalam bidang sukan.

a. Kejohanan Bina Badan Peringkat Antarabangsa

718579 PW U II Buda ak Anchah telah menerima gelaran Olahragawan ATM 2013 dan merangkul gelaran johan dalam beberapa kejohanan seperti berikut:

(1) Tempat ke-4 pada Kejohanan MR. 47TH Asian Bodybuilding & Physique Sports Championships pada 27 Ogos hingga 2 Sep 13 bertempat di Ho Chi Minh, Vietnam.

(2) Johan kategori Welter Weight pada Kejohanan 5TH WBPF World Bodybuilding & Physique yang akan diadakan pada 13 hingga 17 Nov 13 di Budaors, Hungary.

(3) Tempat ke-4 kategori 75kg-85kg pada kejohanan Bina Badan Sukan SEA ke-27, Myanmar pada 15 hingga 20 Dis 13.

SPORTS

A few number of RMAF athletes had shown outstanding achievement in sports by participating in several of championship for Asia in the year 2013. Their achievement had made Malaysia and especially RMAF renowned to other countries and indirectly gives motivation to other officers to excel in sports.

a. The International Body Building Championship

718579 PW U II Buda ak Anchah had received the 2013 ATM Sportsman and was a winner in a several championships as below:

(1) 4th place in the MR. 47th Asian Bodybuilding & Physique Sports Championship on 27th Aug until 2nd Sep 13 in Ho Chi Minh, Vietnam.

(2) Winner for the Welter Weight Category at the 5th WBPF World Bodybuilding & Physique held on 13th until 17th Nov 13 at Budaors, Hungary.

(3) 4th place in the 75kg - 85kg category for the Body Building at the 27th - SEA Games, Myanmar on 15th until 20th Dis 13.



Olahragawan ATM 2013, PW U II Buda ak Anchah
ATM Sportsman 2013, PW U II Buda ak Anchah

b. Sukan Sepaktakraw

9001080 LUK Mohd Fazil bin Mohd Asri telah menerima Anugerah Lambang Khas dan mendapat kejohanan seperti berikut:

- (1) Pingat Gangsa bagi acara Chinlone Sukan SEA Myanmar 2013.
- (2) Kedah Open 2013 (Naib Johan).
- (3) Egat Cup Lampang Thailand 2013 (Johan).
- (4) Nakhonpathom Cup 2013 (Naib Johan).
- (5) Pattalong Open Thailand 2013 (Ketiga).
- (6) Super Siri ISTAF Sabah 2013 (Naib Johan).
- (7) Jemputan 5 Nation Malaysia KL (Ketiga).

c. Sukan Petanque

728698 LU Muhamad Hafizuddin bin Mat Daud telah menerima Anugerah Lambang Khas bagi kejayaan di kejohanan seperti berikut:

- (1) Emas acara Triple Lelaki di Kejohanan Petanque Piala Asia Ke- 27 pada 23 hingga 27 Okt 13 di Bali, Indonesia.
- (2) Naib Johan Kejohanan Petanque Jemputan Antarabangsa Double Terbuka Santubong pada 27 dan 28 April 2013.

b. Sepaktakraw Games

9001080 LUK Mohd Fazil bin Mohd Asri was the recipient for the Special Symbol Award and winner for:

- (1) Bronze for the Chinlone at the SEA Games Myanmar 2013.*
- (2) Kedah Open 2013 (runner-up).*
- (3) Egat Cup Lampang Thailand 2013 (winner).*
- (4) Nakhonpathom Cup 2013 (runner up).*
- (5) Pattalong Open Thailand 2013 (Third place).*
- (6) Super Siri ISTAF Sabah 2013 (runner up).*
- (7) Invitation 5 Nation Malaysia KL (Third place).*

c. Petanque Games

728698 LU Muhamad Hafizuddin bin Mat Daud was the recipient for the Special Symbol Award and winner for:

- (1) Gold Medal in the Triple Men Category at the 27th Petanque Asia Cup Championship on 23rd until 27th Oct 13 in Bali, Indonesia.*
- (2) Runner-up in the International Invitation Petanque Championship Double Open Santubong on 27th and 28th Apr 13.*

d. Sukan Menembak

Mej Denis bin Ejoh@Ajoh TUDM menerima Anugerah Lambang Biasa dan mendapat beberapa kejayaan di kejohanan seperti berikut:

- (1) South East Asian Shooting (Philippines/Kuala Lumpur 2013, 3-4 Nov 13) - 50m Free Pistol Men Team - 3rd placing.
- (2) Selangor Open Championships (31 Jan - 3 Feb 13).
- (3) Nsam National Championships (14 - 17 Mac 13).
- (4) Tun Hanif Trophy (25 - 28 Apr 13).
- (5) Tun Tan Siew Sin Trophy (20 - 23 Jun 13).
- (6) Chia Who Trophy (5 - 8 Sep 13).
- (7) Nsam National Championships (10 - 13 Okt 13).

e. Sukan Olahraga

728976 LU Muhamad Syafiq bin Shamsul Bahri telah menerima Anugerah Sijil Kepujian dengan kejayaan di kejohanan seperti berikut:

- (1) 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa bagi acara 1500m dan 5000m di Kejohanan MAKSAK 2013.
- (2) 1 pingat gangsa acara 1500m Kejohanan Olahraga Terbuka Kebangsaan 2013.

d. Shooting Games

Mej Denis bin Ejoh@ Ajoh TUDM was the recipient for the Special Symbol Award and winner for:

- (1) South East Asian Shooting (Philippines/Kuala Lumpur 2013, 3rd-4th Nov 13) - 50m Free Pistol Men Team - 3rd placing.*
- (2) Selangor Open Championships (31st Jan - 3rd Feb 13).*
- (3) Nsam National Championships (14th - 17th Mac 13).*
- (4) TunHanif Trophy (25th - 28th Apr 13).*
- (5) Tun Tan Siew Sin Trophy (20th - 23rd Jun 13).*
- (6) Chia Who Trophy (5th - 8th Sep 13).*
- (7) Nsam National Championships (10th - 13rd Oct 13)*

e. Athletic Games

728976 LU Muhamad Syafiq bin Shamsul was the recipient for the Special Symbol Award and winner for:

- (1) 1 Silver Medal and 1 bronze medal in the 1500m and 5000m event at the MAKSAK 2013 Championship.*
- (2) 1 Bronze Medal in the 1500m event at the National Athletic Open 2013.*

f. Tokoh Jurulatih Sukan ATM 2013

717414 PW U II Salehudin bin Mohd Noh (Sukan Lumba Basikal). Berikut adalah kejayaan di kejohanan yang telah dimenangi oleh beliau:

- (1) Kejohanan 2nd Asian Para-Cycling Championships New Delhi, India, 2013 (2 emas, 4 perak dan 1 gangsa – pencapaian terbaik Negara).
- (2) Kejohanan Para-Cycling (P1) 2013 Recherswil, Switzerland (tempat ke-3).
- (3) Kejohanan UCI World Cup 2013 Marlungo dan Merano, Itali (tempat ke-10).
- (4) Kejohanan UCI World Cup 2013 Cantimpalos, Segovia, Sepanyol (tempat ke-14).
- (5) Kejohanan UCI Para Cycling Road World Championships 2013, Baie Comeau, Canada (tempat ke-18).

g. Tokoh Sukan ATM 2013

Kol Hj Ahmad Zulkifle bin Mohd Zain TUDM (Sukan Petanque). Berikut adalah beberapa kejohanan yang telah dimenangi di dalam Sukan Petanque di bawah kelolaan beliau:

- (1) Pengasas Sukan Petanque dan memperkenalkannya di dalam ATM dan antara kejayaan yang dikecapi bersama Pasukan Petanque ATM seperti berikut:
 - (a) Pingat Gangsa Double Sukan SEA tahun 2011.
 - (b) Juara Berpasukan Kebangsaan tahun 2012.
 - (c) Juara Berpasukan MAKSAK tahun 2012.

f. 2013 ATM Sports Coach Award

717414 PW U II Salehudin bin Mohd Noh (Bicycle Racing Sports). Below are the championship that he had won:

- (1) The 2nd Asian Para-Cycling Championships New Delhi, India, 2013 (2 golds, 4 silvers dan 1 bronze – best country's achievement).*
- (2) Para-Cycling (P1) 2013 Championship in Recherswil, Switzerland (3rd place).*
- (3) UCI World Cup 2013 Championship in Marlungo and Merano, Itali (10th place).*
- (4) UCI World Cup 2013 Championship in Cantimpalos, Segovia, Sepanyol (14th place).*
- (5) UCI Para Cycling Road World Championships 2013, Baie Comeau, Canada (18th place).*

g. 2013 ATM Sportsman Award

Col Hj Ahmad Zulkiflebin Mohd Zain TUDM (Petanque Games). Below are a few championship that had won in the Petanque Games under his supervision:

- (1) Founder of the Petanque Games and introduced in the ATM and his other success include with the ATM Petanque team are as follows:*
 - (a) Bronze medal for the 2011 Double Sukan SEA Medal.*
 - (b) Champion for the Nasional Team in 2012.*
 - (c) Champion for the MAKSAK Team in 2012.*

(d) Juara Melaka Doubles tahun 2012.

(d) Champion for the Melaka Doubles in 2012.

(e) Juara Johor Double tahun 2012.

(e) Champion for the Johor Double in 2012.

(f) Naib Juara Sarawak Triples tahun 2012.

(f) Runner-up for the Sarawak Triples in 2012.

(g) Naib Juara Kedah Doubles tahun 2012.

(g) Runner-up for the Kedah Doubles in 2012.

(h) Naib Juara Selangor Triples tahun 2013.

(h) Runner-up for the Selangor Triples in 2013.

(i) Juara Triple Port Dickson International tahun 2013.

(i) Champion for the Triple Port Dickson International in 2013.

(j) Juara Berpasukan MAKSAK Wanita tahun 2013.

(j) Champion MAKSAK Female Team in 2013.

(2) 6 pemain petanque ATM terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Sukan SEA 2013 di Myanmar.

(2) 6 ATM petanque players were chosen to represent Malaysia in the 2013 SEA Games Championship in Myanmar.

(3) Seramai 12 anggota ATM pernah mewakili Negara dalam kejohanan seperti berikut:

(3) 12 ATM members have represent the country in the championship are as follows:

(a) World Cup.

(a) World Cup.

(b) Junior World Cup.

(b) Junior World Cup.

(c) Pre World Cup.

(c) Pre World Cup.

(d) International Star Masters Imitation.

(d) International Star Masters Imitation.

(e) Asia Cup.

(e) Asia Cup.

(f) Sea Games.

(f) Sea Games.

h. Turut tercalon Tokoh Sukan ATM adalah Kol Ahmad Rafdzi bin Ab Rashid TUDM (Sukan Olahraga) dan calon Tokoh Jurulatih ATM 2013 adalah seperti berikut:

***h.** Col Ahmad Rafdzi bin Ab Rashid TUDM (Athletic Games) was nominated for the ATM Sportsman and nominees for the 2013 ATM Coach Award are as follows:*

(1) Kapt Subarao a/l Poliah TUDM (Sukan Petanque).

(1) Capt Subarao a/l Poliah TUDM (Petanque Games).

(2) 721340 Sjn U Sofix bin Nadzri (Sukan Sepaktakraw).

(2) 721340 Sjn U Sofix bin Nadzri (Sepaktakraw).

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Pada 13 Disember 2013, Penyampaian Anugerah Kecemerlangan TUDM 2013 telah disampaikan oleh Timbalan Panglima Tentera Udara kepada para pemenang iaitu Anugerah Airman of the Year, Anugerah Squadron of the Year, Anugerah Rumah Keluarga Angkatan Tentera LLP Terbaik, Pelancaran Buku Panduan Ahli Udara dan Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Mantan-mantan Panglima Tentera Udara adalah seperti berikut:

a. Anugerah Airman of the Year

Tahun 2013 merupakan tahun ke-empat dilaksanakan Anugerah tersebut.

ACKNOWLEDGEMENT AND ACHIEVEMENT

On 13th Dec 13, the 2013 RMAF Award of Excellence was given by the Deputy Commander of Air Force to the winners which are Anugerah Airman of the Year, Anugerah Squadron of the Year, Anugerah Rumah Keluarga Angkatan Tentera LLP Terbaik, Pelancaran Buku Panduan Ahli Udara dan Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) to the former Air Force Commanders as follows:

a. Anugerah Airman of the Year

Year 2013 was the fourth year this award was given.

Siri Series	Nama Name	Unit Unit	Kategori Category
(a)	(b)	(c)	(e)
1	718035 PW U II Mohamad Hazman Harnam bin Abdullah 718035 PW U II Mohamad HazmanHarnam bin Abdullah	PLPP PLPP	PW U I/PW U II PW U I/PW U II
2	720362 F/Sjn Mohd Suhaili bin Zakaria 720362 F/Sjn Mohd Suhaili bin Zakaria	Rejimen Rejimen	F/Sjn/Sjn U F/Sjn/Sjn U
3	723268 Kpl U Jeffrey Anak Ewin 723268 Kpl U Jeffrey Anak Ewin	PU Kuantan PU Kuantan	Kpl U ke bawah Kpl U below



b. Anugerah Squadron of the Year

Anugerah ini telah diungguli oleh mereka yang telah berjaya menunjukkan keterampilan terbaik dalam pengurusan sumber di bawah kawalan dan menunjukkan pencapaian tahap kepimpinan berkualiti dan unggul.

c. Anugerah Rumah Keluarga Angkatan Tentera LLP Terbaik.

Tahun ini merupakan tahun kedua dilaksanakan anugerah tersebut dengan tujuan mempertingkatkan kecemerlangan di dalam pengurusan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) serta memupuk semangat kerjasama di antara penghuni dan juga keluarga dalam mempertingkatkan kualiti hidup yang lebih baik. Anugerah tersebut telah dimenangi oleh PU Subang, ILTU Ipoh dan PU KL.

d. Pelantikan Pegawai Kehormat TUDM

KDYMM SPB YDP Agong telah berkenan melantik kepada Kapten James Anthony Tan sebagai Pegawai Kehormat TUDM dengan pangkat Kapten (Kehormat) PSS TUDM berkuatkuasa mulai 19 Sep 13. Majlis pemakaian telah disempurnakan oleh PTU di Bilik Eagle Nest, MTU pada 1 Nov 13.

b. Anugerah Squadron of the Year

This award was given to the squadron that shows the best competency in control in resources management and achievement in distinguish and quality in leadership.

c. Anugerah Rumah Keluarga Angkatan Tentera LLP Terbaik

This would be the second year that this award was given to increase the excellence in management for the Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) as well as cultivating the spirit of cooperation between the residents and families in enhancing a better quality of life. The award was won by Subang Air Base, ITU- Ipoh and KL Air Base.

d. RMAF Honorary Officer

KDYMM SPB YDP Agong had given his consent to the appointment of Captain James Anthony Tan as the RMAF Honorary Officer with the rank of Captain (Honorary) PSS RMAF effective from 19th Sep 13. The application was completed by CoAF in Eagle Nest, MTU on 1st Nov 13.



PTU sedang memakaikan pangkat Kapten (Kehormat) kepada James Anthony Tan
The CoAF is putting on the Captain rank (Honorary) to James Anthony Tan

HAL-HAL LAIN

Pelancaran Buku Panduan Ahli Udara

Buku Panduan Ahli Udara telah dihasilkan oleh Tim Transformasi PTT Kanan TUDM sejak Ogos 12. Penerbitan buku ini bertujuan membudayakan warga LLP menjadi teras penguasaan ilmu. Ia juga sebagai pemangkin ke arah pengukuhan pembinaan mental dan budaya berpaksikan nilai teras seperti mana digariskan melalui AF-NG.

Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Mantan-mantan Panglima Tentera Udara

Seramai tiga (3) orang Mantan Panglima Tentera Udara telah menerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) dalam satu majlis penyampaian anugerah tersebut yang berlangsung di Hangar 16 Skuadron, PU Subang. Majlis penyampaian PJM kepada Jen Tan Sri Dato' Sri Nik Ismail bin Nik Mohamed TUDM (Bersara), Lt Jen Tan Sri Dato' Sri Abdul Ghani bin Aziz TUDM (Bersara) dan Jen Dato' Sri Abdullah @ Dollah bin Ahmad TUDM (Bersara) ini telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara.

OTHER MATTERS

